تتافی افیل کیت تاغن کومغ مک
مریک تیاد فدولیکن کیت لاکي .

اخرن اواسله کتیک کیت هندق
منچاری صحابه . جاريله صحابه
بغ بوله منولغ کیت فد بیلا ۲ ماس
فون بایک دالماس کوساهن اتو
فون دالماس برسوکر یا .

دري حسن بن زبوده درجه IV
سکوله ملايو روکن . تمغین .

سلامه برجمفا دان سلامه بربهکیا ادیق ۲ سکلین !

دالم کسلوارن این کیت
برکسفان مغادکن ساتو رواغن
بهارو یغ تالاین هان اتوئ میمغین
ادیق ۲ دالم منوجو فرسوراتن یغلبه
ماجو .

کیت مفاکرو بهوا دالم سواسن
(کادان) زمان یغ سوب برتمدن
این تامن بجان باکي فریقه ۲
ادیق ۲ میغ برکوزراغن . اوله ایت
رواغن یغدهیدغکن این ایاله اتوئ
میارکن فیکران ۲ ادیق ۲ دالم
سگف بهاکین یغدفیکرکن بایک
دان سوای دغن طرف ادیق ۲
سکلین . سای سدیبا اتوئ بکرجماس
منولیس اف ۲ یغدفندغ بایک دغن
سکل دای اوفای یغتر بوله .

سبوم ادیق ۲ ملتقن دالم
فیکران سکل اف بغ اکن دیارکن
نتتی فرلوله کفد فر تیمباغن دان
برفیکر تنغ فر کارا ۲ ایت بغ اکن
دتولیس - دمان لتقن . کمان فر کین
دان بگیمان - این ایاله چارا
فرسندیرین اتوئ منیمغکن سکل
سوات . جرکک دغن چارا این
اکن ملواسکن ادیق ۲ دالم بهاکین
برفیکر دان ملتقن سوات فد
حکوم دان تمقن سلاهن دري
منیمهکن فعالمن دان فغتهوان .

اورغ یغ تیدق برفیکر سکل
سوات ایت یغنی منریما سهاج
دغن بوت تولی ایت دنماکن اورغ
بغ تیدق برفکاغن . مغیکوة کیسارن



اوه تیک انق ۲ این کرس ماجم ف
سروف بارشکالی ادیق برادیق . فکا
دادکن فردوان فکاین بهارو ۲ این
فردوان فکان فول دملایا ۲ کالو
مفادکن فردوان فکاین

ak-Kanak



iri tatkala di gambar. Rupanya seakan-akan

suatu pakaian tatkala

'akarta. Adakah anak-anak kita akan mengadakan k mahu, paksa ayah anak-anak supaya berkumpul mbar Epos.

Peringatan: Memandang kepada banyaknya surat-surat yang kita terima untuk halaman ini daripada adik-adik seluruh Malaya, didapati kebanyakannya terlalu panjang dan meleret-leret. Maka dengan ini diingatkan: tulislah karangan-karangan yang pendek, padat dan kemas, supaya halaman ini dapat mengisi banyak karangan dari adik-adik sekalian.

Kitab

Kitab itu adalah besar gunanya kepada diri seseorang yang tahu menggunakannya, iaitu ia menjadi taulan atau rakan kita masa keseorangan; janganlah kita berasa gusar jika kita ada mempunyai kitab untuk dibaca. Seolah-olah kita telah dikelilingi oleh orang yang bijak pandai; mereka itu sedia untuk berlawan bercakap dengan kita.

Kalau kita seorang daripada yang gemar berdamping dengan kitab-kitab maka inilah satu daripada jalan kita dapat menyelam ke dalam fikiran orang-orang yang masyhur masa dahulu atau pun cerita-cerita yang jauh daripada kita mahu pun dekat. Misalnya katalah sahaja, kita sekarang sedang menatap sebuah kitab yang ada menceritakan perihal keindahan alam dan pemandangan di tempat itu, ketika itu terasa oleh kita yang kita ini berada di situ, dapat pula melihat bagaimana cantiknya alam di situ dan kita sendiri berasa yang kita sekarang sedang berhadapan dengan

pengarang itu serta bercakap-bercakap dengan mulut kita.

Segala cerita-cerita yang mengisahkan keindahan tempat itu benar belaka kepada fikiran kita yang terlekat di hati sanubari. Selain daripada itu ia ada memberi dan menaburkan pengetahuan pada pembacaan serta menyuburkan segenap perasaan yang terkandung di hati tiap-tiap seseorang, iaitu mengikut apa jenis

kitab yang dibacanya seumpama kitab-kitab ilmu kejadian, tawarikh, hikayat-hikayat dan syair-syair yang elok-elok.

Kita membaca kitab-kitab itu dan ada menyimpannya maka dapatlah dikenali oleh orang lain akan diri kita, jika kita suka kepada kitab-kitab pelajaran, bermakna kita ini suka bersahabat pada orang yang terpelajar juga sebaliknya begitulah seterusnya dengan sebab suka membaca kitab ini perengai kita dapat dikenali orang sama ada kita ini seorang yang berperengai baik dan mempunyai budi pekerti yang tinggi atau pun rendah. Bagi kita yang masih menuntut ilmu di bangku persekolahan seelok-eloknya bacalah kitab-kitab yang mengandungi pelajaran untuk mendidik kita ke jalan yang bahagia.

-Dari Suriah binti Kadis

Central Malay School

Seremban.

فرمات مهكوت

اللة ۲۶ كاماسن يشفدسكاي تورن تمورن راج اغكرس

ساكي باتيل تادي تسافي بهاكين
فمكهن دكناكن براصل دري قرون
يفكدوا بلس

مهكوت

مهكوت يغب فالبع توا سكالې
اياله مهكوت ايمفاير اتو مهكوت
يهدتساكن "كراون اوف ذي
ريلم" مهكوت اين دبوابة دباوه
فوهاين تر روبرة باينر كران
كيغ چارلس يفكدوا مېكوت بختوه
مهكوت يذفاكي اوله ايدوارد
ذي كونفسر دالم قرون يهكسلس.
ا د ساتو مهكوت لاكي يغبه ائيه
روفان دان دفاكي بوكن سهاج
دالم اوفچارا كمهكوتان تسافي
دالم لادن ۲ اوفچارا سفرت
اوفچارا مېوك فارليمه دانساكين.
مهكوت اين اياهل مهكوت نكارا
دراج اتو دبوابة "ايمفيرال سية
كراون"

مهكوت كدوا ايت دبوابة دالم
تاهون 1338 كران كوين يفتوزيا
دان مغدوش 2783- بيحي ايتن. 277
بيحي ميارا، 17 بيحي نيلم، 11 بيحي
زمرود دان ليم بيحي دليما. ساله
ساتو درفد دليماغ ليم ايت براصل
دري ماس چارلس ذي بليك فرينس
دالمتاهون 1367 دان فرنه دفاكي
اوله كيغ يشكليم دالم ففراغن
اكنكوردة دالمتاهون 1415. فد
مهكوت نكارا دراج ايت اد جوكت
سبواه يبتنغ افريكا يهدبوابة درفد
ايتن يفتربايك سكالې دالمتاهون
1908، دان سبواه درفد فرمات نيلم

تاهوكه ايت ۲۶، هوا اقبيل شورغ راج اغكرس ايت دمهكوتساكن
منجادي راج ملك اي مريسا ساكي فساك تورن تمورن هرت مهكوت
يذروا درفد فرمات موتومانيم؟ بكتوله جوكت ننتي اقبيل كوين
ايليزابت يشكدوا ايت دمهكوتساكن دكر بجا ويستميشتر ابي دالمبولان
جون 1953 كاتي بكدوا اكن مريسا فساك ايت ساكي لسغ كدولانتن.
هرت فساك يغب تيدق ترينلي هرگان اين دسبوه اورغ "كراون جول" اتو
فرمات مهكوت، دان مغدوش يبراف بارغ درفد سودو يفترتاه ايتن
فرمات هكك كغد توغكه راج دان مهكوت. بارغ ۲ كاماس ايله
يذگوناكن دالم اوفچارا ۲ كمهكوتان درفد سمنج يبراف زمان راج ۲
اغكرس دمولو. اقبيل تيدق دكوناكن بارغ ۲ اين دلنقن دالم
تاور اوف لندن دان بوله دنهه اوله فلاوة ۲ يذرانغ كسفة ايت.



ايله مهكوت يذدناكن مهكوت ايجار يغب
دتيرو بنتون فد ماس فمرتاعن كيغ
چارلس II درفد مهكوت يذفاكي اوله
ايدوارد ذي كونفسر دالم قرون يهكسلس.
اينله مهكوت يذفاكي اوله سوا راج ۲
سلسس كيغ چارلس.

ايت امثله بسر.
اللة يفكدوا فول اياهل سودو
فساك يايت اللة يغب فالبع توا سكالې
دالم هيمفونن لمغ ۲ كامسن دراج
ايت. سودو ايت دسادور فيرق
دان برتاهكن ميارا. سفكفون
سودو اين دريكا سمولا بنتون

سودو فساك

بياسن مهكوت ايتوله سهاج
يغادسبوة ۲ اورغ اقبيل منجريتساكن
در بحال استعادة كمهكوتان كيغ اتو
كوين: تسافي سلوم بنگندا ايت
دمهكوتساكن اد فول ساتو اوفچارا
يغب ساكن ۲ عادة برلاشير دالم
فرطبالن راج ۲ دتانهلايو. دالم
استعادة اين دوا بارغ يفترتوا دالم
اللة كلغكافن اوفچارا كمهكوتان
راج ۲ اغكرس ايت دكوناكن.
يغفرتام اياهل سبواه باتيل درفد
امس يهدبوابة بروف بوروغ دغن
كدوا سافن بركمغ. كيرا ۲۱ 9
اينجي تبغكين. باوان دان ميق
زيتون دماسوقكن كدالم باتيل ايت
منروسي ليهير بوروغ ايت كران
كفلان برسكو دان بوله دجبابوة
كلواز دان اقبيل هندق مغلواركن
ميق ايت اياهل دتواغ منروسي
مونچوغ بوروغ ايت. باتيل اين
تله دروميق دالم زمان كيغ چارلس
يفكدوا دان سلوم ايت بنتوه باتيل

Permata Mahkota

Alat-alat Keemasan yang Dipusakai Turun Temurun Raja Inggeris

Tahukah anak-anak bahawa apabila seorang raja Inggeris itu dimahkotakan menjadi raja maka ia menerima sebagai pusaka turun temurun harta mahkota yang terbuat daripada permata mutu manikam? Begitulah juga nanti apabila *Queen Elizabeth* yang kedua itu dimahkotakan di Gereja Westminster Abbey dalam bulan Jun 1953 kelak Baginda itu akan menerima pusaka itu sebagai lambing kedaulatannya. Harta pusaka yang tidak ternilai harganya ini disebut orang “*Crown Jewel*” atau permata mahkota, dan mengandungi beberapa barang daripada sudu bertatah intan permata hingga kepada tongkat raja dan mahkota. Barang-barang keemasan inilah yang digunakan dalam upacara kemahkotaan daripada semenjak beberapa zaman raja-raja Inggeris dahulu. Apabila tidak digunakan barang-barang ini diletakkan dalam *Tower of London* dan boleh dilihat oleh pelawat-pelawat yang datang ke tempat itu.

Sudu Pusaka

Biasanya mahkota itulah sahaja yang disebut-sebut orang apabila menceritakan dari hal istiadat kemahkotaan *King* atau *Queen*. Tetapi sebelum baginda itu dimahkotakan ada pula satu upacara yang seakan-akan adat berlangir dalam pertabalan raja-raja di Tanah Melayu. Dalam istiadat ini dua barang yang tertua dalam alat kelengkapan upacara kemahkotaan raja-raja Inggeris itu digunakan. Yang pertama ialah sebuah batil daripada emas yang dibuat berupa burung dengan kedua sayapnya berkembang, kira-kira 9 inci tingginya. Bau-bauan dan minyak zaitun dimasukkan ke dalam batil itu menerusi leher burung itu kerana kepalanya berskru dan boleh dicabut keluar dan apabila hendak mengeluarkan minyak itu ialah dituang menerusi muncung burung itu. Batil ini telah dirombak dalam zaman *King Charles* yang kedua dan sebelum itu bentuk batil



Inilah mahkota yang dinantikan mahkota empayar yang ditiru bentuknya pada masa pemerintahan King Charles II daripada mahkota yang dipakai oleh Edward the Confessor dalam kurun kesebelas. Inilah mahkota yang dipakai oleh semua raja-raja selepas King Charles.

itu amatlah besar.

Alat yang kedua pula ialah sudu pusaka iaitu alat yang paling tua sekali dalam himpunan lambang-lambang keemasan diraja itu. Sudu itu disadur perak dan bertatah mutiara. Sungguh pun sudu ini direka semula bentuknya

sebagai batil tadi tetapi bahagian pemegangnya dikatakan berasal dari kurun yang kedua belas.

Mahkota

Mahkota yang paling tua sekali ialah mahkota empayar atau mahkota yang dinamakan “*Crown of the Realm*”. Mahkota ini dibuat dibawah perhatian *Sir Robert Vyner* kerana *King Charles* yang kedua mengikut contoh mahkota yang dipakai oleh *Edward the Confessor* dalam kurun yang kesebelas. Ada satu mahkota lagi yang lebih indah rupanya dan dipakai bukan sahaja dalam upacara membuka *parliament* dan sebagainya. Mahkota ini ialah mahkota negara diraja atau disebut “*Imperial State Crown*.”

Mahkota kedua itu dibuat dalam tahun 1838 kerana *Queen Victoria* dan mengandungi 2,738 biji intan, 277 biji mutiara, 17 biji nilam, 11 biji zamrud dan lima biji delima. Salah satu daripada delima yang lima itu berasal dari masa *Charles the Black Prince*¹ dalam tahun 1367 dan pernah dipakai oleh *King* kelima dalam peperangan *Agincourt* dalam tahun 1415. Pada pusaka negara diraja itu ada juga sebuah bintang Afrika yang dibuat daripada intan yang terbaik sekali dalam tahun 1908, dan sebuah daripada permata nilam

¹ Dalam pencarian maklumat, yang dijumpai adalah *Edward the Black Prince*


چوکن سڊيا برخدمه گفد گريجا،
دانتارا لاءين ۳ فڊغ فول اد
سبيله فڊغ بڃ هرچون دفاتهن
کيرا ۲۱ اتم اينجي بابت تڊا سڊيا
مقامفوني. فڊغ اين دسبوه فڊغ
کرتانا اتو فڊغ فغامفون.

دالم اوفچارا کمهکوتان کلڦ
سگهفون سرسربي بڊلاکونکن
ايت مڃکوه عاده کيماان بڃ تورن
تمورن تنافي اد جوک سدکيه
فراواهن دان سونن اوفچارا
دانجوک دالم بڊتوه مهکوت
دانساکين مڃکوه کهنڊق راج بڃ
ممرته. کلوارکڦ دراج انگريس
اوله مڃمطاعه کفدعاده تورن تمورن
تنافي تيدڦ ترايکه کرس عاده ايت.
بگندا کوهين ايليزا ايت بڃکڊوا
تله براقرار هنڊق منومفونکن
فرخدمانن کفد رعيتن دان اله
کلڦکافن دراجان ايت اکن منجادي
لمبڃ اقرار بگندا ايت.

درفد جنس کالينن دان برتن 516
کيريه سغه. اتتن بڃ چمرلڃ اين
دلتهکن دالم ايکاتن درفد امن دان
بوله دکلوارکن سکيران بگندا کوهين
هنڊق نماکين سڊاگي فرهاين بدن.

چوکن فڊغ ۲ دراج


اد ليم فڊغ دراج بڃاوتام دان
بڃتر بابت سکالي ايااله فڊغ نگارا
بڃتر تاته بڃدبواته کران کمهکوتان
کيڃ جورج بڃکامغه دالمتهاهون 1820-
فد اولون اد سڃي زمروود دان
سکومفوق ايتتن. ماروغن برتانهکن
بوغا روس انگلنڊ درفد دليما
بڃدغه ۲ سکومفوق ايتتن. دان
جوک برتانهکن بوغا ۳۱ کماگن
سکوتلنڊ دان ايرلنڊ. مات فڊغن
دبواته درفد بسي باج دمشق. اينله
فڊغ بڃاگن دسرهنن اوله بگندا
کوهين کفد ارچيشوف بابت فڊري
اگورڊ دالم اوفچارا کمهکوتان سڊاگي




تڃک بواه درفد فڊغ ۳ کراخان بڊتوه
ايااله فدنگارا. دالم استعاده کمهکوتان
فڊغ اين دسرهنن کفد داتوه استعاده بڃ
کهدينن منوکرکنن دڃ فڊغ بڃتر تانهکن
فرمات. فڊغ بڃ فڊينڊق سدکيه ايت ايااله
فڊغ "کرتانا" اتو فڊغ فغامفونن دان بڃ
ساتو لاکي ايت ايااله فڊغ کماڊيلن.

ايت براصل دري زمان فمر تانهان
ستواره. ملاهين درفد ايت ادجوک
امغه بڃي مڃيارا بڃ کونن فرته
دکوناکن اوله کوهين ايليزا ايت
بڃفتر تام دهرولو.

لايهين ۲ کالاتن دراج ايت
ترماسوق توڃکه کامان. گلوب
کامان. فڊغ ۳. توڃکه کيماان. کلڢ.
چنچين دان فاجو گوردا. توڃکه
کامان بڃ او تام سکالي ايااله توڃکه
کامان بڃ برصلب دان دکفلان اد
سبواه ايتتن بڃتر سر سکالي دالم
دنيا. اينله بڃتڃ افر بکا بابت ايتتن



مندائڻ دتڊم سوهي ٿيس بڃ درفدان کلڃهان ناواروف لڊن تمغه سکل کالاتن
دراج دان فرمات ۲ مهکوت ايت دسڃمڻ کبا بڃکن درفد کالاتن دان فرمات ۳ مهکوت
اينله بڃاکن دکوناکن دالم استعاده کمهکوتان بگندا کوهين ايليزا ايت بڃکڊوا کات.



Tiga buah daripada pedang-pedang kerajaan. Yang di tengah-tengah ialah pada negara. Dalam istiadat kemahkotaan pedang ini diserahkan kepada Datuk Istiadat yang kemudiannya menukarnya dengan pedang yang bertatahkan permata. Pedang yang pendek sedikit itu ialah pedang "Curtana" atau pedang pengampunan dan yang satu lagi itu ialah pedang keadilan.

itu berasal dari zaman pemerintahan *Steward*. Selain daripada itu ada juga empat biji mutiara yang kononnya pernah digunakan oleh *Queen Elizabeth* yang pertama dahulu.

Lain-lain kealatan diraja itu termasuk tongkat keemasan, glob keemasan, pedang-pedang, tongkat kebesaran, gelang cincin dan paku kuda. Tongkat keemasan yang utama sekali ialah tongkat keemasan yang bersalib dan di kepalanya ada sebuah intan yang besar sekali dalam dunia. Inilah bintang Afrika iaitu intan

daripada jenis *Cullinan* dan beratnya 516 karat setengah. Intan yang cemerlang ini diletakkan dalam ikatan daripada emas dan boleh dikeluarkan sekiranya baginda *Queen* hendak memakainya sebagai perhiasan badan.

Cogan Pedang-pedang Diraja

Ada lima pedang diraja yang utama dan yang terbaik sekali ialah pedang negara yang bertatah yang dibuat kerana kemahkotaan *King George* yang keempat dalam tahun 1820. Pada awalnya ada sebiji zamrud dan sekelompok intan. Sarungnya bertatahkan bunga ros England daripada delima yang di tengah-tengah sekelompok intan, dan juga bertatahkan bunga-bunga kemegahan Scotland dan Ireland. Mata pedangnya dibuat daripada besi baja Damsyik. Inilah pedang yang akan diserahkan oleh baginda *Queen* kepada *Archbishop* iaitu paderi agung dalam upacara kemahkotaan sebagai

cogan sedia berkhidmat kepada gereja.

Di antara lain-lain pedang pula ada sebilah pedang yang hujungnya dipatahkan kira-kira enam ini iaitu tanda sedia mengampuni. Pedang ini disebut pedang *Curtana* atau pedang pengampunan.

Dalam upacara kemahkotaan kelak sungguh pun serba serbi yang dilakukan itu mengikut adat kebiasaan yang turun temurun tetapi ada juga sedikit perubahan dan susunan upacara dan juga dalam bentuk mahkota dan sebagainya mengikut kehendak raja yang memerintah. Keluarga diraja Inggeris oleh memang taat kepada adat turun temurun tetapi tidak terikat keras adat itu.

Baginda *Queen Elizabeth* yang kedua telah berikrar hendak menumpukan perkhidmatan kepada rakyatnya dan alat kelengkapan dirajanya itu akan menjadi lambang ikrar Baginda itu.



*Pemandangan di tebing Sungai Thames yang daripadanya kelihatan Tower of London tempat segala kealatan diraja dan permata-permata itu disimpan. Kebanyakan daripada kealatan dan permata-permata mahkota inilah yang akan digunakan dalam istiadat kemahkotaan Baginda *Queen Elizabeth* yang kedua kelak.*


حال احوال برکنان مزید کن مجله دان اخبار

دالم کلوارن بالالو تله دترغکن نکیمان حروف ۲ ایت دسوسن دان سبکیان دجنجکن ددالم کلوارن این اکن دپناکن تنغ حروف ۲ ایت دیواد .

تیمه ایت دماق ددالم تمغه ماسقن دغن مگکوناکن ککواران فانس کس اتو ایلقتربک بغ مهنجورکن تیمه ایت دغن کقوانن فانس لازمن دانبارا 500 دغن 600 درجه فانس . تمغنن ایاله دسبله اتس بهاکن بلاکغ جنترا ایت دان تیمه بغ هنجور ایت دغم دغن سوات التن کاجوان حروف بغ هندق دیواد . مثالن کیت بمبوات حرف الیف . مک دري سیتو تروس ماسوق کدالم تمغه حرف الیف ایت دان دغن سرتعرت تیمه ایت کرس کران ددالم اجوان تادی اد ببراف سالوران ایر باکی مجوقکنن .

حروف ۲ ایت دیواد درفد تیمه . حروف بغس کرفکالی جوکن دیواد درفد کایو . ددالم حروف ملایو بیاسن کالو هندق بمبوات بغس مک دتولیس دهرلو فرکناکن کمدین دلکنکن کفد کایو لالو داوکیتر میکوره تولیسن ایت اتو فون دیواد بلوق . یعنی دیواد درفد زیفک بغ سرغکی - بوکن سباکی کادان حروف ۲ بغسبره دهرلو . بلنجا بمبوات درفد کایو اد لیه موره درفد دیواد بلوق یعنی دیواد درفد زیفک ایت . یوسمکن این ایاله باکی حروف ۲ بغس بغ تیدق اد حروف ساومضمان دان سبب ایتوله کرفکالی کیت لیله ددالم اخبار ۲ اتو مجله ۲ سالو دکرتاکن تولیسن بغ دجاد یکن بلوق باکی تاجرهن سبب کبابکنن دسین فایه کیت اتوه مندافه حروف ۲ بغس ایت .

حروف ۲ بغ کجیل بغ موده ددافه فد ماس سکارغ ایاله 14 فو،ین . 18 فو،ین دان سلاءین درفد حروف ۲ ایت دفسن کلووار نگرې . اد بایق اورغ ۲ بغ بمبوات حروف ددالم نگرې این . ددالم فجابا قلم اد سواد جنترا فمبوات حروف بغ بوله مغلوارکن تیغ ۲ بیجی حروف ایت دانبارا 60 دغن 120 بیجی سبکیه



جنترا فمبوات حروف (Type-casting)

کمدین حروف تادی دتولق اوله سوات الة فنولق جنترا ایت دغن باربغ بریدیری دان دمان ترلق فول سوات فیسو باکی ملیجینکن تقي دسبله اتس دان باوهن دان کمدین بوفینده فول حروف ایت دغن تر باربغ دان دمان ملالومی فول دوا فیسو داتس دان دیواه باکی ملیجینکن سبله میله حروف ایت . جادی امغه بهاکن درفد سبله اتس حروف ایت دافه دلجینکن سلوم دکوناکن . سده انله حروف ایت بهارو دافه دکوناکن دان دسیمقن ددالم کوتق ۲ حروف ایت دغن ماسیغ ۲ فد تمغنن .

Hal Ehwal Menerbitkan Majalah dan Akhbar


Dalam keluaran yang lalu telah diterangkan bagaimana huruf-huruf itu disusun dan sebagaimana dijanjikan di dalam keluaran ini akan dinyatakan tentang huruf-huruf itu dibuat.

Huruf-huruf itu dibuat daripada timah. Huruf yang besar kerap kali juga dibuat daripada kayu. Di dalam huruf Melayu biasanya kalau hendak membuat yang besar maka ditulis dahulu perkataannya kemudian dilekatkan kepada kayu lalu diukir mengikut tulisan itu atau pun dibuat blok. Yakni dibuat daripada zink yang serangkai – bukan sebagai keadaan huruf-huruf yang tersebut dahulu. Belanja membuat daripada kayu ada lebih murah daripada dibuat blok yakni dibuat daripada zink itu. Yang demikian ini ialah bagi huruf-huruf yang besar tidak ada huruf seumpamanya dan sebab itulah kerap kali kita lihat di dalam akhbar-akhbar atau majalah-majalah selalu digunakan tulisan yang dijadikan blok bagi tajuknya sebab kebanyakannya di sini payah kita untuk mendapat huruf-huruf yang besar itu.

Huruf-huruf yang kecil mudah didapat pada masa sekarang ialah 14 *point*, 18 *point* dan selain daripada huruf-huruf itu dipesan keluar negeri. Ada banyak orang-orang yang membuat huruf di dalam negeri ini. Di pejabat Qalam ada sebuah jentera pembuat huruf yang boleh mengeluarkan tiap-tiap biji huruf itu di antara 60 dengan 120 biji seminit

iaitu kecepatannya bergantung kepada tebal dan nipisnya huruf-huruf itu. Jika nipis cepat jalannya dan jika tebal kurang cepat jalannya.

Huruf-huruf itu diperbuat daripada timah. Jika hanya daripada timah biasa maka huruf-huruf itu akan tidak berapa keras dan harus tidak akan dapat digunakan beberapa kali dan dengan kerana itu timah-timah itu dicampur dengan suatu jenis campuran yang dinamakan “*Antimony*” iaitu rupanya seakan timah tetapi mudah berderai jika dipukul atau dihancurkan. Benda ini ialah untuk mengeraskan timah-timah itu.



Jentera pembuat huruf (Type-casting)

Timah itu dimasak di dalam tempat masakannya dengan menggunakan kekuasaan panas gas atau elektrik yang menghancurkan timah itu dengan kekuatan panas lazimnya di antara 500 dengan 600 darjah panasnya. Tempatnya ialah di sebelah atas bahagian belakang jentera itu dan timah yang hancur itu di pam dengan suatu alatnya ke acuan huruf yang hendak dibuat, misalnya kita membuat huruf *alif*, maka dari situ terus masuk ke dalam tempat huruf *alif* itu dan dengan serta merta timah itu keras kerana di dalam acuan tadi ada beberapa saluran air bagi menyejukkannya.

Kemudian huruf tadi ditolak oleh suatu alat penolak jentera itu dengan baring berdiri dan di sana terletak pula suatu pisau bagi melicinkan tepi di sebelah atas dan bawahnya dan kemudian berpindah pula huruf itu dengan terbaring dan di sana melalui pula dua pisau di atas dan di bawah bagi melicinkan sebelah menyebelah huruf itu. Jadi empat bahagian daripada sebelah atas huruf itu dapat melicinkan sebelum digunakan. Setelah inilah huruf itu baharu dapat digunakan dan disimpan di dalam kotak-kotak huruf itu dengan masing-masing pada tempatnya.



2 بيلاغن

اوله . ابغ اودا .

اوليهكران اد بيراف اورغ
فوليس بغ ماکي نام قلم "بغ اوغکل"
دان "فا اوغکل" ملک مولاي کلواردن
اين "ابغ اوغکل" منوکر نماڻ
منجادي "ابغ اودا" سفای تيدقله
منجادي کليرو . هاراف معلوم .

دالم بيلاغن 1. "رواغن فنجاني
عقل" تله دمواتکن انم سوالن دان
تتوله اد اديق ۲ بغ چوب منجواين .
بند يگنله جواغن اديق ۲ دغن
جواغن ۲ بغ بسنر دغهوجغ رواغن
اين

دباوه اين "ابغ اودا" مهادکن
لاکي 5 سوالن دان چوباله جواب
(1) جک دغن امغه باتغ ماجيس
کيت بوله بوآه ساتو راجه امغه
فرسکي . بکيمانکه بوله کيت بوآه
ليم راجه امغه فرسکي بغ سام بسرن
دردف 16 باتغ ماجيس دغن تيدق
فايه مانه ۲ کن باتغ ۲ ماجيس ايت
(2) اميل دوا بلس باتغ ماجيس
دان اتورکن داتس ميحا سفای
منجادي انم راجه تيگ فرسکي بغ
سام بسنر دان بسرن دغن تيدق
فايه مانه ۲ کن باتغ ۲ ماجيس ايت
(3) جک سواه سکوله ادمغوباي
102 مرید دالم درجه ساتو . 100 مرید



اد الله

ساي فرچاي کامو تله مباح
هلامن اين فد بيلاغن بفر تمام مک
ادکه کامو تله چدوب قول مليه
دان مرهاتيکن ساتو ۲ کجادين الله
ايت دغن فدناغن اعتبار دان
برفيکر؟ ايت فدروف دان کادان
جک فد بند ۲ بغ تيدق برپاوا دان
فد مکانن . کهدوفتن دان کدو فکتن
جک فد بند ۲ بغرپاوا (بناغ ۲) ؟


(اوله ملخص)

مک جک کامو فرهاتيکن کفد
سکل اف جوک کجادين الله دالم
عالم اين دردفسوه . چاچيغ . اوله .
کوفو ۲ . لابه ۲ . کومبغ . بوروغ .
ايکن . سيفوه . لوکن . بواي . کسيغ .
کربو . اوتنا . هريمو . سفا دان
برپيو ۲ بناغ لاهوه دان داره بغ
کچيل دان بسر بغ ليار دان بغ
چنتيق بکيتو جوک تمبوھن ۲ بوغا ۲
بغ چنتيق بغ بوروق بغ هاروم بغ
بوسوف بغ منجالر بغ مليفکر بغ
منجه دان بغ برپيو ۲ جنس بکيتو
جوک بولن . بسنغ . متھاري دان
بيراف بايق لاکي کجادين ۲ الله
بغ تيدق تربيلغ دان تيدق ترکيرا
ايت جک سموان کامو فندغ دان

(سبوغتنن فد موله 18)



Akidah Islam



Bilangan 2 Oleh “Abang Uda”

[Oleh kerana ada beberapa orang

penulis yang memakai nama kalam “Bang Unggal” dan “Pak Unggal” maka mulai keluaran ini “Abang Unggal” menukar namanya menjadi “Abang Uda” supaya tiadalah menjadi keliru. Harap maklum.]

Dalam bilangan 1, “Ruang Pencapai Akal” telah dimuatkan enam soalan dan tentulah ada adik-adik yang cuba menjawabnya. Bandingkanlah jawapan adik-adik dengan jawapan yang sebenar di penghujung ruangan ini.

Di bawah ini “Abang Uda” mengadakan lagi 5 soalan dan cubalah jawab..

(1) Jika dengan empat batang mancis kita boleh buat satu rajah empat persegi, bagaimanakah boleh kita buat lima rajah empat persegi yang sama besarnya daripada 16 batang mancis dengan tidak payah mematah-matahkan batang-batang mancis itu.

(2) Ambil dua belas batang mancis dan aturkan di atas meja supaya menjadi enam rajah tiga persegi yang sama bentuk dan besarnya dengan tidak payah mematah-matahkan mancis itu.

(3) Jika sebuah sekolah ada mempunyai 102 murid dalam darjah satu, 96 murid

Ada Allah

Saya percaya kamu telah membaca halaman ini pada bilangan yang pertama maka adakah kamu telah cuba pula melihat dan memerhatikan satu-satu kejadian Allah itu dengan pandangan iktibar dan berfikir? Iaitu pada rupa dan keadaannya jika pada benda-benda yang tidak bernyawa dan pada makanannya, kehidupannya dan kedudukannya jika pada benda-benda yang bernyawa (bintang-bintang)?

Maka jika kamu perhatikan kepada segala apa juga kejadian Allah di dalam alam ini daripada semut, cacing, ulat, kupu-kupu, labah-labah, kumbang, burung, ikan, siput, lokan, buaya, kambing, kerbau, unta, harimau, singa dan beribu-ribu binatang laut dan darat yang kecil dan besar yang liar dan yang cantik begitu juga tumbuhan-tumbuhan bunga-bunga yang cantik yang buruk yang harum yang busuk yang menjalar yang melingkar yang memanjat dan yang beribu-ribu jenis begitu juga bulan, bintang, matahari dan beberapa banyak lagi kejadian-kejadian Allah yang tidak terbilang dan tidak terkira itu jika semuanya kamu pandang dan

perhati serta berfikir akan menambahkan kepercayaan dan keyakinan kamu kepada adanya Allah.

Tetapi barangkali kamu ada terfikir jika Allah *Ta'ālā* itu ada mengapa tidak dapat dilihat dengan mata dapat dipegang dengan tangan boleh dilihat dengan mata? Bagi menjawabnya sungguh pun

(Oleh Mulhas)

zat Allah *Ta'ālā* itu tidak boleh dibandingkan dengan suatu benda kerana zat Allah *Ta'ālā* itu menyalahi dengan segala makhluk (kejadian) tetapi bagi menetapkan hati kamu saya bawakan contoh berkenaan dengan benda yang ada tetapi tidak dapat dilihat dengan mata dan tidak dapat dipegang dengan tangan iaitu satu daripadanya ialah barang yang ada pada diri kamu sendiri iaitu nyawa. Kamu semua tahu kita sekalian hidup ialah dengan sebab ada nyawa manakala nyawa keluar

(sambungan pada muka 18)

مردو تتافي ادكه فرنه كامو ليهه (سمبوغن دري موک 17)

بکيمان روف سوارا ايت ادکه بوله؟
 اتو فيفيه اتو بسر اتو کچيل اتو
 فوتيه اتو هيجو اتو ميريه؟ مک
 تتوله تيدق اد شورغ فون يغ اد
 مليه روف سوارا ايت. مک سوارا
 دان پاوا ايت اباله درفد بندا يغ
 يغ دجادیکن اوله الله يغد بربیکن
 کغد مانسي دان مخلوق ۲ يغلانين.
 مک مانسي دان مخلوق يغلانين
 ايتفون درفد بندا يغد جاديکن الله
 جک پاوا دان سوارا يغد جاديکن
 اوله الله يغاد فد دري کيت ايت
 کيت سديري تيدق بوله نمفق مک
 بتاف فول کيت هندق مليه دغن
 مات کاسر اکن يغ منجادیکن ايت
 يعني الله.

جنجوشن کيت محمد صلي الله
 عليه وسلم تله برسندا:

تَفَكَّرُوا فِي خَلْقِ اللَّهِ
 وَلَا تَفَكَّرُوا فِي ذَاتِهِ فَتَهْلِكُوا

ارتين فيکرله اولهسو فد
 مخلوق ۲ الله دان جاشن کامو سمو
 بر فيکر فد ذاتن (الله) مک عاقبن
 کامو اکن بناس

جادي مليه الله تعالی ايت
 بوکنله دغن مات کاسر يغاد فد
 دري کيت ايت يابت اباله دغن
 علم دان ايمان دري ايت تتوتله
 علم اکام اسلام يغ سوچي اين
 دغن بتول دان برکورو کغد کورو
 يغ بتول مدهمداهن برتميه دان
 قوآه ايمان کامو کغد الله.


درفد بدن مک کيت فون ماتي،
 مک کامو سمو دافه مليه سمو
 اغکوت دان بندا يغ اد فد دري
 مانسي درفد داره داکيغ کوليه
 عورة بولو رمبوة تولغ سومسوم
 جنتوغ ليمفا اوتق دان لاین ۳
 تتافي ادکه فرنه کامو ليهه پاوا!
 بهکن دقنور ۲ دان فروفسر ۲ دان
 دقنور ۲ فمبله يغ کر جان مبله
 بدن مانسي ايت فون تاتاهو
 بکيمان روف پاوا ايت دان دمان
 دودقن؟ سماد دکفلا، دکاکي، دمولک.
 اتو دفروه؟ جک کامو کتاکن پاوا
 ايت اباله نفس کران شورغ ايت
 ماتي دغن سب ترهنتي اتو هابيس
 نفس، مک فرکتان کامو ايت
 خلاف! کران اد اورغيع سده
 تيدق اد نفس دان تله برهنتي،
 فرکرقتن نادين هعک امفه ليم
 جم تتافي اي تيدق ماتي کران
 نفس ايت اي هيدوف دان بر نفس
 سمو لا يغ منجوفکن نفس
 ايت بوکنن پاوا دان پاوا ايت
 بوکنن نفس.

مک ساتو لاکي جنتوه بندا يغ
 اد تتافي تيدق دافه دلپهه دغن مات
 يابت کامو سمو برچاکف برسوارا
 مياج برلاکو دان کامو مندغر فول
 فرچکافن اورغ بهکن تشکل کامو
 دودق معادف راديو درومه کامو
 تراغکوه ۲ دان ترکوبغ ۲ کفلا
 کامو مندغر لاکو ۲ دان سوارا يغ


دالم درجه دوا، 108 مرید دالم
 درجه تنگ، دان 98 مرید دالم درجه
 امقه، برافکه بيلانن مرید ۲ دالم
 تيف ۲ درجه جک دهيتوغ فنجغ؟
 (4) علي دري 50 رغکيه اوله
 بفان، کمدين 20 فراتوس درفد
 واغن ايت دکونانکن کران مجاير
 هوتوغ بيسیکن، سلغ دوا هاري، امقن
 قول مبري سابق 20 فراتوس درفد
 واغ باقین، جادي براف رغکيتکه
 اد فد علي سکارغ اين؟

(5) دانتارا کونوغ ۲ دالم نكري
 فيرق، اد دوا بواه کونوغ يغ تيغکي
 سکالي، افکه نام دوا بواه کونوغ
 ايت دان براف تيغکين تيف ۲
 ميواه؟

جوانف ۲ باکي سوالن ۲ دالم
 بيلانن 1 نـ
 (1)



(2)



(3) 186 کالي
 (4) دالماس 4 تاهون.
 (5) فسغ برهرک 2 سين سيجي
 دان لسو برهرک 5 سين سيجي.
 (6) کونوغ تاهن، دودقن دانتارا
 سفادن نكري فيغ دغن نكري
 کلشن، تيغکين 7186 کاکي.


dalam darjah dua, 108 murid dalam darjah tiga, dan 98 murid dalam darjah empat. Berapakah bilangan murid-murid dalam tiap-tiap darjah jika dihitung panjang?

(4) Ali diberi 50 ringgit oleh bapanya. Kemudian 20 peratus daripada wangnya itu digunakan kerana membayar hutang basikalnya. Selang dua hari, emaknya pula memberi sebanyak 20 peratus daripada wang bakinya. Jadi berapa ringgitkah ada pada Ali sekarang ini?

(5) Di antara gunung-gunung dalam negeri Perak, ada dua buah gunung yang tinggi sekali. Apakah nama dua buah gunung itu dan berapa tingginya tiap-tiap sebuah?

Jawapan-jawapan bagi soalan-soalan dalam bilangan 1 :-

(1)



(2)



(3) 156 kali

(4) Dalam masa 4 tahun.

(5) Pisang berharga 2 sen sebijik dan lembu berharga 5 sen sebijik.

(6) Gunung Tahan, duduknya di antara sempadan negeri Pahang dengan negeri Kelantan. Tingginya 7,186 kaki.

(Sambungan dari muka 17)

daripada badan maka kita pun mati, maka kamu semua dapat melihat semua anggota dan benda-benda yang ada pada diri manusia daripada darah daging kulit urat bulu rambut tulang sumsum jantung limpa otak dan lain-lainnya tetapi adakah pernah kamu lihat nyawa? Bahkan doktor-doktor dan profesor-profesor dan doktor-doktor pembelah yang kerjanya membelah badan manusia itu pun tak tahu bagaimana rupa nyawa itu dan di mana duduknya? Sama ada di kepala, di kaki, di muka, atau di perut? Jika kamu katakana nyawa itu ialah nafas kerana seorang itu mati dengan sebab terhenti atau habis nafasnya, maka perkataan kamu itu khilaf! Kerana ada orang yang sudah tidak ada nafas dan telah berhenti pergerakan nadinya hingga empat lima jam tetapi ia tidak mati kerana lepas itu ia hidup dan bernafas semula yang menunjukkan nafas itu bukannya nyawa dan nyawa itu bukannya nafas.

Maka satu lagi contoh benda yang ada tetapi tidak dapat dilihat dengan mata iaitu kamu semua bercakap bersuara membaca berlaku dan kamu mendengar pula percakapan orang bahkan tatkala kamu duduk mengadap radio di rumah kamu terangguk-angguk dan tergoyang-goyang kepala kamu mendengar lagu-lagu dan suara yang

merdu tetapi adakah pernah kamu lihat bagaimana rupa suara itu adakah bulat? Atau pipih atau besar atau kecil atau putih atau hijau atau merah? Maka tentulah tidak ada seorang pun yang ada melihat rupa suara itu. Maka suara dan nyawa itu ialah daripada benda-benda yang yang dijadikan oleh Allah yang diberikan kepada manusia dan makhluk-makhluk yang lain, maka manusia dan makhluk yang lain itu pun daripada benda-benda yang dijadikan Allah. Jika nyawa dan suara yang dijadikan oleh Allah yang ada pada diri kita itu kita sendiri tidak boleh nampak maka betapa pula kita hendak melihat dengan mata kasar akan yang menjadikannya itu yakni Allah.

Junjungang kita Muhammad *sallā Allāhu alayhi wa sallam* telah bersabda:

Tafakkarū fi khalqī Allāhi walā tafakkarū fi dhātīhi fatahlakū

Ertinya fikirilah olehmu pada makhluk-makhluk Allah dan jangan kamu semua berfikir pada zat-Nya (Allah) maka akibatnya kamu akan binasa.

Jadi melihat Allah *Ta'ālā* itu.

Bukanlah dengan mata kasar yang ada pada diri kita itu iaitu ialah dengan ilmu dan iman dari itu tentulah ilmu agama Islam yang suci ini dengan betul dan berguru kepada guru yang betul mudah-mudahan bertambah dan kuat iman kamu kepada Allah.

ديديقتن اخلاق

شورغ يغ جرديق فدي دان
منجادي شورغ مانسي يغ بركون .
دري ايت واجيله كامو طاعة كغد
كدوان .

الله تعالی تله بر فرمان ددالمقرآن
يغمليا يغ توجوانن بگيني: توهنمو
تله ممرته سفاي كامو جاغن سبه
مليكن الله دغن دوا ابو باف ايت
هندقله كامو بر بواة بأيك جك شورغ
درفد كدوا اتو كدوا ۲۱ سكالی تله توا .
مك جاغله اغكو مغلوار كن كات ۲

يغ كاسر كغد كدوان دان جاغن
فول اغكو تفكغ كدوان دان هندقله
اغكو منوتر كن كات ۲ يغمليا كغد
كدوان سرت هندقله اغكو مردهنك
ديري دان بلس رحيم كغد كدوان
دان دعاكنله كدوان بارغ دچچوري
رحمة كانس كدوان بگيمان كدوان
تله مبلان دان مندبيق اكو فد ماس
اكو كچيل دغن بلس رحيم .

ادفون جالان ۲ طاعة كغد
كدوان ايت بگيمان دباوه اين :-
1- هندقله كامو منورة اف ۲
فرتهنن دان مباحوة دغن بأيك دان
برادب . تنكل مر يك ممكيل كامو
جاغله كامو مروه اتو منفكغ
سكاليفون بدان كامو فنة كران
توهن تله منكه درفد يغ ترسوة
دان موره كامو برلمه لمبوة كغد
كدوان . جاغن سكالی ۲ كامو
ملاون كدوان امفمان كات ابو
اتو باف فركي كدي بليكن امق
سيريه اتو بليكن باف روکوه مك
كامو كات تاماهو ! ماس ! بدان
اورغ فنة اتو سباكين مكران

ادكه كامو سوک منجادي شورغ بغد كاسيهي اوله ابو باف . كوروز ۳ .
سوداران ۲۱ مارا دان سكلين مانسي بهكن دكاسيهي اوله الله دان رسولن ؟
اتو ماهو كه كامو منجادي شورغ يغمليا ؟ جك سبرن كامو سوک منجادي
شورغ فمودا دان فمودي يغ بر بهكيا دنيا دان اخرة . بجاله هلامن اين
دغن تليتي سرت ايكوتله فركارا ۲۱ يغأيك دان تيغكلكنله سكل فركارا
يغ تيدق بأيك .

طاعتكن دوا ابو باف

(اوله زلما)

دوكجيت دان اد كالان هفك
مغلوار كن اير مات . دي جوگك
تله برسوه فايه مندياكن مكانن
كامو دان مباسوه كآين باجو كامو
فديقتن اي تله مبلان دان مندبيق
كامو درفد تافق دوا جاري هفك
كامو بسر فنجغ رفرت منافع مييق
يغ فنوه .

مك باف كامو فول فد ترف ۲
هاري كلوار درفد رومه بكرج
برفنة لله منجاري واغ كران
هندق مبلين مكانن . فكاين دان
فرمانن كامو منكل كامو ساكية
فول برسوه فايه كدوا ۲۱ ابو باف
كامو منجاري اوبه دان ممكيل
دقور اتو بومور تيدق مبراهوجن
ريوة دان كلف كليتا دينهاري .
منكل اي تيدق بردوية فول ترفقسا
برهوتغ اتو بر كادي كران هندق
مغوبة اتو ميسوهكن كامو . منكل
كامو تله بسر فول اي مغهنتر كن
كامو بلاجر كسكوله دان مبلنجاكن
واغ اتو هرتان كران مبري
فلاجران كامو سفاي كامو منجادي

ابو كامو مغندوغكن كامو
سلسا سميلين بولن دغن مراسي
برباكي ۲ كسواهن دان كفاين
بأيت كسواهن دان كبران تنكل
مغندوغكن كامو لبه ۲ لاکي
كسواهن دان كساكين منظاهر كن
كامو بأيت بوله دكساكن پاوان فد
ماس ايت هان بركتسوغ كغد سهلي
رمبوة كران سته درفد ابو ۲
بگيمان يغ كامو تاهو اد يغ مينفكل
دنيا كران منظاهر كن انق ، يغ
دكندوغن .

منكل كامو تله سلامة ظاهر
كدنيا ابو كامو مراسي فول
برراف كسواهن دان كفاين كران
مبلا كامو هاتين سنتاس بيسغ
دان متان تيدق براف للف . جك
كامو هندق ميسو ولوفون بدان
لتيه فنة اتو ساكية اتو متان ساغة
مفتوه اي باغون جوگك ميسوكن
كامو هفك كامو كيغ دان فواس .
جك كامو ساكية فول هاتين سنتاس

Didikan Akhlak

Adakah kamu suka menjadi seorang yang dikasihinya oleh ibu bapa, guru-guru, saudara-saudara mara dan sekalian manusia bahkan dikasihinya oleh Allah dan rasulnya? Atau mahukah kamu menjadi seorang yang mulia? Jika sebenarnya kamu suka menjadi seorang pemuda dan pemudi yang berbahagia di dunia dan di akhirat bacalah halaman ini dengan teliti serta ikutlah perkara-perkara yang baik dan tinggalkanlah segala perkara yang tidak baik.

Taatkan Dua Ibu Bapa

(Oleh Zulma)

Ibu kamu mengandungkan kamu selama Sembilan bulan dengan merasa berbagai-bagai kesusahan dan keberatan tatkala mengandungkan kamu lebih-lebih lagi kesusahan dan kesakitan menzahirkan kamu iaitu boleh dikatakan nyawanya pada masa itu hanya bergantung kepada sehelai rambut kerana setengah daripada ibu-ibu bagaimana yang kamu tahu ada yang meninggal dunia kerana menzahirkan anak yang dikandung.

Manakala kamu telah selamat lahir ke dunia ibu bapa kamu merasai pula beberapa kesusahan dan kepayahan kerana membela kamu hatinya sentiasa bimbang dan matanya tidak berapa lelap. Jika kamu hendak menyusu walaupun badannya letih penat atau sakit atau matanya sangat mengantuk ia bangun juga menyusukan kamu hingga kamu kenyang dan puas. Jika kamu sakit pula hatinya sentiasa

dukacita dan ada kalanya hingga mengeluarkan air mata. Dia juga telah bersusah payah menyediakan makanan kamu dan membasuh kain baju kamu. Pendeknya ia telah membela dan mendidik kamu daripada tapak dua jari hingga kamu besar panjang seperti menatang minyak yang penuh.

Maka bapa kamu pula pada tiap-tiap hari keluar daripada rumah bekerja berpenat lelah mencari wang kerana hendak membelikan makanan, pakaian dan permainan kamu manakala kamu sakit pula bersusah payah kedua-dua ibu bapa kamu mencari ubat dan memanggil doktor atau bomoh tidak mengira hujan ribut dan gelap-gelita dini hari. Manakala ia tidak berduit pula terpaksa berhutang atau bergadai kerana hendak mengubat atau menyembuhkan kamu. Manakala kamu telah besar pula ia menghantarkan kamu belajar ke sekolah dan membelanjakan wang atau hartanya kerana memberi pelajaran kamu supaya kamu menjadi

seorang yang cerdik pandai dan menjadi seorang manusia yang berguna. Dari itu wajiblah kamu taat kepada keduanya.

Allah *‘Azīz* telah berfirman di dalam Qur’an yang mulia yang tujuannya begini: Tuhanmu telah memerintah supaya kamu jangan sembah melainkan Allah dengan dua ibu bapa itu hendaklah kamu berbuat baik jika seorang daripada kedua atau kedua-duanya sekali telah tua, maka janganlah engkau mengeluarkan kata-kata yang kasar kepada keduanya dan jangan pula engkau tengking keduanya dan hendaklah engkau menuturkan kata-kata yang mulia kepada keduanya serta hendaklah engkau merendahkan diri dan belas *rahim* kepada keduanya dan doakanlah keduanya barang dicucuri rahmat ke atas keduanya bagaimana keduanya telah membela dan mendidik aku pada masa aku kecil dengan belas *rahimnya*.

Ada pun jalan-jalan taat kepada keduanya itu bagaimana di bawah ini :-

1- Hendaklah kamu menurut apa-apa perintahnya dan menyahut dengan baik dan beradab. Tatkala mereka memanggil kamu janganlah kamu merusuh atau menengking sekali pun badan kamu penat kerana Tuhan telah menegah daripada yang tersebut dan menyuruh kamu berlemah lembut kepada keduanya. Jangan sekali-kali kamu melawan keduanya umpamanya kata ibu atau bapa pergi kedai belikan emak sirih atau belikan bapa rokok maka kamu kata tak mahu! malas! badan orang penat atau sebagainya kerana

بهدمکین ایت بسر دوسان. جنجوغن کیت تله برسیدا یغ توجوانن دمکین: تیدقکه اگو تله خبرکن کامو دغن بسر ۲ دورا بسر؟ ماهوة صحابة ۲ بهکن یار رسول الله. سبدان لاکي: یایت مبهو توکن تو هن دان مندرهک کفد دوا ایبو باف .

2 - چک کامو تله بکرج دان تله اد فنجارین اتو تله سغ دان کای فد حال ایبو باف کامو مسکین مک هندقله کامو بنتو دان تولغ کدوان دغن هرت کامو اتو فنداقتن کامو ههک ای منجادی سغ سغرت کامو اتو لیه ۲ لاکي مک جاغنه کامو منجادی سغرت سغه درفد اتق ۲ یغ اقبیل مرک سده سغ دان کای تیدق مغاندکن ایبو بفان لاکي اتو دجادکن ایبو بفان سغرت اورغ کاجی درومهن بیلا اورشتوا ایت دودقی دیم تیدق بکرج دلپتیرن مک بهدمکین ایت فرکارا یغ تیدق فاتوة دان بردوسا. کران رسول الله صلی الله علیه وسلم تله برسیدا کفد شورغ یغ معادو کفدان اکن حال بفان یغ مسکین یغ معمیل هرتان. سبدان اغکو دان هرت اغکو باگی باف اغکو .

3 - هندقله سنتیاس کامو معجزمتکن کدوان اقبیل ایبو اتو باف کامو داتغ هندقله کامو باغون کران معجزمتکن دان برجابه سلام سرت چیوم تاغن کدوان بکیتو جوک چک کامو هندق فرکی کسکو. اتو بالیک دری سکوله اتو

هندق بلایر استمیوا فد هاریرای هندقله کامو متا دعا دان کریشان. 4 - هندقله کامو فرلاهنکن سوارا تتکل برجاگف کفد کدوان چک ای ماره اتو متغکیغ کامو جاغنه کامو جواب دان. هندقله سنتیاس کامو مندعاکن کدوان دغن فنجغ عمور کران اد مریکیت برکه دان دعاه کدوا مستجاب یعنی دفرکنکن الله.

5 - فلیهاراله لیده کامو درفد

واهی باکل فمودا ۳ دان فمودی ۲

سای هارف مدهمدان کامو شورغ یغ طاعتکن ایبو باف کامو چک سلما این کامو مالو ملاون اتو مالو مروسوه اتو برسوغه بکیمان کبایتکن اتق ۲ تراوتمان اتق ۲ فرموان اقبیل ایبو ماره دان برلیتیر دلوار مک ایفون برلیتیر دان ماره فول ددافور اتو بکرج دغن کاسر چک بماسوه فیکن رهفاج دلاکاکن اتو منجوقکن مولک ماسم اتو برجالن مفهنتق ۳ کاکي اتو سبکین مک هندقله کامو تیغکلکن سکل فراغی بهترسبوة کران سموان ایت دوسا بسر. هندقله کامو کیمالی طاعة کفدان. کران کریشان الله ایت فد کریشان دوا ایبو باف دان مرک الله ایت دغن سبب مرک کدوان. مدهمدان دغن طاعة کامو ایت الله اکن رضا کفد کامو منکل الله تله رضا کفد کامو نسجای هیدوف کامو اکن بر بهکیا دنیا دان اخره.



ادوه : سکچیل این تله برجوال روکو، دغن فکاین سچارا چوغوس دهوتیل ۲ - باگه بکتو؟ تیدق. ادیق این سده برجان دهدان خلاق ددالم فرادوان فکاین یفداکن دجاکرتا بزارو ۲ این. - کمیر ایفوس

yang demikian itu besar dosanya. Junjungan kita telah bersabda yang tujuannya demikian: Tidakkah aku telah khabarkan kamu dengan sebesar-besar dosa besar? Sahut sahabat-sahabat bahkan Ya Rasulullah. Sabdanya lagi: iaitu menyekutukan Tuhan dan menderhaka kepada dua ibu bapa.

2- Jika kamu telah bekerja dan telah ada pencarian atau telah senang dan kaya pada hal ibu bapa kamu miskin maka hendaklah kamu bantu dan tolong keduanya dengan harta kamu atau pendapatan kamu hingga ia menjadi senang seperti kamu atau lebih-lebih lagi. Maka janganlah kamu menjadi seperti setengah daripada anak-anak yang apabila mereka sudah senang dan kaya tidak mengendahkan ibu bapanya lagi atau dijadikan ibu bapanya seperti orang gaji di rumahnya bila orang tua itu duduk dia tidak bekerja dileternya maka yang demikian itu perkara yang tidak patut dan berdosa. Kerana Rasulullah *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* telah bersabda kepada seorang yang mengadu kepadanya akan hal bapanya yang miskin yang mengambil hartanya. Sabdanya engkau dan harta engkau bagi bapa engkau.

3- Hendaklah sentiasa kamu menghormati keduanya apabila ibu atau bapa kamu datang hendaklah kamu bangun kerana menghormatkannya dan berjabat salam serta cium tangan keduanya begitu juga jika kamu hendak pergi ke sekolah atau balik dari sekolah atau

hendak belayar istimewa pada hari raya hendaklah kamu minta doa dan keredaannya.

4- Hendaklah kamu perlahan-lahan suara tatkala bercakap kepada keduanya jika ia marah atau menengking kamu janganlah kamu jawab dan hendaklah sentiasa kamu mendoakan keduanya dengan panjang umur kerana ada mereka itu berkat dan doa kedua mustajab yakni diperkenankan Allah.

5- Peliharalah lidah kamu daripada



Aduh! sekecil ini telah berjual rokok dengan pakaian secara jongos di hotel-hotel – iakah begitu? Tidak. Adik ini sedang berjalan di hadapan khalayak di dalam peredaran pakaian yang diadakan di Jakarta baharu-baharu ini. – Gambar Epos.

memaki-maki manusia dan memaki ibu bapa mereka supaya jangan mereka memaki dua ibu bapa kamu maka jadilah seolah-olahnya kamu sendiri yang memaki akan keduanya. Bersabda Nabi *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* tujuannya: Bahawa daripada sebesar-besar dosa itu ialah melaknatkan seorang itu akan ibu bapanya. Ditanya orang, Ya Rasulullah bagaimana melaknatkan seseorang itu akan ibu bapanya? Sabdanya memaki orang itu akan bapanya dan ibunya pula.

Wahai bakal pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi,

sayalah harap mudah-mudahan kamu seorang yang taatkan ibu bapa kamu jika selama ini kamu selalu melawannya atau selalu merusuh atau bersungut bagaimana kebanyakan anak-anak terutamanya anak-anak perempuan apabila ibunya marah dan berleter di luar maka ia pun berleter dan marah pula di dapur atau bekerja dengan kasar jika membasuh pinggan gengaja dilaga-lagakan atau menunjukkan muka masam atau berjalan menghentak-hentak kaki atau sebagainya maka hendaklah kamu tinggalkan segala perangai yang tersebut kerana semuanya itu dosa besar. Hendaklah kamu kembali taat kepadanya. Kerana keredaan Allah itu pada keredaan dua ibu bapa dan murka Allah itu dengan sebab murka keduanya. Mudah-mudahan dengan taat kamu itu Allah akan reda kepada kamu manakala Allah telah reda kepada kamu nescaya hidup kamu akan berbahagia dunia dan akhirat.



(1)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
رَبِّ يَسِّرْ وَأَعِن

دغن این مک کیت مولاکنله رواغن "بلاجر بهايس عرب" ددالم مجله "کانق ۲". دهارف مدهمدهاغن ادبق ۲ دان سکلین بغ مغمیل فرهاغین کفد رواغن ترسبوة دافه مگکوناکنن دان برتوتراکات دغتن دکمدهین هاری نسی مسکیون فلاجران ۲ اکن ساي مواتکن دغتن بردیکية ۲ سفای دافه ادبق ۲ سکلین مخفظکنن دان مهمکنن دغتن سفرن.

تاهوکه اتق ۲

بهايس عرب ایاله بهايس رسمي
اومة اسلام مدنیا!

*

بهايس عرب ایاله بهايس شرک!

*

بهايس عرب ایاله ففهولو سکل
بهايس یغاد ددنیا این!

*

بهايس عرب دکوناکن ددالم
عمل عبادة اوله لیم راتوس جوتا
مانسی بغیراکام اسلام!

*

بهايس عربله یغته مملهارا دان
مغیدوفکن علم ففتھوان اومه ۲ بغ
دهولو کالا!

*

بهايس عربله یغته ملاهيرکن
کماجوان دان تمدن دنیا بغ
چسرلغ!

*

بهايس عربله یغته داشارتکن
اوله الله تعالی دغتن فرمانن مقصودن:
افیل قرآن ایت دباچ، هندقله
کامو مندغرن دغتن تنغ دان
برسفقوه ۲ مدهمدهاغن کامو مندافه
رحمة!

*

بهايس عربله جوک یغته
داشارتکن اوله جنجوغن کیت محمد
صلی الله علیه واله وسلم دغتن سیدان
مقصودن:

فلاجریله بهايس عرب دان
اجرکنله دی کفد اورغلاین!

1. أَنَا - ساي (لاکي اتو فرمفوان)

تَنْحَنُ - کیت - کامی (لاکي اتو فرمفوان)

2. أَنْتَ - اوق (لاکي)

أَنْتِ - اوق (فرمفوان)

أَنْتُمَا - اوق بردوا (لاکي اتو فرمفوان)

أَنْتُمْ - کامو (له دري دوا اورغ - لاکي)

أَنْتُنَّ - کامو (له دري دوا اورغ - فرمفوان)

3. هُوَ - دي (لاکي)

هِيَ - دي (فرمفوان)

هُمَا - دي بردوا (لاکي اتو فرمفوان)

هُم - مریک (له دري دوا اورغ - لاکي)

هُنَّ - مریک (له دري دوا اورغ فرمفوان)

Tahukah Anak-anak

Bahasa Arab ialah bahasa rasmi
umat Islam sedunia!

*

Bahasa Arab ialah bahasa syurga!

*

Bahasa Arab ialah pengहुlu segala
bahasa yang ada di dunia ini!

*

Bahasa Arab digunakan di dalam
amal ibadat oleh lima ratus juta
manusia yang beragama Islam!

*

Bahasa Arablah yang telah memelihara dan
menghidupkan ilmu pengetahuan umat-umat yang
dahulu kala!

*

Bahasa Arablah yang telah melahirkan
kemajuan dan tamadun dunia yang
cemerlang!

*

Bahasa Arablah yang telah disyariatkan
oleh Allah *Ta'ālā* dengan firman-Nya, maksudnya:

Apabila Qur'an itu dibaca, hendaklah
kamu mendengarnya dengan tenang dan
bersungguh-sungguh mudah-mudahan kamu mendapat
rahmat!"

*

Bahasa Arablah juga yang telah
disyariatkan oleh junjungan kita Muhammad
ṣallā Allāhu 'alayhi wa ṣallam dengan sabdanya
maksudnya:

Pelajarilah bahasa Arab dan
ajarkanlah dia kepada orang lain!



(I)

Bismi Allāhi al-Rahmāni al-Rahīm

rabbī yassir wa ā'in

Dengan ini maka kita mulakanlah ruangan "Belajar Bahasa Arab" di dalam
Majalah "Kanak-kanak". Diharap mudah-mudahan adik-adik dan sekalian yang mengambil
perhatian kepada ruangan tersebut dapat menggunakannya dan bertutur kata
dengannya di kemudian hari nanti meskipun pelajaran-pelajarannya akan saya muatkan dengan
berdikit-dikit supaya dapat adik-adik sekalian menghafazkannya dan memahamkan dengan sempurna.

- | | | |
|----------------|---|---|
| 1. <i>Ānā</i> | - | Saya (lelaki atau perempuan) |
| <i>Nahnu</i> | - | Kita - kami (lelaki atau perempuan) |
| 2. <i>Anta</i> | - | Awak (lelaki) |
| <i>Anti</i> | - | Awak (perempuan) |
| <i>Antumā</i> | - | Awak berdua (lelaki atau perempuan) |
| <i>Antum</i> | - | Kamu (lebih dari dua orang – lelaki) |
| <i>Antunna</i> | - | Kamu (lebih dari dua orang – perempuan) |
| 3. <i>Huwa</i> | - | Dia (lelaki) |
| <i>Hiya</i> | - | Dia (perempuan) |
| <i>Humā</i> | - | Dia berdua (lelaki atau perempuan) |
| <i>Hum</i> | - | Mereka (lebih dari dua orang – lelaki) |
| <i>Hunna</i> | - | Mereka (lebih dari dua orang perempuan) |

جناک دري تیموردان بارة

اوله اوغ یینجول

توکغ چو کر. تنافی توکغ سبلیه
دقتور بله. دان دریسر جوکث!
- دري "سویزلند."

اد اوبی اد تالس

سوات چریتا تله ترهیه
دامریکا. کوننن فد سوات ماس
دهولو ستالین تله کهیلانن جم
ساکون. دان کران ایت باقی اورغ
روشان تله دتغکف.

ستله چریتا ابن ترهیه
دامریکا. مک ترهیه فول دروشیا
سوات چریتا. کوننن شورغ فدري
دامریکا سالو ملتکنن فایوغن
دتقی فیتو کریجا کیتک ای
ماسوق منسجحاتی اورغرامی. فد
سوات هاری ای تله مندافی فایوغن
هیلع. ولو فون ای تله فواس
منجارین دسان سین تنافی سیاه
سهاج.

فد لاین میگو فدري ایت تله
منسجحتکن اورغرامی یغ دانغ سبلیه
دکریجا تنغ بالنس اورغ ۲ یغ
مبوات دوس دان تاماهو برتوبه
فد فیوده نصیحتن ای برکات:

"بارغیاف منجوری فایوغ
درفد کریجا ابن. هندقله ای
مغمالیکنن فد میگو هدافن دان
ملتکنن دتقی فیتو"

سمیگو کمدین. فدري ایت تله
حیران دان ترکجوة بسر. تسکل ملیه
کیرا ۳۱. ۵۰ فایوغ برلوغشوق دتقی
فیتو کریجا ایت

- دري "روشا دان امریکا"

فمرتناهن. منکل قوم بفساون فول
اکن منجادی فبافو جالن؟ ..
"کاونن ایت تله مقفوکفکن
کفالن لالو منجواب: "ایت بتول!
بوکنکه کیت سکارغ تله منجادی قوم
بفساون؟ ایتوله سببن کیت سکارغ
میافو جالن!"
- دري "هنگاری"

توکغ چو کر اتو توکغ سبلیه؟
شورغ امریکان تله بمساوا
کاونن ککادی کوننن کران هندق
برجو کر موک. کیتولن توکغ چو کر
تیدق بکتیو فندی. لالو دکریجا کن
موک کاونن تو لوک ۲. فد تیغ ۲
کالی لوک. دتمغلن دغن فلستر.
سهاگاکن موک اورغ ایت فتوه
برتمغل.

لفس برجو کر ایفون مبریکن
سرغکیه کفد توکغ چو کر ایت.
تیبیا ای دتگور اوله کاونن کتان:
"موک اوق هنجور. لاکي اوق
بریکن سرغکیه؟"

مک اورغ ایت منجواب:
"برافاله یغ اوق فیکر فانوة اکو
بری کفد شورغ یغ بوکن سهاج

دالم کوچیق
دالم فرجلانن بالیک دري
سکوله. علی دان احمد تله بر بوال
دریخال "قوة ایغانن".

تیبیا علی برکات: "اکو نیمة.
میغ قواة ایغاننکو. اف سهاج اکو
تاروه دکفلا. نافر نه اکو لوف ...

"کالو بکتیو. مغاف اوق لوف
مبایر ۲۰ سین یغ اوق فیتجم درفد
اکو". برتان احمد دغن گرمن.

مک علی سکران منجواب: "دوبه
ایت اکو تاروه دالم کوچیقکو بوکن
دالم کفلاکو!"

- دري "تانهلابو"

قربان دعايه

دوا اورغ توکغ سافو جالن
ستله فواس بکرج برفلوده ۲. تله
دودق بریحه. ساله شورغ تله
برفالیغ کفد کاونن دان برکات:

"تیدفکه اوق ایغه. کیت دهولو
سالو مندغر: افیل تگری ابن
دفرته اوله کومونیسه مک قوم
بوروهغه یغ اکن مقفککم کواس

Jenaka Dari Timur dan Barat

Oleh Awang Benjol

Dalam Koekek

Dalam perjalanan balik dari sekolah, Ali dan Ahmad telah berbuai dari hal "kuat ingatan".

Tiba-tiba Ali berkata: "Aku ni Mat, memang kuat ingatanku, apa sahaja aku taruk di kepala, tak pernah aku lupa."

"Kalau begitu, mengapa awak lupa membayar 20 sen yang awak pinjam daripada aku?" Bertanya Ahmad dengan geramnya.

Maka Ali segera menjawab: "Duit itu aku taruk dalam koecku bukan dalam kepalaku!"

-Dari "Tanah Melayu"

*

Korban Dakyah

Dua orang tukang sapu jalan setelah puas bekerja berpeluh-peluh, telah duduk berehat. Salah seorang telah berpaling kepada kawannya dan berkata:

"Tidaklah awak ingat, kita dahulu selalu mendengar; apabila negeri ini diperintah oleh *communist* maka kaum buruhlah yang akan mengenggam kuasa

pemerintahan, manakala kaum bangsawan pula akan menjadi penyapu jalan?"

Kawannya itu telah menganggukkan kepalanya lalu menjawab: "Itu betul! bukankah kita sekarang telah menjadi kaum bangsawan? Itulah sebabnya kita sekarang menyapu jalan!"

-Dari "Hungary"

*

Tukang Cukur atau Tukang Sembelih?

Seorang *American* telah membaca kawannya ke kedai kerana hendak bercukur muka. Kebetulan tukang cukur tidak begitu pandai, lalu dikerjakan muka kawan tu luka-luka. Pada tiap-tiap kali luka, ditampalnya dengan *plaster*. Sehingga muka orang itu penuh bertampal.

Lepas bercukur ia pun memberikan seringgat kepada tukang cukur itu.

Tiba-tiba ia ditegur oleh kawannya katanya:

"Muka awak hancur, lagi awak berikan seringgat?"

Maka orang itu menjawab: "Berapalah yang awak fikir patut aku beri kepada seorang yang bukan sahaja

tukang cukur, tetapi tukang sembelih doktor belah, dan *dresser* juga?!"

- Dari "Switzerland"

*

Ada Ubi Ada Talas

Suatu cerita telah terhebah di Amerika, kononnya pada suatu masa dahulu *Stalin* telah kehilangan jam sakunya. Dan kerana itu banyak orang *Russian* telah ditangkap.

Setelah cerita ini terhebah di Amerika, maka terhebah pula di Russia. Suatu cerita, kononnya seorang paderi di Amerika selalu meletakkan payungnya di tepi pintu gereja ketika ia masuk menasihati orang ramai. Pada suatu hari ia telah mendapati payungnya hilang, walaupun ia telah puas mencarinya di sana sini tetapi sia-sia sahaja.

Pada lain minggu paderi itu telah menasihati orang ramai yang datang sembahyang di gereja tentang balasan orang-orang yang membuat dosa dan tak mahu bertaubat. Pada penyudah nasihatnya ia berkata:

"Barang siapa mencuri payung daripada gereja ini, hendaklah ia mengembalikan pada minggu hadapan dan meletakkan di tepi pintu."

Seminggu kemudian, paderi itu telah hairan dan terkejut besar. Tatkala melihat kira-kira 30 payung berlonggok di tepi pintu gereja itu.

-Dari "Russia dan Amerika"

شرط ۵۲.

فراڊوان تڪا تڪي (I)

هديه \$25.00

(1) برچراي اڪو تافر نه
دغن ڪامو سده سباتي
بايك درومه ائو دتانه
سڪل فربوانن مو ڪو تورتوي.

(2) مليه بوڪن اولر
دبيل بوڪن ميلندغ
دجنجوغ بوڪن باڪول
چنبيق بنر مات مندغ.

(3) بايق فوڪو فرڪارا فوڪو
فوڪو بوغا تومبوه دتامن
سجنس فوڪو تر لالو مفحبرانڪن
بربوغا دهولو دتامن ڪمدين.

فوتغ دمين

توان فهورس فراڊوان تڪا تڪي ڪانق ۲ (1)
برسام ۲ اين ساي ڪيريمڪن فراڊوان تڪا تڪي
ڪانق ۲ (1) ساي مهاڪو مفيكوه سڪل شرط ۵۲.

جوافن ساي (1)

(2)

(3)

تدا تاغن

نام

علامه

(توليسه نام دان علامه دغن ترغ)

1. ماسوق فراڊوان تباد ڪنا اف ۲ بايران .
2. لاهين درقد راجه اين تيدق دتريما .
3. سسورغ بوله منكا دغن بېراف بايق، تنافي
هان برحق مندافه ساتو هديه .
4. جوافن يفتول اد ترسيمفن ددالم فجابه
قلم دغن دمترينڪن .
5. ڪاڪيتاغن فجابه قلم تيدق دبئرڪن مغمبيل
بهاڪين .
6. هديه \$25.00 اڪن دباير ڪفد فنڪا يفتول
سموا تنافي چڪ بايق يفتول اڪن دبهانڪي
سامرات .
7. سڪل ڪفو تسن تباد بوله دبنته .
8. جوافن ۲ هندقله سمئي ڪفد ڪيت تيدق
ليوآه دري 53 . 4 . 22 .
9. جوافن يفتول اڪن دسيارڪن دالم ڪانق ۲
ڪلوارن 53 . 5 . 1 .
10. سڪل جوافن هندقله دعلا متڪن ڪفدن .

PERADUAN TEKA TEKI KANAK2 (I)
356 & 358, Geylang Road,
Singapore, 14.

هرڪٽ لڳڪانن ڪانق ۲

\$7.20	-	ستاھون
3.60	-	6 بولن
1.80	-	3 بولن
	-	سنسخه 30 مين
	-	فوسه 6 مين

سوره ۲ هندقله دعلا متڪن ڪفدن:

Pengurus,

KANAK2

356 & 358, Geylang Road,
SINGAPORE, 14.

Phone: 81118

Syarat-syaratnya:

1. Masuk peraduan tiada kena apa-apa bayaran.
2. Lain daripada rajah ini tidak diterima.
3. Seseorang boleh meneka dengan beberapa banyak, tetapi hanya berhak mendapat satu hadiah.
4. Jawapan yang betul ada tersimpan di dalam pejabat Qalam dengan meterikan.
5. Kakitangan pejabat Qalam tidak dibenarkan mengambil bahagian.
6. Hadiah \$25.00 akan dibayar kepada peneka yang betul semua tetapi jika banyak yang betul akan dibahagi sama rata.
7. Segala keputusan tiada boleh dibantah.
8. Jawapan-jawapan hendaklah sampai kepada kita tidak lewat dari 22.4.53.
9. Jawapan yang betul akan disiarkan dalam kanak-kanak keluaran 1.5.53.
10. Segala jawapan hendaklah dialamatkan kepada:-

PERADUAN TEKA TEKI KANAK2 (I)

356 & 358, Geylang Road,

Singapore, 14.

Harga Langganan Kanak-kanak

Setahun	-	\$7.20
6 Bulan	-	3.60
3 Bulan	-	1.80
Senaskah 30 sen	-	Post 6 sen.

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada:

Pengurus,

KANAK2

356 & 358, Geylang Road,

SINGAPORE, 14.

Phone: 81118

Peraduan Teka-teki (I)**Hadiah \$25.00**

(1) Bercerai aku tak pernah

Dengan kamu sudah sebatu

Baik di rumah atau di tanah

Segala perbuatanmu ku turuti.

(2) Melilit bukannya ular

Disabal bukannya selendang

Dijunjung bukannya bakul

Cantik benar mata memandang

(3) Banyak pokok perkara pokok

Pokok bunga tumbuh di taman

Sejenis pokok terlalu menghairankan

Berbunga dahulu ditanam kemudian

-----Potong di sini-----

Tuan Pengurus Peraduan Teka-teki Kanak-kanak (I)

bersama-sama ini saya kirimkan Peraduan Teka-teki

Kanak-kanak (I). Saya mengaku mengikut segala syarat-syaratnya.

Jawapan saya (1)

(2).....

(3).....

.....


Tandatangan

Nama

Alamat

.....


(Tulislah nama dan alamat dengan terang)



دداله اوبارا به لاله ، دلاله زين ككويين ۳ غادي به هيلره ناسر بلايوه ۴ است و جوي بواج هيدوقنا دوش كسيه
 برزاسان نيس ، و اسان ، و سكا ، سعيان برسوكيت تيدق سريكة يون دغلاهي اوله نون باره اوز نون
 به مقادير كاجير كي اوبه دان كملان اسلان ۲ فاكهي ۲ لاکي ابي كشيانن گلواز مقدر اي گرون موبله اوبه دان
 و شان منقلا راگن ساوه دان دغج برسوكيت ، تادگه اي مهادي شتوخ اتن ريلر نسي ككولاب ، شان

۱
۲
۳
۴
۵
۶
۷
۸
۹
۱۰
۱۱
۱۲
۱۳
۱۴
۱۵
۱۶
۱۷
۱۸
۱۹
۲۰
۲۱
۲۲
۲۳
۲۴
۲۵
۲۶
۲۷
۲۸
۲۹
۳۰
۳۱
۳۲
۳۳
۳۴
۳۵
۳۶
۳۷
۳۸
۳۹
۴۰
۴۱
۴۲
۴۳
۴۴
۴۵
۴۶
۴۷
۴۸
۴۹
۵۰

Project of the National Library of the Republic of Indonesia



Di dalam udara yang lapang, di dalam warna kekuning-kuningan padi yang hampir masak melaut-laut itu, Si Awang hidup dengan gembira, berperasaan bebas, perasaan merdeka, sentiasa bersukacita tidak sedikit dipengaruhi oleh tamadun barat atau tamadun yang mengkuar-kacirkan adabiyah dan kemuliaan asalnya, pagi-pagi lagi ia kelihatan mengenderai kerbaunya menolong ayah dan bondanya menyelenggarakan sawah dan bendang mereka itu. Tidakkah ia menjadi seorang anak yang berbakti kepada ibu bapanya?



كانق

3

فرهاتيله ادب۲مو يغ جوميل برنكابين يغ انده دالم فرادوان فکانين ممبوت هاري کرتيني - كمير فلم.



Kanak-Kanak

3

Perhatikan adik-adikmu yang comel berpakaian yang indah dalam Peraduan Pakaian Memnyabut¹ Hari Kartini – gambar Qalam

¹ Perkataan sebenar ialah menyambut.

بوکوکو ۲ بچان باکي سموا فریشکة !

سلاويين درفد مباح مجله کانق ۲ اين جاغنه انق ۲ مههابيسکن ماس لافغ انق ۲ ايت دغن بر ماين سهاج . ماس يغ لافغ ايت ساغه بايك جک انق ۲ مباح بوکوکو ۲ يغ ساغه برکون باکي ملواسکن فغتهوان انق ۲ . فيدهله مان سواه بوکوکو يغ انق ۲ سوك مباحان دري بوکوکو دباوه اين :-

- (1) عائشه (جيتا يکدوا) 2 فغکل - سفغکل \$1-00
- (2) صلاح الدين الايوبي (جيتا يکدوا) 4 فغکل - سفغکل \$1-00 - فغکل 4 - \$0-50
- (3) ابوبکر 2 فغکل - سفغکل \$1-20
- (4) بکتدا علي هر مهو الله (جيتا يکدوا) 2 فغکل - سفغکل \$1-20
- (5) عثمان ابن عفان 2 فغکل - سفغکل \$1-20
- (6) محمد 4 فغکل - سفغکل \$1-20

هرکت بقتريبوہ داتس تمبه بلنجا فوسه 10 سين

جاک هاري تريتسن بوکوکو ۲ اکام:

- (1) ايمان فرمفوان
- (2) جهاد فد جالن الله
- (3) اجتهاد دان تقليد

QALAM - 356 & 358 Geylang Road, Singapore, 14. Phone: 81118

فسن سکارغ !!

تله سيف !

رواية هيدوف ابراهم لينکن



اوله هيلن نيکولي - معهورايکن روایة هيدوف ابراهم لينکن فریسنده امریکا شریکه یفته ميسکن تیک جوتا همب عدي . بکمان فدریتان سنجق دري کچیلن بر جواغ دغن تیدق جمو ۲ دافة دجلسکن اوله بوکوکو این دجيتا دغن قرطاس يغ بايك مغدوغي 200 مولک تيف ۲ فغکل دغن هرکان ساغه مورده کالو دغدغ کفد بشوه دان کندوغتن .

سنسخه 80 سين . فوسه 12 سين .

بوله دافة دبلي کفد :

PELITA c/o 356 & 358 GEYLANG ROAD, SINGAPORE 14.

Buku-buku bacaan bagi semua peringkat!

Selain daripada membaca majalah Kanak-kanak ini janganlah anak-anak menghabiskan masa lapang anak-anak itu dengan bermain sahaja. Masa yang lapang itu sangat baik jika anak-anak membaca buku-buku yang sangat berguna bagi meluaskan pengetahuan anak-anak. Pilihlah mana sebuah buku yang anak-anak suka membacanya dari buku-buku di bawah ini:-

(1) 'Ā'ishah (cetak yang kedua) 2 penggal	- sepenggal \$1.00
(2) Salāh al-Dīn al-Ayyūbī (cetak yang kedua) 4 penggal - sepenggal \$1.00	- penggal 4 - \$0.50
(3) Abū Bakr 2 penggal	- sepenggal \$1.20
(4) Baginda 'Alī Harimau Allah (cetak yang kedua) 2 penggal	- sepenggal \$1.20
(5) 'Uthmān ibn 'Affān 2 penggal	- sepenggal \$1.20
(6) Muhammad 4 penggal	- sepenggal \$1.20

Harga yang tersebut di atas tambah belanja *post* 10 sen.

Jaga hari terbitnya buku-buku agama:

- (1) Iman perempuan (2) Jihad pada jalan Allah (3) Ijtihad dan taqlid

QALAM - 356 & 358 Geylang Road, Singapore, 14. Phone: 81118

Telah siap!

Pesan sekarang!!

Riwayat hidup Abraham Lincoln

Oleh Helen Nicolay - menghuraikan riwayat hidup Abraham

Lincoln *President* Amerika Syarikat yang telah membebaskan tiga juta hamba

abdi. Bagaimana penderitaannya semenjak dari kecilnya berjuang dengan

tidak jemu-jemu dapat dijelaskan oleh buku ini dicetak dengan kertas

yang baik mengandungi 200 muka tiap-tiap penggal dengan harganya sangat murah

kalau dipandang kepada bentuk dan kandungannya.

Senaskah 80 sen. *Post* 12 sen.

Boleh dapat dibeli kepada:

PELITA c/o 356 & 358 GEYLANG ROAD, SINGAPORE 14.



کاتق

1 می 1963 - 30 سپ - 17 شعبان 1372

کندوشن

توه شیخ

عقیده اسلام

چریتا لیم مینیة

اف دي اسلام

نیدیقن اخلاق

مجلس کاتق ۲

اسراء دان معراج

کمبر ۲ اسراء دان معراج

داندونیسیا

رهنای دان چمله سفای

کامو هیدوف بر بهکیا

فنجانی ثقل

سرب نیکا

جنگ دری تیمور دان

بارة

بلاجر بهاس عرب



تیهگل دسان دان تر نام دسان سهفت
بایق علماء کیت بغتر کموک دان
دکمر کاکن اورغ تنافی تر کادغ ۲ فایه
برچاکف دالم بهاس عرب کران
فیلن ماسه قیله کیت دسین

سهگان ۲ توه شیخ ایت سده توه
شیخ بلاجر دسان دان سده توه شیخ
میلامی لیه دالم کادان ۱۲ ایت بهاروله
توه شیخ انصاف روفان فداقن
توه شیخ ایت منجادی سالیکن
کالو دهولو توه شیخ تیدق
برفواسهاتی دغن مغاف فرمولان
اکام ایت دنورنکن دسان تنافی
سده ایت توه شیخ مغرتی دان فهم
روفان یدمکین ایت اداله رحمة
دردف توهن کیمقاهن یغ بات
دردف توهن اتوه مریتکن
کدودفکن دان حال احوال فیکو۲
اسلام یعنی اورغ ۲ یغ بملوق اکام
اسلام کمدین هاری مغاف توه شیخ
کناکن یگیتوتنتو اتق ۱۲ کن برتان
جوان: تنو ترغ دان بات
بهوا کالو تیدق اکام کیت
(سموغنن فد مولک ۲۸)

سکارغ ماری توه شیخ کنلکن کفد
اتق ۲ سیاف توه شیخ این توه شیخ
دفرا نکرک دتانه مایو دان سله توه
شیخ برعمور 16 نامون بابت سده
تیمت ففاجین توه شیخ دکموشغ مک
دغن فرستوجوان ایه دان ایبو توه
شیخ توه شیخ دهنتن معاجی کماکه
دغن توجوان سفای توه شیخ دافه
ملنجوتکن علم فتهوان اکام توه
شیخ دان مغولغن دری سان دنیکن
اوله ایه دان بوندا توه شیخ تننی
منجادی تولهی معاجر اورغ ۲ کیت
تنغ سیدوق بیلوق اکام کیت
فرمولان سلوم توه شیخ فرکی
کسان توه شیخ مراسم بهوا مغاف
اکام اسلام ایت دنورنکن دنگری
یغ کر یغ کوتغ فداغ فاسیر یغ
تندوس ایت توه شیخ ماس ایت
تر فیکر تیدق عادل بنر مولا اکام
کیت دنورنکن دسان کفد اورغ ۲
عرب یغ کهدوقن سدرهان دان
مشارکتن ددالم کادان سرب فایه
ایت توه شیخ ماس ایت منجلا
جوگک مغاف کعبه ایت دلتنکن
دسان تیدق دنگری کیت یغ معور
این دان دغن کران ایت مک توه
شیخ سناس تیدق برفواسهاتی
دغن کادان ۲ اورغ ۲ کیت منجوره ۲
داتغ کسان ممایو واغ یغ بایق
بروانجا دسان ترا تمان قول اد
تکولوق ۲ یغ منبر برده ۲ کن کیت
یغ کیت توده مریکیت اورغ عرب
قد حال اورغ ایت درد فسا کیت
یغ دانغ دری سله سین یغ نله برکولیه
دغن کولیه عرب کران تله لام

Kanak-Kanak

1 Mei 1953 – 30 sen – 17 Sha'ban 1372

Kandungannya:

Tok Syeikh

Akidah Islam

Cerita Lima Mimit

Apa Dia Islam

Didikan Akhlak

Majlis Kanak-kanak

Israk dan Mikraj

Gambar-gambar Israk dan Mikraj

di Indonesia

Perhati dan Camlah supaya

Kamu Hidup Berbahagia

Pencanai Akal

Serbaneka

Jenaka dari Timur dan

Barat

Belajar Bahasa Arab

*

Sekarang mari Tok Syeikh kenalkan kepada

anak-anak siapa Tok Syeikh ini, Tok Syeikh

diperanakan di Tanah melayu dan setelah Tok

Syeikh berumur 16 tahun iaitu sesudah

tamat pengajian Tok Syeikh di kampung maka

dengan persetujuan ayah dan ibu Tok

Syeikh, Tok Syeikh di hantar mengaji ke Makkah

dengan tujuan supaya Tok Syeikh dapat

melanjutkan ilmu pengetahuan agama Tok

Syeikh dan sepulangnya dari sana dimiatkan

oleh ayah dan bonda Tok Syeikh nanti¹

menjadi tok lebih mengajar orang-orang kita

tentang selok-belok agama kita.

Pada mulanya sebelum Tok Syeikh pergi

ke sana Tok Syeikh merasa mengapa

agama Islam itu diturunkan di negeri

yang kering-kontang di padang pasir yang

tandus itu. Tok Syeikh masa itu

terfikir tidak adil benar mula agama

kita diturunkan di sana, kepada orang-orang

Arab yang kehidupannya sederhana dan

masyarakatnya di dalam keadaan serba payah

itu. Tok Syeikh masa itu mencela

juga mengapa Kaabah itu diletakkan

di sana, tidak di negeri kita yang makmur

ini dan dengan kerana itu maka Tok

Syeikh sentiasa tidak berpuas hati

dengan keadaan-keadaan orang kita mencurah-curah

datang ke sana membawa wang yang banyak,

berbelanja di sana terutamanya pula ada

tengkolok-tengkolok yang memperbodoh-bodohkan kita

yang kita tuduh mereka itu orang Arab,

padahal orang itu daripada bangsa kita

yang datang dari sebelah sini yang telah berkulit

dengan kulit Arab kerana telah lama



tinggal di sana dan ternama di sana sehingga

banyak ulama kita yang terkemuka dan

dikemukakan orang tetapi terkadang-kadang payah

bercakap dalam bahasa Arab kerana

pelatnya masih pelat kita di sini.

Sangkaan-sangkaan Tok Syeikh itu sudah Tok

Syeikh belajar di sana dan sesudah Tok Syeikh

menyelami lebih dalam keadaan-keadaan itu baharulah

Tok Syeikh insaf rupanya pendapatan

Tok Syeikh itu menjadi sebaliknya.

Kalau dahulu Tok Syeikh tidak

berpuas hati dengan mengapa permulaan

agama itu diturunkan di sana tetapi

sesudah itu Tok Syeikh mengerti dan faham

rupanya yang demikian itu adalah rahmat

daripada Tuhan. Kelimpahan yang nyata

daripada Tuhan untuk meringankan

kedudukan dan hal ehwal pengikut-pengikut

Islam yakni orang-orang yang memeluk agama

Islam kemudian hari. Mengapa Tok Syeikh

katakan begitu – tentu anak-anak akan bertanya.

Jawabnya: Tentu terang dan nyata

bahawa kalau tidak agama kita

(Sambungannya pada muka 22)

¹ Perkataan sebenar ialah nanti.

ليه رنده، ليه لسه، ليه مسكين دان
ليه فاف درفد كامو.

دغن كراغن ۲ اين لاکي ساي
فرچاي کامو تله چوکف يقين
يايت اد الله دان تله کنلکندي
(الله) يايت الله ايت اباله ذات يغ
واجب اد يغبرصفه دغن سکل
کسفر نان.

مک الله تعالی سا يعني ساتو
اتو توغکل کراغنن چوب کامو
فرهائين کفد موتور کار، لوري.
بس، تريم، دانساگين ايت بوکنکه
يغ مکف فمندون يعني يغ منجادي
دربيرن ايت هان شورغ سهاج؟
بکيتو چوکف چوب کامو فرهائين
کفد کفل ولو بکيمان بسر فون
کفل ايت مک بوکنکه يغ منجادي
کوا (کفتنن) شورغ سهاج؟ دان
فرهائينکن فول کفد نکري بوکنکه
يغ منجادي کوا اتو راج يغ عمرته
نکري ايت هان شورغ سهاج؟
کران افکه بتمکين ايت؟ مغافکه
تيدق بوله سبواه موتور کار
دجالکن اوله دوا دربير دان سبواه
کفل ايت دجالکن اوله بايق
کفتنن دان سبواه نکري ايت دفرته
اوله بايق راج؟ اباله کران جک
سبواه موتور کار اتو لوري اتوساگين
ايت دغدو اوله دوا اورغ دربير
تنتوله موتور کار اتو کنايکنن ۲
ايت تيدق بوله برجالن دغن بتول
مغکوة بکيمان يقد کهندکي کران
بوله جادي شورغ درفد دربير
ايت هندق يبلوق ککانن دان يغ
(سمبوغنن فد مولک 16)



الله ایت سا – توغکل

متا سلامة دان فرليندوغن درفد
سکل مارا بهيا کناکونن، کسواهن.
کساگين، کفغان، کچلاکان دان
سباگين يغ برمعنی جاغنه کامو
براس تاکوة، کتشر، کرون، دان
مېسه (توتوندوق) کفدمأنسي ولو
اف سكاليفون ففکتن اتو کفواتنن
دان ولو ماچم مان سكاليفون
کاي دان بايق هرتان دان اف جوکف
ورن کوليتن سعاد هيم، فوتيه.
کونوغ، ميره دان سباگين کران

(اونه ملحص)

مريکنيث سکلين سام شرث کامر
مخلوق (کجادين الله دان هسب الله)
يغ هاروس فد حقيقتن کامو ليه
مليا درفد مريکنيث دغن سبب طاعة
کامو کند الله هان الله تعالی
اشکتنن سديکة ففکتن اتو بري
سديکة کسناغن دان کلافتنن يغ
سکلين ايت بهني ففکة کفواتن
ککيان کبازن دان کسناغن ايت
فد ييلا ۲ مان سهاج جک دکهندکي
الله بوله دتاريغن سمولا يهاکن
منجاديکن مريک برتوکر منجادي

فد ييلاغن يغفر تام دان يغکدوا
کامو تله مباح کراغن اتو تند ۲
يغ منجوقکن اد الله يايت توهن
يغ منجاديکن سکلين عالم، سکلين
مخلوق بغاد ددالمن - يغ مبري
رزقي اکن مخلوق ۲ ايت درفد
سکچيل ۲ باوا هفک کفد بسر ۲-
يغ متدبيرکن سکل بغاد ددالمن
درفد سهالوس ۲ بندا هفک کفد
بسر ۲- يغ مفجکومکن درفد
سرند ۲ مأنسي هفک ستيگي ۲
راج اتو سلطان بهکن دباله (الله)
يغ مفهدوقکن دان يغ ماتيکن -
يغ ملداکن دان يغ مغيانکن - يغ
منايکنکن دان يغ منورکنکن دان
دباله (الله) راج اتس سکلين راج ۲
دان سلطان اتس سکلين سلطان ۲
دان دباله يغ واجب کيت سکلين
سبه دان دباله جوکف يغ واجب
کيت سکلين طاعة، کاسه، توندوق،
مالو، تاکوة دان مغاکو منجادي
هسب سرت نمز هسباکن دبري دان
دباله جوکف تمغه يغ واجب کيت
متا فرتولغن ددالمن سوات حاجة
اتو مقصود کيت دان کفد دباله
جوکف تمغه کيت مبرهکن دبري



Allah Itu Sa – Tunggal

Pada bilangan yang pertama dan yang kedua kamu telah membaca keterangan atau tanda-tanda yang menunjukkan ada Allah iaitu Tuhan Yang Menjadikan Sekalian Alam. Sekalian makhluk yang ada di dalamnya – yang memberi rezeki akan makhluk-makhluk itu daripada sekecil-kecil nyawa hingga kepada sebesar-besarnya – yang mentadbirkan segala yang ada di dalamnya daripada sehalus-halus benda hingga kepada sebesar-besarnya – yang menghukumkan daripada serendah-rendah manusia hingga setinggi-tinggi raja atau sultan bahkan Dialah (Allah) Yang Menghidupkan dan Yang Mematikan – Yang Memuliakan dan Yang Menghinakan – Yang Menaikkan dan Yang Menurunkan dan Dialah Allah Raja atas sekalian raja-raja dan Sultan atas sekalian sultan-sultan dan Dialah yang wajib kita sekalian sembah dan Dialah juga yang wajib kita sekalian taat, kasih, tunduk, malu, takut dan mengaku menjadi hamba serta memperhambakan diri dan Dialah juga tempat yang wajib kita minta pertolongan di dalam suatu hajat atau maksud kita dan kepada Dialah juga tempat kita menyerahkan diri

minta selamat dan perlindungan daripada segala marabahaya ketakutan, kesusahan, kesakitan, kepapaan, kecelakaan dan sebagainya yang bermakna janglah kamu berasa takut, gentar, gerun, dan menyembah (tertunduk-tunduk) kepada manusia walau apa sekalipun pangkatnya atau kekuatannya dan walau macam mana sekalipun kaya dan banyak hartanya dan apa juga warna kulitnya sama ada hitam, putih, kuning, merah dan sebagainya kerana

(Oleh Mulhas)

mereka itu sekalian sama seperti kamu makhluk (kejadian Allah dan hamba Allah) yang harus pada hakikatnya kamu lebih mulia daripada mereka itu dengan sebab taat kamu kepada Allah. Hanya Allah Ta'âlâ angkatkan sedikit pangkatnya atau beri sedikit kesenangan dan kelapangannya yang sekaliannya itu yakni pangkat kekuatan kekayaan kebesaran dan kesenangan itu pada bila-bila masa sahaja jika dikehendaki Allah boleh ditarik-Nya semula yang akan menjadikan mereka bertukar menjadi

lebih rendah, lebih lemah, lebih miskin dan

lebih papa daripada kamu.

Dengan keterangan-keterangan ini lagi saya percaya kamu telah cukup yakin iaitu ada Allah dan telah kenalkan Dia (Allah) iaitu Allah itu ialah Zat yang wajib ada yang bersifat dengan segala kesempurnaan.

Maka Allah Ta'âlâ Sa yakni Satu atau Tunggal keterangannya cuba kamu perhatikan kepada *motorcar*, lori, bas, trem dan sebagainya itu bukannya yang memegang pemandunya yakni yang menjadi *driver*-nya itu hanya seorang sahaja? Begitu juga cuba kamu perhatikan kepada kapal walau bagaimana besar pun kapal itu maka bukannya yang menjadi ketua (kaptennya) seorang sahaja? Dan perhatikan pula kepada negeri bukannya yang menjadi ketua atau raja yang memerintah negeri itu hanya seorang sahaja? Kerana apakah yang demikian itu? Mengapakah tidak boleh sebuah *motorcar* dijalankan oleh dua *driver* dan sebuah kapal itu dijalankan oleh banyak kapten dan sebuah negeri itu diperintah oleh banyak raja? lalah kerana jika sebuah *motorcar* atau lori atau sebagainya itu dipandu oleh dua orang *driver* tentulah *motorcar* atau kenaikan-kenaikan itu tidak boleh berjalan dengan betul mengikut bagaimana yang dikehendaki kerana boleh jadi seorang daripada *driver* itu hendak belok ke kanan dan yang

(Sambungannya pada muka 16)

چریالیمینہ

فہلاون تانہایر

سجاره دنیا تتکل مروایتکن جاس فہلاون فروریرا
یقتله بریقتی کفد تانہایرین تیدق جوک کتیفکالن
دردف مپیوہ فریحال .. فہلاون ۲ کانق ۲ یقتله برجاس
دان منجادی سیوتن زمان برزمان

(اوله ابغ "له")

بر تانن دغن کاکهن، دان اورغ ۲
فرنجیس مغانس دغن کجمن،
مرغوه کمفوغ دان دسا بغ امان
تترام .

ددالم سجاره "مصر بهارو"
ترسوة سوات قسه بغ اینده چمرلغ
مغکمبرکن کبرائین دان کتولسن
شورغ کانق ۲ کفد اکام، بغسا دان
تانہایرین. روایه بغ اینده این سلاوین
دردف ترجانیه ددالم بهاس عرب تله
دبسر ۲ کن جوک اوله فنولیس ۲
ایبغ تراوتم فنولیس ۲ فرنجیس .

تتکل عسکر مومہ سدغ برهنتی
دسوات دسا منوغکو بتوان تیا.
مک شورغ کانق ۲ مصر دیتو تله
کلوار مغهندف فد مالم هاری لالو
مرغکق ماسوق کفرخماهن
فرنجیس دغن برائین ای تله داقه
ملاریکن سنجات مومہ. سالم ۲ من
ایت ای بر اولغ البک، دان
برفوجوہ ۲ سناغ مومہ تله داقه
دلاریکن، لالو دسرهنکن کفد
اورغ ۲ کمفوغن بغ ککوراغن
سنجات .

قسه این تجادی دالماس
تترا فرنجیس بغدفسقین اوله
جنرال نافولیون ملهکر مصر. فد
کتیک ایت اورغ ۲ مصر دالم سکل
چروق تله تمفیل ملاون دغن
کاکهن. محفرتاهنکن تانہایر مریک
دردف لغکارن مومہ .

تتافی اخرن بودق مصر ایت
تله ترسرفق دغن شورغ عسکر

فرلاوان بغ کتجغ تله برلاکو
داتارا دوا بله فیهق اورغ ۲ مصر

فرنجیس، ولو فون بودق ایت تله
ملاریکن دیری تتافی ای تله دکجر
دان دتق تاغنن لالو دهیریہ دغن
دارهن برچوچران، کفرخماهن
جنرال دیزیه.

افیل ای دتان اوله جنرال
فرنجیس ایت مقاف ای ملاکوکن
فربواتن ایت یعنی ملاریکن
سنجات. مک بودق ایت سگرا
منجواب دغن کاکه براین سمیل
مرنوغ کلاغیہ، کتان: "بہوا توحن
بغ مهاکواس ایتوله بغ مندوروغ
سای بریوہ دمکین کران میلا
اکام، بغسا دان تانہایر."

ای تله تردیم سجورس، کمدین
برکات لاکي: "اینله کتلا سای،
فنجوغله!"

جنرال ایت تله ترجفغ ملیه
کبرائین لالو مفلوارکن فرته
سفای بودق ایت دفجوة دغن چمتی
سایق تیک فوله کالی .

فہلاون مصر بغ ماسیہ منته ایت
تله منانن فجوتن چمتی سہفک
کنف تیک فوله کالی دغن تیدق
مبوک سوارا اتو منجریہ. ای تله
منانن دغن براین، مسکیفون
عمورن بلوم منجافی دوا بلس
تاهون .

جنرال بلیار تله منجاتنکن
قسه بودق این ددالم بوکون، کتان:
"سیرن بودق این کبران ددبغ
دغن بآبک نسجای اکن منجادی
شورغ فروریرا یقتریلغ ."

Cerita Lima Minit

Pahlawan Tanah Air

*

Sejarah dunia tatkala meriwayatkan jasa pahlawan perwira

yang telah berbakti kepada tanah airnya tidak juga ketinggalan

daripada menyebut perihal "pahlawan-pahlawan kanak-kanak" yang telah berjasa

dan menjadi sebutan zaman-berzaman.

(Oleh abang "Lah")

bertahan dengan gagahnya, dan orang-orang

Di dalam sejarah "Mesir Baharu"

Perancis mengganas dengan kejahnya,

tersebut suatu kisah yang indah cemerlang

merempuh kampung dan desa yang aman

menggambarkan keberanian dan ketulusan

tenteram.

seorang kanak-kanak kepada agama, bangsa dan

Tatkala askar musuh sedang berhenti

tanah airnya. Riwayat yang indah ini selain

di suatu desa menunggu bantuan tiba,

daripada tercatat di dalam bahasa Arab telah

maka seorang kanak-kanak Mesir di situ telah

dibesarkan juga oleh penulis-penulis

keluar menghendap pada malam hari lalu

asing terutama penulis-penulis Perancis.

merangkak masuk ke perkhemahan

Kisah ini terjadi dalam masa

Perancis. Dengan beraninya ia telah dapat

tentera Perancis yang dipimpin oleh

melarikan senjata musuh. Semalam-malaman

Jeneral Napoleon melanggar Mesir. Pada

itu ia berulang-alik, dan

ketika itu orang-orang Mesir dalam segala

berpucuk-pucuk senapang musuh telah dapat

ceruk telah tampil melawan dengan

dilarikannya, lalu diserahkan kepada

gagahnya, mempertahankan tanah air mereka

orang-orang kampungnya yang kekurangan

daripada langgaran musuh.

senjata.

Perlawanan yang kencang telah berlaku

Tetapi akhirnya budak Mesir itu

di antara dua belah pihak. Orang-orang Mesir

telah terserempak dengan seorang askar

Perancis. Walaupun budak itu telah

melarikan diri tetapi ia telah dikejar

dan ditetak tangannya lalu diberet dengan

darahnya bercucuran, ke perkhemahan

Jeneral di Gizeh¹.

Apabila ia ditanya oleh Jeneral

Perancis itu mengapa ia melakukan

perbuatan itu yakni melarikan

senjata, maka budak itu segera

menjawab dengan gagah beraninya sambil

merenung ke langit, katanya: "Bahawa Tuhan

Yang Maha Kuasa itulah yang mendorong

saya berbuat demikian kerana membela

agama, bangsa dan tanah air."

Ia telah terdiam sejeurus, kemudian

berkata lagi: "Inilah kepala saya,

pancunglah!"

Jeneral itu telah tercengang melihat

keberaniannya lalu mengeluarkan perintah

supaya budak itu dipecut dengan cemeti

sebanyak tiga puluh kali.

Pahlawan Mesir yang masih mentah itu

telah menahan pecutan cemeti sehingga

genap tiga puluh kali dengan tidak

membuka suara atau menjerit. Ia telah

menahan dengan beraninya, meskipun

umurnya belum mencapai dua belas

tahun.

Jeneral Belliard telah mencatatkan

kisah budak ini di dalam bukunya, katanya:

"Sebenarnya budak ini kiranya dididik

dengan baik nescaya akan menjadi

seorang perwira yang terbilang.

¹ Merujuk kepada Giza.

افدي اسلام

دالماس تيکت بلس تاهون سيلوم
هجرة يعني سريبو تيکت راتوس
ذلافن فوله ليم تاهون يغ لمقاو

اکام يهدباوا اوله فسوره الله
اين اتو اوله نبي محمد اباله اکام
يغاخر يفتورنکن اوله الله. اکام
يغديباوان اين منرغکن. دان
فيلوق ۲۱ برنفداقتن. بهوا تيف ۲
اکام سيلوم اکام يغديباوان ايت
يغديباوا اوله رسول ۲ يغ سترن يغ
تيا تردهولو درفدان اداله دنماکن
"اسلام" دالمهاس ماسغ ۲.

تيف ۲ رسول يدهولو ۲ درفد
نبي کيت محمد صلي الله عليه وسلم
ايت. سنجق درفد نبي ادم (نبي
يغ فرمولان دان باف سکلين مأنسي)
اداله مياوا اکام اسلام ايت مفيکوة
کادان فد زمان. افيل هاپيس زمان
يغفرتام برکنتي دغن زمان يهکدوا
(يايت امفمان سده نبي ادم. تيمبول
نبي يغ کمدين مک يغ کمدين ايت
مياوا فول حکم ۲ اتو چارا ۲ اکام
ايت مفيکوة کادان ۲ ماس ايت دان
سب ايت کداتفن تيف ۲ رسول يغ
کمدين درفد فرمولان کدنيا اين
اداله منسوخکن اتو مغوبه چارا
حکم ۲ يهدباوا اوله يفتردهولو
درفدان دان سهکک ايت فقهايسن
کفد اکام يهدباوا اوله جنجوشن
کيت محمد صلي الله عليه وسلم دغن
اکمان يغ کيت فلوق اتو کيت ابکوة
برسام ۲ هاري اين دان دغن ادان
(سبوغشن فد مولک ۱۷)

ددالم کلوارن يغاللو اتق ۲ تله دهمکن افدي اسلام ايت
دان دالم کلوارن اين اتق ۲ اکن دبري فهم فول افدي اکام دان
اف مقصودن اکام ايت. کلمه اتو فرکنان "اکام" ايت منوره
فغرتين اتو منوره فهمان اورغ ۲ اسلام اباله سجمله درفد اعتقاد ۲.
کفر چيان ۲. اوندغ ۲. فراتوران ۲. فيمفين ۲. فلاجرلن ۲ باکي
کلامتن دان کبهکيان دنيا دان اخره يهدوحيکن اتو يفتدتحوقکن
اوله الله کفد مأنسي دغن فراتاران شورغ رسولن (فسورهن)

جادي اکام ايت اتو دغن جلسن
اکام اسلام يغ کيت فلوق ايت اباله
کفر چيان ۲ اتو اعتقاد کيت کفد
فرتنجوق ۲ يغ دسمفين اوله
رسول (فسوره توهن) کفد کيت دغن
کادان دان روف يغ بايک. اي
دجالکن بر فراتوران دغن نسقام
دغن فاتوه مفيکوة فرته ۲ يغ سده

دغن ايت مک اتق ۲ هندقله
ايغه بهوا کيت ددالم معنی براکام
ايت اداله بر اعتقاد دان بر کفر چيان
بهوا اتوران ۲ دان اوندغ ۲ اداله
دناج مفيکوة قاعده ۲ باکي کلامتن
دنيا دان اخره. باکي کيت اتو دغن
ترغن باکي اتق ۲ بارغکالي سده
مندر بهوا سافکه اورغن يغ
ميمفين اکام اسلام ايت کفد کيت
جو ابن بهوا يغ مياوا دان ميمفين
اکام اسلام ايت کعالم مأنسي اين
اياله محمد بن عبدالله بن
عبدالمطلب يايت رسول اتو فسوره
الله يغ فبوده يهدظاهرکن دمکه

دغن ايت مک اتق ۲ هندقله
ايغه بهوا کيت ددالم معنی براکام
ايت اداله بر اعتقاد دان بر کفر چيان
بهوا اتوران ۲ دان اوندغ ۲ اداله
دناج مفيکوة قاعده ۲ باکي کلامتن
دنيا دان اخره. باکي کيت اتو دغن
ترغن باکي اتق ۲ بارغکالي سده
مندر بهوا سافکه اورغن يغ
ميمفين اکام اسلام ايت کفد کيت
جو ابن بهوا يغ مياوا دان ميمفين
اکام اسلام ايت کعالم مأنسي اين
اياله محمد بن عبدالله بن
عبدالمطلب يايت رسول اتو فسوره
الله يغ فبوده يهدظاهرکن دمکه

Apa Dia Islam

Di dalam keluaran yang lalu anak-anak telah difahamkan apa dia Islam itu

dan dalam keluaran ini anak-anak akan diberi faham pula apa dia agama dan

apa maksudnya agama itu. Kalimah atau perkataan "agama" itu menurut

pengertian atau menurut fahaman orang-orang Islam ialah sejumlah daripada iktikad-iktikad,

kepercayaan-kepercayaan, undang-undang, peraturan-peraturan, pimpinan-pimpinan, pelajaran-pelajaran bagi

keselamatan dan kebahagiaan dunia dan akhirat yang diwahyukan atau yang ditunjukkan

oleh Allah kepada manusia dengan perantaraan seorang rasul-Nya (pesuruh-Nya).

Jadi agama itu atau dengan jelasnya

agama Islam yang kita peluk itu ialah

kepercayaan-kepercayaan atau iktikad-iktikad kita kepada

pertunjuk-pertunjuk yang disampaikan oleh

rasul (pesuruh Tuhan) kepada kita dengan

keadaan dan rupa yang baik. Ia

dijalankan berperaturan dengan saksama

dengan patuh mengikut perintah-perintah yang sudah

diberi dengan cara yang baik, beradab

tertib yang sopan, berperangai dan

berkelakuan yang baik dan dengan

kerana itu tiap-tiap pesuruh (rasul)

yang membawa agama itu adalah adab

tertib dan perangnya menjadi tauladan

kepada pengikut-pengikutnya supaya ia berkeadaan

sempurna dan supaya pengikut-pengikut yang

mengikut jejaknya tidak membawa pepercahan

dan tidak membuat kelakuan-kelakuan yang akan

membinasakan kehidupan di dunia ini.

Sekiranya ia tidak diserahkan

membawa kelakuan-kelakuan dan budi pekerti

yang baik maka sudah tentu tiap-tiap

kehidupan orang-orang di dunia tidak lagi

berpandu kepada kebaikan dan pertunjuknya

tetapi berpandu kepada kemahuan hawa

nafsu, mengikut rasa hati dan seumpamanya

yang akan membawa kebinasaan di antara kita

sesama kita.

Dengan itu maka anak-anak hendaklah

ingat bahawa kita di dalam makna beragama

itu adalah beriktikad dan berkepercayaan

bahawa aturan-aturannya dan undang-undangnya adalah

ditaja mengikut kaedah-kaedah bagi keselamatan

dunia dan akhirat. Bagi kita atau dengan

terangnya bagi anak-anak barangkali sudah

mendengar bahawa siapakah orangnya yang

menyampaikan agama Islam itu kepada kita?

Isyaratnya bahwa yang mentawakan menyampaikan

agama Islam itu ke alam manusia ini

ialah Muhammad bin 'Abd Allāh bin

'Abd al-Mutalib iaitu Rasul atau Pesuruh

Allah yang Penyudah yang dizahirkan di Makkah

dalam masa tiga belas tahun sebelum

Hijrah yakni seribu tiga ratus

delapan puluh lima tahun yang lampau

Agama yang dibawa oleh Pesuruh Allah

ini atau oleh Nabi Muhammad ialah agama

yang akhir yang diturunkan oleh Allah. Agama

yang dibawanya ini menerangkan, dan

memeluk-memeluknya berpendapatan, bahawa tiap-tiap

agama sebelum agama yang dibawanya itu,

yang dibawa oleh rasul-rasul yang sebenarnya yang

tiba terdahulu daripadanya adalah dinamakan

"Islam" dalam bahasa masing-masing.

Tiap-tiap rasul yang dahulu-dahulu daripada

Nabi kita Muhammad *shallā Allāhu 'alayhi wa sallam*

itu, semenjak daripada Nabi Ādam (nabi

yang permulaan dan bapa sekalian manusia)

adalah membawa agama Islam itu mengikut

keadaan pada zamannya. Apabila habis zaman

yang pertama berganti dengan zaman yang kedua

(iaitu umpamanya sesudah Nabi Ādam, timbul

nabi yang kemudian maka yang kemudian itu

membawa pula hukum-hukum atau cara-cara agama

itu mengikut keadaan-keadaan masa itu dan

sebab itu kedatangan tiap-tiap rasul yang

kemudian daripada permulaan ke dunia ini

adalah *memansūkhkan* atau mengubah cara

hukum-hukum yang dibawa oleh yang terdahulu

daripadanya dan sehingga itu penghabisannya

kepada agama yang dibawa oleh Junjungan

kita Muhammad *shallā Allāhu alayhi wa sallam* dengan

agamanya yang kita peluk atau kita ikut

bersama-sama hari ini dan dengan adanya

(Sambungannya pada muka 17)

ديديقتن اخلاق

بئر دان دوستا

اياله:

1. افيل كامو ليهه سوات
كجادين بغيرلاكو امفمان اورغ
دندوق لسبو اتو كامو دغر سوات
فرخبران امفمان شورغ فچاهه
دالم هوتن تله دافه دتگف اوله
فولس مك كامو چريشاكڤن. كغد
اورغ، بكيماڤ يغ كامو ليهه دان
كامو دغر دغن تيدق منسه اتو
مغورغڤن ولو سديكيه فون درغد
كجادين اتو فرخبران ايت مك
كامو اياله شورغ يغ بئر تنافي
جك كامو تمبه اتو كورغڤن درغد
يغ مبسرن مك كجادين اتو فرخبران
ايت بوكله بئر لاكي دان كامو
دنماكن فندوستا.

2. افيل كامو برججي دغن
شورغ ماني اتو كاوان كامو
برججي كغد كامو امفمان
اي مغاچق كامو فركي مليهه
بناتغ ۲ دكيون بناتغ مك نيه كامو
بنول ۲ هندق منونيكڤن فرنجين
ايت مك يهدمكڤن ايت بئر يغ فاتوه
دفوجي تنافي جك كامو تيدق برينه
هندق منونيكڤن هان چوما مغاكو
دموله سهاج مك كامو اياله اورغ يغ
دويتا دان كجي.

3. افيل كامو دسوره اوله كورو
كامو مطالعه اتو مباح فلاجران
كامو مك كامو بوك بوكو اتو كتاب
دان تروس كامو باج دتمغه يغ
دسوره كامو مطالعه ايت مك كامو
اياله شورغ يغ بئر تنافي جك كامو
بوك بوكو دان تيدق كامو ممجان
هان كامو باليك ۲ كن سهاج هلي

2. عباس تله دسوره اوله
ايون مبلې سكاتي گولا فاسر دان
ميري كقدان واغ 40 سين تنافي
عباس تله مبلېكڤن هان 21 سين سهاج
باقين ديليكڤن كويه دان دماكن.
افيل اي باليك ايون تله برتان:
"مغاف كولا اين سديكيه عباس"
جوابن: "تأناهوله امق! ساي بلي
دكدي فامن تادي براف بغيري
ايت يغ ساي اميل." امقن تيدق

اوله زلما

فواسهاتي دغن جوافتن ايت تروس
اي فركي سديري ككدي فامن
دان برتان جواب فامن: "عباس
منا سغه كاتي سهاج دان دي
مباير 20 سين" ايون تله مازه دان
تله مفحكوم عباس كران دوستان
دان ايهن تله منسه لاكي هفك
ترسدن ۲ عباس مناغيڤن.

درغد دوا چريشا اين كامو
كتهويله معني بئر ايت يات
مغخبركن سوات فركارا برسوجو
دغن بغيرلاكو دان معني دوستا ايت
مغخبركن سوات فركارا برسولاهن
دغن بغيرلاكو.

مك درغد جنس ۲ بئر ايت

1. فد سوات هاري حسن
برمان توتف مات برسام ۲ راكن
دهلامن سكلهن شورغ درغد
راكن تله مناريق باجون دان
كويق اي مناغيڤن كران تاكوه
دفوكل امقن تنافي صالح شورغ
درغد راكن تله بركات كقدان
جاشن اوق سوسه سن! افيل امق
اوق برتان اوق كناكن باجو اوق
ترسگوه ديفكو سكله تنوله امق
اوق تيدق ماره.

حسن تله برسوله ۲ هاتين
ميكركڤن چاكف راكن ايت
تنافي منكل ايون برتان كقدان
اي تله منجاب: "ساي برچاكف
بئر امق. فد ماس ساي برمان
توتف مات دسكوله تادي شورغ
درغد كاوان ساي تله مناريق باجو
ساي" ايون يغ مولان هندق ماره
تله منجادي سجون دان بركات:
"جكلو تيدق كران اغكو برچاكف
بئر تنوله اغكو كا حكوم بوكن
اكو سهاج يغ مفحكوم بهكن ايه
اغكو بوله جادي برسوله ۲ لاكي.
تنافي سكارغ اكو معافكن اغكو
كران بئر اغكو دان اكو ايكنڤن
اغكو لامين كالي جاشله اغكو
برمان دغن كاوان ۲ يغ تيدق
چرمة دان سوك مناريقكن باجو"

Didikan Akhlak

Benar dan Dusta

1. Pada suatu hari Hasan

bermain tutup mata bersama-sama rakannya di halaman sekolahnya. Seorang daripada rakannya telah menarik bajunya dan koyak. Ia menangis kerana takut dipukul emaknya tetapi Saleh seorang daripada rakannya telah berkata kepadanya jangan awak susah San! Apabila emak awak bertanya awak katakan baju awak tersangkut di bangu sekolah tentulah emak awak tidak marah.

Hasan telah berbelah-belah hatinya

memikirkan cakap rakannya itu tetapi manakala ibunya bertanya kepadanya ia telah menjawab: "Saya bercakap benar emak. Pada masa saya bermain tutup mata di sekolah tadi seorang daripada kawan saya telah menarik baju saya." Ibunya yang mulanya hendak marah telah menjadi sejuk dan berkata: "Jikalau tidak kerana engkau bercakap benar tentulah engkau kena hukuman bukan aku sahaja yang menghukum bahkan ayah engkau boleh jadi berlebit-lebit lagi, tetapi sekarang aku maafkan engkau kerana benar engkau dan aku ingatkan engkau lain kali janganlah engkau bermain dengan kawan-kawan yang tidak cermat dan suka menarik baju."

2. Abbas telah disuruh oleh

ibunya membeli sekati gula pasir dan memberi kepadanya wang 40 sen tetapi Abbas telah membelikan hanya 20 sen sahaja bakinya dibelikkannya kuih dan dimakannya. Apabila ia balik ibunya telah bertanya: "Mengapa gula ini sedikit Abbas?" Jawabnya: "Tak tahulah emak! Saya beli di kedai Pak Man tadi berapa yang diberi itu yang saya ambil." Emaknya tidak

oleh Zulma

puas hati dengan jawapannya itu terus ia pergi sendiri ke kedai Pak Man dan bertanya. Jawab Pak Man: "Abbas minta setengah kati sahaja dan dia membayar 20 sen." Ibunya marah dan telah menghukum Abbas kerana dustanya dan ayahnya telah menambah lagi hingga tersedan-sedan Abbas menangis.

Daripada dua cerita ini kamu

ketahuilah makna benar itu iaitu mengkhabarkan sesuatu perkara bersetuju dengan yang berlaku dan makna dusta itu mengkhabarkan sesuatu perkara bersalahan dengan yang berlaku.

Maka daripada jenis-jenis benar itu

ialah:-

1. Apabila kamu lihat suatu kejadian yang berlaku umpamanya orang ditanduk lembu atau kamu dengar suatu perkhabaran umpamanya seorang penjahat dalam hutan telah dapat ditangkap oleh polis maka kamu ceritakan kepada orang, bagaimana yang kamu lihat dan kamu dengar dengan tidak menambah atau mengurangkan walau sedikit pun daripada kejadian atau perkhabaran itu maka kamu ialah seorang yang benar tetapi jika kamu tambah atau kurangkan daripada yang sebenarnya maka kejadian atau perkhabaran itu bukanlah benar lagi dan kamu dinamakan pendusta.

2. Apabila kamu berjanji dengan

seorang manusia atau kawan kamu berjanji kepada kamu umpamanya ia mengajak kamu pergi melihat binatang-binatang di kebun binatang maka niat kamu betul-betul hendak menunaikan perjanjian itu maka yang demikian itu benar yang patut dipuji tetapi jika kamu tidak berniat hendak menunaikannya hanya cuma mengaku di mulut sahaja maka kamu ialah orang yang dusta dan keji.

3. Apabila kamu disuruh oleh guru

kamu *mufla'ah* atau membaca pelajaran kamu maka kamu buka buku atau kitab dan terus kamu baca di tempat yang disuruh kamu *mufla'ah* itu maka kamu ialah seorang yang benar tetapi jika kamu buka buku dan tidak kamu bacanya hanya kamu balik-balikkan sahaja belai



سهاڳين درفد مريد ۲ درجه 4 مدرسة المعلمات محمدية دجوقجاكرتا. كباپكن مريد ۲ دالم مدرسة المعلمات اين دري تمنة ۲ بغ جاوه درفد سلوره اندونيسيا دان ددالمن ادليم اورغ فنتتوة ۳ دري سيغافورا بلاجر ديتو. جوقجاكرتا لتقن اداله دتفه ۲ فولو جاوا - جاوه درفد كيت دسين تتافي اي دكة جوكن كند اورغ ۳ بغ كمرن علم. ان شاء الله رواية مدرسة اين دان حال احوال ددالمن اكن دتوليس ددالم مجله اين - كمبر قلم.

بوكو ايت سفاي كليها تن سفرت
 بتول ۲ كامر مباح مك فربواتن
 كامو ايت دوستا بغ فاتوة دخكوم.
 4. چك كامو تاهو شورغ مريد
 مچهنكن كاج تهكف سكوله اتو
 مروسفن ۲۰۰ دالم سكوله تيبا
 كورو بر سكوله ايت منوده
 مغحكوم مريد بغ لامين بغ تيدق
 بردوسا مك كامو ديم تيدق ماهو
 ميتاكن كند كورو ايت مريد بغ
 ملاكوكن كسلاهن مك ديم كامو
 ايت اباله دوستا بغ ساغة دكجي
 تتافي بچك كامو مترغكن كند كورو
 اكن مريد بغ بردوسا بغ فاتوة
 مريم احكومن دان سكاليفون دبري
 كامو سديري مك كامو ايت اباله
 شورغ بغ بنر دان دفرچيائي.
 منفعة بنر دان مضرة دوستا.
 1. بنر ايت ميلا متكن سشورغ
 درفد كلاكوان اتو فراغي بغ هوده
 مالبكن دوستا ايت ماكن منمبهن
 هوده كلاكوان شورغ بغ مبعغ
 فراغن سده هوده دان منجادبكن
 شورغ ايت دفتدغ رنده. هينا دان
 ديتجي سرت الله تعالى سنتياس
 ملعتنكن اورغ بغ دوستا بگيمان
 فرمانن توجوانن مك اعنة الله ايت
 تنف اتس اورغ ۲ بغ دوستا.
 2. بنر ايت دكاسهي دان
 دفرچيائي - كامو تننو دافة مليهة
 مريد دان اورغ ۲ بغ بنر ايت سنتياس
 دكاسهي اوله ايوه بفان كوروان.
 صحابه ۲ سرت الله دان رسولن اكن
 مريضان دغن بمبو كاكين فينتوهاتن
 سغ بلاجر، موده فهم دان مندافة
 علم بغيركة بگيتوله سروسن
 بوروه ۳، توكغ ۲، دقتور ۲، لوير ۳.
 سوداكر ۳ بغ بنر ايت بايق اورغ
 (سبوقتن فد مولك 17)



Sebahagian daripada murid-murid darjah 4 Madrasah al-Mu'allimât Muhammadiyah di Jogjakarta. Kebanyakan murid-murid di dalam Madrasah al-Mu'allimât ini dari tempat-tempat yang jauh daripada seluruh Indonesia dan di dalamnya ada lima orang penuntut-penuntut dari Singapura belajar di situ. Jogjakarta letaknya adalah tengah-tengah pulau Jawa – jauh daripada kita di sini tetapi ia dekat juga kepada orang-orang yang gemarkan ilmu. *Inshā-Allah* riwayat madrasah ini dan hal ehwal di dalamnya akan ditulis di dalam majalah ini – gambar Qalam.

betul-betul kamu membaca maka perbuatan kamu itu dusta yang patut dihukum.

4. Jika kamu tahu seorang murid memecahkan kaca tingkap sekolah atau merosakkan alat-alat dalam sekolah tiba-tiba guru besar sekolah itu menuduh menghukum murid yang lain yang tidak berdosa maka kamu diam tidak mahu menyatakan kepada guru itu murid yang melakukan kesalahan maka diam kamu itu ialah dusta yang sangat dikeji tetapi jika kamu menerangkan kepada guru

akan murid yang berdosa yang patut menerima hukuman dan sekalipun diri

kamu sendiri maka kamu itu ialah seorang yang benar dan dipercayai. Manfaat benar dan mudarat dusta.

1. Benar itu menyelamatkan seseorang daripada kelakuan atau perangai yang hodoh sebaliknya dusta itu makin menambahkan hodoh kelakuan seorang yang memang perangainya sudah hodoh dan menjadikan seorang itu dipandang rendah, hina dan dibenci serta Allah Ta'ālā sentiasa melaknatkan orang yang dusta bagaimana

firman-Nya tujuannya maka laknat Allah itu tetap atas orang-orang yang dusta.

2. Benar itu dikasihani dan dipercayai – kamu tentu dapat melihat murid-murid dan orang-orang yang benar itu sentiasa dikasihani oleh ibu bapanya guru-gurunya, sahabat-sahabat serta Allah dan rasul-Nya akan meredainya dengan membukakan pintu hatinya senang belajar, mudah faham dan mendapat ilmu yang berkat begitulah seterusnya buruh-buruh, tukang-tukang, doktor-doktor, *lawyer-lawyer*, saudagar-saudagar yang benar itu banyak orang (Sambungannya pada muka 17)

مجلس کانون

فراوباهن زمان . فراوباهن مان
 بغ اکن منداتهن فائده کفد ديري
 سنديري دان اورغرامي . جاغن هان
 مفکوة فراوباهن دغن بوت تولي
 سهاج . تقافي ننتي اخرن مروستکن
 دان مروکيکن کفد کيت کلق .

زمان اين اباله زمان منجاري
 کفشدان باکي ادیق ۲ سکلين . زمان
 منتوة . ادیق ۲ چوب فرهايتکن
 اورغ ۲ بقر کموک (بقر نام) دالم دنيا
 اين نااکن ترچادي کالو تديق دغن
 منتوة دان بلاجر ساس کچيلن اتو
 بسرن . دان جوک بلاجر ايت
 هندقله دستراکن دغن کماهوآن
 هاتي بغ قوآه . تکون . صبر منربما
 دوکآن دان هالفن بغ منبمان .

بغ ليمان

فائده سکوله

سلوم ساي منجريتکن فائده
 سکوله . سوک فول ساي منجريتکن
 بکيمانکه اصل اصول ترديرين
 سبواه سکوله . سکوله ايت اد بغ
 دديريکن اوله کراجان بغ ممرته
 سبواه نکري . اد بقدديريکن اوله
 سوداگر ۲ دان اد جوک دديريکن
 دغن ممتا درما دري اورغ رامي
 دان دنماکن سکوله رعبه اتوء رعبه .
 دالم سکوله ايت فول اد
 برباکي ۲ فراکاس دان فلاجران
 بغيرگون داجر اوله کورؤو بغ
 ماهير . بيچق دان برکولوسن .
 اد فون سکوله ساتو باغونن
 فلاجران بغ تيغکي موتون باکي

ادیق ۲ دان زمان

ادیق ۲ سکلين .

سکيمان بقتله دجيجکن دالم
 کلوارن بغ لالو مک دسين سلوم
 دترغکن لبه ليجوة ماريله ادیق ۲
 مليه سجنق (کجف) دکليلغ
 کادآن هاري ۲ بغ ادیق ۲ لالومي اتو
 براد دالمس .

زمان ادیق ۲ سکارغ بوله
 دکاکن زمان کرنداهن اتو زمان
 فالغ مودا . ادیق ۲ اکن منمفوه
 بايق لاکي زمان ۲ بغ اکن داتغ
 سزمان ديواس . زمان مودا . زمان
 توا .

ميبوة زمان بغ فالغ مودا ايت
 اباله طرف اتو فریکه کفد ادیق ۲
 سکلين . ادیق ۲ هاروس قندي
 منسوايکن اتو ميساکن ديري دغن
 زمان . زمان ادیق ۲ اين بايق
 فجاهن اتو بهاکين . ساتو درفد
 فجاهن ۲ اباله "فرکاولن سھاري ۲"
 اتوء فراکاراين (فرکاولن سھاري ۲)
 ادیق ۲ فرلو کفد صفة "برلمبوة"
 اين بوله دارتيکن جوک دغن
 فليديقتن اتو فياستن .

مثالن دالم فرکاولن بغ رافة
 ادیق ۲ تيف ۲ هاري برحفا
 برکوروا سندا دغن مسرا . دغن
 تاامنآ فرکاولن ايت منجادي
 رغکغ اد بغ تامهو منجمفورکن
 ديري . منجاوهکن ديري دغن
 تآبرسب . اين هاروس ادیق ۲
 ميطله دان مغهوي سبب ۲ جاغن
 فول ادیق ۲ تورة برسام فربواتن
 بغ دمکين ايت . کران چارا
 بقدمکين ايت کرس ظاهرن . مک
 کرس دغن کرس برلاک تتو اکن
 هنجور دان برتابوران دبومي .
 جادي هاروس ادیق ۲ برصفة
 لمبوة قندي موجوق سفای ای دافه
 کبالي سولا دالم فرکاولن
 سھاري ۲ ايت .

اتوء برلمبوة ايت هاروس
 دغن مگکوناکن کات ۲ بغ مانس
 دان موجوق . بوکن دغن چارافقسآن
 اتو ککراسن . کران ادیق ۲ تاهو
 بهوا کات ايت منجادي "فلاور دان
 راجون" بغ ميمونه مآسي .
 کبالي کفد فراکارا زمان
 تادي . زمان ستياس براوبه . جادي
 ادیق ۲ هاروس ممرهايتکن کفد



Adik-adik dan Zaman

Adik-adik sekalian.

Sebagaimana yang telah dijanjikan dalam keluaran yang lalu maka di sini sebelum diterangkan lebih lanjut marilah adik-adik melihat sejenak (sekejap) di sekeliling keadaan hari-hari yang adik-adikalui atau berada di dalamnya.

Zaman adik-adik sekarang boleh dikatakan zaman kerendahan atau zaman paling muda. Adik-adik akan menempuh banyak lagi zaman-zaman yang akan datang – zaman dewasa, zaman pemuda, zaman tua.

Menyebut zaman yang paling muda itu ialah taraf atau peringkat kepada adik-adik sekalian. Adik-adik harus pandai menyesuaikan atau menyamakan diri dengan zaman. Zaman adik-adik ini banyak pecahan atau bahagiannya. Satu daripada pecahan-pecahannya ialah “pergaulan sehari-hari” untuk perkara ini (pergaulan sehari-hari) adik-adik perlu kepada sifat “berlembut” ini boleh diertikan juga dengan penyediaan atau penyiasaan.

Misalnya dalam pergaulan yang rapat

adik-adik tiap-tiap hari berjumpa bergurau senda dengan mesra, dengan tak semena-mena pergaulan itu menjadi renggang, ada yang tak mahu mencampurkan diri, menjauhkan diri dengan tak bersebab, ini harus adik-adik menyiasat dan mengetahui sebab-sebabnya “jangan pula adik-adik turut bersama perbuatan yang demikian itu. Kerana cara yang demikian itu keras zahirnya. Maka keras dengan keras berfala tentu akan hancur dan bertaburan di bumi. Jadi harus adik-adik bersifat lembut pandai memujuk supaya ia dapat kembali semula dalam pergaulan sehari-hari itu.

Untuk berlembut itu harus dengan menggunakan kata-kata yang manis dan memujuk, bukan dengan cara paksaan atau kekerasan, kerana adik-adik tahu bahawa kata itu menjadi “penawar dan racun” yang membunuh manusia.

Kembali kepada perkara zaman tadi. Zaman sentiasa berubah. Jadi adik-adik harus memerhatikan kepada

perubahan zaman. Perubahan mana yang akan mendatangkan faedah kepada diri sendiri dan orang ramai. Jangan hanya mengikut perubahan dengan buta tuli sahaja, tetapi nanti akhirnya merosakkan dan merugikan kepada kita kelak.

Zaman ini ialah zaman mencari kepandaian bagi adik-adik sekalian, zaman menuntut. Adik-adik cuba perhatikan orang-orang yang terkemuka (yang ternama) dalam dunia ini tak akan terjadi kalau tidak dengan menuntut dan belajar semasa kecilnya atau besarnya, dan juga belajar itu hendaklah disertakan dengan kemahuan hati yang kuat, tekun, sabar, menerima dugaan dan halangan yang menyimpannya.

Abang Leman

*

Faedah sekolah

Sebelum saya menceritakan faedah sekolah, suka pula saya menceritakan bagaimanakah asal usul terdirinya sesebuah sekolah. Sekolah itu ada yang didirikan oleh kerajaan yang memerintah sesebuah negeri, ada yang didirikan oleh saudagar-saudagar dan ada juga didirikan dengan meminta derma dari orang ramai dan dinamakan sekolah rakyat untuk rakyat. Dalam sekolah itu pula ada berbagai-bagai perkakas dan pelajaran yang berguna diajar oleh guru-guru yang mahir, bijak dan berkelulusan.

Adapun sekolah satu bangunan pelajaran yang tinggi mutunya bagi



ايضنه اديق ۲۰۲۰ و بڠ چوميل ۲۱ اين سديغ برادو مكام دان ائو نيسيا كبت
 ديسافورا . مريك بركاين باتيك برانجو كباي دان سته ۲۴ كانين
 " برويون " . افكه " ورون " ايت " ورون " اياله مكامن كانين لمس
 يداوجفن دلقه برتنبده ۲۶ دان فد تله ۲۴ دكليف . كالو اديق ۲
 ليهه اورغ ۲۴ بڠ بايق مكامن ورون ايت اياله اورغ جاوا دان
 سباكين جوگك دري ائو نيسيا . اصل مكامن " ورون " ايت
 سترن دري فووا جاوا كمدين بهارو كلاين ۲ - كمير فلم .

رعة نكري . فائده سكو له ايت اياله
 اتوء كيت مغميل سكل فلاجران
 دان فقهوان بغيركون دان بگكن
 منجمين كهيدوفن كيت دماس اكن
 داغ . سرت مندافكن بگيت كساغن
 دان كهيكيان دماس كمدين (اخرة) .
 منجمين كهيدوفن كيت
 يغبسوتكن تادي اياله سفاي داقه
 كيت مكمغ جواتن بڠ سغ اتو سغكي .
 دان سفاي داقه كيت منجورهكن
 قول كغد اتق ۲ كيت دماس
 اكن داغ . بوكن اتوء فائده دري
 سديري . تنافي كيت هاروس
 برنجني كغد دري سديري بهوا
 كغنداين اتو فلاجران ۲ بڠ اكن
 اكو داقه دائم سكو له اين اياله
 اتوء فائده بفسا دان تانهابر .

وانيتا سراوق

مباشون سكو له انگريس

سبواه سكو له بغيرنام
 ساتوف فريبية اغكليس سكو له
 دباغونكن فد اخرو تاهون 194۰ . دغن
 ليم اورغ مريد دان شورغ كورو .
 مريد ۲ دسين سماكين هاري سماكين
 براغسور برتمبه . هغك ترفقسا
 منمبهكن كورو لاكي اتوء مفاجر
 فروتوكاغن تاغن .

اينله سبواه سكو له اغكريس
 بغيرنام كالي دديريكن اوله وانيتا
 ملايو . دبندر كوچيغ خاصن . دان
 وانيتا سراوق عامن . لتفن سكو له
 اين همفير دغن جمباين كغشوغ بڠ
 مشهور داستوف رود . بيمان هاري ۲
 فنتوء ۲ داقه اودارا بغيرسيه . سرت

مغالوكن كلاهيران " كاتق ۲ " .
 كعالم فرسوراتن ملايو . " كميرا " .
 بڠ ساي سوتكن ايت كران منورة
 بڠ ساي فهم درفد رنجان فغارغ
 كاتق ۲ بلاغن بڠ ترسبوة " بهوا
 فونجا بغارنام بڠ مندوروشكن فد
 منريشكن " كاتق ۲ " اياله سفاي داقه
 اتق ۲ كيت مغل اف ارني اسلام دان
 سكل اجارن بڠ برسكوة فآوة دغن " .
 بدمكين دغن لاهيرن " كاتق ۲ " .
 دافنله كامي مندالمكن لاكي
 فقهوان كامي تنغ سيلوق بيلوق
 اكام اسلام بغمها سوچي دان اتوء
 منجادينكن ديري كامي اورغ ۲
 بغيركون كغد اكام اسلام بڠ ميغ
 دنتوء .

محمود نصرة
 كتوا مريد ۲ مدرسة زين العابدين
 كوالا ترغكانو .

كيت ليهه اورغ ۲ بغيرنام . بڠ
 مندافه كلارن ساكي دقتور . فروفسر .
 فدبت . فوجفك دان لاءين ۲۵ اياله
 براصل دري سكو له . ساد دري ماس
 كچيلن اتو ماس توان . مستحيل
 كغنداين ايت داغ دغن تيدق
 برسكو له . دري ايت ماريله كيت
 ربونكن فلواغ بغيرهرك اين
 ملاكي حيا دكندوغ يدان .

سليم بن قاسيم
 سكو له ملايو باچغ . ملاك .

"كاتق ۲" اتوء كاتق ۲

سئله مباح نسخة مجله كاتق ۲
 بلاغن بغيرنام . مك اتس نام مريد ۲
 سكو له اكام (السلطان زين العابدين
 كوالا ترغكانو) دغن كميران

rakyat negeri, faedah sekolah itu ialah untuk kita mengambil segala pelajaran dan pengetahuan yang berguna dan yang akan menjamin kehidupan kita di masa akan datang, serta mendapatkan kita kesenangan dan kebahagiaan di masa kemudian (akhirat).

Menjamin kehidupan kita yang disebutkan tadi ialah supaya dapat kita memegang jawatan yang senang atau tinggi, dan supaya dapat kita mencurahkan pula kepada anak-anak kita di masa akan datang. Bukan untuk faedah diri sendiri, tetapi kita harus berjanji kepada diri sendiri bahawa kepandaian atau pelajaran-pelajaran yang akan aku dapat di alam sekolah ini ialah untuk faedah bangsa dan tanah air.

Kita lihat orang-orang yang termama, yang mendapat gelaran sebagai doktor, profesor, pendeta, pujangga dan lain-lainnya ialah berasal dari sekolah, sama ada dari masa kecilnya atau masa tuanya, mustahil kepandaian itu datang dengan tidak bersekolah, dari itu marilah kita rebutkan peluang yang berharga ini selagi hayat dikandung badan.

Salam bin Kassim

Sekolah Melayu Bachang, Melaka.

*

“Kanak-kanak Untuk Kanak-kanak”

Setelah membaca naskhah majalah Kanak-kanak bilangan yang pertama, maka atas nama murid-murid Sekolah Agama (Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu) dengan gembiranya



Lihatlah adik-adikmu yang comel-comel ini sedang beradu pakaian di Indonesia Club di Singapura. Mereka berkan batik berbaju kebaya dan setengah-setengahnya kainnya “berwiron”. Apakah “wiron” itu? “Wiron” ialah pakaian kain lepas yang di hujungnya dilipat bertindih-tindih dan pada tengah-tengahnya diklip. Kalau ada adik-adik lihat orang-orang yang banyak menggunakan wiron itu ialah orang Jawa dan sebahagian juga dari Indonesia. Asal menggunakan “wiron” itu sebenarnya dari pulau Jawa kemudian baharu ke lain-lain – gambar Qalam.

mengalu-alukan kelahiran “kanak-kanak”

ke alam persuratan Melayu. “Gembira” yang saya sebutkan itu kerana menurut yang saya faham daripada rencana pengarang Kanak-kanak bilangan yang tersebut “bahawa punca yang utama yang mendorongkannya pada menerbitkan “Kanak-kanak” ialah supaya dapat anak-anak kita mengenal apa erti Islam dan segala ajaran yang bersangkutan paut dengannya”.

Yang demikian dengan lahinya “Kanak-kanak”.

dapatlah kami mendalamkan lagi pengetahuan kami tentang selok-belok agama Islam yang maha suci dan untuk menjadikan diri kami orang-orang yang berguna kepada agama Islam yang memang dituntut.

Mahmud Nasrah

Ketua murid-murid Madrasah Zainal Abidin

Kuala Terengganu.

Wanita Sarawak

Membangun Sekolah Inggeris

Sebuah sekolah yang bernama *Satop' Private English School* dibangunkan pada akhir tahun 1949, dengan lima orang murid dan seorang guru. Murid-murid di sini semakin hari semakin beransur bertambah, hingga terpaksa menambahkan guru lagi untuk mengajar pertukangan tangan.

Inilah sebuah sekolah Inggeris yang pertama kali didirikan oleh wanita Melayu, di bandar Kuching khususnya, dan wanita Sarawak amnya. Letaknya sekolah ini hampir dengan jambatan gantung yang masyhur di *Satop' Road*, yang mana hari-hari penuntut-penuntut dapat udara yang bersih, serta

¹ Perkataan sebenar ialah Satok.

² Perkataan sebenar ialah Satok.



افكه اديقمو اين بواته؟ جم تاغنن ترلق دسبله كيرين: دودقن
برسيلا ففكوغ سدغ چاون زينكن دفكفن دغن تاغنن كاننن.
بدانن كاتل زوفان لالو دكارون. اي تدق ماهو ممدغ كغد
اورغ بڠ مغمكسرن. اي شوله ۲ سدغ برفيكر اتوفون جوكت
سدغ مرادغ - مفا؟ بگينيله صفة كاتق ۲ ساله مديكية سوک
مراجوق! - كمير قلم.

فمنداغن بڠ ايلوق. کران کونڠ
هار بولن چوکف بسر دان چوکف
فتوه کمدین درفد ايت کمبالي کچيل
بکيشوله ستروس بئع لاءن ۲
مک کنراشن درفد کتاب الله
قول (القرآن) فرمان الله:
«قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ»

ايرين کناکن اوليهو يا محمد

(sambungan dari muka 3)

diturunkan di atas lingkungan orang-orang di sana sudah tentu kita akan menderita atau orang lain yang kedudukannya tidak suka dengan kita akan menderita. Satu misal Tok Syeikh beri – umpamanya agama kita itu diturunkan di tempat kita ini yang sentiasa mewah dengan air. Hukum-hukumnya didasarkan dengan kemewahan air itu maka apakah halnya orang-orang yang hidup di dalam tempat-tempat yang payah dengan air? Kita patut bersyukur yang Allah telah memudahkan kita di dalam perkara ini kerana ukuran yang diletakkan untuk sukatan itu pada negeri yang kurang air seperti di tanah Hijaz dan dengan adanya kejadian-kejadian kepayahyan itu timbul berbagai-bagai hukum yang lain jikalau air itu tidak ada. Semuanya berjalan di dalam keadaan yang terjadi – tidak di dalam perintah sahaja.

Banyak perkara-perkara yang berkenaan dengan perkara ini. Kalau anak-anak membaca terus dalam ruangan ini, anak-anak akan berpuas hati dan bersyukur yang agama itu diturunkan permulaan itu di sana. Tuhan sangat kaya dan sesudah 1300 tahun lebih di tempat yang payah dapat air itu sekarang telah melimpah-limpah kemewahan dengan air. Kalaupun sekiranya keadaan airnya seperti sekarang maka di tempat-tempat lain yang kurang air akan menderita jika hukum-hukum air itu diasaskan kepada keadaan sekarang ini. Sekian dahulu nanti Tok Syeikh sambung lagi perkara ini.



(2)

Diharap makna dua belas perkataan Arab di dalam pelajaran (1) telah adik-adik ingatkan dan fahamkan betul-betul. Dan di bawah ini perkataan-perkataan yang lain pula untuk adik-adik hafazkan maknanya dan sebutan-sebutannya.

Fawqa – 'Alā	Atas	Fi	Pada – Di dalam
Tahta – Asfal	Bawah	Min	Daripada
Amāma	Hadapan	Ilā	Kepada
Khalfa – Wara'	belakang	Ḥattā	Hingga
Yamin	Kanan	Ma'a	Bersama-sama
Yasar	Kiri	Bi	Dengan
'Inda	Pada (sisi)		

Akidah Islam

Tuhan (Allah) itu Sa.

(Sambungan dari muka 16)

Dan firman-Nya yang lain pula:

((Law kūna fthimā ālihatun

illā Allāhu lafasadatū))

kemudian beransur-ansur besar – jadi orang muda kemudian jadi orang tua lepas itu beransur lemah akhirnya mati – bulan pula tiap-tiap seharibulan kecil kemudian besar hingga lima belas haribulan cukup besar dan cukup penuh kemudian daripada itu kembali kecil begitulah seterusnya yang lain-lain.

Ertinya sekiranya adalah pada keduanya

(langit dan bumi) itu tuhan-tuhan

yang lain daripada Allah nescaya

rosak keduanya.

Banyak lagi ayat-ayat yang menunjukkan

Maka keterangan daripada kitab Allah

pula (al-Qur'ān) firman Allah:

Allah Ta'ālī itu Satu tak payahlah saya

((Qul huwa Allāhu ahad))

sebutkan semuanya kerana saya percaya

Ertinya katakan olehmu ya Muhammad

kamu telah yakin Tuhan itu Sa.

فراڊوان تگانگي (2)

هدیه \$25.00

(1) برتياغ برومه ترالو هية
بربدان برمات سام ۳ سفاده
بالي فروتن بايق برسيرة
فدي برپوي سام ۳ سفاكة .

* * *

(2) رتبع دالم رتبع
رتبع دالم كابو ماتي
دتيوف اغين سفاكا كالا
جاري جوده سام ماتي .

* * *

(3) افكه دي واهي صحابه دان كاوان
دوا تيدق برجراي، تيك تيدق برلايين .

فوتغ دسين

توان فغورس فراڊوان تگانگي كاتق ۲ (2)
برسام ۲ اين ساي كير بيمكن فراڊوان تگانگي
كاتق ۲ (2) . ساي مفاكو مفيكوة سكل شرط ۲ ن .

جوافن ساي (1)

(2)

(3)

تندا تاغن

نام

علامه

(توليسله نام دان علامه دغن ترغ)

شرط ۲ ن .

1. ماسوق فراڊوان تباد كنا اف ۲ بايران .
2. لاءين درفد راجه اين تيدق دتريما .
3. سشورغ بوله منكا دغن براف بايق، تنافي
هان برحق مندافه ساتو هديه .
4. جوافن يفتول اد ترسيفن دالم فجابه
قلم دغن دمتر يكن .
5. كاكتياغن فجابه قلم تيدق دبزر كن مغميل
بهاكين .
6. هديه \$25.00 اكن دباير كند فنكا يفتول
سموا تنافي جك بايق يفتول اكن دبايكي
سامرات .
7. سكل كفوتسن تباد بوله دبته .
8. جوافن ۲ هندقله سفي كند كيت تيدق
ليواة دري 33 . 5 . 30 .
9. جوافن يفتول اكن دسار كن دالم كاتق ۲
كلوارن 53 . 6 . 15 .
10. سكل جوافن هندقله دعلامتن كند :-

PERADUAN TEKA TEKI KANAK2 (2)

356 & 358, Geylang Road,
Singapore, 14.

هركت لغكانن كاتق ۲

\$7.20	-	ستاھون
3.60	-	6 بولين
1.80	-	3 بولين
	-	سندجه 30 سين
	-	فوسه 6 سين

سورة ۲ هندقله دعلامتن كند:

Pengurus,

KANAK2

356 & 358, Geylang Road,
SINGAPORE, 14.

Phone: 31118

Syarat-syaratnya

1. Masuk peraduan tiada kena apa-apa bayaran.
2. Lain daripada rajah ini tidak diterima.
3. Seseorang boleh meneka dengan beberapa banyak, tetapi hanya berhak mendapat satu hadiah.
4. Jawapan yang betul ada tersimpan di dalam pejabat Qalam dengan dimaterikan.
5. Kakitangan pejabat Qalam tidak dibenarkan mengambil bahagian.
6. Hadiah \$25.00 akan dibayar kepada peneka yang betul semua tetapi jika banyak yang betul akan dibahagi sama rata.
7. Segala keputusan tiada boleh dibantah.
8. Jawapan-jawapan hendaklah sampai kepada kita tidak lewat dari 30.5.53.
9. Jawapan yang betul akan disiarkan dalam Kanak-kanak keluaran 15.6.53
10. Segala jawapan hendaklah dialamatkan kepada--

PERADUAN TEKA-TEKI KANAK2 (2)

356 & 358, Geylang Road,
Singapore, 14.

Harga Langganan Kanak-kanak

Setahun	—	\$7.20
6 bulan	—	3.60
3 bulan	—	1.80
Senaskhah 30 sen	—	post 6 sen

Surat-surat hendaklah dialamatkan kepada:

Pengurus,

KANAK2

356 & 358, Geylang Road,

SINGAPORE, 14.

Phone: 81118

PERADUAN TEKA TEKI (2)**HADIAH \$25.00**

(1) Bertiang berumah terlalu hebat

berbadan bermata sama-sama sepadat

Balai perutnya banyak berselirat

Pandai berbunyi sama-sama sepakat.

* * *

(2) Ranting dalam ranting

Ranting dalam kayu mati

Ditiup angin sangkakala

Cari jodoh sama mati.

* * *

(3) Apakah dia wahai sahabat dan kawan

Dua tidak bercerai, tiga tidak berlainan.

— -potong di sini — —

Tuan pengurus teka teki peraduan teka-teki kanak-kanak (2).

Bersama-sama ini saya kirimkan peraduan teka-teki kanak-kanak (2). Saya mengaku mengikut segala syarat-syaratnya.

Jawapan saya (1)

(2)

(3)

.....

Tandatangan

Nama:

Alamat:

(Tulislah nama dan alamat dengan terang)

هاري کرتيني داندونيسيا کلب سيڤافورا

مخبرياتي هاري کرتيني بابت هاري مفتح چاس
 برادين اجمع کرتيني شروع فرموان بترکل
 داندونيسيا تله دادکن داندونيسيا کلب فد ۲۱ اپريل
 ۱۹۵۵. اتق ۳ تنو برسام ۲ به برکميرا مراياکن سب
 اد هديه ۲ دبري کفد بغ منع ليته ادق ۳ مو
 ددالم کمبر اين چوکف برکميرا دان چوکف
 برسوکچيت .



فراډوان منيوف بيلون . ليته ادقمو بدهوجع سبله کيري
 منوقت تليغان تاکوته مندغر بوپي بيلون ملتوس .



ادق ۳ مو سدغ مندغر بکيمان روايه کرتيني دباچ
 دان امغليلي کسبرن .



فراډوان مندوقکي کورسي . ساف بزديري اي
 کلوار درفد فراډوان ايت .



کالو هندق ماسغ ليلين تشوله دغن فرسان تنغ کالو ترگسا ۳ تشوله فايه ماسغن - فراډوان ماسغ ليلين
 اين ميساکن کامو چکل دان برسکوه ۳ - کسمر ۳ قم



Hari Kartini di Indonesia *Club* Singapura

Memperingati Hari Kartini iaitu hari mengenang jasa Raden Ajeng Kartini seorang perempuan yang terkenal di Indonesia telah diadakan di Indonesia *Club* pada 21 April 1953. Anak-anak tentu bersama-sama lebih bergembira merayakannya sebab ada hadiah-hadiah diberi kepada yang menang. Lihat adik-adikmu di dalam gembira ini cukup bergembira dan cukup bersukacita.

Peraduan meniup belon. Lihat adikmu yang di hujung sebelah kiri menutup telinganya takut mendengar bunyi belon meletus.

* * *



Peraduan menduduki kerusi. Siapa berdiri ia keluar daripada peraduan itu.



Adik-adikmu sedang mendengar bagaimana riwayat Kartini dibaca dan mengelilingi gambarnya.



Kalau hendak memasang lilin tentulah dengan perasaan tenang kalau tergesa-gesa tentulah payah memasangnya – peraduan memasang lilin ini membiasakan kamu cekal dan bersungguh-sungguh – gambar Qalam.

Kanak-kanak




Megah sungguh Ahmad Abu kapten pasukan sekolah-sekolah Melayu Singapura XXXX¹

¹ Teks tidak lengkap, tidak dapat dibaca.



سفيرة سكو له ۲ فرمقوان ملايو سلوره سيفاقورا تله دادكن دفاذغ سكو له كيلغ فد ۹.۵.۵۳. كهر ۲ داتس مننجونكن سيباكنين
درند كاتق ۲ يفر ممصيل بيباكنين دالم فرادوان ايت . . كهر ۲ كاتق ۲ .



Sport Sekolah-sekolah Perempuan Melayu seluruh Singapura telah diadakan di padang Sekolah Geylang pada 9.5.53. Gambar-gambar di atas menunjukkan sebahagian daripada kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam peraduan itu. – Gambar-gambar Kanak-kanak.

ڪانق ۲

بيلاغن 4 - 15 مئي 1953 - 30 سنين

ديديقتن اخلاق

طاعة دان درهاڪ ڪفد ڪدوا ايوب باف!

(اوله زلما)

ساي فرچاي ڪامو سده باج فرڪارا طاعة ڪفد ايوب دالم مجله
 اين بيلاغن يگدوا. سڪارغ ماري ساي چريشاڪن تيڪ چريشا
 بايت چريشا بالنس اورغ يغ درهاڪ دان اورغ ۲ يغ طاعة ڪفد
 ايوب بفان.

سباڪي ايوب اغڪو. اغڪو براني
 مغلوار چاڪف مياڪيتي هاٿيڪو. اڪو
 تيدق رضا دان تيدق حلالڪن سوسو
 يغ تله ڪو بري ڪفدامو درفد ڪچيل
 اغڪو.

توهن تله ميتاڪن بهوا سومغه
 اورغتوامو اڪن دقبولڪن. سده
 هابيس سهاج فرڪنان فمودا ايت
 فون مونتہ ممويق - موتهن
 مغلوار ڪن سوسو تابرهنتي ۵۲. تيدق
 دڪهوي دري مان داتغن سوسو
 ايت. دوڪون دفغڪيل اتئو متجمني
 تيدق جوڪ برهنتي سهاڪ پاوان
 هابيس. اين ايباله چريشا يغبلاڪو
 دنڪري ڪيت اين!

2. ماري ڪيت فرهاتي فول ڪجادين
 دالماس رسول الله. ماس ايت اد
 شورغ مودا نماں علقمه. فمودا
 اين باغه طاعة سهاج. فواس.
 برصدقه دانلاءين ۵۲. ڪمدين اي
 مغيذ ساڪيه تروق. حال اين
 دبريشاهوڪن اوله اترين ڪفد
 رسول الله. رسول الله سوره صحابه ۲
 مليهن. صحابه ۲ فوڪي ڪرومه

1. شورغ مودا هندق كهوين
 دغن شورغ يغدقبيله اولهن
 سنديري. ايوب تيدق سوك دغن
 فرمفوان ايت جادي منتون. نڪاهن
 ايوب ايت تيدق داندهڪن اوله اتق
 ايت. اي تروس كهوين دغن
 فرمفوان ايت.

مليهه فربواتن ايت ايوب ماره
 ڪفد فمودا ايت. فمودا ايت تيدق
 مالو تريما ڪمارهن ايوب دان اي
 ملاون - فرتڪارن ترجادي دانارا
 ڪدوان. فمودا ايت مغلوار ڪن
 برماچم ۲. ڪات نسا ڪفد ايوب
 سنديري. سفاتوتن اي تيدق بربروات
 دمڪين ترهادف ايوب. فرڪنان
 فمودا ايت تله مغيچليڪن هاتي
 ايوب.

ايوب ايت هيلغ صبرن مندغر
 ڪات ۲ اتغن يغ مغلواري باسن
 ايت. فربواتن اتق ايت تيدق لاڪي
 دتوجوڪن سباڪي فرڪنان اتق ڪفد
 ايوب ڪندوغن. ڪران ترلمفاو ساڪيه
 هاتي اي فون مغلوار ڪن ڪات:
 "ڪالو اغڪو سده تيدق قندغ اڪو

ڪندوغن:

- ✱ ديديقتن اخلاق
- ✱ اغن ۲
- ✱ توء شيخ
- ✱ عقيدہ اسلام
- ✱ مجلس ڪانق ۲
- ✱ "مغ تواه" (ڪارتون)
- ✱ منولغ دان ميملا اورغ ۲
- ✱ يغ مستحق ديلا
- ✱ ڪودا تربغ (چريشا ليم مينيه)
- ✱ اف دي اسلام
- ✱ جناڪ دري تيمور دان بارة
- ✱ سرب نيڪا
- ✱ فرهاتي دان چمله سفاي
- ✱ ڪامو هيذوف بربهڪيا
- ✱ بلاجر بهاس عرب دان
- ✱ فنجاني عقل

دايفتڪن ڪفد اتق ۲ يغ
 مفهتتر فرادوان نڪانڪي
 ڪانق ۲ ڪوناڪنله ستمف
 4 سين سهاج دغن تيدق
 دلڪنڪن سغولن - جاغن
 ڪوناڪن ستمف 10 سين. دغن
 اين ملاتيهڪن جوڪ دبيري
 اتق ۲ برجيمة جرمة.

Kanak-Kanak

Bilangan 4 - 15 Mei 1953 - 30 sen

Kandungannya:

- Didikan akhlak
- Angan-angan
- Tok Sheikh
- Akidah Islam
- Majlis Kanak-Kanak
- "Hang Tuah" (kartun)
- Menolong dan membela orang-orang
- yang mustahak dibela
- Kuda terbang (Cerita Lima
- Minit)
- Apa dia Islam
- Jenaka dari timur dan barat
- Serbaneka
- Perhati dan camlah supaya
- kamu hidup berbahagia
- Belajar Bahasa Arab dan
- pencanai akal
-

Dingatkan kepada anak-anak yang

menghantar peraduan Teka teki

Kanak-kanak gunakanlah setem

4 sen sahaja dengan tidak

dilekatkan sampulnya – jangan

gunakan setem 10 sen. Dengan

ini melatihkan juga diri

anak-anak berjinmat.

Didikan Akhlak

Taat dan derhaka kepada kedua ibu bapa!

(oleh Zulma)

Saya percaya kamu sudah baca perkara taat kepada ibu dalam majalah ini bilangan yang kedua. Sekarang mari saya ceritakan tiga cerita iaitu cerita balasan orang yang derhaka dan orang-orang yang taat kepada ibu bapanya.

1. Seorang muda hendak kahwin dengan seorang yang dipilih olehnya sendiri. Ibunya tidak suka dengan perempuan itu jadi menantunya. Tegahan ibu itu tidak diendahkan oleh anak itu. Ia terus kahwin dengan perempuan itu.

sebagai ibu engkau. Engkau berani meluahkan capak menyakitkan hatiku, aku tidak reda dan tidak halalkan susu yang telah ku beri kepadamu daripada kecil engkau".

Tuhan telah menyatakan bahawa sumpah orang tuamu akan dikabulkan-Nya. Sesudah

Melihat perbuatan itu ibunya marah kepada pemuda itu. Pemuda itu tidak malu terima kemarahan ibunya dan ia melawan – pertengkaran terjadi di antara keduanya. Pemuda itu mengeluarkan bermacam-macam kata nista kepada ibunya sendiri. Sepatutnya ia tidak berbuat demikian terhadap ibunya. Perkataan pemuda itu telah mengecilkan hati ibunya.

2. Mari kita perhati pula kejadian dalam masa Rasulullah. Masa itu ada seorang pemuda namanya 'Alqamah. Pemuda ini sangat taat sembahyang, puasa, bersedekah dan lain-lainnya. Kemudian ia mengidap sakit teruk. Hal ini diberitahukan oleh isterinya kepada Rasulullah. Rasulullah suruh sahabat-sahabat melihatnya. Sahabat-sahabat pergi ke rumah

Ibu itu hilang sabarnya mendengar kata-kata anaknya yang meluahkan batasan itu. Perbuatan anak itu tidak lagi ditujukan sebagai perkataan anak kepada ibu kandungnya. Kerana terlampau sakit hati ia pun mengeluarkan kata: "Kalau engkau sudah tidak pandang aku

¹ Perkataan sebenarnya adalah membuak.

٢٤. مريک دافتي اي سدغ نزع
(ساکیه هندق ماتمي). مليهه ايت
صحابه ٢٤ مهاجرن مغوجف شهاده.
تسافي اي تيدق دافه ميکوه کران
ليدهن کلو دان کرس. براولغ ٢
کالي دجوب تيدق بوله جوک.

صحابه رسول الله بري تاهو
کجادين ايت کفد رسول الله. رسول
الله برتان کفد مريک اداکه لاکي
ايو بزان؟ مريک جواب: اد
ايون سهاج. کمدين رسول الله
متا جمفوتکن سفاي ايو برجمفا
رسول الله. ستله ايون مفادف
رسول الله مک اي برتان تنغ حال
علقمه ايت. ايو ايت منجواب: "اي
شورغ يغ طاعة سمهغ. فواس.
مغلو ارکن زکاة دان ميواة برباکي
کچيکن."

"بگيمان حال اغکو دغن دي"
تان رسول الله کفد ايو علقمه.
"ساي ماره کفدان کران اي
لبهکن استرين دان ميکوه سعوا
چاکف استرين" - جواب ايو
علقمه.

رسول الله برسدا: "ماره دان
مريک ايو ايتوله يغ منگهکن اي
مغوجف دوا کلمه شهاده ايت."

کمدين رسول الله برکات کفد
بال: "هي بالال فرکي کسفولکن
کالو افني بايق ٢. کمدن بالاکن
افني سفاي اکو باکر علقمه ايت."
مندغر فرته رسول الله کفد
بال ايت ايو علقمه برکات:
"يارسول الله بگيمان توان هندق
مباکر انق هسب. الفکه هنجور دان

دوکچيت هاتي هسب."

جواب رسول الله: "مقسا الله
فدان داخرة له لاکي دان ککل
سلملمان. جک اغکو سايع کفد انق
اغکو امفونکن دوسان کفد اغکو."
کمدين ايون مهاکو مغامفونکن
دوسان. لفس ايت بهاروله علقمه
دافه مغوجف شهاده. اي فون ماتمي
دعالم کادان يغ بايک.

ستله ميت علقمه دکومپيکن مک
رسول الله برسدا: "واهي صحابه
مهاجرين دان انصار. بارغشيف
مليهکن استرين درفد ايون مک
اتس لعة الله سرت تيدق دتريما
سکل عملتن - سعاد يغ فرض دان
يغ سه."

3 انق ٢ تتو تله مندغر
نام نبي الله سليمان. نبي الله سليمان
اين منجادي شورغ نبي يغ ممرته
دسلوره دنيا اين - درفد مانسي
هفک کفد جن. حيوان دان لاءين ٣.

فد سوات هاري نبي سليمان دباوا
اوله اغين برجالن داودارا. ددالم
فرجالن ايت اي سمني کفد سعوا
لاوه يغ دالم. دسان اي ترقدغ
ساتو کلو مبع يغ بسر يغ مناکو تکن.
کمدين نبي سليمان ممرتهکن
مباوان کسان لالو برهنتي دسيو
دان ممرتهکن جن ميلم کدالم لاهوه
ايت سفاي ممرهاتي اف يهاد دسان.
٢٤. تيا دسان ددافتي سواد قبه يغ
بسر درفد متيارا فونيه قبه ايت دباوا
کهدافن نبي سليمان. نبي سليمان
بردعا کفد الله منشا دتجوکتن اف

يهاد ددالم قبه ايت. دغن تيا قبه
ايت تربوک دان نمفق ددالم
شورغ مودا سدغ موجود کفد الله.
نبي سليمان برتان کفد فمودا ايت:
اداکه اغکو درفد جن اتو ملائکه؟
"ساي مانسي" - جوابين.

"بگيمان اغکو منجافي درجه
يغمليا اين - تان نبي سليمان.

"دغن سب ساي بر بقتي کفد
کدوا ٢١ ايو باف ساي. ساي اد
ايو يغ ساغه توا - ساي دوکوغ
اکندي دبلاکغ. ساي ستباس طاعة
کفدان. اي بردعا کفد توهن سفاي
ساي دتمفتکن تيدق فد بومي دان
تيدق فد لاغيه دان مندافه کبهکيان.
ايو ساي کمدين منغکل. ستله ايت
ساي برجالن دتقي لاهوه دان دسان
ساي نمفق اد ساتو قبه. افيل ساي
همشير کفد قبه اين اي تربوک.
مليهه ايت ساي ماسوق دان تروس
ترتوتف." - کات فمودا ايت.
"بگيمان اغکو دافه رزقي؟"
- تان نبي سليمان.

جواب فمودا ايت: "افيل ساي
براس لافر مک کلوار درفد قبه
ايت ساتو فوکوه سرت بواهن دان
کلوار درفدان اير يغ ساغه لده
راسان."

ستله هاييس چاکفن مک قبه
ايت ترغکوف سمولا دان تروس
ماسوق کدالم لاهوه. بايق لاکي
انق ٢ چريتا مغرت اين - چريتان
بوکن "دوغغ" تسافي بتول.
بايق دانتارا کامو تيدق

'Alqamah. Mereka dapati ia sedang nazak (sakit hendak mati). Melihat itu sahabat-sahabatnya mengajarnya mengucap shahadah. Tetapi ia tidak dapat mengikut kerana lidahnya kelu dan keras. Berulang-ulang kali dicuba tidak boleh juga.

Sahabat Rasulullah beritahu kejadian itu kepada Rasulullah. Rasul Allah bertanya kepada mereka adakah lagi ibu bapanya? Mereka jawab: Ada ibunya sahaja. Kemudian Rasulullah minta jemputan supaya ibu berjumpa Rasulullah. Setelah ibunya mengadap Rasulullah maka ia bertanya tentang hal 'Alqamah itu. Ibu itu menjawab: "Ia seorang yang taat sembahyang, puasa, mengeluarkan zakat dan membuat berbagai kebajikan."

"Bagaimana hal engkau dengan dia?"

Tanya Rasulullah kepada ibu 'Alqamah.

"Saya marah kepadanya kerana ia lebihkan isterinya dan mengikut semua cakap isterinya" – Jawab ibu 'Alqamah.

Rasulullah bersabda: "Marah dan murka ibu itulah yang menegahkan ia mengucap dua kalimah shahadah itu."

Kemudian Rasulullah berkata kepada Bilal: "Hai Bilal pergi kumpulkan kalu² api banyak-banyak. Kemudian nyalakan api supaya aku bakar 'Alqamah itu".

Mendengar perintah Rasulullah kepada Bilal itu ibu 'Alqamah berkata: "Ya Rasulullah bagaimana tuan hendak membakar anak hamba. Alangkah hancur dan

dukacitanya hati hamba."

Jawab Rasulullah: "Siksa Allah padanya di akhirat lebih lagi dan kekal selama-lamanya. Jika engkau sayang kepada anak engkau ampunkan dosanya kepada engkau."

Kemudian ibunya mengaku mengampunkan dosanya. Lepas itu baharulah 'Alqamah dapat mengucap shahadah. Ia pun mati dalam keadaan yang baik.

Setelah mayat 'Alqamah dikebumikan maka Rasulullah bersabda: "Wahai sahabat Muhajirin dan Ansar, barangsiapa melebihi isterinya daripada ibunya maka atasnya laknat Allah serta tidak diterima segala amalannya – sama ada yang fardu dan yang sunat."

3. Anak-anak tentu telah mendengar

nama Nabi Allah Sulaiman. Nabi Allah Sulaiman ini menjadi seorang nabi yang memerintah di seluruh dunia ini – daripada manusia hingga kepada jin, haiwan dan lain-lainnya.

Pada suatu hari Nabi Sulaiman dibawa oleh angin berjalan di udara. Di dalam perjalanan itu ia sampai kepada sebuah laut yang dalam. Di sana ia terpandang satu gelombang yang besar yang menakutkan.

Kemudian Nabi Sulaiman memerintahkan membawanya ke sana lalu berhenti di situ dan memerintahkan jin menyelam ke dalam laut itu supaya memerhati apa yang ada di sana.

Tiba-tiba di sana didapati sebuah kubah yang besar daripada mutiara putih. Kubah itu dibawa ke hadapan Nabi Sulaiman. Nabi Sulaiman berdoa kepada Allah meminta ditunjukkan apa

yang ada di dalam kubah itu. Dengan tiba-tiba kubah itu terbuka dan nampak di dalamnya seorang muda sedang sujud kepada Allah. Nabi Sulaiman bertanya kepada pemuda itu:

Adakah engkau daripada jin atau malaikat?

"Saya manusia", jawabnya,

"Bagaimana engkau mencapai darjat

yang mulia ini?" – tanya Nabi Sulaiman.

"Dengan sebab saya berbakti kepada

kedua-dua ibu bapa saya. Saya ada

ibu yang sangat tua – saya dukung

akan dia di belakang. Saya sentiasa taat

kepadanya. Ia berdoa kepada Tuhan supaya

saya ditempatkan tidak pada bumi dan

tidak pada langit dan mendapat kebahagiaan.

Ibu saya kemudian meninggal. Setelah itu

saya berjalan di tepi laut dan di sana

saya nampak ada satu kubah. Apabila saya

hampir kepada kubah ini ia terbuka.

Melihat itu saya masuk dan terus

tertutup.". Kata pemuda itu.

"Bagaimana engkau dapat rezeki?"

– tanya Nabi Sulaiman.

Jawab pemuda itu: "Apabila saya

berasa lapar maka keluar daripada kubah

itu satu pokok serta buahnya dan

keluar daripadanya air yang sangat lazat

rasanya".

Setelah habis cakupnya maka kubah

itu tertutup semula dan terus

masuk ke dalam laut. Banyak lagi

anak-anak cerita seperti ini – ceritanya

bukan "dongeng" tetapi betul.

Banyak di antara kamu tidak³

² Perkataan sebenarnya ialah kayu

³ Bersambung di mukasurat 5.

تيدق اڱكو مياج فلاجران اڱكو؟
جران اه! ايت ايوو جاڱن
سوهڪن، يوڪڪه دهولو ايه دان
ايوو ستياس سهاج مندعاڪن ساي
سفاي ترچافي اڱن ۳ ساي. دانلاڪي
تاهون دهولو. دالم فرقسا دافه
نمبر ساتو. تنافي تاير نصيب بايك
جادي گورو، گران عمور ساي
رئده. كالو تيدق گران ايت رده
تننو دافه جادي گورو. تاهون اين
ساي تننو دافه نمبر ساتو دان دافه
منجادي گورو. ايوو جعفر باغله
سوههاتي گران رده دوا تيڪ کالي
اي نمبري نصيحه تنافي تيدق جوڪ
دهيراوڪن.

فرقسا انخر رده تمت فيات
فرقسا رده سفي. ددافي جعفر
تايرجاي ددالم فرقسا ايت.
العكه كچيوا هاتين. سكاوغ دي
مسل: دهولو اكو كالا اڱن ۳
سهاڪ ايوو كو تله دوا تيڪ کالي
نمبري نصيحه ميوره بلاجر تنافي
اكو تيدق اندهڪن. سيران اكو
توروتي سگيمان نصيحتن ايت
هاروس سفي اڱن ۲ كو ايت.

باكي متأخيرين: واهي راڪن ۳
كو بغ ماسه دودق دهڪو سڪوله.
چاڱنله براڱن ۳ ساغه گران اڱن ۳
ايت برماچم ۳ راڪم فيكران كيت
داتغ سهاڪ كيت اڪن لوف
فلاجران سڪوهفون اڱن ۳ ايت
اد ديسي مائسي تنافي هندقله
اڱن ۳ ايت داوسهاڪن سهاڪ
برجاي.

اڱن ۲

(اوله: هلود مرسيغ)

فد سوات فاڪي جعفر تله
بركات كندا يهن "يه! به! تيف ۳
اورغ بغ هيدوف دنيا اين مستكه
دغن اڱن ۲": جواب يهن: بتول!
تنافي اڱن ۲ بغ بايك دان دافه
داوسهاڪن. اكو جوڪ دهولو
براڱن ۳ هندق منجادي گران.
دغن سب قواه جيتا دان اوسها
كو اتتوه مندافتن. اخرن ترچافيله
اڱن ۲ ايه. كنافكه جعفر جادي
برتان دمڪين؟ ادهه جعفر براڱن ۳
سفرت ايه جوڪ؟ مڪ جواب جعفر
"ياميسغ اد جيتا ايت رده لام
ترفندم ددالم هاتي. اڱن ۲ ساي
هندق منجادي سورغ فديديق كند
انق بغسا."

اڱن ۲ مو ايت ميسغ باگوس
جعفر! تنافي هندقله براوسها اتتوه
منچافڪن ايت. ايه دان ايوو مو
ستياس بردعا سفاي ترچافيله
اڱن ۲ مو بغ مليا ايت. مڪ جعفر
ترساغنله سوڪان دغن كالقن
سعاغه دري اورغتونان تنافي
دساليك براڱن ۲ ايت جعفر تله
لوف اڪن بلاجر دغن فلاجران ۲
سڪولهن.

فد سوات مالم ايوو جعفر تله
بركات كندان. جعفر! معاف

مغوباي ايوو باف لاڪي-مريك تله
منيعكل. دالماس اد حياتن كامو
مندرهاك دان تيدق طاعة كندان-
بگيمان جالنن كامو منتا امفون
كفدن: كالو كامو يقين تننو كامو
اڪن برتان بگيمان جالنن- يوڪن؟

جالن بغ مستي كامو بواه
هندقله كامو ايلوفڪن ديري دان
اخلاق كامو. كامو مستي طاعة تيشه
فرته الله. كامو مستي مفرجان
سمبهيغ فواس. مغلوارڪن زكاه.
كامو هندقله ميواه فمجران بغ
بايك. كامو هندقله منچاوهڪن
تڪاهن توهن. كامو جاڱن برجودي.
ميوم ادق برزنا دان لاءين ۲ن.

يغكدو-اچ مريك (ايوو باف)
برهوتغ- باريله هوتغن.
كسك- هوغفكته مجبه (كاسيه
مسرا) كند صحابه ۲ن.

جت كامو فربواه فركارا
يغرسوهه ان شاه الله دوسا كامو اڪن
ترامفون دان دامفونكن سكل
كسالهن ۲ كامو كندان.

ستله كامو باج جريتا يهداتس
اين- دهارفڪن كامو اڪن طاعة دان
كاسيه كند كدوا ۲ ايوو باف كامو.
كامو فندغ اي مليا. كامو جاڱن
هيناڪن دي سامسكاليون كادان
چاچه دان سامفمان. مريڪيت ايوو
باف كامو سديري- جوڪف كاسيه
دان سايغ كندامو. جاڱن كامو
درهاك كندان گران كالو كامو
درهاك ساغه بسر فادهن- ترغ ۲
ترليهه ددالم دنيا اين.

mempunyai ibu bapa lagi – mereka telah' meninggal. Dalam masa ada hayatnya kamu menderhaka dan tidak taat kepadanya – bagaimana jalannya kamu minta ampun kepadanya? Kalau kamu yakin tentu kamu akan bertanya bagaimana jalannya – bukan?

Jalan yang mesti kamu buat hendaklah kamu elokkan diri dan akhlak kamu. Kamu mesti taat titah perintah Allah. Kamu mesti mengerjakan sembahyang, puasa, mengeluarkan zakat. Kamu hendaklah membuat pekerjaan yang baik. Kamu hendaklah menjauhkan tegahan Tuhan. Kamu jangan berjudi, minum arak, berzina dan lain-lainnya.

Yang kedua – jika mereka (ibu bapa) berhutang – bayarlah hutangnya.

Ketiga – hubungkanlah *mahabbah* (kasih mesra) kepada sahabat-sahabatnya.

Jika kamu berbuat perkara yang tersebut *in shā-Allah* dosa kamu akan terampun dan diampunkan segala kesalahan-kesalahan kamu kepadanya.

Setelah kamu baca cerita yang di atas ini – diharapkan kamu akan taat dan kasih kepada kedua-dua ibu bapa kamu. Kamu pandang ia mulia. Kamu jangan hinakan dia sama sekalipun keadaannya cacat dan seumpamanya. Mereka itu ibu bapa kamu sendiri – cukup kasih dan sayang kepadamu. Jangan kamu derhaka kepadanya kerana kalau kamu derhaka sangat besar padahnya – terang-terang terlihat di dalam dunia ini.

ANGAN-ANGAN

(Oleh: Halud Mersing)

Pada suatu pagi Jaafar telah berkata kepada ayahnya” Yah! Yah!! Tiap-tiap orang yang hidup di dunia ini mestikah dengan angan-angannya” ? Jawab ayahnya: Betul! tetapi angan-angan yang baik dan dapat diusahakan. Aku juga dahulu berangan-angan hendak menjadi kerani, dengan sebab kuat cita-cita dan usaha ku untuk mendapatnya, akhirnya tercapailah angan-angan ayah. Kenapakah Jaafar jadi bertanya demikian? Adakah Jaafar berangan-angan seperti ayah juga? Maka jawab Jaafar “Ya memang ada cita-cita itu sudah lama terpendam di dalam hati. Angan-angan saya hendak menjadi seorang pendidik kepada anak bangsa”.

Angan-anganmu itu memang bagus Jaafar! Tetapi hendaklah berusaha untuk mencapainya itu, ayah dan ibumu sentiasa berdoa supaya tercapailah angan-anganmu yang mulia itu. Maka Jaafar tersangatlah sukanya dengan galakan semangat dari orang tuanya” Tetapi di sebalik berangan-angan itu Jaafar telah lupa akan belajar dengan pelajaran-pelajaran sekolahnya.

Pada suatu malam ibu Jaafar telah berkata kepadanya. Jaafar! Mengapa

tidak engkau membaca pelajaran engkau?

Jawabnya: Ah! Itu ibu jangan Susahkan, bukankah dahulu ayah dan ibu sentiasa sahaja mendoakan saya supaya tercapai angan-angan saya. Dan lagi tahun dahulu, dalam periksa dapat nombor satu. Tetapi tak bernasib baik jadi guru, kerana umur saya rendah. Kalau tidak kerana itu sudah tentu dapat jadi guru. Tahun ini saya tentu dapat nombor satu dan dapat menjadi guru. Ibu Jaafar sangatlah susah hati kerana sudah dua tiga kali ia memberi nasihat tetapi tidak juga dihiraukannya.

Peperiksaan akhir sudah tamat. Penyata peperiksaan sudah sampai. Didapati Jaafar tak berjaya di dalam peperiksaan itu. Alangkah kecewa hatinya, sekarang dia menyesa: Dahulu aku gila angan-angan sehingga ibuku telah dua tiga kali memberi nasihat menyuruh belajar tapi aku tidak endahkan. Sekiranya aku turut sebagaimana nasihatnya itu harus sampai angan-angan ku itu.

Bagi mengakhirinya: Wahai rakan-rakan ku yang masih duduk di bangku sekolah. Janganlah berangan-angan sangat kerana angan-angan itu bermacam-macam ragam fikiran kita datang sehingga kita akan lupa pelajaran. Sungguhpun angan-angan itu ada di sisi manusia tetapi hendaklah angan-angan itu diusahakannya sehingga berjaya.

¹ Sambungan muka surat 4.

دالم کلوانن بغالو توه شیخ
برچریتا تننغ ایر دمکه .

دهولو دسان سورس ایر . کالو
دهولو شیخ ایر سقرت سکارغ کیت
تننوده مگیکوۛ حکوم برسوجی یغ
بایق ایر . توهن ساغۛ برکواس .
سکارغ دنکری یغ کریغ ایت سده
بایق ایر . ایرن لبه میواه درفد ایر
دهاکرتا (اندونسیا) یغ همفیر
تیف ۲ هاری هوجن تورن منجوره ۲ .
دمکه جارغ هوجن . سکارغ دسان
سده دبوۛ اورغ قابغ ایر . فونجا
تمغۛ ایرن اباله دکالی فریگی یغ
جاوهن همفیر ۲ سراتوس باتو دری
مکه .

تکال اسلام دتورنکن دهولو
دسان لبه درفد 1,300 تاهون - تیدق
ترمغی اوله مریکیت دسان میواه
ایر . ککواسان توهن ساغۛ بسر .
دهولو نکری ایت کریغ سکارغ
سده بر ایر .

دغن کلمفاهن توهن کاتس
اسلام مک جاغنه کیت سلالو مندغ
مکه ایت نکری غرب . کیت جاغن
فدغ فریدان کولبه کیت دغن
مریک . کیت مستی تاهو بهوا
مریکیت سودارا توا کیت . دی یغ
مولو ۲ مریما اسلام .

ماری توه شیخ بابا سوات
چریتا تننغ مریکیت . سلوم داغ
نبی کیت محمد صلی الله علیه وسلم
اورغ ۲ عرب ایت ممفوبای کیقین
یغ قوۛ . مریک ممفوبای عاده استعاده
سندیری . مریک ممبیه برهالا . چارا
این برجالن برتاهون ۲ لعان . عاده



ایت تله دفسکای اوله مریک درفد
داتوه نینیق مریک .

کممدین داتغرسول الله ای معاجق
اورغ ۲ عرب دمکه ایت منیغکلکن
ممبیه برهالا . دسورهن مریک ممبیه
توهن . اتق ۲ توه شیخ تننوفهم بهوا
سروان یغ میالهی عاده دان کیسان
مریک بیاسن فایه هندق دایکوۛ . مریک
تیدق ماهو مریما . مریک برکات
معاف کیت ماهو مغوبه کفر چیان
کیت . مغوبه کفر چیان داتوه نینیق
کیت .

دغن ایت مک ای لاون سروان
یغ برسیه ایت . جنجوشن کیت
منجوفکن بهوا یغبر کواس ایت
ایاله توهن . برهالا ۲ ایت اباله
بندا ۲ یغ دبوۛ اوله مریک سندیری .
مریک زوفاکن مگیکوۛ یغ مریک
کهنده کئی سقرت مویبه . سقرت لمبو
اتو ساکین . اد مریک بوۛ برتاغن
سغوله - اد زوف موکان سقرت
هریمو بدانن سقرت مانسی تنافی
برایکور . برماجم ۲ کادان . اد

مریک بوۛ درفد کابو . اد جوکت
مریک بوۛ درفد امس . متان مریک
بوۛ درفد برلیان یغ بسر دان مهل ۲
هرگان . مریک لتقکن دسوات تمغۛ
یغ تیغکی . مریک لتقکن دمکه ماس
ایت دکلیغ کعبه (باتو فرسکی
امغۛ یغ بسر) . مریک کممدین ممبیه
بارغ ۲ یغ دبوۛ مریک دغن مریک
حرماتی . مریک برسورهن سوات
یغ دحاجۛ اوله مریک . مریک لوف
بهوا مریک یغ بوۛ بندا ایت
کممدین مریک قول ممنا درفدان .
مریک لوف بهوا بندا ۲ ایت تیدق
برکواس .

اوله سبب مریک بیاس دان سده
کلف مات هاتین مک فرکارا یغ
بنا ایت تیدق ترنسق اوله مریک .
مریک تیدق فرچای کفد سروان
ایت . مریک تیدق فرچای اکن ادا
توهن یغ منجادیکن مریک .

ترکادغ ۲ مریک بوۛ فاتوغ ۲
ایت درفد کولوا ۲ . برسوره ۲ مریک
اولی کولوا ایت . سده ایت مریک
بوۛ فاتوغ ۲ ایت . سده سیف مریک
لتقکن دسوات تمغۛ یغ ملیا لالو
مریک سمبیه . سده دسمبیه لالو یغ
مبوۛ ایت ممکانن قول . کسادان
یغ ممکین این دچتر اکن اوله سیدنا
عسر . حال این دبوۛ آن فد ماس ای
بلوم ماسوق اسلام . ننسی لاین
کالی توه شیخ چریتاکن . بگیمان
سیدنا عسر تراوا سندیری افیل
منغغ کجادین ایت .

Dalam keluaran yang lalu Tok Sheikh bercerita tentang air di Makkah.

Dahulu di sana susah air. Kalau dahulu senang air seperti sekarang kita tentu sudah mengikut hukum bersuci yang banyak air. Tuhan Sangat Berkuasa. Sekarang di negeri yang kering itu sudah banyak air. Airnya lebih mewah daripada air di Jakarta (Indonesia) yang hampir tiap-tiap hari hujan turun mencurah-curah. Di Makkah jarang hujan. Sekarang di sana sudah dibuat orang paip air. Punca tempat airnya ialah digali perigi yang jauhnya hampir-hampir seratus batu dari Makkah.

Tatkala Islam diturunkan dahulu di sana lebih daripada 1,300 tahun – tidak termimpi oleh mereka itu di sana mewah air. Kekuasaan Tuhan sangat besar. Dahulu negeri itu kering sekarang sudah berair.

Dengan kelimpahan Tuhan ke atas Islam maka janganlah kita selalu memandang Makkah itu negeri Arab. Kita jangan pandang perbezaan kulit kita dengan mereka. Kita mesti tahu bahawa mereka itu saudara tua kita. Dia yang mula-mula menerima Islam.

Mari Tok Sheikh bawa suatu cerita tentang mereka itu. Sebelum datang nabi kita Muhammad *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* orang-orang Arab itu mempunyai keyakinan yang kuat. Mereka mempunyai adat istiadat sendiri. Mereka menyembah berhala. Cara ini berjalan bertahun-tahun lamanya. Adat



itu telah dipusakai oleh mereka daripada datuk nenek mereka.

Kemudian datang Rasulullah. Ia mengajak orang-orang Arab di Makkah itu meninggalkan menyembah berhala. Disuruhnya mereka menyembah Tuhan. Anak-anak Tok Sheikh tentu faham bahawa seruan yang menyalahi adat dan kebiasaan mereka biasanya payah hendak diikuti. Mereka tidak mahu menerima. Mereka berkata mengapa kita mahu mengubah kepercayaan kita. Mengubah kepercayaan datuk nenek kita.

Dengan itu maka ia lawan seruan yang bersih itu. Junjangan kita menunjukkan bahawa yang berkuasa itu ialah Tuhan. Berhala-berhala itu ialah benda-benda yang dibuat oleh mereka sendiri. Mereka rupakan mengikut yang mereka kehendaki. Seperti monyet. Seperti lembu atau sebagainya. Ada mereka buat bertangan sepuluh – ada rupa mukanya seperti harimau badannya seperti manusia tetapi berekor. Bermacam-macam keadaannya. Ada

mereka buat daripada kayu. Ada juga mereka buat daripada emas. Matanya mereka buat daripada berlian yang besar dan mahal-mahal harganya. Mereka letakkan di suatu tempat yang tinggi. Mereka letakkan di Makkah masa itu di keliling Kaabah (batu persegi empat yang besar). Mereka kemudian sembah barang-barang yang dibuat mereka dengan mereka hormati. Mereka bermohon sesuatu yang dihajati oleh mereka. Mereka lupa bahawa mereka yang buat benda itu kemudian mereka pula meminta daripadanya. Mereka lupa bahawa benda-benda itu tidak berkuasa.

Oleh sebab mereka biasa dan sudah gelap mata hatinya maka perkara yang benar itu tidak tampak oleh mereka. Mereka tidak percaya kepada seruan itu. Mereka tidak percaya akan adanya Tuhan yang menjadikan mereka.

Terkadang-kadang mereka buat patung-patung itu daripada gula-gula. Bersusah-susah mereka uli gula itu. Sudah itu mereka buat patung-patung itu. Sudah siap mereka letakkan di suatu tempat yang mulia lalu mereka sembah. Sudah disembah lalu yang membuat itu memakannya pula. Keadaan yang demikian ini diceritakan oleh Saiyidina 'Umar. Hal ini dibuatnya pada masa ia belum masuk Islam. Nanti lain kali Tok Sheikh ceritakan bagaimana Saiyidina 'Umar tertawa sendiri apabila mengenang kejadian itu.

عمدة اسلام

باوا دشن فهم بغ ساعة موده سفاي
 انق ۲ چوگت مغرتي گادانن.
 انق ۲ مستي ترايکه دالم هاتي
 اکن ستران اي اد. کالو. تيدق
 انق ۲ چوگت مغرتي انق ۲ بوله
 تان نتي. تنافي انق ۲ هدنله جم
 بتول ۲. فهمکن بنر ۲ سوال جواب
 اين سفاي انق ۲ مغرتي دان
 ترفاکو دالم هاتي فرجاي اکن
 ادان توهن ايت.

ماري کيت باوا کترانن اين
 دشن چارا بغ موده.
 ددالم رومه انق ۲ بيانن اد
 کروي. بوکن؟
 انق ۲ تننو جواب: درومه
 (سموخن قد مولك 20)



توان گوناون سدغ مکنغ شیکور کودا
 هديه درفد سبورغ حاج دري بيسا بغ
 ساعة جاوه دري جاگرتا - هديه ايت
 تيدق لاون کران سرهاتي - اج ايت
 اتس فربانن سوان گوناون دان
 استريخ. ليهتهل جريشائ دوهك 12
 - گمبر کاتق ۲.

باق سورة انق ۲ سده کيت تريما. انق ۲. بلغ تيدق فواسهاتي
 دشن رواغن اين. انق فندغ کندوخن ترلمفو تيگي بواة انق ۲.
 فيکران انق ۲ اين بتول دان تگوران انق ۲ کيت تريما دشن سفغ
 هاتي. کيت هارف انق ۲ سولک بري فيکران سفاي فرمتان انق ۲
 ايت. کيت برجنجي. براوسها مياکنکن. کيت چوب مفادکن
 کندوخن سبراف بغ کيت بوله بواة. انق ۲ تننو معلوم کيت
 بهارو بلاجر منوليس بواة فغتهون انق ۲. سب ايت کيت چوب
 سفاي کندوخن بوله انق ۲ فهم. کيت سکارغ مولاکن سمولا
 رواغن "عقيده اسلام" اين دشن چارا بغ لبه موده. هارف انق ۲
 تاتف دان فرهاتي. انق ۲ کچيل لاکي تنافي مستي مغل توهن
 بغ منجادیکن انق ۲ سوان.

"سياف توهن ايت؟" تننو انق ۲ سوان - بغ کيت ليهة اتو کيت
 ماهو تاهو. انق ۲ ملالو دغر دان
 ملالو سبوة "توهن". اقبيل انق ۲
 ملالو سکالي سکالي تننو انق ۲
 دلاوة اتو داودارا دان دمان ۲
 ماهو تان سياف دي. بوکنکه بکيتو جوا.
 انق ۲؟

اي تيدق بوله انق ۲ ليهة
 توهن اتو الله ايت ايله
 بغير کواس کانس سکلان. اي
 جاديکن کيت. اي جاديکن سوان
 دان اي تاهو سوان. اي تاهو
 دان ممبوة بارغ بغ کيت ليهة
 اي تاهو دان بواة بارغ بغ کيت
 تيدق نمفق.

سب گادانن بکيتو تننو انق ۲
 ماهو تان: "بتولکه اد اورغ بغ
 برکواس سفرت ايت؟ ادکسه الله
 اتو توهن ايت؟ ماري انق ۲ کيت

Akidah Islam

Banyak surat anak-anak sudah kita terima. Anak-anak bilang tidak puas hati dengan ruangan ini. Anak pandang kandungannya terlampau tinggi buat anak-anak. Fikiran anak-anak ini betul dan teguran anak-anak kita terima dengan senang hati. Kita harap anak-anak suka beri fikiran supaya permintaan anak-anak itu. Kita berjanji berusaha membaikkannya. Kita cuba mengadakan kandungannya seberapa yang kita boleh buat. Anak-anak tentu maklum kita baharu belajar menulis buat pengetahuan anak-anak. Sebab itu kita cuba supaya kandungannya boleh anak-anak faham. Kita sekarang memulakan semula ruangan "Akidah Islam" ini dengan cara yang lebih mudah. Harap anak-anak tatap dan perhati. Anak-anak kecil lagi tetapi mesti mengenal Tuhan yang menjadikan anak-anak semuanya.

"Siapa Tuhan itu?" tentu anak-anak mahu tahu. Anak-anak selalu dengar dan selalu sebut "Tuhan". Apabila anak-anak selalu sekali sekali tentu anak-anak mahu tanya siapa Dia. Bukankah begitu anak-anak?

Tuhan atau Allah itu ialah Yang Berkuasa ke atas segala-galanya. Ia jadikan kita. Ia jadikan semuanya dan Ia tahu semuanya. Ia tahu dan membuat barang yang kita lihat. Ia tahu dan buat barang yang kita tidak nampak.

Ia yang memberi kita rezeki. Ia yang menjadikan kita. Ia pelihara kita. Bukan kita sahaja tetapi

semuanya – yang kita lihat atau kita tidak lihat. Yang kita tahu atau yang kita tidak tahu. Di bumi atau di langit di laut atau di udara dan di mana-mana jua.

Ia tidak boleh anak-anak lihat seperti anak-anak memandang sesuatu benda. Ia tidak boleh anak-anak rasa dengan tangan atau dengan lain anggota anak-anak. Kita hanya diwajibkan beriman (percaya) mengenal sifat-sifat-Nya sahaja.

Sebab keadaan-Nya begitu tentu anak-anak mahu tanya: "Betulkah ada orang yang berkuasa seperti itu? Adakah Allah atau Tuhan itu? Mari anak-anak kita

bawa dengan faham yang sangat mudah supaya anak-anak cukup mengerti keadaan-Nya.

Anak-anak mesti terikat dalam hati akan sebenar-benarnya Ia ada. Kalau tidak anak-anak cukup mengerti anak-anak boleh tanya nanti. Tetapi anak-anak hendaklah cam betul-betul. Fahamkan benar-benar soal jawab ini supaya anak-anak mengerti dan terpaku dalam hati percaya akan adanya Tuhan itu.

Mari kita bawa keterangan ini dengan cara yang mudah.

Di dalam rumah anak-anak biasanya ada kerusi, bukan?

Anak-anak tentu jawab: Di rumah

(sambungan pada muka 20)



Tuan Gunawan sedang memegang seekor kuda hadiah daripada seorang haji dari Bima yang sangat jauh dari Jakarta – hadiah itu tidak lain kerana besar hati haji itu atas pengorbanan Tuan Gunawan dan isterinya. Lihatlah ceritanya di muka 12

– Gambar Kanak-Kanak.

مجلس كاتف

سفاي منجادي اورغ بغير بهكيا دان
بركون كند وطن (تانهائير) اگام ،
ستروسن كند مشاركه برامي .
دري محمد نوح عبدالله
تاجر الور ستار . قرح .

كهاجوان

كهاجوان ايت اياله فركارا
بقتريه اوتام سكالې باكي سوات
بغسا يغب هيدوف " دموك بومي اين "
دري ساتو ايد كساتو ابد بغلاين
هغك سكارغ

كران دغنباله اكن منريستن
كتيغكين دان دغتن جوك تركل
سرات بغسا كسلوره چروق رتو
عالم اين . دغن كهاجوان سوات
بغسا ايت كيت فرچاي كتيغكين
دان كميلان بغسا ايت تيدق اكن
ككال ابادي ، كالكو تيدق اناق ۲ بغسان
بر بود بفركتي بقتيغكي دان ترفوجي .
دري عبدالصمد طيب
امنو سكول ، الور ستار ، قرح .

فندوان هيدوف

اد فون فندوان هيدوف كيت
مانسي دعالم بغلواس اين . هندقله
برفندوكن علم دان ادب . كران
دغن دوا صفة بغمليا اينله . دافة
كيت مميذاكن فركارا يغب بايك
دغن تانبارك اي جوك يغب اكن
مباواكن كيت كجورغ بهكيا .
سكل هرت بندا . يغب كيت
ميليكي ددنيا اين . ساتو ماس

ايو باف . كورو ۲ واجب ملارغ
كاتف ۲ دري فربواتن اين كران
عاقوبن ننتي بوروق دان مروستكن
اخلاقي .

لطيقة بنت حاج طه

درجه IV

سكوله ملايو باين لفس . فينغ .

علم

ادفون فركتان " علم " ايت اياله
دري بهاس عرب . بهاس ملايون
" فتهوان " . مك دغن علموله كيت
اكن متدافة كيهكيان هيدوف دنيا
دان اخره .
كيت نتو تيدق فرچاي بهوا .
مسئورغ ايت بوله جادي تيغكي
درجتين ، هيدوف بر بهكيا دان مليا
چك اي تيدق بر علم ؟

چوب كيت فرهاتين دغن تقسام
بهوا بغسا چينا تيدق اكن دافة
ككيان دتانهائير كيت اين چك مريك
تيدق مغوياني علم . جوك سمنجوغ
تانهلايو اين بغدافة دچاچه اوله
بغسا اغكريس . بوكن دغن برفورغ .
تسافي اياله دغن علم جوك .
فنديقات علم ايت لبه برهركت
دري سكال ككيان ددنيا اين .

دري ايت ماريله كيت تننوة علم

كاتف ۲ دغن جودي

هاروس كاتف ۲ . جوك ايو
باف كيت ركين دغن تادسداري
تله ترچاتوه ددالم جودي هاري ۲ .
سريو ساتو ماچم بغسا اسغ تراوتام
بغسا چينا ماسكن فرغكف دان
فوكه سعاد دغن برترغ ۲ اتو
دغن تيفوداي . انتوه مغميل دويه
كيت . ساتو چسارا جودي يغب
تادسداري . اديكو سكالين . كيت
سهاج برزويي لسوجغ چينا
منجوال ايسكريم ماسغ ۲ منركم
دان بر كرومون دسكليلغ چينا
ايت دغن تادسديكة فون راس
كوتر دان جيجيق . جاوه سكالې
دري فرسان جمبورو ترهادف
اورغ اسغ دتانهائير كيت . تروس
مبلي ايسكريم بوكن سهاج دغن
مبلي چارا بياس . بوكن اد فول
دغن فوسغ اتو جاوه نمبر .
دسين كالكو تايك نمبر دوا . دافله
دوا فوتغ ايسكريم كوزن . تننو
اديق ۲ راس برانوغ . اينله ساتو
درفد تيفوداي جودي يغب تادسداري
ددالم علم بغددييق درفد دري
كچيل لاکي كيت تله داسوه دغن
فرماين جودي . اوله ايت فاتوة
كيت جاوهكن بر يواة دمكين .

Majlis Kanak-Kanak

Kanak-kanak dengan Judi

Harus kanak-kanak, juga ibu
bapa kita sekalian dengan tak disedari
telah terjatuh di dalam judi hari-hari.
Seribu satu macam bangsa asing terutama
bangsa Cina memasang perangkap dan
pukat sama ada sama ada berterang-terang atau
dengan tipu daya untuk mengambil duit
kita. Satu cara judi yang
tak disedari, adikkir sekali, ketika
sahaja berbunyi loeng Cina-cina
menjual aiskrim masing-masing menerkam
dan berkerumun di sekeliling Cina
itu dengan tak sedikit pun rasa
kotor dan jijik, jauh sekali
dari perasaan cemburu terhadap
orang asing di tanah air kita, terus
membeli aiskrim bukan sahaja dengan
membeli cara biasa, bahkan ada pula
dengan pusing atau cabut nombor.
Di sini kalau naik nombor dua, dapatlah
dua potong aiskrim konon. Tentu
adik-adik rasa beruntung. Inilah satu
daripada tipu daya judi yang tak disedari
di dalam alam yang dididik daripada dari
kecil lagi kita telah diasuh dengan
permainan judi. Oleh itu patut
kita jauhkan berbuat demikian.

Ibu bapa, guru-guru wajib melarang
kanak-kanak dari perbuatan ini kerana
akibatnya nanti buruk dan merosakkan
akhlak.
Latifah Bt Haji Taha
Darjah IV
Sekolah Melayu Bayan Lepas, Penang.

*

Ilmu

Adapun perkataan 'ilmu' itu ialah
dari bahasa Arab. Bahasa Melayunya
"pengetahuan". Maka dengan ilmulah kita
akan mendapat kebahagiaan hidup di dunia
dan akhirat.
Kita tentu tidak percaya bahawa,
seseorang itu boleh jadi tinggi
darjatnya, hidup berbahagia dan mulia
jika ia tidak berilmu?
Cuba kita perhatikan dengan saksama
bahawa bangsa Cina tidak akan dapat
kekayaan di tanah air kita jika mereka
tidak mempunyai ilmu. Juga semenanjung
Tanah Melayu ini yang dapat dijajah oleh
bangsa Inggeris. Bukannya dengan berperang,
tetapi ialah dengan ilmu juga.
Pendek kata ilmu itu lebih berharga
dari segala kekayaan di dunia ini.
Dari itu marilah kita tuntut ilmu

supaya menjadi orang yang berbahagia dan
berguna kepada watan (tanah air) agama,
seterusnya kepada masyarakat ramai.

Dari Muhammad Nuh Abdullah
Tajar Alor Setar, Kedah

*

Kemajuan

Kemajuan itu ialah perkara
yang terlebih utama sekali bagi sesuatu
bangsa yang hidup "di muka bumi ini"
dari satu abad ke satu abad yang lain
hingga sekarang.

Kerana dengannya akan menerbitkan
ketinggian dan dengannya juga terkenal
sesuatu bangsa ke seluruh ceruk rantau
alam ini. Dengan kemajuan sesuatu
bangsa itu kita percaya ketinggian
dan kemuliaan bangsa itu tidak akan
kekal abadi. Kalau tidak anak-anak bangsanya
berbudi pekerti yang tinggi dan terpuji.
Dari Abdul Samad Taib
UMNO School, Alor Setar, Kedah.

*

Panduan Hidup

Ada pun panduan hidup kita
manusia di alam yang luas ini, hendaklah
berpandukan ilmu dan adab. Kerana
dengan dua sifat yang mulia inilah, dapat
kita membezakan perkara yang baik
dengan tak baik ia juga yang akan
membawakan kita ke jurang bahagia.
Segala harta benda, yang kita
miliki di dunia ini, di satu masa

نتي ترفقا اكن برقيسه كنيك .
مهادفي اجل .

تتافي يدعافه كيت باوا
برسام ۲ تلاءين درفد علم دان
ادب يغمليا .

سئورغ ايت تيدقده دكتاكن
يشيم بيار فون ايوو دان بغان تله
ملافي اف يدككتاكن يشيم بغسبتران
اياله اورغ يغ تاغفوباي علم دان
ادب اوله ايت واهي تمن ۲
كو فلاجريله علم دان ادب
دغن برسغوه ۲ تمباهن فول . كيت
ماسيه كاوق ۲ لاکي مده برکواجيفن
کيت سکلين بلاجر . سفای دساتو
ماس اکنداغ دافله کيت يمسفين
اتو مندوکن اتوق ۲ وطن کيت
سهگک سمفي کتغک کماجوان .

محمد هاشم مصباح درجه 3 ايه
مدرسه السلطان زين العابدين .
کوالا ترغکانو .

علم

واهي کاون ۲ کو . سکلين يغ دغ
دبغکو سکوله تنتوتيله علم اين
دغن سگوره ۲ دان جاغن سکالي ۲
کيت منجوايکن کران ايت نتني
کيت اکن ميسل دپلاکغ هاري
کاق . سفرت کات بيدان :-
"سل دهولو فدافتن . سل
کمدن تا بزرگون"
سسورغ يغ تيدق ممفوباي علم
ايت اياله سباکي اورغ يغ برجالن
ددالم گلف کليتا يغ تيدق ممفوباي
فولوه . تتافي سبايکن تيغکي

هرک ديري سئورغ ايت اياله
يغ ممفوباي علم دان ادب .

تتافي ايغه! علم يغ ا فد کيت
ايت هندقله دعملکن دان دکرجاکن
سفرت کيت بلاجر علم کيسجائن .
علم تامن ۲ . مستيله کيت کرجاکن
دان عملکن . جاغن هان دتوليس
ددالم بوکو دغن تيدق دعملکن .
کران يغمکين ايت امقام فوکوه
يغ تيدق بر بواد .

دري : عون بن اسمعيل
سکوله ملايو للاکي .
کلغ - سلاغور .

راجين دان اوسها

کتبکين ففکه اتو کفندان
سسورغ ايت بوکنله کران کسورون
مريک اورغ ۲ فدي دان برففکه:
تتافي اياله کران راجين دان اوسها
دان سگوف مقربانکن کسناغن
دري مريک اتتوه منجافي چيتا ۲
مريک .

جت کاون ۲ کو باج روايه
هيذوف فسبر ۲ دنيا کيت اين .
کاون ۲ اکن دافتي بهوا کبايقکن
درفد مريک بوکنله اتوق اورغ ۲
بغير کسورون اتو اتوق اورغ ۲ يغ
چرديق فندي . تتافي مريک چوک
براصل سفرت کيت سموا . بابت دري
کلوارک اورغ کبايقکن . فيمسفين ۲
يغ سفرت اينده يفتنباکن
فيمسفين دغن اريکات فيمسفين
يغسبنون . مريک تيدق اکن ممتيگکن

دري مريک سئورغ يغ: تتافي سبايکن .
مريک اکن برجواغ اتتوه چيتا ۲
رعيه يهدفيمسفين . دان مريک ماللو
ميري فرتولغن کفد اورغ ۲ سکين
دان اورغ ۲ يغ تا برداي .

اين اداله کران مريک تاهو
اف ايت کمسکين : دان مريک تله
مراس کادان سفرت ايت . دان دغن
سب کراجينتن . مريک تله دافه
منجافي چيتا ۲ مريک . ايغله
کاون ۲ کو سکلين بهوا : " بوغا يغ
چنتيق دان جليتا سرت هاروم ايت
تأمستي تومبوه ددالم نامن يغ انده
فرمي "

- اسمعيل بن احمد
سکوله اشگريس کراجان . باتو فية .

بيستيقن هاتیکو

تريشن کاو اتتوه فولوه
کفد اتوق ۲ مشارکه يغ تيمغغ
تتو اتوق ۲ کيت مرابي بگک
کران کاو اداله سباکي ساتو لغفو
هندقله لغفو کاو اکن تتف نرغ

مينايري عالم ماي اين
دمان اتوق ۲ کاو
ماده برکهدق جهيا
هغک برتعميق ۲ . ملولوغ
ممتا کفستين
سکارغ بهاروله کاو برجاي
منتجوقکن بوقتي يغ بات
کران ميري سبنان
کمد اتوق ۲ يغ ماسيه دالم ککلافن .
ع . ر . صدقي
زين العابدين سکول . کوالا ترغکانو .

nanti terpaksa akan berpisah ketika,
menghadapi ajal.

Tetapi.... yang dapat kita bawa
bersama-sama tak lain daripada ilmu dan
adab yang mulia.

Seseorang itu tidaklah dikatakan
yatim biarpun ibu dan bapanya telah
mati. Apa yang dikatakan yatim yang sebenar-benarnya
ialah orang yang tak mempunyai ilmu dan
adab. Oleh itu wahai teman-teman
ku.... pelajarilah ilmu dan adab
dengan bersungguh-sungguh tambahan pula, kita
masih kanak-kanak. Lagi sudah berkewajipan
kita sekalian belajar, supaya di satu
masa akan datang dapatlah kita memimpin
atau memandukan anak-anak watan kita
sehingga sampai ke tangga kemajuan.

Muhammad Hashim Misbak darjah 3A
Madrasah al-Sultan Zainal Abidin.
Kuala Terengganu.

*

Ilmu

Wahai kawan-kawanku, sekalian yang sedang
di bangku sekolah tuntutilah ilmu ini
dengan sungguh-sungguh dan jangan sekali-kali
kita mencuaikannya kerana itu nanti
kita akan menyesal di belakang hari
kelak, seperti kata bidalan:-
"Sesal dahulu pendapatan, sesal
kemudian tak berguna."
Seseorang yang tidak mempunyai ilmu
itu ialah sebagai orang yang berjalan
di dalam gelap gelita yang tidak mempunyai
penyuluh, tetapi sebaliknya tinggi

harga diri seseorang itu ialah
yang mempunyai ilmu dan adab.

Tetapi ingat! Ilmu yang ada pada kita
itu hendaklah diamalkan dan dikerjakannya
seperti kita belajar ilmu kesihatan,
ilmu tanam-tanaman. Mestilah kita kerjakan
dan amalkannya, jangan hanya ditulis
di dalam buku dengan tidak diamalkannya
kerana yang demikian itu umpama pokok
yang tidak berbuah.

Dari: Aun Bin Ismail
Sekolah Melayu Lelaki,
Klang - Selangor

*

Rajin dan usaha

Ketinggian pangkat atau kepandaian

seseorang itu bukanlah kerana keturunan
mereka orang-orang pandai dan berpangkat;
tetapi ialah kerana rajin dan usaha
dan sanggup mengorbankan kesenangan
diri mereka untuk mencapai cita-cita
mereka.

Jika kawan-kawanku baca riwayat
hidup pembesar-pembesar dunia kita ini,
kawan-kawan akan dapati bahawa kebanyakan
daripada mereka bukanlah anak orang-orang
yang berketurunan atau anak orang-orang yang
cerdik pandai, tetapi mereka juga
berasal seperti kita semua, iaitu dari
keluarga orang kebanyakan. Pemimpin-pemimpin
yang seperti inilah yang dinamakan
pemimpin dengan erti kata pemimpin
yang sebenarnya. Mereka tidak akan mementingkan

diri mereka sendiri; tetapi sebaliknya,
mereka akan berjuang untuk cita-cita
rakyat yang dipimpinya, dan mereka selalu
memberi pertolongan kepada orang-orang miskin
dan orang-orang yang tak berdaya.
Ini adalah kerana mereka tahu
apa itu kemiskinan; dan mereka telah
merasa keadaan seperti itu, dan dengan
sebab kerajinannya, mereka telah dapat
mencapai cita-cita mereka. Ingatlah
kawan-kawanku sekalian bahawa: "Bunga yang
cantik dan jelita serta harum itu
tak mesti tumbuh di dalam taman yang indah
permai."

Ismail Bin Ahmad

Sekolah Inggeris Kerajaan, Batu Pahat.

*

Bisikan hatiku

Terbitnya kau untuk penyuluh
kepada anak-anak masyarakat yang tempong
tentu anak-anak kita merasai bangga
kerana kau adalah sebagai satu lampu
hendaklah lampu kau akan tetap terang
menyinari alam maya ini
di mana anak-anak kau
masih berkehendak cahaya
hingga bertempik-tempik-tempik, melolong
meminta kepastian
sekarang baharulah kau berjaya
menunjukkan bukti yang nyata
kerana memberi sinaran
kepada anak-anak yang masih dalam kegelapan

N. R. Sidiqi

Zainal Abidin School, Kuala Terengganu.

صبر

فأجيء ايغين بنر هندق بر بوال
 دغن اتق ۲ بغ جاوه. بوكتن ستاهون
 دوا كايفين فأجيء هندق بر بوال
 دغن اتق ۲ بهكن انته بيراف
 تاهون دهولو فأجيء منجاري جالين
 سفاي دافه بر بوال دغن اتق.
 تنافي تيدق اد تمفتن بغ سسواي
 فد فكيران فأجيء تينا
 فيكير فون فيكير تيمبوله .. كاتق ۲.
 اين. اوه !! كمبيران هاتي فأجيء
 كران چيتا ۲ فأجيء دافه دجالكن.
 مدهمدهاين دغن بر كه كسفكوهن
 اتق ۲ دافله فأجيء بر بوال دغن
 اتق ۲ جك اد كسفمان.

اتق ۲ تنوتله مباح "كاتق ۲"
 كلوران فر نام دان تنوتله ترليه.
 درواغن "تكون" دسان دافله كيت
 تاهو بتول بهوا تكون ات اباله
 ساهو فونجا كجان اتو فونجا
 كماجوان بايك بر كراج ماهو فون
 بلاجر. مباح دان لاين ۲. سهران
 بر كيرد فونكون تكون. كالو فونجا
 اين اتق ۲ لوچتكن تنوتله
 تر سديق جالين كماجوان بغ كيت
 چيتا ۲ كن ات. سكلهان اتق ۲ تله
 تاهو امفمان فوافو بغ اتق ۲ فريوا
 درفد ليددي چوب اتق ۲ لوچتكن
 نالي ايكاكن (سيمان) افكه جالين

فد فوافو ات؟ فأجيء فيكر تنو
 تيدق دافه دكوناكن. كالو دافه
 فون تنوتله سوسه اوله ات جاغله
 اتق ۲ سساكن اجارن بغ بركون
 ات. كبايكتن بوكتله تر فولغ كغد
 اورغ لاين بهكن تر فولغ كغد
 اتق ۲ بغ مغميل فتوه فراهتين دالم
 فركارا ات چوك.

فأجيء بري فداغن سديكيه:
 كتاكله سكارغ اتق ۲ سوا
 سده مولا بر تكون كنيك تله مباح
 درواغن "تكون". اوله ات فأجيء
 هندق مغميكن سديكيه مدهمدهاين
 تكون اتق ۲ ات تيدق سكره
 جالين سهاج. نصيحه فأجيء اين
 تيدق جاوه توجوان درفد توجوان
 "تكون" بغ لالو. بايت فأجيء ايغين
 اتق ۲ يغله بر تكون اتو بهارو هندق
 مولا بر تكون برهاتي صبر
 مسفوه سكل دوكان. كران سده
 جادي كيسان تيف ۲ فركارا بايك
 ات اد سراج دوكان. كالو اتق ۲
 بلاجر مثال اد سهاج بغ مفعالين.
 اوله ات هندق صبر اقبال منريعا
 دوكان ات.

ساو جنوه اورغ بغ تيدق
 صبر سفرت تله فأجيء سفسيكن
 سديري بايت كاؤن فأجيء سمام
 بلاجر. دي ات اتقن بوليهله
 دكناكن فنتر چوك. تنافي مانغ
 بهارو سهاج دوا تاهون اي بلاجر
 تينا ۲ بفان فون مشيكل
 دنيا مك تيشكلله اي دغن ايرون

اين اباله ساتو درفد چنتوه اورغ
 بغ تيدق تاهن صبر. فد حال فأجيء
 فون چوك تادفون ايه. وقت عمور
 فأجيء منيغكه سفوله تاهون ايه
 فأجيء تله منيغك دنيا. تيشكلله
 فأجيء بردوا دغن امق فأجيء حال
 كهيدوفن فأجيء تيدوله بكتو ميوا.
 تنافي فأجيء تيدق هيراوكن ات.
 فركارا بلاجر مسي دتروكن.
 فأجيء بلاجر دكمنوع دغن
 منجاري بلجا سديري. سبالكن
 اد جرگ سديكيه بتوان درفد
 سرداز ۲ فأجيء بغ بر تيمفهراس
 ملهيه حال كهيدوفن فأجيء. كران
 فأجيء تله تاهو تكون دان صبر ات
 فونجا سكل كماجوان. تا بوله
فوٽو تڏ دسين

جوائن ساي

- (1)
- (2)
- (3)

توان فغورس فراڊوان تڪا تڪي ڪاٽق ۲
(2). برسام ۲ اين ساي ڪيرينڪن فراڊوان
تڪا تڪي ڪاٽق ۲ (2). ساي مفاڪو مفيڪوٽ
سڪل شرطون.

تندا ناغن

نام

علامه

(توليسله نام دان علامه دغن ترغ)

جوابن: 4 ڪاڪي فرسڪي

(4) جمله ليبر 10 بواه ڪروسي =
15 ڪاڪي

جمله 9 جارق دانناران = 4 ڪاڪي
يڊمڪين فنجغ ڪاواسن 19% سٽه ڪاڪي

جوابن: 19% ڪاڪي

- (5) ڪورون - ڊنڪري قڊج
ڪمفر - ڊنڪري فيرق
راسا - ڊنڪري سلاغور
سدق - ڊنڪري جوهر
لا بو - ڊنڪري سمبيان
سرنده - ڊنڪري سلاغور

(2)



Ambil tiga batang yang ditandakan dengan angka dalam rajah di sebelah kanan dan taruh di tempat bertitik-titik dalam rajah di sebelah kiri.

(3) Panjang dawai mata punai = 8 kaki

Jadi panjang tiap-tiap sebelah = 2 kaki

Yang demikian luas kawasannya = $2 \times 2 = 4$

kaki persegi.

Jawabnya: 4 kaki persegi

(4) Jumlah lebar 10 buah kerusi =

15 kaki

Jumlah 9 jarak di antaranya = $4\frac{1}{2}$ kaki

Yang demikian panjang kawasan $19\frac{1}{2}$ setengah kaki

Jawabnya: $19\frac{1}{2}$ kaki

(5) Gurun – di negeri Kedah

Kampar – di negeri Perak

Rasa – di negeri Selangor

Sedenak – di negeri Johor

Labu – di Negeri Sembilan

Serendah- di negeri Selangor

PERADUAN TEKA TEKI (3)

HADIAH \$25.00

(1) Bertiang berumah terlalu hebat

berbadan bermata sama-sama sepadat

balai perutnya banyak berselirat

pandai berbunyi sama-sama sepakat.

(2) Ranting dalam ranting

ranting dalam kayu mati

ditiup angin sangka kala

cari jodoh sama mati.

(3) Apakah dia wahai sahabat dan kawan

dua tidak bercerai, tiga tidak

berlainan.

Tuan pengurus teka teki peraduan teka-teki kanak-kanak

(3). Bersama-sama ini saya kirimkan peraduan

teka-teki kanak-kanak (2). Saya mengaku mengikut

segala syarat-syaratnya.

Tandatangan.....

Nama:

Alamat:

(Tulislah nama dan alamat dengan terang)

Syarat-syaratnya.

1. Masuk peraduan tiada kena apa-apa bayaran.
2. Lain daripada rajah ini tidak diterima.
3. Scorang boleh meneka dengan beberapa banyak, tetapi hanya berhak mendapat satu hadiah.
4. Jawapan yang betul ada tersimpan di dalam pejabat Qalam dengan dimaterikan.
5. Kakitangan pejabat Qalam tidak dibenarkan mengambil bahagian.
6. Hadiah \$25.00 akan dibayar kepada peneka yang betul semua tetapi jika banyak yang betul akan diundi dan yang berhak menerima hadiah hanya lima orang sahaja.
7. Segala keputusan tiada boleh dibantah.
8. Jawapan-jawapan hendaklah sampai kepada kita tidak lewat dari 30.5.53.
9. Jawapan yang betul akan disiarkan dalam Kanak-Kanak keluaran 15.6.53
10. Segala jawapan hendaklah dialamatkan kepada:-

PERADUAN TEKA TEKI

KANAK2 (2)

356 & 358, Geylang Road,
Singapore, 14.


-potong di sini

Jawapan saya

(1)

(2)

(3)



لاکي گمبیر ۲ فئدریشن دالم سفوره سکولہ ۲ فرمقوان ملايو سلوره سيناقهورا يئشله دادکن دفاوغ سکولہ کيلغ



Lagi gambar-gambar pemandangan dalam sport sekolah-sekolah perempuan seluruh Singapura yang telah diadakan di padang Sekolah Greyland pada 9.5.53 yang lalu - Gambar Kanak-kanak.




فردوان آفوتبول دان تارا سگوله ۳ ملايو سيفافورا دغن جوهر دادکن بهارو ۲
ن دسيفافورا . يغ منع فاسوفکن سيفافورا . فردوان اين دادکن کزان مموقة
ما اتنوہ مراياکن هاري کمپکوتان کون ايليزا بيت . ينداسس فاسوفکن
غافورا يغ منع دان دباوه فاسوفکن جرهر . دتله ۳ داتوہ وان افریس دری
هر ميسفکن هديه کفد يغ منع — کمبر کانق ۲ .





Peraduan football di antara sekolah-sekolah Melayu Singapura dengan Johor diadakan baharu-baharu ini di Singapura. Yang menang pasukan Singapura. Peraduan ini diadakan kerana memungut derma untuk merayakan hari kemahkotaan Queen Elizabeth. Yang di atas pasukan Singapura yang menang dan di bawah pasukan Johor. Di tengah-tengah Datuk Wan Idris dari Johor menyampaikan hadiah kepada yang menang. — Gambar Kanak-Kanak.





كانق

5

ماهو تندغ بولا، اتو بواة ۳ ماهو تندغ بولا. چوب ليهه ادني اين چوب ماهو تندغ بولا تنامي كاگين نقي سبب ايت ۲۰۰۰



Kanak-kanak

5

Mahu tendang bola, atau buat-buat mahu tendang bola. Cuba lihat adik ini cuba mahu tendang bola tetapi kakinya tegak sebab itu...?

فہلاون مودا!

باف بوریق اتقن و تتیق

"برماین فدغ" ادالہ سوات ریاضہ یغ ساغہ ۲ دکماری اولہ روپورہ یغ بہارو برعمور تیک تاعون. برنمہ فول کدوا ۲ ایو یغان میغ فہلاون دالم فرماین این. فد تاعون 1947 "ذیب" باف روپورہ تلہ برجای مندغ کلران جوہن، برماین فدغ دسلورہ نگارا امریکا شریکہ، منکل ایوون "ہیلینا" تلہ ترفیلہ منجادی جوہن بہاکین برمفوان.


سمتیق کچیل لاکہ، روپورہ تلہ ترناریق ہانی کفد برماین فدغ یغ منجادی ککلران دوا اورغتوان. ای کدافتن برہنتی مناعیس دان ترسیوم افیل ترندغ ایوون ساکی فکاین ریاضہ "برماین فدغ" اتو کتیک فقاہون سیواون کتام ملہیہ ایہ دان ایوون برلاون فدغ دالماس مریک برلاتہ.

دغن مہوئس فدغن، کلہیاتن "روپورہ" سدغ برکای دغن ساجق دان تمغن لاکون.



کدوا فہلاون ایب ساغہ ۲ برس ہانی ملہیہ اتق مریک یغ ماسیہ کچیل ایب جندروغ کفد فرماین ترسورہ. مریک فوق میدیاکن اتنوغن کاین ریشیاس دکوناکن اولہ فہلاون ۲ فدغ، لالو دلاتیہ درومہ دان دیباوا میسین فرلاوانن ۲ یغ مریک مقبیل بہاکین ددالٹن. تنغ کفندا این روپورہ برماین فدغ تلہ دتولیس اولہ ایہن، کتان: "روپورہ ماسیہ برعمور تیک تاعون، تنانی دی ادالہ منجادی سبیر ۲ لاون لاکہ سانی دالم فرماین فدغ، تیک کالی سمفکو دی برلاون دغن سانی، دان دی ساغہ ۲ منچفکن سانی فدغ کفندا این دان کماہیران غد تہو فکن اولہین!"

روپورہ دغن برانین کلہیاتن منفکس تتق فدغ ایوون.



سفاکوہ ملیا فرسان ایو. سمیل منچوکن فیلا ۲ا فیرق یغ مناعین دالم فرلاوانن، مک ای پرکات کفد "چہیا متان" ایب: "سوک دان برس ہانی منجافی کلران جوہن، تیدقلہ سام دغن سوک دان برس ہانی سانی منغلمو شہاکہ سبورغ جوہن فول!"

Pahlawan Muda!

Bapa borek anaknya rintik.


“Bermain pedang” adalah suatu riadah yang sangat-sangat digemari oleh Robert yang baharu berumur tiga tahun. Bertambah pula kedua-dua ibu bapanya memang pahlawan dalam permainan ini.

Pada tahun 1947 “Dave” bapa Robert telah berjaya menyandang gelaran johan! Bermain pedang di seluruh negara Amerika Syarikat, manakala ibunya “Helena” telah terpilih menjadi johan bahagian perempuan.


Semenjak kecil lagi, Robert telah tertarik hati kepada permainan pedang yang menjadi kegemaran dua orang tuanya. Ia kedapatan berhenti menangis dan tersenyum apabila terpangang ibunya memakai pakaian riadah “bermain pedang” atau ketika pengasuhnya membawanya ke taman melihat ayah dan ibunya berlawan pedang dalam masa mereka berlatih.

Kedua pahlawan itu sangat-sangat berbesar hati melihat anak mereka yang masih kecil itu cenderung kepada permainan tersebut. Mereka pun menyediakan untuknya pakaian yang biasa digunakan oleh pahlawan-pahlawan pedang, lalu dilatih di rumah dan dibawa menyaksikan perlawanan-perlawanan yang mereka mengambil bahagian di dalamnya.

Tentang kepandaian Robert bermain pedang telah ditulis oleh ayahnya. Katanya: “Robert masih berumur tiga tahun, tetapi dia adalah menjadi sebesar-besar lawan bagi saya dalam permainan pedang. Tiga kali seminggu dia berlawan dengan saya, dan dia sangat-sangat mencengangkan saya tentang kepandaian dan kemahiran yang ditunjukkan olehnya!”



Dengan menghusus pedangnya, kelihatan “Robert” sedang bergaya dengan sajak¹ dan tampan lakunya.



Robert dengan beraninya kelihatan menangkis tetak pedang ibunya.

Sungguh mulia perasaan ibu. Sambil menunjukkan piala-piala perak yang dimenangnya dalam perlawanan, maka ia berkata kepada “cahaya matanya” itu: “Suka dan berbesar hati mencapai gelaran johan, tidaklah sama dengan suka dan besarnya hati saya memandangmu sebagai seorang johan pula!”



¹ Perkataan sebenar adalah segak

كائق

سلاڤن 5 - 1 جون 1953 - 30 مئين

سرب زمڪا

- اوله - صبح

فرنچيس، ڪراچان انگريس تله
موتسڪن هندق منجوال براتوس ۲
بواه درفد فولو ۲ ترسيوٽه - بوڪن
ڪفد ڪراچان ۲ ايسغ. تنافي ڪفد
اورغرامي، اف جوا بفسان. سفاي
فولو ۲ ايت تف ترلق دالم ليفڪوغن
ايسفاير برتيش
هرڪان چوڪف مورده دان تف ۲
فمبلي اڪن منجادي راج يغير ڪواس
دانس سوڪواسڪن دفولو ايت دغن
تيدق اد سيف ۲ بغ اڪن مفڪفگون!

*

اورغ ۲ بغ مشهور

بوڪله درفد اورغ ۲ يغير دس فد
ماس ڪچيلن
بايق اورغ خلاف افييل مريڪ
ميڪرڪن بهوا بودق بغ چرديق فد
ماس ڪچيلن بغ دافه مغالهن ڪراڪن ۲
سبايان فد تاهون ۲ ففريقان سڪوله.
ايباله بغ اڪن مغالهن تمن ۲ن سته
لوس دري سڪولهن دان منجادي
اورغ يغير ڪموڪ دسغجغ ۲ فريڪه
هيدوفن
فهم ساله يعدمڪين سبترن تله
مرفد دهاتي ڪيايڪن ايو باف
سيفڪ اد داتارا مريڪ
يغير ڪلوهڪسه دان اد يغير فوس
هارف افييل مليهه انق ۲ مريڪ
ترڪيلاڪغ دالم فلاجران درفد
راڪن ۲ مريڪ يهالاين!

فولو ۲ هندق دجوال!

داتارا فتي "فلوريدا"
(امريڪا) دغن فولو بسر "هايتي"
ترلق ڪوڪسن فولو ۲ "باهاما"
يغير جمله - ڪچيل بسر - نيڪ
ريويليم فوله توجه بواه داتاران
600 بواه مغدوغي تمبو ۲هن
ڪوڪسن فولو ۲ ايتله يفته
دداستي اوله ڪريستوفر ڪولمبوس
(اهل فلايران يغير ڪنل) فد 12
اقتوبر 1492

فولو ۲ ترسيوٽه سڪارغ ترلق
دباوه ڪواس ڪراچان انگريس
تنافي ڪيايڪن تيدق معور دان
تيدق برفدودق سلاين درفد 20
بواه يغير ڪنل دغن نام "فولو ۲
باهاما بسر"

دسغه ۲ فولو ۲ اين اد ددافتي
فوڪوه ۲ زيتون، ليمو مانيس، فسغ
ڪاڪي (بواه تين)، نس دان فسغ
دمڪين جوڪ دسان اد برجس ۲
بوروغ - ڪچيل بسر، دان بناغ ۲
يغوله دماڪن داڪيغن

فد زمان دهولو فولو ۲ اين
منجادي سارغ "لانون" تنافي
لمڪلمان لانون ۲ ايت تله دافه
دهافوڪن لالو ددودڪني اوله
اورغ ۲ فوٽيه يغير فينده دري بنوا
ايروفه

خبون منوره بريما بواه مجله

ڪندوئتن:

- * سرب نيڪا
- * توه شيخ
- * جنڪ دري تيمور دان باره
- * تانهاير ڪيت
- * چرنا ليم مينيه
- * بالنس بغ عادل
- * مجلس ڪائق ۲
- * فرهايتي دان جمله سفاي
- * ڪامو هيدوف برهڪيا
- * عقده اسلام
- * ديدقن اخلاق
- * "مغ تواه" (ڪارتون)
- * بلاجر بهاس عرب دان
- * فيجاني عقل

دايفڪن ڪند انق ۲ بغ

مغتر فرادان ٽڪاٽڪي
ڪائق ۲ گوناڪله ستيه
4 مين بهاج دغن تيدق
دلڪنڪن سمولن - چاغن
گوناڪن ستيه 11 مين دغن
اين ملائهن جوڪ دري
انق ۲ بريجه جرمة.

Kanak-Kanak

Bilangan 5 – 1 Jun 1953 – 30 sen

Kandungannya:

- * Serbaneka
- * Tok Sheikh
- * Jenaka dari timur dan barat
- * Tanah air kita
- * Cerita lima minit
- * Balasan yang adil
- * Majlis Kanak-Kanak
- * Perhati dan camlah supaya
kamu hidup berbahagia
- * Aqidah Islam
- * Didikan akhlak
- * “Hang Tuah” (Kartun)
- * Belajar Bahasa Arab dan
pencanai akal
-
- Diingatkan kepada anak-anak yang
menghantar peraduan teka-teki
kanak-kanak gunakanlah *stamp*
4 sen sahaja dengan tidak
dilekatkan sampulnya – jangan
gunakan *stamp* 10 sen. Dengan
ini melatihkan juga diri
anak-anak berjimat-cermat.

Serbaneka

- oleh XXX'

Pulau-pulau hendak dijual!

Di antara Pantai “Florida”
(Amerika) dengan Pulau Besar “Haiti”
terletak gugusan pulau-pulau “Bahama”
yang berjumlah – kecil besar – tiga
ribu lima puluh tujuh buah. Di antaranya
660 buah mengandungi tumbuh-tumbuhan.

Gugusan pulau-pulau inilah yang telah
didapati oleh Christopher Columbus
(ahli pelayaran yang terkenal) pada 12
Oktober 1402.

Pulau-pulau tersebut sekarang terletak
di bawah kuasa kerajaan Inggeris
tetapi kebanyakannya tidak makmur dan
tidak berpenduduk selain daripada 29
buah yang terkenal dengan nama “Pulau-Pulau
Bahama Besar”.

Di setengah-setengah pulau-pulau ini ada didapati
pokok-pokok zaitun, limau manis, pisang,
kaki (buah tin), nenas dan pisang.
Demikian juga di sana ada berjenis-jenis
burung – kecil besar. Dan binatang-binatang
yang boleh dimakan dagingnya.

Pada zaman dahulu pulau-pulau ini
menjadi sarang “lanun” tetapi
lama-kelamaan lanun-lanun itu telah dapat
dihapuskan lalu diduduki oleh
orang-orang putih yang berpindah dari benua
Eropah.

Khabarnya menurut berita sebuah majalah

Perancis, kerajaan Inggeris telah

memutuskan hendak menjual beratus-ratus
buah daripada pulau-pulau tersebut – bukan
kepada kerajaan-kerajaan asing, tetapi kepada
orang ramai, apa jua bangsanya, supaya
pulau-pulau itu tetap terletak dalam lingkungan
Empayar British.

Harganya cukup murah dan tiap-tiap
pembeli akan menjadi raja yang berkuasa
di atas suku-sakatnya di pulau itu dengan
tidak ada siapa-siapa yang akan mengganggunya!

*

Orang-orang yang masyhur

Bukanlah daripada orang-orang yang cerdas pada
masa kecilnya.

Banyak orang khilaf apabila mereka
memikirkan bahawa budak yang cerdik pada
masa kecilnya yang dapat mengalahkan rakan-rakan
sebayannya pada tahun-tahun peperiksaan sekolah
ialah yang akan mengalahkan teman-temannya setelah
lulus dari sekolahnya dan menjadi
orang yang terkemuka di sepanjang-panjang peringkat
hidupnya.

Faham salah yang demikian sebenarnya telah
meresap di hati kebanyakannya ibu bapa
sehingga ada di antara mereka
yang berkeluh-kesah dan ada yang berputus
harap apabila melihat anak-anak mereka
terkebelakang dalam pelajaran daripada
rakan-rakan mereka yang lain!

'Perkataan tidak jelas

بغ همفا - دالماس فرسكولهن بغ
فنديق ايت - دان تيدق لايق بلاجر
دان منريما فلاجران

✱

سريو اورغ بغ مشهور دالم
برباكي 3 ميدان هيدوف تله دكاجي
روايه هيدوف مريك ساتو فرساتو
لالو ددافتني هان 48 فراتوس دانتارا
مريك يقبوله دكتاكن فننتوة 3
بغتركموك كنفداين

درفد كتراعن 2 بغترسوة داتس
جلسله بهوا صفة 2 بغ ملايقن
سشورغ منجادي تركموك ددالم
مشاركة بوكله منجادي وقف كنف

فننتوة 2 بغ دري كچيلن تركنل
چرديق دان چردس مالهن
كرفكالي فننتوة 2 بغترتاهن دان
كادغ 2 بغ لمب فون ايتوله
بغترفيليه دان تركموك دالم
برباكي 2 لافن هيدوف

كران ايت فد هاري فريقتان اخر
باكي منمتكن فلاجران دكوليچ
ترسوة اي تله مندافة نمبر 61 درفد
كمقولن مريد 2 بغر جمله 168 اورغ

مسكيفون دمكين لمبين تنافي
سبايك 2 سهاج اي منيغلكن بغكو
فلاجران دان ماسوفكي ميدان
عيدوف مك لاهيرله صفة 2 بغ
ملايقن منجادي فغنجور بغتركموك
سهاگ ترسره دتاغنن فيمقين تنترا
فهبق برايكة دايروفه دان بهارو 2
اين تله دفيليه منجادي فرسيدنه
نگارا امريكا - نگارا امس بغ كاي
راي ايت

✱

فرسيدنه روزييله فول -
دالماس مننتوة دهولو - دغن فايهن
تله ماسوفكي كوليچ اوندغ 2
ديونييرميتي كولومبيا كران
ككوراغن مرکهن دمننجغ 2
فلاجران ديونييرميتي اي تله
برككالن مندافة مرکه 2 بغترتاهن
سهاج

✱

"طومس من" فنوليس بغتركل
دمكين چوكت كادان، شورغ فننتوة
بغ لمب دالماس كچيلن "البرة
ايشتمن" شورغ اهل فلسفه بغترس
فد هاري اين اداله شورغ مريد
بغ لالو چوروة دهولو دمكين
فول "طومس ايدين" شورغ اهل
فغتهوان بغرجاس كنف دينا دغن
بارغ 2 ريكائن، تركنل شورغ مريد

بغ سمنن، بايق دانتارا اورغ 2
بغ مشهور، بوكله درفد اورغ 2
بغدرديق فندي قد ماس كچيلن
دسكوله كنفداين مريك تله
برككالن ترندم سهاگاله مريك
منجادي اورغ ديواس دان ماسوفكي
ميدان هيدوف، فد ماس ايتوله
بهارو ظاهر كنفداين دان كيچقستان
مريك بغ منجادي سبب مك مريك
برجاي دان مشهور! مغرت كپولهن
برهوبغ بايك دان مناريق هاتي
اورغرامي، تيغكي چيتا 2، تكون،
ساتو توجوان دان صفة 2 بغ ملايقن
منجادي فغنجور، كسموان صفة 2
ترسوة تيدق اكن مندافة سوات
دالماس فرسكولهن بغ اكن ملاهير
دان منمبه اتو ميوبركنن

✱

منورة كتراعن مجله "ريدرس
دايجس" بهوا جنرال "ايسنهاور"
فرسيدنه نگارا امريكا شريكة
سكارغ اين، سكل منمتكن فلاجران
سكوله منهن دهولو، كدافتن دي
بنجي كنف فلاجران دان كران ايت
اي تله تيدق ملنجوتكن فلاجران
كيونييرميتي، لالو بگرچ دسبواه
كيلغ اير باتو

تنافي دغن فوجوق قوم قراينن
اي تله منيغلكن كيلغ ايت لالو
منمتكن فلاجران داله سبواه
كوليچ تيغكي بغتيدن دكتاكن
بايران دالم فد ايت اي تيدق بگتو
مغصيل برة دالماس بلاجر دان

دالماس دينا بركلورا دغن
كيودايان بارة اين كاتق 2 ساغه
بايك مباح بوكو:

فرمفوان اسلام

سسخه 30 سين - فوسه 1 سين
فتاله كنف

QALAM

356 & 358, Geylang Road,
Singapore, 14.

Yang sebenarnya, banyak di antar orang-orang yang masyhur, bukanlah daripada orang-orang yang cerdas pandai pada masa kecilnya di sekolah. Kepandaian mereka telah berkekalan terpendam sehinggalah mereka menjadi orang dewasa dan memasuki medan hidup. Pada masa itulah baharu lahir kepandaian dan kebijaksanaan mereka yang menjadi sebab maka mereka berjaya dan masyhur! Seperti kebolehan berhubung baik dan menarik hati orang ramai, tinggi cita-cita, tekun, satu tujuan dan sifat-sifat yang melayakkan menjadi penganjur. Kesemuanya sifat-sifat tersebut tidak akan mendapat sesuatu dalam masa persekolahan yang akan melahirkan dan menambah atau menyuburkannya.

*

Menurut keterangan majalah "Reader's Digest" bahawa Jeneral "Eisenhower" *president* negara Amerika Syarikat sekarang ini, tatkala menamatkan pelajaran sekolah menengahnya dahulu, kedapatan dia benci kepada pelajaran dan kerana itu ia telah tidak melanjutkan pelajarannya ke universiti, lalu bekerja disebuah kilang air batu.

Tetapi dengan pujuk kaum kerabatnya ia telah meninggalkan kilang itu lalu menamatkan pelajarannya di salah sebuah kolej tinggi yang tidak dikenalkan bayaran. Dalam pada itu ia tidak begitu mengambil berat dalam masa belajar dan

kerana itu pada hari peperiksaan akhir bagi menamatkan pelajarannya di kolej tersebut, ia telah mendapat nombor 61 daripada kumpulan murid-murid yang berjumlah 164 orang.

Meskipun demikian lembapnya tetapi sebaik-baik sahaja ia meninggalkan bangku pelajaran dan memasuki medan hidup maka lahirlah sifat-sifat yang melayakkannya menjadi penganjur yang terkemuka sehingga terserah di tangannya pimpinan tentera pihak briged di Eropah dan baharu-baharu ini telah dipilih menjadi *president* negara Amerika – negara emas yang kaya raya itu.

*

President Roosevelt pula - dalam masa menuntut dahulu – dengan payahnya telah memasuki kolej undang-undang di Universiti Columbia kerana kekurangan markahnya. Di sepanjang-panjang pelajarannya di universiti ia telah berkekalan mendapat markah-markah yang pertengahan sahaja.

*

"Thomas Mayne" penulis yang terkenal demikian juga keadaannya, seorang penuntut yang lembap dalam masa kecilnya. "Albert Einstein" seorang ahli falsafah yang terbesar pada hari ini, adalah seorang murid yang selalu corot dahulu. Demikian pula "Thomas Edison" seorang ahli pengetahuan yang berjasa kepada dunia dengan barang-barang rekaannya, terkenal seorang murid

yang hampa – dalam masa persekolahannya yang pendek itu – dan tidak layak belajar dan menerima pelajaran.

*

Seribu orang yang masyhur dalam berbagai-bagai medan hidup telah dikaji riwayat hidup mereka satu-persatu lalu didapati hanya 48 peratus di antara mereka yang boleh dikatakan penuntut-penuntut yang terkemuka kepandaannya.

Dari pada keterangan-keterangan yang tersebut di atas,

jelaslah bahawa sifat-sifat yang melayakkan seseorang menjadi terkemuka di dalam masyarakat bukanlah menjadi wakaf kepada penuntut-penuntut yang dari kecilnya terkenal cerdas dan cerdas. Malahan kerap kali penuntut-penuntut yang pertengahan dan kadang-kadang yang lembap pun, itulah yang terpilih dan terkemuka dalam berbagai-bagai lapangan hidup.

Dalam masa dunia bergelora dengan kebudayaan barat ini kanak-kanak sangat baik membaca buku:

Perempuan Islam

Senaskah 30 sen – *post* 6 sen.

Pintalah kepada

QALAM
356 & 358, Geylang Road,
Singapore, 14.

دەمکین رەگەسن چەریتا بکیمان
 سیدنا عمر مولا اسلام. ای ترکنل
 سبکئی اورغ یغ کارغ. فمایوق دان
 کرس سرت برانی. تیدق کتسر فد
 سوات یغاد دەهافن. سەدە اسلام
 ای ترکنل سبکئی خلیفە یغ عادل
 یغ فایە مندافە تولوہ بئیدین.
 دەمکیلە فد سوات هاری سدغ ای
 برسغ ۲ ای ترسپوم دان ترتاوا
 شورغ دیری. اورغ ئان فدان مغاف
 ای ترتاوا.



ای جواب بهوا ای ترکنغ اتس
 کبودوھن فد ماس یغلاو. اورغ تان
 لاکئی اف کبودوھن ایت ای جواب
 بهوا فد سوات ماس ای اولی تفوغ
 دغن کولا. ای جادیکن بارغ ۳ ایت
 برهالا یغدریکا اولیھن.
 کمدین ای تاروہ برهالا ایت
 دەمغە یغ تیغکی. ای سبە برهالا
 ایت. تیدق لام سەدە ایت برهالا
 ایت تادی دماکن فول. ایندە سبەن
 ای ترتاوا ملهتە حالن ایت.

چوب انق ۲ لیهتە بکیمان چریش
 این. ای ملهتە کبودوھن یغلاکوکن
 انق ۲ بندیگن لاکئی تنسغ کبودوھن
 یغلاکوکن اوله اورغ ۲ یغ مېوا
 سوات بندا. سەدە دېواة دەلیاکن
 دان دحرمانتی. کمدین ای برهازو.
 بندا یغدیواتن ایت اکن مېری
 فرتولغن کفدان. تیدفکە این
 بوە نمان. اوله ایت جاشن
 انق ۲ فرجای کفد بارغ ۲
 یغجادیکن فراتاران اتوہ کت
 سبوشقن فد موک ۱۵

تروس برکات: "اف یغ اشکو باج
 تادی؟!"

ادیقن، فاطمە دغن سگرا
 مېمبویکن قرطاس یغ مغندوغي
 ایات ۲ قرآن ایت دان تیدق مفاکو.
 عمر تیس ۳ برتمفیق میناکن بهوا
 ای تاهو بهوا کدوا ۲ تله مملوق اکام
 اسلام. سعید. ایقرن دفوکلن هەگک
 بردارە. ملهتە ایت فاطمە چوب
 ملرای تنافی ای کنا فوکل جوک.
 موکان بردارە کنا فوکل اوله عمر
 یغ سدغ بیرغ ایت.

"بالا کەمی تله مملوق اسلام. بوە اف
 سوک اوق". کات سوامی استری
 یغتله قووة عزمن ایت.

ملهتە دارە تله مغالیر فد ادیقن
 عمر براس بلس لالو میل اتس
 فریواتن. ای مودجوق ادیقن
 مېرھکن قرطاس یغبرتولیس ایات
 قرآن "سورە طه" ای مفاکتر مباح
 ایات ایت دان سھابیس مباح سھاج
 تروس فرکئی کرومه رسول الله
 دان مملوق اکام اسلام.

توہ شیخ دالم کلوان یغلاو
 تله برجمجی هندق منجتران
 کجادین یغبرلاکو اتس سیدنا عمر.
 سلوم ای مملوق اسلام اداله ای
 ترکنل سبکئی شورغ یغ کارغ دان
 کاکە. ای برانی. تیدق کتسر مېواة
 سوات دەهافن اورغلابن. دالماس
 برعموز ۵۰ تاهون ای بلوم اسلام لاکئی.
 ماس ایت. اسلام سەدە مولای
 برکرق ددالم لیغکوغن اورغ ۲
 عرب. عمر سەدە برنیة هندق مپاکیتی
 اورغ ۲ یغ ماسوق اسلام. باقی
 اورغ ۲ یغتله دانپای اولیھن. ملهتە
 اورغ ۲ قویش برفجە ماس ایت ای
 ماهو بوہ رسول الله کران فد
 فدافتن رسول الله ایشولە یغ مېاوا
 فحە بلە.

فد سوات هاری ای برجالن
 ماهو چاری رسول الله. ای برنیة
 هندق بوہ رسول الله. ددالم
 فرجالن ایت ای برجمفا دغن نعیم
 بن عبدالله. نعیم مېری نصیحە
 کفدان سفای جاغن لاکوکن
 فریواتن ایت. سوکو ۲ عبد مناف
 ننتی اکن تنوہ بیلا. مالاین درفد
 ایت. کات نعیم لیه بائیک بتولیکن
 رومە سندریری کران ایقران ادیق
 اوق سفیف ماس باج قرآن - سەدە
 ماسوق اسلام.

مەشدر ایت سیدنا عمر نایک
 بیرغ. ای تروس بالیک کرومه
 ادیقن. سلوم ای ماسوق ددشرن
 کدوا ۲ سوامی استری ایت مباح ۲.
 اف یغ باج مریک تیدق فرنە ددغر
 اولیھن دغن مارهن ای ماسوق

Tok Syaikh dalam keluaran yang lalu telah berjanji hendak menceritakan kejadian yang berlaku atas Saiyidina 'Umar. Sebelum ia memeluk Islam adalah ia terkenal sebagai seorang yang garang dan gagah. Ia berani, tidak gentar membuat sesuatu di hadapan orang lain. Dalam masa berumur 30 tahun ia belum Islam lagi.

Masa itu, Islam sudah mulai bergerak di dalam lingkungan orang-orang Arab. 'Umar sudah berniat hendak menyakiti orang-orang yang masuk Islam. Banyak orang-orang yang telah dianiaya olehnya. Melihat orang-orang Quraysh berpecah masa itu ia mahu bunuh Rasulullah kerana pada pendapatannya Rasulullah itulah yang membawa pecah belah.

Pada suatu hari ia berjalan mahu cari Rasulullah. Ia berniat hendak bunuh Rasulullah. Di dalam perjalanan itu ia berjumpa dengan Na'im bin 'Abdullah. Naim memberi nasihat kepadanya supaya jangan lakukan perbuatan itu. Suku-suku 'Abdu Manaf nanti akan tuntut bela. Selain daripada itu, kata Na'im lebih baik betulkan rumah sendiri kerana ipar dan adik awak setiap masa baca Qur'an - sudah masuk Islam.

Mendengar itu Saiyidina 'Umar naik berang. Ia terus balik ke rumah adiknya. Sebelum ia masuk didengarnya kedua-dua suami isteri itu membaca-baca. Apa yang dibaca mereka tidak pernah didengar olehnya. Dengan marahnya ia masuk



terus berkata: "Apa yang engkau baca tadi?!"

Adiknya, Fâtimah dengan segera menyembunyikan kertas yang mengandungi ayat-ayat Qur'an itu dan tidak mengaku. 'Umar tiba-tiba bertempik menyatakan bahawa ia tahu bahawa kedua-dua telah memeluk agama Islam. Sa'id, iparnya dipukulnya hingga berdarah. Melihat itu Fâtimah cuba melerani tetapi ia kena pukul juga. Mukanya berdarah kena pukul oleh 'Umar yang sedang berang itu.

"Ya! Kami telah memeluk Islam, buat apa suka awak", kata suami isteri yang telah kuat azamnya itu.

Melihat darah telah mengalir pada adiknya 'Umar berasa belas lalu sesal atas perbuatannya. Ia memujuk adiknya menyerahkan kertas yang bertulis ayat Qur'an "Surah Taha" ia mengegetar membaca ayat itu dan sehabis membaca sahaja terus pergi ke rumah Rasulullah dan memeluk agama Islam.

Demikian ringkasnya cerita bagaimana Saiyidina 'Umar mula Islam. Ia terkenal sebagai orang yang garang. Pemabuk dan keras serta berani. Tidak gentar pada sesuatu yang ada di hadapannya. Sesudah Islam ia terkenal sebagai khalifah yang adil yang payah mendapat tolok bandingnya. Demikianlah pada suatu hari sedang ia bersenang-senang ia tersenyum dan tertawa seorang diri. Orang tanya padanya mengapa ia tertawa.

Ia jawab bahawa ia terkenang atas kebodohnya pada masa yang lalu. Orang tanya lagi apa kebodohan itu. Ia jawab bahawa pada suatu masa ia uli tepung dengan gula. Ia jadikan barang-barang itu berhala yang direka olehnya.

Kemudian ia taruh berhala itu di tempat yang tinggi. Ia sembah berhala itu. Tidak lama sesudah itu berhala itu tadi dimakannya pula. Inilah sebabnya ia tertawa melihat halnya itu.

Cuba anak-anak lihat bagaimana cerita ini. Ia melihat kebodohan yang dilakukannya. Anak-anak bandingkan lagi tentang kebodohan yang dilakukan oleh orang-orang yang membuat sesuatu benda. Sesudah dibuat dimulikan dan dihormati. Kemudian ia berharap benda yang dibuatnya itu akan memberi pertolongan kepadanya. – Tidakkah ini bodoh namanya? Oleh itu jangan anak-anak percaya kepada barang-barang yang dijadikan perantaraan untuk kita

Sambungan pada muka 15

کالو سده مابوق

دوا اورغ مابوق برجالن دالم بولن
ترغ، شورغ، درفندان برکات:
الغکه ترغن بولن مالم این!
یع شورغ برکسات: بوده!
ایت بوکن بولن تنافی متهاری
قد تتهاری

کدوا ۲۱ آن تله جادی فرکادوهن
دان کبتولن شورغ فمابوق فول
داتغ کدوا ۲۱ برتان کفد اورغ
این: "هی! ترغ این، ترغ بولنکه
اتو ترغ متهاری"

اورغ یگنسیک ایت منحواب-
سای اورغ نکری لاین جادی سای
تا تاهو حال نکری این!

* * *

نصیب بایک

پوپا: هی اسم! کانبکوا این
تردافه دالم فتی انگکو
اسم: شکور! جادی ای تاهیلغ!

جناک دري ټيموردان بارة

اوله اواغ ټينجول

سقي: سبن، توان حاکم، ماس
ایت سای بلوم معتھوي سیاف
یغاکن جادی فبوده دان سیاف یغاکن
دتوده.

* * *

سیاف برلوتوة

ایبو - من! سدھکه توناغن
اغکو ایت داتغ دان برلوتوة ممنا
کھوین دغن اغکو؟

من - یا، مق! فتغ تادی ای
داتغ دان سای برلوتوة ممنا
کھوین کفدان.

تا د یغ هندق دچوري
مه - سلما سیمگکو این سای
تیدق کھلاغن ایم
دول - کناف! تیدق اد فنجوري
لاکیکه دکمفوغ اوق!

مه - تیدق! فنجوزي ماسه
بایق تنافی ایم سده تیدق اد لاکي
ددالم رین

* * *

بلوم تاهو.

حاکم (برتان کفد سقي):
مغاف اغکو تیدق ممبتو فبوده دالم
فر کلاهین ایت!



Jenaka Dari Timur dan Barat

Oleh Awang Benjol

Tak ada yang hendak dicuri
Mat – selama seminggu ini saya
tidak kehilangan ayam.
Dol – kenapa! Tidak ada pencuri
lagikah di kampung awak!
Mat – tidak! Pencuri masih
banyak tetapi ayam sudah tidak ada lagi
di dalam reban.
* * *
Belum Tahu.
Hakim (bertanya kepada saksi):
Mengapa engkau tidak membantu penuduh dalam
perkelahian itu?

Saksi: Sebabnya, Tuan Hakim, masa
itu saya belum mengetahui siapa
yang akan jadi penuduh dan siapa yang akan
dituduh.
* * *
Siapa berlutut
Ibu – Man! Sudahkah tunangan
engkau itu datang dan berlutut meminta
kahwin dengan engkau?
Man – Ya, Mak! Petang tadi ia
datang dan saya berlutut meminta
kahwin kepadanya.

Kalau sudah mabuk
Dua orang mabuk berjalan dalam bulan
terang. Seorang daripadanya berkata:
Alangkah terangnya bulan malam ini!
Yang seorang berkata: Bodoh!
Itu bukan bulan tetapi matahari
pada tengah hari.
Kedua-duanya telah jadi pergaduhan
dan kebetulan seorang pemabuk pula
datang. Kedua-duanya bertanya kepada orang
ini: "Hai! Terang ini, terang bulankah
atau terang matahari?
Orang yang ketiga itu menjawab:
Saya orang negeri lain jadi saya
tak tahu hal negeri ini!
* * *
Nasib Baik!
Nyonya: Hai Asim! Kainku ini
terdapat dalam peti engkau.
Asim: Syukur! Jadi ia tak hilang!



نصيحة لوير



هي! افري سده بواة؟
سده سر نايك كريتنا
كچيل! نيدق چوكف
بكتو سهاح تنافي
اي سده ايسف بوتل
- سارغ اذيقن بغ كچيل
مدلغ دان تروس
مهرهاني دغن حيران
ايشن ايسف بوتل.
اف فيكر اتق ۲ ماهو
ايكوة ماجم اين ۱۹۹

محمد: توان لوير! موتور كار
ساي برجالن دسبله كيري ميگكوة
فرا توران جالن بغ ياس- تيبا
سبواه موتور كار دري سبله كانن
ملغكر موتور كار ساي هفك
تروس مركشن دان لمفون فجه.
سيافكه بغ ساله دالم فر كارا اين؟

لوير: سده ترغ موتور كار بغ
ملغكر ايت ساله. توان بوله منتسوة
تروكي كفدان دان كالو اي اغكن
مبارير توان بوله معادوكشن دان
بوله اي ديجاراكن

درفد تمغه تيدورن ساي چيوم اي
دغن لسه لمبوة.

سبابق \$50 برسام ۲ دغن مكشيع بيل
فول سبابق \$50 دان بركات هارف
توان باير \$50 كران بلنجا نصيحه
ساي كغد توان.

تمنن برتان: تنافي سده اوق
كهوين تيك بولن بكيمان فول؟

استري ايت منجواب: كالو
اي هندق باغون فاكي ترفقساله
اي ميبلي سبواه "جم بويي" كالو
تيدق منتساي اي باغون لمبه.

كالمو سده
شورغ استري بغ منجوفكن
كاسهين كغد سوامين تله بركات:
"تيف ۲ فاكي ساي افيل معجوتكنن

محمد: ساي تله فرقسا دترافيق
اوفيس دان ساي دافني بهوا نمبر
موتور كار 1894 بغ ملغكر موتور كار
ساي ايت كفو بان توان- اولسه
ايت اين بيل كستي كرومقنن ايت
سبابق \$50 هارف توان باير.

لوير ايت معلواركن واغ



Nasihat Lawyer

Muhammad: Tuan lawyer! Motokar

saya berjalan di sebelah kiri mengikut
peraturan jalan yang biasa. Tiba-tiba
sebuah motokar dari sebelah kanan
melanggar motokar saya hingga
rosak *mudguard* dan lampunya pecah.
Siapakah yang salah dalam perkara ini?

Lawyer: Sudah terang motokar yang
melanggar itu safah, tuan boleh menuntut
rugi kepadanya dan kalau ia enggan
membayar tuan boleh mengadukannya dan
boleh ia dibicarakan.

Muhammad: Saya telah periksa di *traffic*
office dan saya dapati bahawa nombor
motokar 1894 yang melanggar motokar
saya itu kepunyaan tuan. – Oleh
itu ini bil ganti kerosakan itu
sebanyak \$50 harap tuan bayar.

Lawyer itu mengeluarkan wang



sebanyak \$50 bersama-sama dengan sekeping bil
pula sebanyak \$50 dan berkata harap
tuan bayar \$50 kerana belanja nasihat
saya kepada tuan.

* * *

Kalau sudah...

Seorang isteri yang menunjukkan

kasihnya kepada suaminya telah berkata:

"Tiap-tiap pagi saya apabila mengejutkannya

daripada tempat tidurnya saya cium ia
dengan lemah lembut.

Temannya bertanya: Tetapi sesudah awak

kahwin tiga bulan bagaimana pula?

Isteri itu menjawab: Kalau

ia hendak bangun pagi terpaksa lah

ia membeli sebuah "jam bunyi" kalau

tidak sentiasa ia bangun lambat.



تانهازکت

(اوله فأوتيه)

بهاکين ۲ بسر ايت دنماکن بنوا
بیايت :

انق ۲:

1. بنوا ايروفه

2. بنوا اسيا

3. بنوا افريکا

4. بنوا امريکا

5. بنوا اوستراليا

چوب انق ۲ ليهه دنبوا مان

کيت تيغکل؟ اف بېغ مناريق هاتي

کيت فد تيف ۲ بنوا ايت؟

فرتيان بغير تام دغن موده انق ۲

اکن منجواب. بهوا کيت تيغکل

دبنوا اسيا. جادي دغن سديرين

کيت فهم. بهوا کيت مانسي بنوا

اسيا اتو اورغ ۲ اسيا. بوکن؟

فرتيان بگکدوا ايت تادافه

دجواب دغن موده. سبب بايق بئر

بېغ مناريق هاتي کيت. لادين اورغ

لائين فرهايتين.

تسافي باکي کيت اومه اسلام

اتو اورغ ۲ بغير اکام اسلام. بېغ لکس

سکالي مناريق هاتي کيت اباله تمقه

تربيه اکام اسلام ايت دان دمان

نگري ۲ بېغ بايق سکالي اومه اسلام.

اتو ليه ترغ لاکي دمان "دنيا اسلام"

سمنجق دهولو هغک سکارغ اين

انق ۲ تسنو تله تاهو بهوا مولا

تربيه اکام اسلام ايت. تانه عرب

نبي محمد (صلم) بېغ دفتر تهکن

توهن بمباوا اکام اسلام ايت اورغ

عرب لاهير دمکه فد تاهون مسيحي

بوليهکه کامو برتاهو ساي :

سياف کامو دان دمان کامو تيغکل؟

تسنو انق ۲ بوله منجواب دغن

موده بهوا نام کامو سي انواق

سي انو تيغکل دکمفوغ انو دالم

نگري انو.

تسافي بکيمان کامو فيکر کالو

سورغ منجواب بهوا دي سورغ

مانسي دان تيغکل دأس دنيا؟

ساليکه جوافين ايت؟ تيدق

بوکن؟ هان بازغکالي اد دانسارا

انق ۲ بغير فيکر بهوا جوافين ايت

ترالو لواس ساغه.

تسافي کامو سوک برتان کمد

اورغ ۲ فدي ايتوله جوافين بېغ

بتول. سبب توهن مپوره کيت

برفيکر لواس سفرت ايت دان

مندغ بلوره دنيا اين منجادي حق

ميليک کيت مانسي. سياف راجين.

فدي دان جريدق دأس دنيا اين

دي دافه اتوغ بايق. اورغ ۲ بېغ

دودق دم. تيدق ماهو بکرج قوا.

تيدق اد علم ففتهوان ملالو

دافه بهاکين مديکته تيدق بايق

دان ملالو تيدق چوکف.

دالم فد ايت کيت فهم بهوا دنيا

اين ميمغ اد بهاکين ۲ بېغ بسر

570. کمدين فنده کمدينه فد

تاهون مسيحي 622. جنجوشن

کيت ايت وفاه فد تاهون مسيحي

632. سته سلسي کرجان. کمدين

درفدان اکام اسلام سماکين سو بر

دان برکمغ کمان ۲ نگري هغک

هاري اين دنيا اسلام ايت امة

لواس دان اومه اسلام "سودارا

کيت "امة رامي (ليهه فنا).

فرهايتکنله انق ۲ دمان دنيا

کيت ايت. دنيا اسلام مولا ي دري

تانه عرب. ميرغ کبنوا افريکا

دان سفني کايروفه هغک کنگري

سغابول فد زمان دهولو. کمدين

ليهه نگري فرسي. انديا. فاکيستان

عالم ملايو يعني فولو ۲ اندونسيا.

فيليفينا دان تانه ملايو. نگري

چينا دان لادين ۲.

تادي کامو تله تاهو. بهوا

کيت اورغ اسيا سبب کيت دلاهير کن

دان تيغکل دبنوا اسيا. تسافي دغن

سجوتن بنوا اسيا ايت مایه امة

لواس افلاکي دي سنون برسبوغ

دغن بنوا ايروفه.

سکارغ برهوبغ دغن بنوا کيت

بنوا اسيا تيمبول فرتيان :

1. بيلاکه کيت اتو کوروتن

کيت تله تيغکل دبنوا اسيا؟

2. بکيمان بنديغن بنوا اسيا

دغن لادين ۲ بنوا؟

3. بکيمان بنديغن اورغ ۲ اسيا

دغن اورغ ۲ بنوا لادين؟

کسک ۲ سوال اين اکن کيت

بنتغکن دان کيت ملید بکي برسام ۲

فد "کانق ۲" بياغن اکنداغ.

Tanah Air Kita

(Oleh Pak Uteh)

Anak-anak!

Bolehkah kamu beritahu saya:

Siapa kamu dan di mana kamu tinggal?

Tentu anak-anak boleh menjawab dengan

mudah bahawa nama kamu si anu anak

si anu, tinggal di kampung anu dalam

negeri anu.

Tetapi bagaimana kamu fikir kalau

seorang menjawab, bahawa dia seorang

manusia dan tinggal di atas dunia?

Salahkah jawapannya itu? Tidak

bukan? Hanya barangkali ada di antara

anak-anak yang berfikir bahawa jawapannya itu

terlalu luas sangat.

Tetapi kamu suka bertanya kepada

orang-orang pandai, itulah jawapan yang

betul. Sebab Tuhan menyuruh kita

berfikir luas seperti itu dan

memandang seluruh dunia ini menjadi hak

milik kita manusia. Siapa rajin,

pandai dan cerdik di atas dunia ini

dia dapat untung banyak. Orang-orang yang

duduk diam, tidak mahu bekerja kuat,

tidak ada ilmu pengetahuan, selalu

dapat bahagian sedikit tidak banyak

dan selalu tidak cukup.

Dalam pada itu kita faham bahawa dunia

ini memang ada bahagian-bahagiannya yang besar.

Bahagian-bahagian besar itu dinamakan benua

iaitu:

1. Benua Eropah

2. Benua Asia

3. Benua Afrika

4. Benua Amerika

5. Benua Australia.

Cuba anak-anak lihat di benua mana

kita tinggal? Apa yang menarik hati

kita pada tiap-tiap benua itu?

Pertanyaan yang pertama dengan mudah anak-anak

akan menjawab, bahawa kita tinggal

di benua Asia, jadi dengan sendirinya

kita faham, bahawa kita manusia benua

Asia atau orang-orang Asia, bukan?

Pertanyaan yang kedua itu tak dapat

dijawab dengan mudah, sebab banyak benar

yang menarik hati kita, lain orang

lain perhatiannya.

Tetapi bagi kita umat Islam

atau orang-orang yang beragama Islam, yang lekas

sekali menarik hati kita ialah tempat

terbit agama Islam itu dan di mana

negeri-negeri yang banyak sekali umat Islam

atau lebih terang lagi di mana "dunia Islam"

semenjak dahulu hingga sekarang ini.

Anak-anak tentu telah tahu bahawa mula

terbit agama Islam itu, Tanah Arab.

Nabi Muhammad (sal'am) yang diperintahkan

Tuhan membawa agama Islam itu orang

Arab lahir di Makkah pada tahun Masihi

570. Kemudian pindah ke Madinah pada

tahun Masihi 622. Junjungan

kita itu wafat pada tahun Masihi

632, setelah selesai kerjanya. Kemudian

daripadanya agama Islam semakin subur

dan berkembang ke mana-mana negeri, sehingga

hari ini dunia Islam itu amat

luas dan umat Islam "saudara

kita" amat ramai (lihat peta).

Perhatikanlah anak-anak di mana dunia

kita itu, dunia Islam - mulai dari

Tanah Arab, menyeberang ke benua Afrika

dan sampai ke Eropah hingga ke negeri

Spanyol pada zaman dahulu. Kemudian

lihat negeri Parsi, India, Pakistan.

Alam Melayu yakni pulau-pulau Indonesia,

Filipina dan Tanah Melayu, negeri

China dan lain-lain.

Tadi kamu telah tahu, bahawa

kita orang Asia sebab kita dilahirkan

dan tinggal di benua Asia. Tetapi dengan

sebutan benua Asia itu masih amat

luas, apa lagi dia sebenarnya bersambung

dengan benua Eropah.

Sekarang berhubung dengan benua kita,

benua Asia timbul pertanyaan:

1. Bilakah kita atau keturunan

kita telah tinggal di benua Asia?

2. Bagaimana bandingan benua Asia

dengan lain-lain benua?

3. Bagaimana bandingan orang-orang Asia

dengan orang-orang benua lain?

Ketiga-tiga soal ini akan kita

bertanyakan dan kita selidiki bersama-sama

pada "kanak-kanak" bilangan akan datang.

چریالیلمیندی

کودا تر بیغ

(II)

بارغکالی ادیق ۲ سکلین ایغین هندق مندغر بگیمان روف دان صفة کودا تر بیغ بیغ فلیق ایت - ایغ "له" مدیا هندق منجریتاکن کران کسوکان دان ککماران ادیق ۲. میغ ایتوله توجوان ایغ "له" بیغ اوتام.

(اوله ایغ "له")

کودا تر بیغ ایت - منوره چریتا کمدین برکولیق ۲ دغن ریاغن توا - ایاله شیکور کودا بیغ فوتیه مللق بولون، دوا ایغن، دان بوله تر بیغ مغرت بوروغ.

برتاھون ۲ لمان کودا ایت هیدوف دغن امان، ترفنچیل جاوه دزی قوم مانسی، فد مالم هاری دی نیدور دکمونجق گونغ، دان فد سیاغ هاری فول دی مغبایسکن مان تر بیغ داودارا، فد وقت تر بیغ، کلهاتن کدوا ۲۱ ایغن منجر ۲ دغن ایندهن دفانه اوله چیا متھاری.

ستله تیا موسیم فانس، تورنله کودا ایت کیومی لالو مغونچوقکن ایغن دان تروس برلاری مغرت کیله، مرده کاکای کونغ دان تانه لمبه سهک دی تیا دتھی "انق سوغی ایر مات" یغنله لالو چریتان، دی فون میوم دغن سفواس ۲.

"اد" جواب فرمفوان ایت کمدین فرمفوان ایت برکات لاکي: "ایتفون هان سکالی سھاج منجھج

عموز ساي . ساي مایه ایغه بگیمان ساي ترفندغ کودا ایت مدغ تر بیغ داودارا، مغرت سیکور هلیغ فوتیه ساي فون برکات ددالم هاتی اکفن ایتوله دی کودا تر بیغ، بیغ لالو ساي دغر چریتان.

بودق کچیل بیغ اد برسام ۲ کاکمن دتھی انق سوغی ایت تله بر فالبیغ کفد اورغمودا ایت لالو برکات: "سای بایق کالی ملیهن دان کالی بیغ اخرا باله سالم."

"باکوس ادیق، اینله دی بیغ ساي ماهو دغر!" کات اورغمودا کفد کانق ۲ بیغ چردس ایت.

"چوب چریتاکن بگیمان ادیق دافه ملیهن": کسان لاکي.

دغن ترسنوم بودق ایت منجواب: "سای لالو دانغ برمان ۲

دتھی انق سوغی این، کران ساي ساغه ۲ سوک بمبواة کافل دان فراھو قرطاس، دان ساي هاپوتکن دی

ددالم انق سوغی این، ساي ساغه ۲ سوک مندغن ترفوغ ۲ داتس موک ایر، بایق کالی ساي ترفندغ

-دالماس ساي برمان - اکن کیله کیلو کودا تر بیغ بیغ ایتاکن ایت، دان بایق کالی فول ساي

برھارف کالو ۲ له دی تورن کیومی، مبلوا ساي داتس بلاکفن، دان

منریکن ساي کیولن، تنافی ساي همتیر ۲ بر فوس هارف دغد

مدافه حاجه ساي ایت، کران ساي لیله دی تر بیغ تیگی افیل

مندغر سوارا، اتو مدیه ساي منولیه کفدان."

مدافه حاجه ساي ایت، کران ساي لیله دی تر بیغ تیگی افیل مندغر سوارا، اتو مدیه ساي منولیه کفدان."

مدافه حاجه ساي ایت، کران ساي لیله دی تر بیغ تیگی افیل مندغر سوارا، اتو مدیه ساي منولیه کفدان."

Cerita Lima Minit

Kuda Terbang

(II)

Barangkali adik-adik sekalian ingin hendak mendengar bagaimana rupa dan sifat kuda terbang yang pelik itu. Abang "Lah" sedia hendak menceritakannya kerana kesukaan dan kegemaran adik-adik. Memang itulah tujuan abang "Lah" yang utama.

(Oleh Abang "Lah")

Kuda terbang itu – menurut cerita tua – ialah seekor kuda yang putih melepak bulunya, dua sayapnya, dan boleh terbang seperti burung.

Bertahun-tahun lamanya kuda itu hidup dengan aman, terpencil jauh dari kaum manusia. Pada malam hari dia tidur di kemuncak gunung, dan pada siang hari pula dia menghabiskan masanya terbang di udara. Pada waktu terbang, kelihatan kedua-dua sayapnya memancar dengan indahny dipanah oleh cahaya matahari.

Setelah tiba musim panas, turunlah kuda itu ke bumi. Lalu menguncupkan sayapnya dan terus berlari seperti kilat, meredah kaki gunung dan tanah lembah sehingga dia tiba di tepi "anak sungai air mata" yang telah lalu ceritanya.

Dia pun minum dengan sepuas-puasnya

kemudian bergolek-golek dengan riangnya di atas rumput hijau yang terhampar dengan indahny di tepi anak sungai itu.

Demikianlah kebiassannya pada masa yang lalu.

Tetapi sekarang kuda terbang itu semenjak beberapa tahun telah tidak datang ke sana lagi. Dia hanya sekali-sekala dapat dilihat oleh orang ramai turun di kawasan itu. Itupun dengan tidak disangka-sangka dan tidak tentu masanya.

Anak muda itupun bertanya kepada perempuan yang sedang mencedok air dari anak sungai yang berwayat itu, katanya: "Adakah cik pernah terpandang kuda terbang?"

"Ada" jawab perempuan itu.

Kemudian perempuan itu berkata lagi:

"Itupun hanya sekali sahaja sepanjang

umur saya. Saya masih ingat bagaimana saya terpandang kuda itu sedang terbang di udara, seperti seekor helang putih. Saya pun berkata di dalam hati agaknya itulah dia kuda terbang, yang selalu saya dengar ceritanya."

Budak kecil yang ada bersama-sama kakaknya di tepi anak sungai itu telah berpaling kepada orang muda itu lalu berkata: "Saya banyak kali melihatnya dan kali yang akhir ialah semalam".

"Bagus adik, inilah dia yang saya mahu dengar!" Kata orang muda kepada kanak-kanak yang cerdas itu.

"Cuba ceritakan bagaimana

adik dapat melihatnya?". Katanya lagi.

Dengan tersenyum budak itu menjawab: "Saya selalu datang bermain-main di tepi anak sungai ini, kerana saya sangat-sangat suka membuat kapal dan perahu kertas, dan saya hanyutkan dia di dalam anak sungai ini. Saya sangat-sangat suka memandangnya terapung-apung di atas

muka air. Banyak kali saya terpandang - dalam masa saya bermain - akan kilat kilau kuda terbang yang abang tanyakan itu, dan banyak kali pula saya berharap kalau-kalaulah dia turun ke bumi, membawa saya di atas belakangnya, dan menerbangkan saya ke bulan. Tetapi saya hampir-hampir berputus harap daripada mendapat hajat saya itu kerana saya lihat dia terbang tinggi apabila mendengar suara, atau melihat saya menoleh kepadanya."

فراسان


فراسان ايت اباله ساتو درفد
 الة سنجات انتوه منگنن فرديرين
 هيدوف، دان دي بوله كيت كنان
 درفد ايسي هاتي تيف ۲ شورغ
 مانسي جوگك بناغ ۲ تافي ايت
 برلايشن درفد كيت مانسي .

دغن ادا فراسان دصوباري كيت،
 هيدوف كيت اكن براوله كچيان
 دالم سكل گر فكري، فديچكات چيتا
 اتو كهندق كيت تيف ترچافي دغن اد
 فراسان بر كهندقنن، شورغ مانسي
 بغ هيدوف دغن فراسان فديگر فليگهن
 تيدق اكن براس لمه، دان اورغ بغ
 اد فراسان ايتوله سبنر ۲ اورغ بغ
 هيدوف، لتفن فراسان ايت فد اورغ
 بغ بر چيتا ۲ گران فراسان ايت اداله
 طبعه سمولا جادي دغن بتوان،
 اسوهن دان ديدقنن .

ملك فد اورغ بغ تله ترسه دهاتين
 فراسان ديري، افكه بغ هاروس
 دفر اولهن؟ نادافه تكانا هان دافه كيت
 كنانن هيدوف اورغ بغ بر فراسان
 ايت بوكن انتوه كفتينن ديري،
 اوله ايت كيت سموا دري كچيل لاكي
 هندقله اكن فراسان ديري ايغن تاهو
 دالم سربسري بغ اكن مياوا كيت
 كچالن يغمليا، دغن ادا فراسان
 سماچم اين دهاتي صوباري كيت بغ
 ماسيه فوتيه برسبه سده تشو چيتا
 كيت اكن ترچافي دسات ماس كلق .

عبدالحميد بن محمد
 سگوله ملايو كوت
 كوتهارو - كلتنن .

انقمودا ايتفون منريما كاسيه
 كغد بودق ايت گران كمران ۲
 بغرفا بده، بقله ددافتي درفدان، دان
 بر برسرهاتي اكن كچرداسن دان
 قوافة ايتاتن، سته ايت ايتفون ميري
 سلامة تيفگل كغد بودق ايت دان
 كاگهن لالو براندور دري ستيو .
 سنجق هاري ايت تيدق
 قوتس ۲ ن اورغمو دا ايت براولغ
 اليك كاتق سوغتي بغتري سوتو، دان
 مغبهايسكن سفنجق ۲ هارين، سبتتر ۲
 مندوغن كلاغيه دان سبتتر ۲ فول
 مرنوغ كموك اير، دغن هارفن
 هندق مديه كودا ايت تربغ
 داودارا، اتو فون مليهه باغ ۲ ن
 ددالم اير .
 ماس برجالن سهارى دمي
 سهارى، تافي دي تيدق جمو ۲
 منوغكو دغن سفنوه ۲ هارفن، گران



داتاهاير كيت بايق فنداغن ۲ بغ اينده، فرهبش داننارا ساتو تطفه دغن
 ساتو تطفه بوكنن سهاج حانن داره تافي جوگك مشكوهه جان سوغتي، فرنيكان
 دسوشي ايت اينده، بتر كادانن دان لاريس جوگك لاكون، كمبر منجوقنن
 فر يوق بالغا سدغ دجوال دغن فراهو دنجر ماسين (بورتو) - كمبر كاتق ۲ .

Anak muda itu pun menerima kasih kepada budak itu kerana keterangan-keterangan yang berfaedah yang telah didapati daripadanya dan terbesar hati akan kecerdasan dan kuat ingatannya. Setelah itu ia pun memberi selamat tinggal kepada budak itu dan kakaknya lalu berundur dari situ.


Semenjak hari itu tidak putus-putusnya orang muda itu berulang-alik ke anak sungai yang tersebut, dan menghabiskan sepanjang-panjang harinya, sebentar-sebentar mendongak ke langit dan sebentar-sebentar merenung ke muka air, dengan harapan hendak melihat kuda itu terbang di udara, ataupun melihat bayang-bayangnyanya di dalam air.

Masa berjalan sehari demi sehari, tetapi dia tidak jemu-jemu menunggu dengan sepenuh-penuh harapan, kerana

dia mengetahui bahawa sabar itu baik dan elok kesudahannya. Dia juga mengetahui bahawa pekerjaan yang besar itu tidak akan jaya dan sempurna melainkan dengan sabar.

Orang-orang kampung pula kedatangan mereka berjemput dan mencemiknya pada tiap-tiap kali mereka bertemu dengannya. Mereka memandangnyanya seorang yang telah terpedaya, dan berhajat kepada perkara yang mustahil!

Akan budak yang cerdik itu pula, kedatangan menghabiskan masa lapangnya – pada tiap-tiap hari – bermain-main di tepi anak sungai itu, dan juga menjadi teman kepada anak muda itu, menghiburkan hatinya daripada segala perbuatan ejek dan cemoohan yang didapatinya daripada orang ramai. Pendeknya budak ini telah menjadi temannya yang setia. Bersambung.



Di tanah air kita banyak pemandangan-pemandangan yang indah. Perhubungan di antara satu tempat dengan satu tempat bukannya sahaja jalan darat tetapi juga mengikut jalan sungai. Perniagaan di sungai itu indah benar keadaannya dan laris juga lakunya. Gambar menunjukkan perahu belanda sedang dijual dengan perahu di Banjarmasin (Borneo) – gambar Kanak-Kanak.

Perasaan

Perasaan itu ialah satu daripada alat senjata untuk menegakkan perdirian¹ hidup, dan dia boleh kita katakan daripada isi hati tiap-tiap seorang manusia juga binatang-binatang tetapi itu berlainan daripada kita manusia.

Dengan adanya perasaan di sanubari kita, hidup kita akan beroleh kejayaan dalam segala gerak-geri. Perdekata kita cita-cita atau kehendak kita tetap tercapai dengan ada perasaan berkehendaknyanya. Seseorang manusia yang hidup dengan perasaan pada gerak langkahnya tidak akan berasa lemah, dan orang yang ada perasaan itulah sebenar-benar orang yang hidup. Letaknya perasaan itu pada orang yang bercita-cita kerana perasaan itu adalah tabiat semula jadi dengan bantuan, asuhan dan didikan.

Maka pada orang yang telah tersemat di hatinya perasaan diri. Apakah yang harus diperolehnya? Tak dapat diteka hanya dapat kita katakan hidup orang yang berperasaan itu bukan untuk kepentingan diri. Oleh itu kita semua dari kecil lagi hendaklah adakan perasaan diri ingin tahu dalam serba-serbi yang akan membawa kita ke jalan yang mulia. Dengan adanya perasaan semacam ini di hati sanubari kita yang masih putih bersih sudah tentu cita-cita kita akan tercapai di suatu masa kelak.

Abdul Hamid bin Muhammad
Sekolah Melayu Kota
Kota Bharu – Kelantan.

¹ Ejaan sebenar adalah pendirian

بالسن يغ عادل

كالوله راج ايت مبري* هديه
واغ كفدان دغن بايق دان برفادن
دغن كهندق ايت تتو سكالاي اي
اكن منجادي شورغ كاي دماس
ايت

تيدق برف لام كمدين راج تله
مفكيلن سفاي حاضر كاستان. سمنار
تيدق بمواغ تيمفوه لاي، تروس
اي فركي دغن كادان سو كچيتا يغ

امة ساغة. بلوم فون سفة سمنار
هندق دودق برهدافن دغن راج
ايت ليه دهولو راج فون برتان
كفدان: "ادكه دافة راج ۲ لايين
مندريكن استان سماچم اين اتوفون
ليه چتقيق لايي دري استان كو اين
واهي سمنار؟"

مك جواب سمنار دغن فرآنان
بغك "تيدق اد شورغ فون يغ
دافة مندريكن استان سماچم اين
لاين درفد فاتيك. توانكو"

افيل راج ايت مندغر اكن
فركتان سمنار ايت دي برفالغ كند
منصري ۲ دان بركات "يسغ بئر
كات ۲ سمنار ايت مسفكوهن اكو
تاكوره ددغر اوله راج ۲ لايين اكن
كچيكن ايت. تتو سكالاي راج ۲
لاين منجمفوتق سوره مندريكن
استان يغ سمرت اين جوگك. دان
هاروس ليه چتقيق دري استان كو
اين " درفد اكو برين هديه يغ
بركندا ۲۱ اتس كفداينن. ليه
بايك اكو بونه سمنار اين.

منصري ۲ ايت مندغر كات ۲
راج ايت منجادي حيران دان
سبوغئن فد موك 12

اديق ۲ ميسغ ساغة كمر مندغر چريتا ۲ دري اورغ ۲ توار. كادغ ۲ فرنه
موله ترغاغا ۲ افيل مندغر كمن چريتا ايت سدف. هفكاكن لالة ماسوق
ددالم موله فون هاروس اديق ۲. اندر. اوليهكران بگيتو سكالاي اديق ۲
براهي اكن چريتا ۲ يغ ملالو دچريتا اوله اورغ ۲ توار كيت ايت مك
ايغن راسان ابغ هندق منجرباكن كند اديق ۲ سكلين ساتو چريتا
ككجامن شورغ راج ترهداف شورغ رعينن يغ تيدق بردوسا.

(اوله ع. ر. صدقي ترغاگانو) منجادي سالة شورغ درفد اورغ ۲
كساينن راج.

تيدق برف لام اي تله مولايي
كراج مندريكن استان ايت برسام
دغن برف اورغ لايي كاوان ۲.
ستله استان سيف. فد سوات هاري
راج تله ملاوه اكن استان بهارون
ايت. افيل سهاج راج ايت ملههتن
هاتين ساغة كمبير. فد سكاكن
تيدق اد سبواه استان يغدافة مغاتسي
دغن استان ايت سماء تتغ بسرن چتقيقن
دان سواي قول دغن اودارا دتمفة
استان ايت ترديري.

حال اين سموان اياله كران
كچيكن سمنار ممليهكن تمة يغ
سواي اتوء راج ايت برسماچم.
لفس ايت راج ايت فون بركات
كند اورغرامي ديبنو. سكارغ
كهندق ۲ كو تله برحاصل. دان
تيدق اداله لايي ساتو استان ۲
راج لايين يغدافة برتديغ دغن
استان كو اين.

سمنار ساغة سو كچيتا دغن
فوجين راج ايت كفدان. دان دي
برهارف ۲ ساغة اكن مندافة هديه
دري راج ايت: سميل اي برفيكر

دزمان دهولو كونن اد
شورغ راج عرب برنام نعمان.
راج ايت اياله ساتو ۲ راج يغ
بسر سكالاي فمر تهاهنن دري نكارا ۲
عرب يغلاين. نام نكري تمة
كديامنن ايت اياله نكري "حيرة".
دكالا فمر تهاهنن يغ بگيتو بسر
ايت اي تله برچيتا ۲ هندق
مندريكن سبواه استان يغ فاليع
ايلوق سكالاي. ديبينن چيتا ۲
تله بگيتو سكالاي قواة مك فد ساتو
هاري اي تله ففكيل سمنار ايت
شورغ تو كغ زومه يغ ماهير سكالاي.
دماس ايت دان دسورهباله سمنار
ايت مندريكن استان سبكيان
كهندقن دان دي هارف جاغلنه
لاين ۲ نكري دافة منيروكن سمرت
استان يغ اكن. ددريكنن ايت.
سمنار تله ففكروف اتوء مندريكن
استان يغ تله دسوره اوله راجان ايت
دان اي ليه سو كچيتا كران راج
تله مپورهن سبب فد فيكرانن بوله
جادي افيل استانن ايت سيف
ددريكنن قلق مونكين دي اكن

تيدق برف لام اي تله مولايي
كراج مندريكن استان ايت برسام
دغن برف اورغ لايي كاوان ۲.
ستله استان سيف. فد سوات هاري
راج تله ملاوه اكن استان بهارون
ايت. افيل سهاج راج ايت ملههتن
هاتين ساغة كمبير. فد سكاكن
تيدق اد سبواه استان يغدافة مغاتسي
دغن استان ايت سماء تتغ بسرن چتقيقن
دان سواي قول دغن اودارا دتمفة
استان ايت ترديري.

حال اين سموان اياله كران
كچيكن سمنار ممليهكن تمة يغ
سواي اتوء راج ايت برسماچم.
لفس ايت راج ايت فون بركات
كند اورغرامي ديبنو. سكارغ
كهندق ۲ كو تله برحاصل. دان
تيدق اداله لايي ساتو استان ۲
راج لايين يغدافة برتديغ دغن
استان كو اين.

سمنار ساغة سو كچيتا دغن
فوجين راج ايت كفدان. دان دي
برهارف ۲ ساغة اكن مندافة هديه
دري راج ايت: سميل اي برفيكر

سمنار ساغة سو كچيتا دغن
فوجين راج ايت كفدان. دان دي
برهارف ۲ ساغة اكن مندافة هديه
دري راج ايت: سميل اي برفيكر

سمنار ساغة سو كچيتا دغن
فوجين راج ايت كفدان. دان دي
برهارف ۲ ساغة اكن مندافة هديه
دري راج ايت: سميل اي برفيكر

سمنار ساغة سو كچيتا دغن
فوجين راج ايت كفدان. دان دي
برهارف ۲ ساغة اكن مندافة هديه
دري راج ايت: سميل اي برفيكر

سمنار ساغة سو كچيتا دغن
فوجين راج ايت كفدان. دان دي
برهارف ۲ ساغة اكن مندافة هديه
دري راج ايت: سميل اي برفيكر

Balasan Yang Adil

Adik-adik memang sangat gemar mendengar cerita-cerita dari orang-orang tua, kadang-kadang pernah mulut ternganga-nganga apabila mendengarkan cerita itu sedap, hinggakan lalat masuk

di dalam mulut pun harus adik-adik tak sedar. Oleh kerana begitu sekali adik-adik

berahi akan cerita-cerita yang selalu dicerita oleh orang-orang tua kita itu maka

دیری سدیری

تیدفکه کیت براس کسوپین

جک کاون کیت تله برفچه دان

جاؤه دغن کیت: فد یقنات هیدوف

کالو جاؤه دري کاون. ایت

تندان "هیدوف برارتي ماتي"

- یس مواز

جالن بکری، مواز. جوهر

هندق برکلاکوان بایک دان

برادب سوفن کفد الله. رسول.

ایو باف دان کلوارک یغ

همفیر - بحاله رساله:

سوفن سنتون دالم ایلام

بهاکین فرتام هفک کتیک

نسخه 30 مین - فوسه 0 مین

بهاکین کامغه 50 مین فوسه 6 مین

فتتاله کفد:

توجوکن ایت هندقله برحد جاغن

ملمفاو ساغه اتو مدیهي دردف

باتسن. سفای تیدق منداتفکن مکه

دان سومبوغ فد دیرین.

موجی سئورغ ایت دغن کوفه

کافه. دان دغن تیدق اوصول

فرقا ایت دنکه دان اکن

منداتفکن کسن یغ کورغ بایک.

دغن حال یغدمکین فد کیسانن

کیت کلوق اکن مندافة سالن یغ

تیدق برکون.

یدالین ملایو اد معناکن بهوا

"جاغن فوجی هریمو سلوم تیا

وقت مغربن ..

مقصودن "جاغله کیت موده

سهاج موجی. اکن دیری سئورغ

سلوم کیت مغتهوی فونجان.

ساکي کیسان عالم این برتوکر

کتتی یغ بهارو تنف دسوکای دان

یغ لافوق تنف تادهرکای مک کفد

تمن ۲ کو سکین فرلو کفد

فرتسباشن دان فرسوا این یغ عادل

اتو ملتکن کلمه فوجی تادی

سوزیه کادیس

سنترال ملی سکول.

سرمین

بوروس

کفد سئورغ یغ ایغین هیدوف

بر بهکیا دنیا ماهو فون داخرة مک

فرلوباکین منجاوهکن دیری دردف

صفة این. کران این اباله صفة یغ

مریها کفد مأنسی. بهکن توهن

الله جوک تیدق معکماری اکن

QALAM
356 & 358, GEYLANG ROAD,
SINGAPORE 14.

tujuan itu hendaklah berhad¹ jangan melampau sangat atau melebihi daripada batasannya, supaya tidak mendatangkan megah dan sombong pada dirinya.

Memuji seseorang itu dengan gopoh-gapah dan dengan tidak usul periksa itu ditegah dan akan mendatangkan kesan yang kurang baik. Dengan hal yang demikian pada kebiasaannya kita kelak akan mendapat sesalan yang tidak berguna.

Bidalan Melayu ada mengatakan bahawa “Jangan puji harimau sebelum tiba waktu maghribnya.”

Maksudnya “Janganlah kita mudah sahaja memuji, akan diri seseorang sebelum kita mengetahui puncanya.”

Sebagai kebiasaan alam ini bertukar-ganti yang baharu tetap disukai dan yang lapuk tetap tak dihargai maka kepada teman-temanku sekalian perlu kepada pertimbangan dan persesuaian yang adil untuk meletakkan kalimah puji tadi.

Suriyah Gadis
Central Malay School,
Seremban.

*

Boros

Kepada seseorang yang ingin hidup berbahagia di dunia mahupun di akhirat maka perlu baginya menjauhkan diri daripada sifat ini, kerana ini ialah sifat yang merbahaya kepada manusia, bahkan Tuhan Allah juga tidak menggemari akan

sifat manusia yang berlaku boros.

Firman-Nya (maksudnya) “Bahawa orang

yang boros itu kawan syaitan.”²

Sebaliknya bukan boros yang ditegah itu tentang perbelanjaan wang, sahaja bahkan tentang boros pada percakapan pun ditegah juga.

Di antara bahagian boros pada percakapan itu seperti mengumpat mengeji, besar diri dan lain-lainnya daripada sifat keji. Kesan boros pada percakapan itu bukan sahaja mendatangkan perpecahan kepada kawan, bahkan akan mendatangkan kebinasaan pada diri sendiri.

Tidaklah kia berasa kesunyian jika kawan kita telah berpecah dan jauh dengan kita? Pendek kata hidup kalau jauh dari kawan, itu tandanya “hidup bererti mati”.

– Yasin Muar

Jalan Bakri, Muar, Johor.

Hendak berkelakuan baik dan

beradap sopan kepada Allah, Rasul,

ibu bapa dan keluarga yang

hampir – bacalah risalah:

Sopan-santun dalam Islam

Bahagian pertama hingga ketiga

senaskah 30 sen – *post* 6 sen.

Bahagian keempat 50 sen *post* 6 sen.

Pintalah kepada:

QALAM

356 & 358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

Kanak-kanak Majalah Kita

K: Kanak-kanak majalah kami

Kawan kita yang sejati

Ke mana pun kita pergi

Kita akan ditemani.

A: Alangkah untung kita sekalian

Ajaran Islam ada terbentang

Isinya baik jadi pengajaran

Ambillah dengan hati yang

girang.

N: Namun Kanak-kanak majalah baharu

Naskahnya comel eloknya

tentu

Nasihatnya banyak menambahkan

mutu

Nikmat Allah Tuhan Yang Satu.

K: Kaedah belajar mengenal Tuhan

Kaedah memperbaiki akhlak

kelakuan

Kalbu kita banyak pengetahuan

Mudah-mudahan akan berkekelan

Oleh: Yasin Muar.

¹ Ejaan sebetulnya terhad

² Sūrah al-Isrā', ayat 27.



فخ تراه

فخ تراه دان حماة ن سله مقاموق ملان دور
 تراه اورغ موسى . مك موسه تون لاري بولمغ
 فكلج كراهون دان بلار دن مشكوكن سفوله
 اورغ كاوتن بخ زوك . كدن فخ تراه دغ
 صحابن مخمولى تاوانن بخ زوك لانو دهوتو
 دزاهو . كدن بلذر منومو سخاوق .

موسه بخ لاري است مشاوقن هالن كند
 فزهرولون . اجبل دغون سائله مارن .
 بوغمله ساوه . ماري كت
 كمر بودق چلك ايت !!!

مك دجركن فراهو فخ تراه . هغرا دانة .
 دغن تقدير الله اد توجه براه دندغ كلوار
 دري سيخاوقرا . فغولو دندغ ايت اباله
 بانن سيخاوقرا . مك موسه فوت
 اندورله .

بانن سيخاوقرا مراس حيران مليسه
 منوموخ لادبع ايت هان بودق دان
 بوق اورغ لوك . هي بودق !!!
 دري مان دان هندق كان كلوا
 سيف كامو !

فخ تراه مخمولى كند بانن كرا هندق . كدى
 ابي دننا اون حوت تا بلك كيسون . بانن فوت
 برسام ۳ مكيوه مخمولى كلم بودق ايت دغ
 ماناكي سفوله اورغ تاوانن كند دغون .

هي كاون ؟! دانكله فراهو لادبع
 ايت !!! اي دجركن موسه !!!

كاي دري
 بيتن هندق
 مرتاوان دان
 فغولو كاي
 بدعلا فذوك
 سنج

هي تاوانن ! دري مان دان
 سوان فغولوو دان
 بوق بانن كامو !
 كاي دري سفوله براه . فغولو
 كاي هندق هروموق كتازه
 فامج رات سكاغ
 كدكمان تله
 سفا

مارله كاون ۱۲ كيت سكار بلار كيسون ؟
 مضاجه بدعلا فذوك نج مخمولى
 منومو موسى ايت .

سله سمى دپينن . فخ تراه دان صحابن
 بروهله كند بانن هندق باليك كرومه ابو
 بدات دات تاوانن بخ سفوله اورغ اشغون
 دباوات برسام ؟

كائسركان هارن بانن فون مضاجه بدعلا
 خذوك لاج فزهرولون مضاجه موسى
 دان همره هجركن قول كيرابن فخ تراه دغ
 هياره ۲

كيت هندق ميورله مليسه
 كاكون اورغ ميابن بخ هندق
 هروموق ايت سكلو براى مريك

15

14

18


17

16

21

20

19



Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya setelah mengemukakan melawan dua puluh orang musuh. Maka musuhnya pun lari tunggang-langgang ke perahunya dan belayar dengan meninggalkan sepuluh orang kawannya yang luka-luka. Kemudian Hang Tuah dengan sahabatnya mengumpulkan tawannya yang luka-luka lalu dimuatnya di perahu. Kemudian belayar menuju Singapura.



Musuh yang lari itu mengadakan halnya kepada penghulunya. Apabila didengarnya sangatlah marahnya.

Bongkarlah sauh, mari kita kejar budak-budak celaka itu!!!



Maka dikejutnya perahu Hang Tuah, hampir-hampir dapat. Dengan takdir Allah ada tujuh buah dendang keluar dari Singapura. Penghulu dendang itu ialah Batin Singapura. Maka musuh pun undurlah.

Hai kawan-kawan! Dapatkanlah perahu lading itu!!! Ia dikejar musuh!!!



Batin Singapura merasa hairan melihat penumpang lading itu hanya budak-budak dan beberapa orang luka-luka. Hai budak-budak!

Dari mana dan hendak ke mana kamu, siapa kamu!

Kami dari Bentan hendak merantau, dan penghulu kami Bendahara Paduka Raja.....



Hang Tuah menceritakan kepada batin perkelahirannya. Kemudian ia minta izin hendak balik ke Bentan. Batin pun bersama-sama mengikat menghartarkan kelima budak-budak itu dengan menaikkan sepuluh orang tawanan ke dendangnya.

Kami dari Siantan dan penghulu kami Panglima Aria Negara dan Aria Jenaja. Perahu kami ada sepuluh buah. Maksud kami hendak merompak ke tanah Palembang dan sekarang kelengkapan telah siap!

Hai tawanan! Duri mana dan siapa penghulumu dan berapa banyak kamu!



Mari lah kawan-kawan! Kita segera belayar ke Bentan, menghadap Bendahara Paduka Raja mempersembahkan maksud musuh ini.



Setelah sampai di Bentan, Hang Tuah dan sahabatnya bermohonlah kepada batin hendak balik ke rumah ibu bapanya dan tawannya yang sepuluh orang itu pun dibawanya bersama-sama.



Keesokan harinya batin pun menghadap Bendahara Paduka Raja mempersembahkan maksud musuh, dan mempersembahkan pula keberanian Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya.

Kita hendak menyuruh melihat kelakuan orang Siantan yang hendak merompak itu! Sungguh berani mereka!



احمد چومیل سمیہیغ د مسجدا


فد ہاریرای عید الفطری

اوفچارا فمیوکان مسجد جامع " دکاردیف " (انگلند)
فد تاهون 1947، اداله سوات اوفچارا اسلام یقتربس
یفتله مذاقہ سمیون یغ مریاه دری سکنف اوہ اسلام
دگولوان انگریس، دالم اوفچارا ایت تله دچاکن
سورہ اوچاقن تهننہ دری مندباغ بکندا کیغ جورج یفکانم،
مسجد یغروایہ این تله دینا درفد درما ۲ یفتله
دکملوکن دری اورثرامی، سالہ شورخ یفتله بکرج کرس
مفقولکن درما یغیر کیجیکن این ایالہ "امین محمد" یفتله
دباوا اولہ ایہن دری "عدن" ساس عمورن لم تاهون،
لالو کدوان برستوطن " دکاردیف " - انگلند.

امین ماسیہ تیفلک دسان هفکک هاری این کران
دی تله برجای ممبوک سیواہ کدی جوال داکیغ دیندر ایت،
کیا یکن لفکاندن ایالہ اورغ ۲ اسلام یغ تیفلک دسیو.

امین تله براستری دان تله مذاقہ شورخ اتق لالکی
لالو دتماکن "احمد"، سبایک ۲ سهاج احمد فندی
برجاکف مک دی تله داجرکن اولہ ایہن یھاس عرب
دان مساج قرآن، ستلہ کشف عمورن امقہ تاهون مک
ایہن فون میاوان سمیہیغ دمسیج، کیتولن فد کالی ایت
ایالہ سمیہیغ ہاریرای "عید الفطری" اتو عازی رای تواس،
سنجق ایت "احمد" تیدق کشفکالن متوئیکن
سمیہیغ دمسیج برسام ۲ ایہن.

الفکھ بریھکیا اتق ۲ سکلین منورہ جتی "احمد"
کانق ۲ یغ صالح ایت؟



باوہ کانن، باف احمد چومیل سدغ منعوال داکیغ کمیہیغ دکدرین
کیری: احمد چومیل برسام ۲ بغان دالم فوجلانن ک مسجدا، اتس: ستیبان
دمسجد مریک فون مغانن فکانن ہاری رای دسبواہ بیلیک دسیو.



Ahmad Comel Sembahyang di Masjid

Pada Hari Raya Aidilfitri



Bawah kanan, bapa Ahmad Comel sedang menjual daging kambing di kedainya.

Kiri: Ahmad Comel bersama-sama bapanya dalam perjalanan ke masjid. Atas: Setibanya di masjid mereka pun mengenakan pakaian hari raya di sebuah bilik di situ.

Upacara pembukaan Masjid Jāmi' "di Cardiff" (England)

pada tahun 1947, adalah suatu upacara Islam yang terbesar yang telah mendapat sambutan yang meriah dari segenap umat Islam di Kepulauan Inggeris. Dalam upacara itu telah dibacakan surat ucapan tahniah dari mendiang baginda King George yang Keenam.

Masjid yang beriwayat ini telah dibina daripada dema-dema yang telah dikumpulkan dari orang ramai. Salah seorang yang telah bekerja keras mengumpulkan dema yang berkebjakan ini ialah "Amin Muhammad" yang telah dibawa oleh ayahnya dari "Eden" semasa umurnya lima tahun, lalu keduanya bermastautin "di Cardiff" – England.

Amin masih tinggal di sana hingga hari ini, kerana dia telah berjaya membuka sebuah kedai menjual daging di bandar itu, kebanyakan langganannya ialah orang-orang Islam yang tinggal di situ.

Amin telah beristeri dan telah mendapat seorang anak lelaki lalu dinamakan "Ahmad". Sebaik-baik sahaja Ahmad pandai bercakap maka dia telah diajarkan oleh ayahnya bahasa Arab dan membaca Qur'an. Setelah umurnya genap empat tahun maka ayahnya pun membawanya sembahyang di masjid. Kebetulan pada kali itu ialah sembahyang Hari Raya "Aidilfitri" atau Hari Raya Puasa.

Semenjak itu "Ahmad" tidak ketinggalan menunaikan sembahyang di masjid bersama-sama ayahnya.

Alangkah berbahagia anak-anak sekalian menurut jejak "Ahmad" kanak-kanak yang soleh itu?





کبری ، دهن خشوع احمد جومیل سدغ دودق دمسجد . کائن احمد سدغ مقامینکن امام مباح دعاء . باوه قول ، احمد جومیل
سدغ برصلاوة دان بردعاه برامی ۲ سنله سلسی سمبیهغ عاری رای عبدالعظری





Kiri, dengan khususnya Ahmad Comel sedang duduk di masjid. Kanan, Ahmad sedang mengaminkan imam membaca doa. Bawah pula, Ahmad Comel sedang berselawat dan berdoa beramai-ramai setelah selesai sembahyang Hari Raya Aidilfitri.



حال احوال برکنان منریبت کن مجله دان اخبار

(سپوڤن کانق ۲ بیلان 5)

داتو ورن ایت دها بیسکن دهولو -
تیدق سکالی گوس تیگ ورن
سکالی اد جوک میشین یغ بوله
منجیتا تروس تیگ ورن سکالی
میشین ایت دنماکن "لینو".
کاپشکن میشین یغ دکوناکن

دسین ایاله میشین بیاس سهاج انتوه
منجیتا بلوق ۲ ایت دانتاران بایق
دکوناکن اورغ "میشین اتوماتیک".
دغن میشین سروف این منجیتا
بارغ ۲ یغ بایق سکرا سدهن. میشین
بیاس کالو منجیتا برورن سلالون
دلاقیس دغن قرطاس لاین سفای
چاشن کوتر تنافی میشین اتوماتیک
تیدق قایه دالس قرطاس کران
بیاس میشین ایت مفلکوناکن سجنس
میبق قیچور یغ مهر یغکن داؤة
ایت دغن سر سمرت.

انق ۲ تنو علیه کمبر ۲ موک هدافن مجله ۲ کیت برورن. کسادغ ۲
انق ۲ لیهه ورنان سسبی انسم اتو توجه ماچم. تنافی یغ سبزن کمبر ۲
ایت لازمن دجیتا دغن تیگ ورن دان ترکادغ ۲ دجیتا دغن امغه ورن.
تیگ ورن - بیاس کونوغ. میره دان بیرو. امغه ورن - بیاس کونوغ.
میره بیرو دان هیت؛ ورن ۲ این سموان مودا - تیدق سمرت تیگ ورن

مولا ۲ کمبر یغ هندق دبراة
برورن ایت دغتر کن کند تو کغ
مبواة بلوق (انگر بیغ). کمبر
ایت هندقله جوکف توغ دان
هندقله چاشن توا ساغه ورنان سبب
تنی تنک هندق مبواة بلوق قایه
موزناکن. کمبر ایت دکمبر دغن
تیگ کالی کمبر. کمبرن تیدق
سام بایت افصمان کالی یغفر تام
تلق. کدوا سیغیه ککانن دان
کسیک سیغیه ککیری.

برسیسه دان دغن سبب ایتوله
کرفکالی کیت دافنی کشیغ اورغ
جادی دوا اتو تیگ. سبب ایت
منجیتا ورن بکینی هندقله خاص
اورغن - جرمة فسکر جانن دان
باکوس میشین چیتان سرت باکوس
فول داؤة یغ دکوناکن کرانن.
منجیتا برورن ایسن هندقله
مغیکوة موسن ورن یغترسوة داتس
- کونوغ یغفر نام. میره یغکنوا
دان بیرو یغکتیک. سبب ۲
داؤة منجیتان ایت سدافنه ۲
سئیس ۲ن یعنی چاشن نبل - تیغ ۲



میشین یغ قرطاس یغ دکوناکن درجابه قام.



میشین چیتا اتوماتیک ایاک اگر جیتا. ورن

Hal Ehwal Menerbitkan Majalah dan Akhbar

(Sambungan Kanak-kanak Bilangan 5)

Anak-anak tentu melihat gambar-gambar muka hadapan majalah-majalah kita berwarna. Kadang-kadang anak-anak lihat warnanya sampai enam atau tujuh macam. Tetapi yang sebenarnya gambar-gambar itu lazimnya dicetak dengan tiga warna dan terkadang-kadang dicetak dengan empat warna. Tiga warna – biasanya kuning, merah dan biru. Empat warna – biasanya kuning, merah, biru dan hitam; warna-warna ini semuanya muda – tidak seperti tiga warna.

Mula-mula gambar yang hendak dibuat berwarna itu dihantarkan kepada tukang membuat blok (*engraving*). Gambar itu hendaklah cukup terang dan hendaklah jangan tua sangat warnanya sebab nanti tatkala hendak membuat bloknya payah mewarnakannya. Gambar itu digambar dengan tiga kali gambar. Gambarnya tidak sama iaitu umpamanya kali yang pertama tegak, kedua senget ke kanan dan ketiga senget ke kiri.



Mesin cetak automatik baik bagi cetak berwarna.

Ringkasnya sesudah dibuat blok maka untuk mencetak tiga warna mestilah bloknya tiga dan demikian juga jika empat warna bloknya mesti empat. Yang empat warna ini jarang digunakan orang. Cantik atau tidaknya keluar warna itu bergantung kepada keadaan blok dan keadaan mencetaknya. Oleh sebab blok itu tiga buah dan keadaannya berputar maka sekiranya tidak sempurna letaknya maka warnanya akan berselisih dan dengan sebab itulah kerap kali kita dapati kuning orang jadi dua atau tiga. Sebab itu mencetak warna begini hendaklah khas orangnya – cermat pekerjaannya dan bagus mesin cetaknya serta bagus pula dakwat yang digunakan kerananya.

Mencetak berwarna itu hendaklah mengikut susunan warna yang tersebut di atas – kuning yang pertama, merah yang kedua dan biru yang ketiga. Sebaik-baiknya dakwat mencetaknya itu sedapat-dapatnya setipis-tipisnya yakni jangan tebal. Tiap-tiap

satu warna itu dihabiskan dahulu – tidak sekaligus tiga warna sekali. Ada juga mesin yang boleh mencetak terus tiga warna sekali, mesin itu dinamakan “*Lino*”.

Kebanyakan mesin yang digunakan di sini ialah mesin biasa sahaja untuk mencetak blok-blok itu. Di antaranya banyak digunakan orang “mesin automatik”. Dengan mesin serupa ini mencetak barang-barang yang banyak segera sudahnya. Mesin biasa kalau mencetak berwarna selalunya dilapis dengan kertas lain supaya jangan kotor tetapi mesin automatik tidak payah dialas kertas kerana biasa mesin itu menggunakan sejenis minyak penyembur yang mengeringkan dakwat itu dengan serta-merta.



Mesin lipat kertas yang digunakan di pejabat Qalam.

چریالیمیدیه

کودا تر بڠ

!!!

"ابڠ له" فرجای. اد انا تارا ادیق ۲ سکلین یغیراس فلیق دان تر تان ۲: "مغاف اورغمودا ایت دا تڠ کسوغی ابر مات؟ مغاف دی تاهن برسوسه فایه منجاری کودا تر بڠ ایت؟ دان افکه فائده یغ اکن ددافتین درفد فنه للهن ایت؟

(اوله ابڠ له)

تیدفکه فرنیان ۲ یغترسبوه یغ سدغ تر لیتس دهاتی ادیق ۲ سکلین؟ واران ابڠ له تیدق ساله آکا، دان کران ایت ابڠ له مدیامنجریساکن بارغ یغ ادیق ۲ سکلین سوله هندق معتھوین.

ناک تڠ بڠ کانس کچم ایت، ساغه ۲ برلا یین دری ناک ۲ بڠ کیت لیله کمبرن اتو دغر چریتان. کونن ایکورن ایکور اولر دان کفان تیک تیف ۲ ساتون برلا یین تنغ بتموق دان بسرن. یغ فرتام سمرت کفلا سغا، کدوار سمرت کفلا کسبغ کسبک سمرت کفلا اولر.

اورغمودا یغ منجادی فهلاون قصه این سبکیماں یغتله لالو چریتان ایاله دا تڠ دری ساله سبواه نگری دالم بنوا ایما این. سوزغ یغ ساغه ۲ مشهور تنغ کاکه فرکاسان دان تیدق فرنه مغالی ککالهن دالم تیف ۲ فرلاوان یغ دتمفوهن. فد سوات هاری سیکور ناکت بسر تله ملهگر نگرین، دغن میبکن سکلین فدودوق بر تمفیارن کسان کماري کدا کوتن. ناکت ایت ساغه دهسه روفان دان ساغه بسر بهمان. بوکن مدبکیه فدودوق نگري یغ امان دامی ایت تله تر قربان دبیکن راجونن یغ بیسا دان افي یغدمبورکن دري مولتن.

دمکنله صفتن ناک یغ مدغ ملهگر دان مغانس دنگري یغ امان تنترام ایت.

کچادین این میبکن راج نگري ایت نگرا مغلوارکن فرتمه سفای اورغمودا یغ کاکه برانی ایت، یغ ترکدل کفد قوم بهمان دغن نام "جوھن فرکاس" دا تڠ مغادفن.

سله "جوھن فرکاس" فرکئی مغادف راج، مک بکنده فون برتیه: "سای تله کنهوی - واهی جوھن فرکاس - اکن سکل ککاسن دان سکل مازا بهما یغتله دیمفانکن کنکري کیت یغ امان تنترام اوله

ناکت یغ بواس ایت. تیدق سوزغ فهلاون ددیبا-ملا دین درفد. کامو سدغ اکن برانی بر تنغ دغن ناکت موسه نگري کیت یغ کچم ایت. سای یقین کاموله یغ اکن دافه تمبوهن دان میلامکن سکلین فدودوق دري افکاران.

"فاتیک مدیا، توانکو" جواب جوھن فرکاس دغن حرمتن.

بالیکله جوھن فرکاس دري مغادف راج دغن عزم هندق ممبونه ناکت ایت ولو فون ای ترفضا مغر بانکن ہاوا کرانان. تنافی ای تله بر فیکر فمچغ تنغ بکیماں هندق منتغ ناکت ایت؟ مستحیل دافه منتغ دغن تیدق منوغکغ کودا. ای جوک تله میبکرکن، تیدق اکن اد سیکور کودا فون یغ برانی مفهفیری ناکت بڠواس ایت.

جوھن فرکاس فون ترا یغه اکن کودا تر بڠ یغ سنیاس ددغر چریتان دري اورغ تو ۲. ای یقین بهوا کودا تر بڠ ایتوله یغ اکن میمفیکن چیتان یغیر ایت.

ترا یغه فول دی اکن "تالی رس سقتی" یا ایت "تالی رس" یغرتانه دغن امس دان باتو ۲ فرمات فساک دري اورغتوان.

جوھن فرکاس یقین بهوا تالی رس ایله یغ اکن منجسادی انفکونجی کچیان دالم منجالکن کواجیشن یغ سوکر دان فایه ایت. میسغ سبکیماں یغتله دکھوین تالی رس سقتی ایت ساغه ۲ بسر کسن

Cerita Lima Minit

Kuda Terbang

III

“Abang Lah” percaya, ada di antara adik-adik sekalian yang berasa pelik dan tertanya-tanya: “Mengapa orang muda itu datang ke Sungai Air Mata? Mengapa dia tahan bersusah-payah mencari kuda terbang itu? Dan apakah faedah yang akan didapatinya daripada penat lelahnya itu?”

(Oleh Abang “Lah”)

Tidaklah pertanyaan-pertanyaan yang tersebut yang sedang terlintas di hati adik-adik sekalian? Rasanya abang Lah tidak salah teka. Dan kerana itu Abang Lah sedia menceritakan barang yang adik-adik sekalian suka hendak mengetahuinya.

*

Orang muda yang menjadi pahlawan kisah ini sebagaimana yang telah lalu ceritanya ialah datangnya dari salah sebuah negeri dalam benua Asia ini. Seorang yang sangat-sangat masyhur tentang gagah perkasanya dan tidak pernah mengalami kekalahan dalam tiap-tiap perlawanan yang ditempuhnya.

Pada suatu hari seekor naga besar telah melanggar negerinya, dengan menyebabkan sekalian penduduk bertempiran ke sana ke mari ketakutan. Naga itu sangat dahsyat rupanya dan sangat besar bahayanya. Bukan sedikit penduduk negeri yang aman damai itu telah terkorban disebabkan racunnya yang bisa dan api yang disemburkan dari mulutnya.

Naga yang ganas kejam itu, sangat-sangat berlainan dari naga-naga yang kita lihat gambarnya atau dengar ceritanya. Kononnya ekornya ekor ular dan kepalanya tiga. Tiap-tiap satunya berlainan tentang bentuk dan besarnya. Yang pertama seperti kepala singa, kedua seperti kepala kambing, ketiga seperti kepala ular.

Demikianlah sifatnya naga yang sedang melanggar dan menganas di negeri yang aman tenteram itu.

Kejadian ini menyebabkan raja negeri itu segera mengeluarkan perintah supaya orang muda yang gagah berani itu, yang terkenal kepada kaum bangsanya dengan nama “Johan Perkasa” datang menghadapnya.

Setelah “Johan Perkasa” pergi menghadap raja, maka baginda pun bertitah: “Saya telah ketahui – wahai Johan Perkasa – akan segala keganasan dan segala mara bahaya yang telah ditimpakan ke negeri kita yang aman tenteram oleh

naga yang buas itu. Tidak seorang pahlawan di dunia – selain daripada kamu – yang akan berani bertentang dengan naga musuh negeri kita yang kejam itu. Saya yakin kamu yang akan dapat membunuhnya dan menyelamatkan sekalian penduduk dari angkaranya.”
“Patik sedia, tuanku” jawab Johan Perkasa dengan hormatnya.

*

Baliklah Johan Perkasa dari menghadap raja dengan azam hendak membunuh naga itu walaupun ia terpaksa mengorbankan nyawa kerananya. Tetapi ia telah berfikir panjang tentang bagaimana hendak menentang naga itu? Mustahil dapat menentangnya dengan tidak menunggang kuda. Ia juga telah memikirkan, tidak akan ada seekor kuda pun yang berani menghampiri naga yang buas itu.

Johan Perkasa pun teringat akan kuda terbang yang sentiasa didengar ceritanya dari orang tua-tua. Ia yakin bahawa kuda terbang itulah yang akan menyampaikan cita-citanya yang besar itu.

Teringat pula ia akan “tali ras sakti” iaitu “tali ras” yang bertatah dengan emas dan batu-batu permata pusaka dari orang tuanya.

Johan Perkasa yakin bahawa tali ras inilah yang akan menjadi anak kunci kejayaan dalam menjalankan kewajibannya yang sukar dan payah itu. Memang sebagaimana yang telah diketahui tali ras sakti itu sangat-sangat besar kesannya.

(سموغلن چريشا ليم مينه)

كفد كودا . ولو بگيمانفون ليارن
سكودر كودا ايت بيلاسهاج دكتاكن
تالي رس ترسيوه مليتكن دي اكن
تروس منجادي جينق دان دافه
دتوغلغ دغن مودهن .

دغن يقين دان عزم يعغ تكوه
باكي منجافي كجيان . ملك جوهن
فر كاس فون بلايرله كينكري گريك
لالسو مغمبارا سياغ مالم - برف
هاري - سهغك تيسا دتفي " اتق
سوغي ابر مات " دان دسان اي تله
مندغر چريشا كودا تربيع ايت .
سگيمان يقنله لالو چريشان .

جوهن دغن دتفاني اوله بودق
يع چردس دان بزاني ايت تله
برككالن براولغ اليك دتفي اتق
سوغي ايت برف لمان دغن هارفن
هندق مغدلف دان منعكف كودا
تربيع يع عجائب ايت . برسموغ .

جناك

دري تيموردان باره
اوله اواغ بينجول

ليم فوله دان سراتوس

فد سوات هاري احمد فولغ
كرومهن دغن موكان بوكوف دان
بينجول . "بركلاهي لاگني اغكو
احمد!! .. تان امقن سته ملهه
كادان احمد بگيتو . "بوكنكه
اكو تله كتاكن كفد اغكو كالو
اغكو هندق نايك ماره اتو نا
بركلاهي . هيتوغلغ دري ساتو
هغك سراتوس سفاي هيلغ ماره
اغكو" ..

"كران مفيكوه اجارن امق

ايتوله ساي جادي بگيني . جواب
احمد كفد امقن . "مق بودق ۲ يع
لاين مغاجر اتقن مغهتووع سقي
ليم فوله سهاج ..

* * *

"ايه! ايه! فدماس ايه كجيل
دهولو فرنهكه ايه دفوكال اوله
توه!! .. تان بوپووغ كفد ايهن .
"سكالتي ۲ اد جوگك .. جواب
ايهن .

"اگفن توه فون فرنه جوگك
دفوكال اوله موپوغ!! .. كات سي



(Sambungan Cerita Lima Minit)

kepada kuda. Walau bagaimanapun liarnya seekor kuda itu bila sahaja dikenakan tali ras tersebut melainkan dia akan terus menjadi jinak dan dapat ditunggang dengan mudahnya.

Dengan yakin dan azam yang teguh bagi mencapai kejayaan, maka Johan Perkasa pun belayarlah ke negeri Greek lalu mengembara siang malam – beberapa hari – sehingga tiba di tepi “anak Sungai Air Mata” dan di sana ia telah mendengar cerita kuda terbang itu, sebagaimana yang telah lalu ceritanya.

Johan dengan ditemani oleh budak yang cerdas dan berani itu telah berkecakan berulang-alik di tepi anak sungai itu beberapa lamanya dengan harapan hendak mengendap dan menangkap kuda terbang yang ajaib itu. Bersambung.

Jenaka Dari Timur dan Barat

Oleh Awang Benjol

Lima puluh dan Seratus

Pada suatu hari Ahmad pulang ke rumahnya dengan mukanya bokop¹ dan benjol. “Berkelahi lagi engkau Ahmad?!” Tanya emaknya setelah melihat keadaan Ahmad begitu. “Bukankah aku telah katakan kepada engkau kalau engkau hendak naik marah atau nak berkelahi, hitunglah dari satu hingga seratus supaya hilang marah engkau?”

“Kerana mengikut ajaran emak

itulah saya jadi begini” jawab

Ahmad kepada emaknya. “Mak budak-budak lain mengajar anaknya menghitung sampai lima puluh sahaja.”


* * *

“Ayah! Ayah! Pada masa ayah kecil dahulu pernahkah ayah dipukul oleh tok?!” – tanya Buyung kepada ayahnya.

“Sekali-kali ada juga.” – jawab ayahnya.

“Agaknya tok pernah juga dipukul oleh moyang?” – kata si

¹ Bengkak di sekitar mata.



ميمبوة هاريري اي

بدوق دفالو بروكومندغ داودارا
 الله اكبر!!! مندايو ۲ مپوسوق جيووا
 اومه اسلام برسوكريا
 ميمبوة تيبا راي كمبيرا
 برمعا فن ۲ مبهارودي سكل
 موهن سكور دان دعا!
 فكاين بهارو برديندغ
 كنامن هيوران,
 ففكوغ وايغ -
 دكونجوشي دان داغ
 تنافي! نون دسان
 فقير، مسكين مندريتا،
 مريتيه، برليليهن اير مات
 ادكه مانسي بغ سغكوف منولغ
 بغ لالو برمكه ۲ دان ملولوغ؟
 ميمون عاديلا
 تموه ستيشين قيرق

مليهة بيسير دان فيفي ميره!

علي: اف سبب فرمفوان سوک
 فاکي گاؤن فنديق دان کاین
 بوليرو هفک اتس لوتوتين؟
 محمود مسمفوق: هارف چي
 مونه جاغن جواب ساي تاكوته
 نتتي جيء جواب بهوا فرمفوان ۲
 برکاین بوليرو دان برکائون
 فنديق کران للاکي سوک لييهة فهان.

* * *

زيد: مغاف اوق تأسو کاکن

فأقسيم؟

محمد: سبين کالو ساي تان

فوکل براف فأقسيم - مک جوافنن

اياله منجتراکن بگيمان اورغ

ميمونه: کران للاکي سوک نمبوة جم هفک اخرن.

بو بوغ لاکي

"آيت سده تتوو... جواب ايهن"

"کالو بگيتو، ايه ساي اد ساتو"

چداغن، کالو ايه برستوجو ساي

هندق مغهافوسکن سکل فر بو اتن

فساک بغ کاروه ايت... - کات

بو بوغ بغ کر فکالي دفوکل اوله

ايهن.

* * *

ياف: "نتسغ کبودهن، اغکو ايهن

سام دغن کلدي کچيل! تاهوکه

اغکو اف يهدکناکن کلدي کچيل

ايت...؟

انق: تاهو، فأ، بآيت انق باکي

کلدي بسر؟

* * *

علي: مغاف فرمفوان سوک

مغکينجو بيسير؟



Buyung lagi.

"Itu sudah tentu" – jawab ayahnya.

"Kalau begitu, ayah, saya ada satu cadangan, kalau ayah bersetuju saya hendak menghapuskan segala perbuatan pusaka yang karut itu" – kata

Buyung yang kerap kali dipukul oleh ayahnya.

* * *

Bapa: "Tentang kebodohan, engkau ini sama dengan keldai kecil! Tahukah engkau apa yang dikatakan keldai kecil itu?"

Anak: Tahu pak, iaitu anak bagi keldai besar?

* * *

Ali: Mengapa perempuan suka menggincu bibirnya?

Maimunah: Kerana lelaki suka

melihat bibir dan pipi merah!

Ali: Apa sebab perempuan suka pakai gaun pendek dan kain bolero² hingga atas lututnya?

Mahmud menyampuk: Harap Cik Munah jangan jawab. Saya takut nanti cik jawab bahawa perempuan-perempuan berkain bolero dan bergaun pendek kerana lelaki suka lihat pahanya.

* * *

Zaid: Kenapa awak tak suka akan Pak Kasim?

Mahmud: Sebabnya kalau saya tanya pukul berapa Pak Kasim – maka jawabnya

ialah menceritakan bagaimana orang membuat jam hingga akhirnya.

Menyambut Hari Raya

Beduk dipalu berkumandang di udara

Allāhu Akbar!!! Mendayu-dayu menyusuk jiwa

Umat Islam bersuka ria

Menyambut tiba raya gembira

Bermaaf-maafan membaharui segala

Memohon syukur dan doa!

Pakaian baharu berdandang

Ke taman hiburan,

Panggung wayang –

Dikunjungi dan datang

Tetapi! nun di sana

Fakir, miskin menderita,

Merintih, berlelehan air mata

Adakah manusia yang sanggup menolong

Yang selalu bermegah-megah dan melolong?

Maimun Adil

Temoh Station Perak.

² Sejenis jaket singkat berlengan atau tanpa lengan yang biasa dipakai oleh wanita – Dewan Bahasa dan Pustaka.




فرهاتې دان چمله سفای کامو هیدوف برهکیا

تسافي مېواة ېغ ساله (باطل)
 ايت ساغة موده كيت دغكي كند اورغ
 موده مېواة بر باگي ۲ كجاهن
 سنغ دېواة تېفا ۲ كرج ېغ
 سنغ دان موده دېواة ايت بوروق
 كسداهن كيت منجوري دكتهوي
 اورغ كيت دتغكف دان دحكوم
 مكالن ستروين بهوا تېفا ۲ كرج
 بعدنگه دان تېدق بايك اكن مېاوا
 كسن بوروق ولوفون ددالم كادان
 ېغ سكچيل ۲
 اوليهسب ايت هندقله انق ۲
 سموا بياكمن ديري منديريكن
 كبنانن (حق) دان منجاوهي ېغ
 ساله (باطل) سفای هيدوف انق ۲
 ددالم بايك برهگيا دان برجاس
 كمدين

اوق سندرېري دولو
 اين كالو اورغ كند ديري كيت
 سندرېري دمكين جوگت بياس
 ترحادي كيت سندرېري راكو ۲ اتو
 جارغ براني منجالنكن ېغ حق
 ايت كيت مراس بره منجالنكن
 سبب كيت سندرېري فايه مفرجاكمن
 حق ايت فايه سمرت كوئينن
 جارغ اورغ سوک نماكمن كران
 فايهتن سكاليفون بگيتو كسداهن
 بايك اي مېمبوهكن بدان كيت
 اينله مثال ېغ تفة! ېغ بنر
 ايت ولو بگيمان فون كالو
 دجالنكن بايك كسداهن كيت
 اكن مترسا كبايكنن درفدان
 سكاليفون كيت تراس بره منجالنكن
 اتو منرغكن حق ايت

كات حاكم: "سنگوهن حق
 ايت بره، بايك كسداهن: دان
 سنگوهن باطل ايت ريغن، بوروق
 كسداهن."
 انق ۲ كو! سلوم منرغكن
 توجوان كات بعداتس ليه دهولو
 ماري كيت ترغكن ار تي "حق"
 دان ار تي "باطل".
 "حق" ايت اد دوا ار تين.
 "حق" ايت بوله دمعاكن كفو بان.
 مثالن: "اين حق ساي" - مقصودن
 اين كفو بان ساي. تسافي مقصود
 "حق" بعداتس اباله كبنانن.
 مثالن: "اين فركتان ېغ حق"
 مقصودن: اين فركتان ېغ بنر.
 ادفون "باطل" مقصودن اباله
 "ساله". بياين كالو داغ ېغ حق
 مك ېغ باطل اكن كوكر - مقصودن
 "افيل تيا ېغ بنر مك ېغ ساله اكن
 بناس".



فاستوكن كديه فوليس - مېاواورا سدغ براريس دداتن كدور دالم سوات
 بارين مېسوة هاري كدېكوتان. چوب انق ۲ ايته بگيمان كاكين مريكنيت
 (كسي كاتق ۲)

مفرجاكمن اتو منجوقكن حق
 (كبنانن) ايت بره. كالو كيت
 منجوقكن كبنانن اتو نمبولكن
 سوات كسالهن ديري ستورغ تراس
 بنر فايهن. اورغ تېدق ماهو مترسا
 بگيتو سهاج. اد سهاكين اورغ
 كالو دنگور سالهن اي تېدق ماهو
 ترسا. اد جوگت اورغ مرادغ
 سميل بركات: "اف اوق فدولي
 كسالهن ساي. اوق بتولكن ديري

Perhati dan Camlah supaya kamu hidup berbahagia

Kata hakim: “Sesungguhnya hak itu berat, baik kesudahannya; dan sesungguhnya batil itu ringan, buruk kesudahannya.”

Anak-anakku! Sebelum menerangkan tujuan kata yang di atas lebih dahulu mari kita terangkan erti “hak” dan erti “batil”.

“Hak” itu ada dua ertinya. “Hak” itu boleh dimaknakan kepunyaan. Misalnya: “Ini hak saya” – maksudnya ini kepunyaan saya. Tetapi “hak” yang di atas ialah kebenaran. Misalnya: “Ini perkataan yang hak” maksudnya ini perkataan yang benar.

Adapun “batil” maksudnya ialah “salah”. Biasanya kalau datang yang hak maka yang batil akan gugur – maksudnya “Apabila tiba yang benar maka yang salah akan binasa.”

Mengerjakan atau menunjukkan hak (kebenaran) itu berat. Kalau kita menunjukkan kebenaran atau membetulkan sesuatu kesalahan diri seorang terasa benar payahnya. Orang tidak mahu menerima begitu sahaja. Ada sebahagian orang kalau ditegur salahnya ia tidak mahu terima. Ada juga orang meradang sambil berkata: “Apa awak peduli kesalahan saya. Awak betulkan diri


awak sendiri dulu.”

Ini kalau orang kepada diri kita sendiri demikian juga biasa terjadi. Kita sendiri ragu-ragu atau jarang berani menjalankan yang hak itu. Kita merasa berat menjalankannya sebab kita sendiri payah mengerjakannya. Hak itu pahit seperti kuinin¹. Jarang orang suka memakannya kerana pahitnya. Sekalipun begitu kesudahannya baik. Ia menyembuhkan badan kita.

Inilah misalnya yang tepat! Yang benar itu, walau bagaimanapun kalau dijalankan baik kesudahannya. Kita akan menerima kebaikan daripadanya sekalipun kita terasa berat menjalankan atau menerangkan hak itu.

Tetapi buat yang salah (batil), itu sangat mudah. Kita dengki kepada orang mudah. Membuat berbagai-bagai kejahatan senang dibuat. Tiap-tiap kerja yang senang dan mudah dibuat itu buruk kesudahannya. Kita mencuri diketahui orang kita ditangkap dan dihukum. Misalkan seterusnya bahawa tiap-tiap kerja yang ditegah dan tidak baik akan membawa kesan buruk walaupun di dalam keadaan yang sekecil-kecilnya.

Oleh sebab itu hendaklah anak-anak semua biasakan diri mendirikan kebenaran (hak) dan menjauhi yang salah (batil) supaya hidup anak-anak di dalam baik, berbahagia dan berjasa kemudiannya.



Pasukan Kadet Polis Singapura sedang berbaris di hadapan gabenor di dalam suatu barisan menyambut Hari Kemahkotaan. Cuba anak-anak lihat bagaimana gagahnya mereka itu.

(Gambar Kanak-kanak)

¹ Sejenis tumbuhan – Dewan Bahasa dan Pustaka.

چريتا فنديق

تيدق فرچيانک فرتموان

(اوله شه زهري)

کودا يغ تعکس. افييل سمفي
کنگري ايت تروس ماموق مغادف
بگندا. "سلطان عالم سورة
مفرسمبکن سورة اين!" کات هلباغ.
لالو دسمبوة بگندا دان دانجو فکن
کفد خطيب لالو دباچ. بگندا فون
برتيته کفد هلباغ ايت تنغ
فينغن بگندا ايت. بوکن بيت تا
متريرما. تنافي اقتدا فتري سده
برراف اورغ راج ۲ دانغ مینغ
دبولغن تا ماهو برسوامي. سکيران
داتوه هلباغ تا فرچاي اوچان
بيت ماريله برجسفا سندیري.
کات بگندا ايت.

بگندا فون ماموق برسام
هلباغ ايت منموهي توان فتري
افييل سمفي سهاج ترفرنجه
هلباغ مندغ فتري يغ جنتیق
ايت. دغن کارغن برتان اف
حاجه مند دان هلباغ کماري.
دان دمان نگري مندا. ساي سمیغ
بلوم هندق برسوامي سکيران راج
ايت سگوه برکهندقن ساي داتغله
باوا عسکر لغکر نگري اين ساي
سدبا منتتي کالو کاله بهاروله ساي
معاکو جادي امستري راج ايت.
هلباغ ايت حيران ترچغ
تيدق نغاته مياهو لالو کلوار
برسام ۲ بگندا.

کات بگندا. ليتهله هلباغ
بگيمان سيکف اقتدا فتري ايت
برکلاکوان سفرت اورغ کيلا.
ساهوة هلباغ بنرون توانکو!

امفون توانکو. فاتیک متريرما سهاج
تيته فرته توانکو. بارغ اف سهاج
توانکو سوره. فاتیک مندافه خبر
دساله ساتو نگري دتانهلایو اين
اد شورغ راج يغ ممفوباي فتري.
تنافي مالغن. فتري ايت تيدق ماهو
برسوامي. بوکن ايهدان يغ تيدق
متريرما تنافي فترين يغ تاماهو
کهويون سکيران توانکو لوروغکن
فاتیک فرکي مينغکن کسان کالو تا
دتريرما فاتیک اين تله روسقن
نگري ايت. دولة توانکو.

تورفرنجه بگندا مندغر سمبه
فردان منتري. لالو برتيته:
جائغن بگيتو مندا! بيت تاماهو
کوفه. کران فکرجان کوفه
کرفکالي منداتغن مرهيا. کالو
سگوهن فتري يغ تاماهو تا اوسه
دساکتی چاري يغ لاین. انق
اورغ ۲ بسر دان سوداکر ۲ ددالم
نگري کيت اين. کالو تا اد
سمیغن بلوم اد فرتموان بيت.
تنافي تا مونکين تيف ۲ اد للاکي
مستي تا اد فرمفوان. جائغن تر بورو ۲
مندا.

فردان منتري ايت فون مپوره
شورغ هلباغ فرکي کنکري
بغدسوکن تادي مياواسوره فردان
منتري هندق مینغ فتري ايت. هلباغ
ايت فون فرکي مغندرأي سگور

فد زمان دهولو دوغيغ اورغ ۲
تسوا. اد شورغ راج ددالم
تانهلایو اين برنام سلطان
سليمان. بگندا ايت مایه مودا
لاکي بلوم براستري. ممرته
کراجان دغن عادل دان موره
هائي دغن همب رعية. امان دان
معمور. ددالم نگري سکلين رعية
سالو کميرا.

فد سوات هاري بگندا
برفيکر بگيمانکه اکو منجادي
راج. فد حال اکو تيدق ممفوباي
استري. کران سده منجادي عاده
راج ۲ يغ ممرته سبواه کراجان مستي
برفرميسوري (راج فرمفوان). لالو
دفعکيل فردان منتري. کتيک ايت
جوک فردان منتري داتغ مغادف
بگندا لالو ميمبه بگندا دغن مانيس
واجهن لالو دسوره دودق. کمدين
تيته بگندا واهي مندا فردان
منتري. بيت منجموة مندا اين
اباله هندق برتان سدبکته. تيف ۲
راج اتو سلطان يغ ممرته تنوله
اد فرميسوري. تنافي بيت ممرته
کسورواغن سهاج. بگيمان فيکران
مندا. چوباله چارکن فتري.
دمان ۲ اد دان مندا فيغکن بيت
کفدان.
داتوه منتري فون ميمبه. دولة دان

Cerita Pendek

Tidak Percayakan Pertemuan

(Oleh Zahri)

Pada zaman dahulu dongeng orang-orang tua. Ada seorang raja di dalam Tanah Melayu ini bernama Sultan Sulaiman. Baginda itu masih muda lagi belum beristeri, memerintah kerajaan dengan adil dan murah hati dengan hamba rakyat, aman dan makmur, di dalam negeri sekalian rakyat selalu gembira.

Pada suatu hari baginda berfikir “Bagaimanakah aku menjadi raja. Padahal aku tidak mempunyai isteri. Kerana sudah menjadi adat raja-raja yang memerintah sesebuah kerajaan mesti berpermaisuri (raja perempuan).” Lalu dipanggilnya Perdana Menteri, ketika itu juga Perdana Menteri datang mengadap baginda lalu menyembah baginda dengan manis wajahnya lalu disuruh duduk. Kemudian titah baginda “Wahai memanda Perdana Menteri, beta menjemput memanda ini ialah hendak bertanya sedikit. Tiap-tiap raja atau sultan yang memerintah tentulah ada permaisuri. Tetapi beta memerintah keseorangan sahaja, bagaimana fikiran memanda. Cubalah carikan puteri, di mana-mana ada dan memanda pinangkan beta kepadanya.”

Datuk menteri pun menyembah “Daulat dan

ampun tuanku, patik menerima sahaja titah perintah tuanku, barang apa sahaja tuanku suruh, patik mendapat khabar di salah satu negeri di Tanah Melayu ini ada seorang raja yang mempunyai puteri, tetapi malangnya, puteri itu tidak mahu bersuami. Bukan ayahandanya yang tidak menerima tetapi puterinya yang tak mahu kahwin. Sekiranya tuanku lorongkan patik pergi meminangkan ke sana kalau tak diterima patik ini telah rosakkan negeri itu, daulat tuanku.”

Terperanjat baginda mendengar sembah

Perdana Menteri, lalu bertitah: “Jangan begitu memanda! Beta tak mahu gopoh. Kerana pekerjaan gopoh kerap kali mendatangkan merbahaya. Kalau sungguhnya puteri yang tak mahu tak usah disakiti. Cari yang lain, anak orang-orang besar dan saudagar-saudagar di dalam negeri kita ini, kalau tak ada sememangnya belum ada pertemuan beta. Tetapi tak mungkin tiap-tiap ada lelaki mesti tak ada perempuan. Jangan terburu-buru memanda.”

Perdana Menteri itupun menyuruh seorang hulubalang pergi ke negeri yang disebutkan tadi membawa surat Perdana Menteri hendak meminang puteri itu. Hulubalang itu pun pergi mengenderai seekor

kuda yang tangkas. Apabila sampai ke negeri itu terus masuk mengadap baginda. “Sultan Alam surat¹ mempersembahkan surat ini!” kata hulubalang, lalu disambut baginda dan diunjukkan kepada khatib lalu dibaca. Baginda pun bertitah kepada hulubalang itu tentang pinangan baginda itu, “Bukan beta tak menerima, tetapi anakanda puteri sudah beberapa orang raja-raja datang meminang ditolaknyanya tidak mahu bersuami, sekiranya datuk hulubalang tak percaya ucapan beta marilah berjumpa sendiri,” kata baginda itu.

Baginda pun masuk bersama

hulubalang itu menemui tuan puteri. Apabila sampai sahaja terperanjat hulubalang memandang puteri yang cantik itu. Dengan garangnya bertanya “Apa hajat memanda dan hulubalang ke mari, di mana negeri memanda. Saya sememang belum hendak bersuami sekiranya raja itu sungguh berkehendak saya datanglah bawa askar langgar negeri ini. Saya sedia menanti kalau kalah baharulah saya mengaku jadi isteri raja itu.”

Hulubalang itu hairan tercengang tidak sepele menyahut lalu keluar bersama-sama baginda.

Kata baginda, “Lihatlah hulubalang bagaimana sikap anakanda puteri itu berkelakuan seperti orang gila.”

Sahut hulubalang “Sebenarnya tuanku!

¹ Perkataan sebenarnya adalah suruh.

ايت. دجاد يکنن سباکي انقن سندرې.
بودق ايت سماکين بسر سماکين
چنتيق کليها تن تا اوبه سغرت
انق فاري روفان.

فد سوات هاري هلباغ راج
برسار ۲ دغن منوغکغ کودادهدافن
رومه سوداگر ايت. تر فندغ کند
فترې سوداگر ايت دجند يلا رومه
سدغ منکه. تر جغغ هلباغ ايت سبتتر
لالو موسيغن کودان تروس مغادف
بگندا مغبخر کن فري انق سوداگر
هاشم بغ مشهور ددالم نگرې دان
چنتيق روفان.

افيل بگندا مندغر فرتان
هلباغ ايت نايک براهي بگندا
لالو سوره فردان منترې ممتغن.
مک فيناغن ايت فون دتر يما. دان
بر کهونيله مريک.

فد سوات هاري سدغ بگندا
برگوراو سندا اته بکيمان
تربوکاله باجو فرميسوري ايت
دان نمفق فاروة بغ فنجغ ميلسغ
دفروة فرميسوري. تروس دفلوق.
دفوجغن دان برتان اکن فاروة ايت.
فرميسوري تاماهو منجرتاکن
تتافي کران فوجوه دان رايو بغ
مياة هاتي تربوکاله رهسيا ايت.

بگندا ترمنوغ دان برکات
ادندا تا اوسهله داو لغکن چرنا لام
دان ميديهن ايت. ککندا برساله
ملاکوکن دمکين. انديکات سکل
سکلاهن ايت ميايه اد دهاتي ادنها
لاکي. سيفکيرکن. سفاي فردامين
رومهتغک کيت برسام ککل دان
ستوسا.

اورغ توادوا برانق. روفان سغرت
هنتو. بگندا فون داغ لالو برکات
"مق. مناساي اير. ساي دهکا...
اورغ تو ايت تورن کسانه
مباوا سبواه تاگر فرکي منجيدوق
اير دفر يکي. بگندا مغيتي دري
بلاکغ لالو دتولقن اورغ تو ايت
کدالم فر يکي. ماتي اورغ تو ايت
نایک بگندا کموندوق ايت دتيکنم
بودق ايت هغک ماتي.

بگندا فون فولغ لالو برکات
اکو تاماهو کهوين. سودهله کالو
انق هنتوايت جاغنه دسوة ۲ لاکي.
فد مالم ايت جوک تورنله انق ۲
فاري دري کياغن دباسوه دان
دبريهکن فروة بودق ايت دسافوه
بدان لالو دجاھيتن سولا دان
هندق دساوا نايک ککياغن. افيل
تله سيف باوا بودق ايت فول
داغ سولا. هاري فون سياغ
جادي تاسمغه هندق مغناکن باجو
فلاغ. انق فاري ۲ تريغ لاري
بالیک ککياغ تيغکله بودق ايت
کسوراغن لالو مليه ايوښ بغ سده
ماتي ددالم فر يکي ايت ايفون
برجالن مرات ۲ کمفوغ ايت سفې
درومه سوداگر. دري مان کامو
داغ؟ نان سوداگر ايت. داغ دري
هوجغ کمفوغ. مق ساي سده ماتي
جواب بودق ايت. دمان اکن ساي
تيغکل! مغلوه بودق ايت. تيغکله
سامکو. اکو فون تا اد انق! سلغ
سوداگر ايت. بودق ايت داميل
دان دفلهازا. ساغه کاسيه سوداگر
لاکي استري فد بودق بغ راجين

بيرله فاتیک فولغ جاغن توانکو
تاکوة تيدق اکن جادي اف ۲
نگري توانکو اين. کران انقندا
ايت نمققن سغرت برگوراو سهاج.
بگندا مبري سوره جوافن کند
هلباغ. دان اي فون منوغکغ کودان
دغن تفکسن دان دسبهکن. دبحان
کماوا بسر بگندا مندغر. سايف فترې
ايت کيلا کسان. سده فواس منجاري انق
سوداگر. اورغ ۲ کاي ساتو فون تااد.
بگندا فون مغبکل نجوم منسا
ليهکن فر جودوهنن. توکغ نجوم
مسيه. دولة دان امفون توانکو ددالم
تلاهن فاتیک. بهوا فرستوان
توانکو دغن انق هنتو بندان
دهوجغ نگرې توانکو اين!

تر فر نجه بگندا مندغر
بردري بولو رومان دغن مغبکيلغ
کفلا دان تر تاوا بسر لاکي. ادکه
مانسي کهوين دغن هنتو؟ تان بگندا.
جواب نجوم. اد توانکو.

کلي هاتي بيت مندغر. فد
کاسوقکن هارين دغکي دهاتي
بگندا هندق ديونهن انق هنتو
بندان ايت تله تيمول؟

بغسيزن بوکن هنتو تتافي
مانسي جوک. کران دودقن
دغقي هوتن بغ جياوه
درفد مانسي دغن دوا برانق سهاج.
باف بودق ايت سده ميغکل دنيا.
جادي دکلر اورغ هنتو بندان.

بگندا فون برجالن شورغ
دري دغن مباوا سبيله فسوسه سين
دغقي هوتن ايت دليهتن بتول اد
بتول اد سبواه فوندوق کچيل دغن

Biarlah patik pulang, jangan tuanku takut tidak akan jadi apa-apa negeri tuanku ini. Kerana anakanda itu nampaknya seperti bergurau sahaja.”

Baginda memberi surat jawapan kepada hulubalang, dan ia pun menunggang kudanya dengan tangkasnya dan disembahkannya. Dibacanya ketawa besar baginda mendengarnya. “Sayang puteri itu gila” katanya. Sudah puas mencari anak saudagar, orang-orang kaya, satu pun tak ada.

Baginda pun memanggil nujum meminta lihatkan perjodohnya. Tukang nujum menyembah, “Daulat dan ampun tuanku. Di dalam telahan patik, bahawa pertemuan tuanku dengan anak Hantu Bandan di hujung negeri tuanku ini!”

Terperanjat baginda mendengarnya, berdiri bulu romanya dengan menggeling kepala dan tertawa besar lagi, “Adakah manusia kahwin dengan hantu?” tanya baginda.

Jawab nujum, “Ada tuanku.”
“Geli hati beta mendengarnya.” Pada keesokan harinya dengki di hati baginda hendak dibunuhnya anak Hantu Bandan itu telah timbul?.

Yang sebenarnya bukan hantu tetapi manusia juga, keranauduknya di tepi hutan yang jauh daripada manusia dengan dua beranak sahaja. Bapa budak itu sudah meninggal dunia, jadi digelir orang Hantu Bandan.

Baginda pun berjalan seorang diri dengan membawa sebilah pisau. Sesampainya di tepi hutan itu dilihatnya betul ada betul ada³ sebuah pondok kecil dengan

orang tua dua beranak, rupanya seperti hantu. Baginda pun datang lalu berkata “Mak, minta saya air, saya dahaga.”

Orang tua itu turun ke tanah membawa sebuah takar pergi mencedok air di perigi, baginda mengintai dari belakang lalu ditolaknya orang tua itu ke dalam perigi, mati orang tua itu. Naik baginda ke pondok itu ditikamnya budak itu hingga mati.

Baginda pun pulang lalu berkata “Aku tak mahu kahwin, sudahlah kalau anak hantu itu janganlah disebut-sebut lagi.”

Pada malam itu juga turunlah anak-anak pari dari kayangan dibasuh dan dibersihkan perut budak itu disapu-sapu badannya lalu dijahitnya semula dan hendak dibawa naik ke kayangan. Apabila telah siap nyawa budak itu pula datang semula. Hari pun siang jadi tak sempat hendak mengenakan baju pelayang, anak pari-pari terbang lari balik ke kayangan. Tinggallah budak itu keseorangan lalu melihat ibunya yang sudah mati di dalam perigi itu ia pun berjalan merata-rata kampung itu sampai di rumah saudagar. “Dari mana kamu datang?” tanya saudagar itu. “Datang dari hujung kampung, emak saya sudah mati.” Jawab budak itu. “Di mana akan saya tinggall!” mengeluh budak itu. “Tinggallah samaku, aku pun tak ada anak!” Bilang saudagar itu. Budak itu diambil dan dipelihara, sangat kasih saudagar laki isteri pada budak yang rajin

itu. Dijadikannya sebagai anaknya sendiri. Budak itu semakin besar semakin cantik, kelihatan tak ubah seperti anak pari rupanya.

Pada suatu hari hulubalang raja bersiar-siar dengan menunggang kuda di hadapan rumah saudagar itu. Terpandang kepada puteri saudagar itu di jendela rumah sedang menetak. Tercengang hulubalang itu sebentar lalu memusingkan kudanya terus mengadap baginda mengkhabarkan peri anak saudagar Hashim yang masyhur di dalam negeri dan cantik rupanya.

Apabila baginda mendengar perkataan hulubalang itu naik berahi baginda lalu disuruh Perdana Menteri meminangnya. Maka pinangan itu diterima, dan berkahwinlah mereka.

Pada suatu hari sedang baginda bergurau senda entah bagaimana terbukalah baju permaisuri itu dan tampak parut yang panjang melintang di perut permaisuri, terus dipeluk, dipujuknya dan bertanya akan parut itu.

Permaisuri tak mahu menceritakannya tetapi kerana pujuk dan rayu yang menyayat hari terbukalah rahsia itu.

Baginda termenung dan berkata “Adinda tak usahlah diulangn cerita lama dan menyedihkan itu, kekanda bersalah melakukan demikian. Andai kata segala kesalahan itu masih ada di hati adinda lagi, singkirkan, supaya perdamaian rumah tangga kita bersama kekal dan sentosa.

² Kesalahan tanda baca – tanda soal tidak sesuai diletakkan. Mungkin kesalahan cetakan.

³ Pengulangan frasa “betul ada”.

فرايان مېمبوة هاري كمهكوتان كوین

درفد قوم جينا بغیر بلنجا همفیر ۲
دوا ملیون رنگیة . فرار فکن ایت
فنجمن همفیر ۲ امفہ سقہ بانو .
برسام ۲ ایت دادکن فول بوغافنی
بغ اینه . دانتارا ۲ دان ۶
هاریبولن ایت بابق فرمایین ۲ دان
فرتنجوقفن ۲ اتو مېمبوة هاری
بغیر بهگیا ایت . فد ۶ جون سکالی
لاکی باریسن کجرمان دادکن
کران مېمبوة هاریجادی کوین .
سقہ هارین تسه دادکن
فرار فکن باکی قوم ملاو . هاروس
اد دانتارا اتق ۲ بغ مغمیل بهاکین
دالم فرار فکن ایت . ددالم سموا
فرار فکن ۲ این بابق اتق ۲ بغ
داتغ ملیه دان منتون سماد
برسندیرین اتو برسام ۲ ایو باف .
سبب ۲ ایو باف ممباوا اتق ۲
تیدق لاین کران مننجوقفن کفد
مریاک اکن تماش بغ جارغ دلپه
ایت . بوغافنی برون بغدتابورکن
اوله کفلتر بغ ایت اداله منجادی
فمنداغن بغ ساغہ ۲ ناریق .
دسکوله ۲ تیدق کدیگکالن درفد
مراياکن هاری کمهکوتان ایت .
اذ استعادة دادکن مروفاکن کوین
دغن دهغافنی اوله رعیة تعلق
ججاهنن بغ مبري تهنه کفدان .
سموان اداله منجادی فرايغانن
دان گناغن ۲ اتق ۲ کران فرايان
بغدمکین این جارغ برلاکو دان
جارغ دادکن . اوله ایت جادیکنه
کجادین ایت ساتو فرايغانن بغ
تیدق اکن دلوفاکن اوله اتق ۲
اتو مسلممان - فا اوغکل .

دالم سمیگو دري ۲ هغک ۶ جون بغلالو دمان ۲ تمفہ تراوتمان
دبندر ۲ دادکن فرايان مېمبوة هاریجادی بکندا کوین ایلیزاییت
بغکدوا . نمفن ددالم تانهلایو دیغافورا اینله بغ مریاه سکالی
سموتن . ددالم بندر جالن ۲ رای دغن لمفوا ۲ دان بندیرا ۲ بغ جنتیق
دان فرمی . مآسی بردویون ۲ فنوه سق دالماس سمیگو ایت .

موتوکار برجالن بردیریه ۲ سوات باریسن یهسر تله دادکن
ترقسا فرلاهن ۲ جالن کران دفاغ ایسفلیند . دفاغ ایت بریاریس
ترلمفاو بابق . همفونن مآسی بریو ۲ عسکر . بولنتیرادان لاین ۲
له ۲ لاکي دالماس دادکن باریسن توان بغتراو تام کینور تله منریما
کجرمانن مرقسا باریسن ایت .
فد سبله مالمن دادکن فرار فکن
فاکي ۲۲ جون ایت هاری کمهکوتان



توان بغتراو تام کینور سیفاورا . بردیری داتس جیف . سدغ مرقسا باریسن کجرمانن
فد هاری کمهکوتان کوین ۲ جون یغلالو - کمیر کاتق ۲ .

Perayaan Menyambut Hari Kemahkotaan *Queen*

Dalam seminggu dari 2 hingga 6 Jun yang lalu di mana-mana tempat terutamanya di bandar-bandar diadakan perayaan menyambut hari jadi baginda Queen Elizabeth yang Kedua. Nampaknya dalam Tanah Melayu Singapura inilah yang meriah sekali sambutannya. Di dalam bandar jalan-jalan raya dengan lampu-lampu dan bendera-bendera yang cantik dan permai. Manusia berduyun-duyun penuh sesak dalam masa seminggu itu.

Motokar berjalan berderet-deret terpaksa perlahan-lahan jalannya kerana terlampau banyak. Himpunan manusia lebih-lebih lagi dalam masa diadakan barisan atau perarakan-perarakan yang beraneka warna. Pada pagi-pagi 2 Jun iaitu Hari Kemahkotaan

suatu barisan yang besar telah diadakan di padang Esplanade. Di padang itu berbaris beribu-ribu askar, volentera¹ dan lain-lainnya. Tuan Yang Terutama Gabenor telah menerima kehormatan memeriksa barisan itu.

Pada sebelah malamnya diadakan perarakan



Tuan Yang Terutama Gabenor Singapura, berdiri di atas jip, sedang memeriksa barisan kehormatan pada Hari Kemahkotaan *Queen* 2 Jun yang lalu – Gambar Kanak-kanak.

daripada kaum Cina yang berbelanja hampir-hampir dua *million* ringgit. Perarakan itu panjangnya hampir-hampir empat setengah batu. Bersama-sama itu diadakan pula bunga api yang indah. Di antara 2 dan 6 haribulan itu banyak permainan-permainan dan pertunjukan-pertunjukan untuk menyambut hari yang berbahagia itu. Pada 6 Jun sekali lagi barisan kehormatan diadakan kerana menyambut hari jadi *Queen*.

Setengah harinya telah diadakan perarakan bagi kaum Melayu. Harus ada di antara anak-anak mengambil bahagian dalam perarakan itu. Di dalam semua perarakan-perarakan ini banyak anak-anak yang datang melihat dan menonton sama ada bersendirian atau bersama-sama ibu bapa.

Sebab-sebabnya ibu bapa membawa anak-anak tidak lain kerana menunjukkan kepada mereka akan temasya yang jarang dilihat itu. Bunga-bunga api berwarna yang ditaburkan oleh kapal terbang-kapal terbang itu adalah menjadi pemandangan yang sangat-sangat menarik.

Di sekolah-sekolah tidak ketinggalan daripada merayakan Hari Kemahkotaan itu. Ada istiadat diadakan merupakan *Queen* dengan di hadapi oleh rakyat takluk jajahnya yang memberi tahniah kepadanya.

Semuanya adalah menjadi peringatan dan kenang-kenangan anak-anak kerana perayaan yang demikian ini jarang diadakan. Oleh itu jadianlah kejadian ini satu peringatan yang tidak akan dilupakan oleh anak-anak untuk selama-lamanya – Pak Unggal.

¹ Volenter – bermaksud sukarelawan; Dewan Bahasa dan Pustaka.

سرب نيكا

اوله سميح

گمبر يقبروايه

مندافه هديه 1,500 دولر

گمبر اينده يقد تراكن دسين تله
تسرفيله دري بريوا ٢ بواه گمبر
يغلاين، دغن مندافه هديه يغضرتام
(1,500 دولر) دالم "فراوان
گمبر فوتوكراف" دامريكا گمبر
تربوه معكمبركن شورغ باف
مغهمبوكن ايف روكون سهنگ
منجادي سوات "بولان" اتو "كلغ"
يقتله مناريق فراهين انقن
كانق ٢ ايت كليهانن ليكا مندغ
"كلغ ايف" ايت دان برندا هندق
منغفن .

*

كانق ٢ دغن سينما

سده معلوم دالم زمان كيت اين
تيك فراكارا يغ ساغه ٢ بسر ففارهون
كسند كماجوان فيكران دان
فر كماغاش علم ففاهوان . كتك ٢ ان
تيدق لامين دردد "حاصل مطبعه"
(بو كو ٢ ، مجله دان اخبار) ،
زاديو دان سينما ، تنافي اوليهكران
سوال ميقيسكن دغن مات كفلا لسه
بسر كسند دردد مطالعه دان مندغ ،
كران لبه موده دفيهم ، تيدق بگيتو
ميرنكن فيكران اتو معگونساكن
خيال مات منجادي لسه سينما ايت

كانق ٢ يقتله تر تاريخ دان تر ففارهوه
اكن چسوب فول مينرو فربوانن
يغوروق ايت
فراكارا يغربها كند كانق ٢
سكيمان بغدموتكن ايت تله
دنداري اوله اورغ ٢ يغربفكوغ
جواب داغكند ، ميرك فون سكر
براخيشار مغلواركن فيلم ٢ يغ لاق
دنتون اوله كانق ٢ .

ايلوق چوكك دسبوه دسين
بهوا فد تيف ٢ هاري سبت كيرا ٢١
دوا ريبو بواه ففكوغ داغكند
منايغكن فيلم ٢ يغ خاص انتوه
كانق ٢ . دان كيرا ٢١ دوا جوتا
كانق ٢ فول يغ مندافه هيوران

ليه بسر ففارهوه فناريقن كند اورغ
زاهي تراوام كانق ٢ . ايتوله يغ
منجاديكن اهل ٢ فنديديق دالم
نكارا ٢ يغبر كماجوان ساغه ٢ معديل
بره تنغ فراكارا اين .

سوال ميلمه چريشا فيلم يغ
سواي دغن كانق ٢ اداله سوات
سوال يغ رومية كند اهل ٢ فنديديق
زمان سكارغ . كران عقل كانق ٢
ساغه لكس تر ففارهوه كند اف ٢
جوا يقدستميكن دغن مات كفلا اتو
يغدمتتونن ، مثالن ، كالو شورغ
كانق ٢ تله تر تاريخ كند "هيرو"
دالم فيلم ايت دان "هيرو" ايشول
سشورغ فنچوري اتو فرومفق ، مك



Serbaneka

Oleh Samih

Gambar yang Beriwat

Mendapat hadiah 1,500 Dollar.

Gambar inilah yang telah diterakan di sini telah terpilih dari beribu-ribu buah gambar yang lain, dengan mendapat hadiah yang pertama (1,500 Dollar) dalam "Peraduan Gambar *Photograf*" di Amerika. Gambar tersebut menggambarkan seorang bapa menghembuskan asap rokoknya sehingga menjadi suatu "bulatan" atau "gelang" yang telah menarik perhatian anaknya. Kanak-kanak itu kelihatan leka memandang "gelang asap" itu dan bersedia hendak menangkapnya.

*

Kanak-kanak dengan *Cinema*

Sudah maklum dalam zaman kita ini tiga perkara yang sangat-sangat besar pengaruhnya kepada kemajuan fikiran dan perkembangan ilmu pengetahuan. Ketiga-tiganya tidak lain daripada "hasil *matba'ah*" (buku-buku, majalah dan akhbar), radio dan *cinema*. Tetapi oleh kerana soal menyaksikan dengan mata kepala lebih besar kesannya daripada *mu'alla'ah* dan mendengar, kerana lebih mudah difaham, tidak begitu memberatkan fikiran atau menggunakan khayal maka menjadilah *cinema* itu

lebih besar pengaruh penariknya kepada orang ramai terutama kanak-kanak. Itulah yang menjadikan ahli-ahli pendidik dalam negara-negara yang berkemajuan sangat-sangat mengambil berat tentang perkara ini.

Soal memilih cerita filem yang sesuai dengan kanak-kanak adalah suatu soal yang rumit kepada ahli-ahli pendidik zaman sekarang. Kerana akal kanak-kanak sangat lekas terpengaruh kepada kepada apa-apa jua yang disaksikan dengan mata kepala atau yang ditontonnya. Misalnya, kalau seorang kanak-kanak telah tertarik kepada "hero" dalam filem itu dan "hero" itu pula seorang pencuri atau perompak, maka

kanak-kanak yang telah tertarik dan terpengaruh akan cuba pula meniru perbuatan yang buruk itu.

Perkara yang berbahaya kepada kanak-kanak sebagaimana yang disebutkan itu telah disedari oleh orang-orang yang bertanggung-jawab di Enggand¹. Mereka pun segera berkhiat mengeluarkan filem-filem yang layak ditonton oleh kanak-kanak.

Elok juga disebut di sini bahawa pada tiap-tiap hari Sabtu kira-kira dua ribu buah panggung di England menayangkan filem-filem yang khas untuk kanak-kanak dan kira-kira dua juta kanak-kanak pula yang mendapat hiburan



¹ Perkataan sebenarnya adalah England.

دان فقههوان درفدان

فرکر فکن این اعاله بر بالک
سجاره من گند تاغون 1941-42 تاغون
ایت اورغ ۲ یغ مخمیل برة نتغ
فندیقن تله مندغ، سفکوه انبای
دیبارکن کاتق ۲ ترفقسا منتیون
فیلم ۲ یغ هان لایق دنتون اوله
اورغ ۲ دیواس، دان یغ سمات ۲
بریهیا دان منجموکن مریک،
کبتولن فد ماس ایت بلوم اد
لاکي فیلم ۲ یغ خاص اتوه مریک
سلامین درفد ببراف بوا، یغ
فلاکون ۲۸ تردیری درفد کاتق ۲،
یعنی یغ لایق دنتون اوله اورغ ۲
دیواس دان کاتق ۲ جوک، اهل ۳
فندیق یغ ترسبوة برسام ۲ دغن
اورغ ۲ یغ مفاهیهاکن فلهوان
فیلم فون برمشواره مروند یکن
فرکادا ایت دان حاصلن سکرارغ.

کیرا ۲ دوار اتوس بوا، فیلم خاص
اتوه کاتق ۲ تله وجود درف تا یکن
دسان سین
فیلم ۲ ترسبوة بوکن مهاج
برلایین دغن فیلم ۲ اورغ ۲
دیواس نتغ ایسی جریتان، یکن
برلایین جرک نتغ مغلوارکن
دان چادا برلاکون ددالمن، تیدق
قول فیلم ایت برکنان فرسکولهن یغ
مفاجر جیوغرافی، رحاره دان
فرمولان علم کسجیاتن، تافی فیلم
ترسبوة محوئی چوزرق فندیقن،
یارک دغن تله اتو تیدق تله،
مائلن فد ساله سزاد فیلم ۲
ترسبوة، کجادین ۳ جریتان مئای
اوتارا اغکلند، کیت دافه ملیهه فیلم
ایت چوب مفکمرکن کتد کاتق ۲
یغ منتون کسبان یغ جلس نتغ
فنداغن عالم دکا این ایت، اخلاق

فندیقن دان عاده استعادة سرت
طیعه مریک، دغن جالن این،
کاتق ۲ اکن ترهییور دغن چرینا
فیلم ایت دان فد کیک ایت جوک
ای دافه ملواسکن فقههوان برکنان
چروه رتتاو تانهایرن.
کیا یکن فیلم ۲ این برورن،
کران کاتق ۲ سکیما ن یغ دکتهوی
میغ سوکاکن اف ۲ جوا
یغبراییکاورن، دمکن فول نتغ
کرق لاکون اداله لیه لمبه درفد
یغدافنی دالم فیلم ۲ بیاس، کران
دفرسوا یکن دغن فهم کاتق ۲،
فلاکون ۲۸ فول میغ مهجاج
دکوناکن هان ببراف اورغ، سفای
کاتق ۲ لکس چم اکن مریک، بکتو
جوک نتغ فنداغن ۲ دفیلم ایت
پوله دکتاکن موده دان جلس،
کسیمفولن فیلم ۲ ترسبوة اداله
دفر بوا، برداسر علم "میکولوجی"
اتو علم جیوا دان برداسر او ندغ ۲
فندیقن، ایتوله سین فیلم ۲ ایت
تله منجافی کما جوان بسر، سفک
تله مندوروغ کیرا ۲ امفه فوله ساتو
بوا، نکارا امیغ مینجمن دری
اغکلند.

سای فرچای سوات سوا ل اکن
تیسبول داوتق کاتق ۲ دتانهایر
کیت، یایت: "بیلا که فیلم یغ دمکن
ایت دافه دیکن اتو دماسوقکن
دغن سابق ۲۸ دنکری این" سوا ل
این میغ واجب دجواب اوله فنیق
یغبر تخکو غجواب دغن عمل کالو
پتول کیت برکهندق مبنوق سوات
اومه دان سوات مشارکه یغبر یکنیا.



کاتق ۲ داغکلند داغ منتون وایکمبر دغن کسبان

dan pengetahuan daripadanya.

Pergerakan ini adalah berbalik sejarahnya kepada tahun 1944. Pada tahun itu orang-orang yang mengambil berat tentang pendidikan telah memandang, sungguh aniaya dibiarkan kanak-kanak terpaksa menonton filem-filem yang hanya layak ditonton oleh orang-orang dewasa, dan yang semata-mata berbahaya dan menjemukan mereka. Kebetulan pada masa itu belum ada lagi filem-filem yang khas untuk mereka selain daripada beberapa buah yang pelakon-pelakonnya terdiri daripada kanak-kanak. Yakni yang layak ditonton oleh orang-orang dewasa dan kanak-kanak juga. Ahli-ahli pendidik yang tersebut bersama-sama dengan orang-orang yang mengusahakan pengeluaran filem pun bermesyuarat merundingkan perkara itu dan hasilnya sekarang

kira-kira dua ratus buah filem khas untuk kanak-kanak telah wujud dipertayangkan di sana-sini.

Filem-filem tersebut bukan sahaja berlainan dengan filem-filem orang-orang dewasa tentang isi ceritanya, bahkan berlainan juga tentang mengeluarkannya dan cara berlakon di dalamnya. Tidak pula filem itu berkenaan persekolahan yang mengajar geografi, sejarah dan permulaan ilmu kesihatan, tetapi filem tersebut mempunyai corak pendidikan, baik dengan tepat atau tidak tepat.

Misalnya pada salah sebuah filem-filem tersebut, kejadian-kejadian ceritanya mengenai utara England, kita dapat melihat filem itu cuba menggambarkan kepada kanak-kanak yang menontonnya gambaran yang jelas tentang pemandangan alam di kawasan itu, akhlak

penduduknya dan adat istiadat serta tabiat mereka. Dengan jalan ini, kanak-kanak akan berhibur dengan cerita filem itu dan pada ketika itu juga ia dapat meluaskan pengetahuannya berkenaan ceruk rantau tanah airnya.

Kebanyakan filem-filem ini berwarna, kerana kanak-kanak sebagaimana yang diketahui memang sukakan apa-apa jua yang beraneka warna. Demikian pula tentang gerak lakonan adalah lebih lembut daripada yang didapati dalam filem-filem biasa, kerana dipersesuaikan dengan faham kanak-kanak. Pelakon-pelakonnya pula memang sengaja digunakan hanya beberapa orang, supaya kanak-kanak lekas cam akan mereka. Begitu juga tentang pemandangan-pemandangan filem itu boleh dikatakan mudah dan jelas.

Kesimpulannya filem-filem tersebut adalah diperbuat berdasarkan ilmu "psikologi" atau ilmu jiwa dan berdasarkan undang-undang pendidikan. Itulah sebabnya filem-filem itu telah mencapai kemajuan besar, sehingga telah mendorong kira-kira empat puluh satu buah negara asing meminjamnya daripada England.

Saya percaya suatu soal akan timbul di otak kanak-kanak di tanah air kita iaitu: "Bilakah filem yang sedemikian itu dapat dibikin atau dimasukkan dengan sebanyak-banyaknya di negeri ini?" Soal ini memang wajib dijawab oleh pihak yang bertanggungjawab dengan amal, kalau betul kita berkehendak membentuk suatu umat dan suatu masyarakat yang berbahagia.



Kanak-kanak di England sedang menonton wayang gambar dengan gembiranya.

سي دول مهبوۃ هاربراي

دزبارهن سلالو مبرين واغ؟
 سنوان لبه درفد بياس فد فراسانن.
 فوكل امفه سته فاكسي سي دول
 سده باغون. تروبوك سهاج متان
 تروس اي ملومفه دري تهمفه
 تيدورن. اي برفيكر هاري سده
 سياغ. دلپهن سحوا اورغ ماسيه
 تيدور-تيدور لطف لاکي. دبوکان
 چندبلا رومهن دلپهن ماسيه کلف.
 چاچغ ماسيه بر بويي لاکي.

کسل سگوه هاتين هاري ماسيه
 بلوم سياغ لاکي. دغن فراسان کسل
 ايت اي بر بادغ لاکي دتمغه
 تيدورن. دجوبان مجمکن متان
 لاکي توافي تباد بوله. سساعه دمي
 سساعه دراسن ترلمفاو لسه-اخرن
 ددغرون جم بر بويي منجوقکن
 فوکل ايم فاکسي.

دول تروس باغون. اي تروس
 فرکي کيليت مندي دان مندي.
 "سياف مندي فاکسي ۲ لاکي ني-
 کدشارن سوارا ايئن برتانه.
 "دراي فق-جواب سي دول
 "واه فاکسي ۲ لاکي اغکرو سده مندي
 دول"-تان بزان لاکي.

"با فق-جواب سي دول
 اصيل هاري سده چره مدنيکه
 دول سده کليها تن دهدانن رومهن.
 اي ماکي باجو مالاو بوورن هيجو.
 کابن سفيفن بروزن ديره برمولم

ملايو دغن کابن سوشکيتن يغ بهارو
 دبلکين اوله ايهن.

ترباغ ۲ دمتان بتاف مگه
 دان کميران ايسوق اي اکن
 ماکي فکلين ايت. اين برتمه
 لاکي اصيل ننتي سله فشن اي
 ميروغکن باجو دان سلوار بهارون
 "شركين.. کونيف. لبه ۲ لاکي
 تراس ۲ بگيمان کاکه فراسانن
 ماکي "نيقاي.. يغ چوميل دبلکين
 اوله ايهن. اي کميرا سگوه
 ننتي ماکي فکلين ايت. برکاي
 پتر دراسن لهنهن دغن ماکي
 سفاتو "بيغکي.. بغدفسان ايهن
 مبلين

ددام سي دول بر باليك کسان
 دان بر باليك کمادي براشن ۲
 ايت - دغن تيدق دردارين -
 اي تله توتيدور. تيدور دغن
 منفي بهاربراي - لبه کميرا
 فد فراسانن درفد ملديه تساش
 سللمسلفکرو کران مهبوۃ کمه بکرتان
 بگدا کوين ايليزا ايت. سگهفون
 دالم فرايان کوين ايليزا ايت. ابق
 فرتجو فکن دان فرار فکن به دلپهن
 تناني دراسن تيدق لبه سوک درفد
 بهاربراي. بوککله سحوا فکلانن
 بهارو؟ بوککله فد هاري ايت اي
 المواس بر جانن؟ بوککله فد هاري
 ايت واغ بلجا دافه لبه؟ بوککله
 فد هاري ايت سودارا مارا يغ

"لکس تيدور! لکس تيدور!..
 - کات سي دول کفد اديق ۲ يغ
 بادغ بيوق برمانن تغلوغ دان
 منجوجه بوغافي دهلامن رومهن.
 "ايسوق هاربراي کيت مستي لکس
 باغون.. - کتان. "کات فاکي
 مندي ابکوۃ ايه فرکي کسجد.
 باجو کيت سده اد. سسوان
 چتوق ۲ بلاک. ادوه بسوق
 هاربراي - ماري کيت لکس
 تيدور.. - کات سي دول لاکي
 صغاج اديق ۲ برهنتي برمانن
 کران هاري سده لاروة مالم.

سجورس کمدين هلامن رومه
 يغ هيفر بيغراق ۲ برمانن، قنوه
 دغن ترغ بندرغ دري تغلوغ ۲
 بغدفاغ مروت. سده جادي منيت
 سحولا. سنوان کاتوق ۲ ايت سده
 فاسوق کرومه ماسيف ۲ چرچي
 کاکي مروت. تيدق لام کمدين
 مروت کيت سده اد. داتس تهمفه
 تيدورن. يغ کچيل ۲ دغن سبتو
 باچ سده توتيدور.

توافي سي دول تادافه مجمکن
 دمان فد مالم ايت. اي منشق کيليه.
 اي بر باليك ککيري دان بر باليك
 لکلتن داسن تهمفه تيدورن تادي.
 دجوبان مجمکن متان تناني فابوله.
 "هاله؟ اي تيدق صبر لاکي شوغگر
 هاري سياغ. اي تيدق ساعه لکس
 ماکي جافل دان سفاتو سرت باجو

Si Dol Menyambut Hari raya



"Lekas tidur! Lekas tidur!"

– kata Si Dol kepada adik-adiknya yang sedang sibuk bermain tanglung dan mencucuh bunga api di halaman rumahnya. "Esok hari raya kita mesti lekas bangun" – katanya. "Kita pagi mesti ikut ayah pergi ke masjid. Baju kita sudah ada. Semuanya cantik-cantik belaka. Aduh, besok hari raya – mari kita lekas tidur" – kata Si Dol lagi mengajak adik-adiknya berhenti bermain kerana hari sudah larut malam.

Sejurus kemudian halaman rumah yang hingar-bingar anak-anak bermain, penuh dengan terang-benderang dari tanglung-tanglung yang dipasang mereka, sudah jadi senyap semula. Semuanya kanak-kanak itu sudah masuk ke rumah masing-masing cuci kaki mereka. Tidak lama kemudian mereka sudah ada di atas tempat tidurnya. Yang kecil-kecil dengan sebentar sahaja sudah tertidur.

Tetapi Si Dol tidak dapat memejamkan matanya pada malam itu. Ia nampak gelisah. Ia berbalik ke kiri dan berbalik ke kanan di atas tempat tidurnya tadi. Dicubanya memejamkan matanya tetapi tak boleh. Mengapa? Ia tidak sabar lagi menunggu hari siang. Ia hendak sangat lekas memakai capal dan sepatu serta baju

Melayu dengan kain songketnya yang baharu dibelikan oleh ayahnya. ~~Terbayang-bayang di matanya betapa megah~~ dan gembiranya esok ia akan memakai pakaian itu. Ini bertambah lagi apabila nanti sebelah petangnya ia menyarungkan baju dan seluar baharunya "shark skin" kuning. Lebih-lebih lagi terasa-terasa bagaimana gagah perasaannya memakai "neck tie" yang comel dibelikan oleh ayahnya. Ia gembira sungguh nanti memakai pakaian itu. Bergaya benar dirasanya langkahnya dengan memakai sepatu "yankee" yang dipaksanya ayahnya membelinya.

Di dalam Si Dol berbalik ke sana dan berbalik ke mari berangan-angan itu – dengan tidak disedarinya – ia telah tertidur. Tidur dengan mimpi berhari raya – lebih gembira pada perasaannya daripada melihat temasya selama seminggu kerana menyambut kemahkotaan baginda Queen Elizabeth. Sungguhpun dalam perayaan Queen Elizabeth banyak pertunjukan dan perarakan yang dilihatnya tetapi dirasa tidak lebih suka daripada berhari beraya. Bukankah semua pakaiannya baharu? Bukankah pada hari itu ia leluasa berjalan? Bukankah pada hari itu wang belanja dapat lebih? Bukankah pada hari itu saudara-mara yang

diziarhanya selalu memberinya wang?

Semuanya lebih daripada biasa pada perasaannya. Pukul empat setengah pagi Si Dol sudah bangun. Terbuka sahaja matanya terus ia melompat dari tempat tidurnya. Ia berfikir hari sudah siang. Dilihatnya semua orang masih tidur – tidur lelap lagi. Dibukanya jendela rumahnya dilihatnya masih gelap, cacing masih berbunyi lagi.

Kesal sungguh hatinya hari masih belum siang lagi. Dengan perasaan kesal itu ia berbaring lagi di tempat tidurnya. Dicubanya memejamkan matanya lagi tetapi tiada boleh. Sesaat demi sesaat dirasanya terlampau lambat – akhirnya didengarnya jam berbunyi menunjukkan pukul lima pagi.

Dol terus bangun, ia terus pergi ke bilik mandi dan mandi. "Siapa mandi pagi-pagi lagi ni" – kedengaran suara ayahnya bertanya.

"Saya pak" – jawab Si Dol.

"Wah! Pagi-pagi lagi engkau sudah mandi Dol" – tanya bapanya lagi.

"Ya pak" jawab Si Dol.

* * *

Apabila hari sudah cerah sedikit Dol sudah kelihatan di hadapan rumahnya. Ia memakai baju Melayu berwarna hijau. Kain sampingnya berwarna merah bersulam

دریحال کیت

مولاي دري کلوازن این مجله "کانک ۲" این اکن تربیة سولن سکالی فسد تیف ۲ 16 هاربولن مسیحي لگانن ۲ یغمله دتربیا سلوم تاریخ این اکن دلنجوتسکن ماسن سکیرا ۲ تیف ۲ لگانن 3 بولن ایت اکن منربیا 26 بیلاغن دان لگانن 6 بولن اکن منربیا 52 بیلاغن دري فرمولان ماس لگانن ماسیغ ۲.

فراوباھن این تلسه دتسکن دغن هارفن مجله این اکن دافه مغنوجوي فمباج ۲ دغن کادانن لبه فاداة دان لواس هرگان اکن تنف 30 سین سنسجه تنافي هرک لگانن اکن دتورنکن بایت :

6 بولن - \$1-80
12 بولن - 3-60

دغن مروغوة سي دول منجواب:
"کاکي دول ساکيه - ملتوف دبوابة
چافل ني!"

سي دول سده تيدق کواس
لاکي راسان هندق برجالن. هاتين
کسل بگيومان رنجاغنن فد قنغ ایت
هندق مليهه وايغ کمبر دغن ماکي
نيقتانن سرت سفاتو "يغکين".

همشير ۲ فوکل 6 قنغ سي دول
کلوار رومهن دغن فکانن سلوار
فنديق. برنيقتانن دان بر باجو
"سارکسين". اي برسفاتو دان
برستوکين تنافي مالغ باکين اي
تأدافه برجالن درس - کاکين
ساکيه سکالي ۲ نمفق اي برجالن
تيعنغ تنافي دکرکين جوک هاتين.

فاکي اسوقن سي دول ترفقسا
تيدق دافه برجالن جاوده ۲ لاکي -
اي هان برماين ۲ دهلامن رومهن
سهاج دغن ادیق ۲ ان کران ماهو
برجالن جاوده ۲ تابر سفاتو فد
هاربراي مالوراسن. مالو اي دلپهه
اوله کاون ۲ هان "برکاکي ايم"
سهاج.

دمکينله چريتا سي دول
برهاربراي. کميميرا برسفاتو دان
برچافل بهارو تنافي کران چافل
دان سفاتو ایت هان ساتو هاري
سهاج برهاربراي سبب کاکين
ساکيه.

امس . سوغکوهن هيم- ترلتق مير يغ
ککانن . چافلن بر تکه امس داتسن
اي کليهان سکجف دودق.
سکجبت باغون. کليهه منوغکو ايهن
يغ بهارو باغون.

"لمبه بئر ايه ني کلوار" -
فيکرن سميل موندر مندير کسان
سين دهلامن رومه ایت .

سجورس لمان. لبه کورغ فوکل
سغه دلافن بفان کلوار رومه .
"اغکو ده سيف دول؟" - تان بفان.
"سده فق" - جواب سي دول
سميل رافه منجيوم تاغن ايهن .

"لاوا، اغکو هاري این" - کات
ايهن - "ماري کيت فرکي". سي
دول ميگوهه ايهن دغن فراسان
مکه تراو تمان منداقه فوجين درفد
ايهن ایت .

رغکسن سده سمهغ هاربراي
دمسجد سلطان اي فون بالیک دان
سفين درومه مک سي دول مولاي
مدوک لکه برجالن ميگوهه موکان.
فوکل نيگ قنغ سي دول کليهان
بالیک کرومهن دغن کادانن لتيه
دان فنه. سگوهن يغ تادين سيغه
سده تانتو ارهن لاکي. سگوه
ایت سده رويوق. اي تيدق لاکي
مماکي چافل کران چافلن داغکن
دغن تاغن!

"مغاف اغکو تافاکي چافل
اغکو تو دول؟" تان ايون .

emas. Songkoknya hitam – terletak miring ke kanan. Capalnya bertekak emas di atasnya. Ia kelihatan sekejap duduk, sekejap bangun. Gelisah menunggu ayahnya yang baharu bangun.

“Lambat benar ayah ni keluar” – fikirnya sambil mundar-mandir ke sana sini di halaman rumah itu.

Sejurus lamanya, lebih kurang pukul setengah delapan bapanya keluar rumah. “Engkau dah siap Dol?” – tanya bapanya.

“Sudah pak” – jawab Si Dol sambil rapat mencium tangan ayahnya.

“Lawa engkau hari ini” – kata ayahnya – “Mari kita pergi”. Si Dol mengikut ayahnya dengan perasaan megah terutamanya mendapat pujian daripada ayahnya itu.

Ringkasnya sudah sembahyang hari raya di Masjid Sultan ia pun balik dan sampainya di rumah maka Si Dol mulai membuka langkah berjalan mengikut sukanya. Pukul tiga petang Si Dol kelihatan balik ke rumahnya dengan keadaan letih dan penat. Songkoknya yang tadinya senget sudah tak tentu arahnya lagi. Songkok itu sudah ronyok. Ia tidak lagi memakai capal kerana capalnya diangkatnya dengan tangan!

“Mengapa engkau tak pakai capal engkau tu Dol?” tanya ibunya.

Dengan merungut Si Dol menjawab:

“Kaki Dol sakit – meletup dibuat capal ni!”

Si Dol sudah tidak kuasa lagi rasanya hendak berjalan. Hatinya kesal bagaimana rancangannya pada petang itu hendak melihat wayang gambar dengan memakai *neck tie* serta sepatu “*yankeenya*”.

Hampir-hampir pukul 6 petang Si Dol keluar rumahnya dengan pakaian seluar pendek, *berneck tie* dan berbaju “*sharkskin*”. Ia bersepatu dan berstokin tetapi malang baginya ia tak dapat berjalan deras – kakinya sakit. Sekali-sekali nampak ia berjalan tempang tetapi dikeraskannya juga hatinya.

Pagi esoknya Si Dol terpaksa tidak dapat berjalan jauh-jauh lagi – ia hanya bermain-main di halaman rumahnya sahaja dengan adik-adiknya kerana mahu berjalan jauh-jauh tak bersepatu pada hari raya malu rasanya. Malu ia dilihat oleh kawan-kawan hanya “berkaki ayam” sahaja.

Demikianlah cerita Si Dol berhari raya, gembira bersepatu dan bercapal baharu tetapi kerana capal dan sepatu itu hanya satu hari sahaja berhari raya sebab kakinya sakit.

Dari hal kita

===

Mulai dari keluaran ini majalah “Kanak-kanak” ini akan terbit sebulan sekali pada tiap-tiap 16 haribulan Masihi. Langganan-langganan yang telah diterima sebelum tarikh ini akan dilanjutkan masanya sekira-kira tiap-tiap langganan 3 bulan itu akan menerima 26 bilangan dan langganan 6 bulan akan menerima 52 bilangan dari permulaan masa langganan masing-masing.

Perubahan ini telah ditetapkan dengan harapan majalah ini akan dapat mengunjungi pembaca-pembaca dengan keadaannya lebih pada dan luas. Harganya akan tetap 30 sen senaskhah tetapi harga langganannya akan diturunkan iaitu:

6 bulan	–	\$1.80
12 bulan	–	3.60

فراڊوان تڪاٽڪي (3)

(سپوڻن دري مول 3)

دان باف يفتله ڪمليارا انق دغن
برڪلاڪوان باياڪ ريڪٽ منداڻه
سپوٽن بڻ باياڪ

*

تاهو ڪه انق؟

لبنان سبواه نڪري عرب بڻ
بايق سڪالي جملة انقنڪرين
بڻ ترفلاچر داننارا فنڊوڊقن
بغير جملة ساتو چوتوا راتوس
ليم فوله ريبو مڪ سميلين فوله
فوسين درفدان بغير فلاچر

دوا بواه يونيوسپيٽي - سبواه
فرنچيس دان بڻ سبواه لاڳي
امريڪان - ساڻه ۲ بسن ڪسن
ڪند ڪماچوان دان ڪچردان
ڏوڊوق نڪري ايت

بڻ ليه فليقن اوزغ ۳ لبتان بڻ
برڪاڻ ڪلوان نڪري تراوتام
دانورنڪا ليه بسر چملمن درفد بڻ
بئڪل دنانهايو مريڪ سنڊيري

ڪماهوان

"ڪماهوان" ايت ڪالو سلالو
دايڪو بوله منجروموسڪن مائسي
ڪچوزغ ڪچاهتن. دان ڪالو سلالو
داهن ميسنڪن دادا دان مپونه
ديري. سبباڪ ۳ ڊڪر جاڪن
داننارا ڪدوان. يعني چاڻن سلالو
دايڪو تنڪن دان چاڻن سلالو داهن

شرط

1. ماسوق فراڊوان رانڊ ڪيا افس ۲ بايزان.
2. لاءن حرفد راجه ابن تيدق دتريما.
3. سسوخ وله منڪا دغن بيراڻ بايق.
تسافي جان روحن ساراڻا سا وهديه.
4. جواڻن بقتول اد ترسديفن عالم فجا ۴
فلم دغن دتريڪن.
5. ڪاڪيڻان فجا ۴ فلم تيدق دتريڪن
مشميل هياڪين.
6. حده 25 00 اڪن ديايو ڪفد فنڪا
بقتول سوا تسافي جڪ بايق بقتول
اڪن داوتدي دان بغيرق مريسا هديه
جان ليه اوزغ سلاج.
7. سڪل ڪفوسن تاد بوله دانتهه.
8. جواڻن ۲ سارله سفي ڪفد ڪيت تيدق
ليواڊ دري 30.6
9. جواڻن بقتول اڪن ديايو ڪفد عالم
ڪاڻي ۲ ڪلوان 16,7,53
10. سڪل جواڻن سارله دلاڪن ڪند.

PERADUAN TEKA TEKI
KANAK (3)
10, 11, 12, Geylang Road
Singapore, 14.

هديه \$25.00

- (1) اد بوروغ اد بنايق
ڪوڪو برڪاٽه دهوجغ فلايق
ڪفق ملبير منولغ تربغ
سولڪ براء داغڪاس لافغ

* * *

- (2) بوله دفوجي بوله دنجوق
ليم تنجوج افسه تلوق
ساتو فادغ امله ايلوق
تمغه برهيمنون سڪل مخلوق

* * *

- (3) يا الله يا رب العزتي
ڪفد هو ڪو سرهڪن حياتي
اد فقه تسافي تاد تسفي
ڪالو تا تاهو فيڪر لاڳي

فويغ دسڻ

چواڻن ساي

- (1) توان فرس فراڊوان تڪاٽڪن ڪي ۲
- (2) رسام ۲ اين ساي ڪوسڪن فراڊوان
تڪا ڪي ڪاڻي ۲ (3) ساي مياڪو مياڪو
سڪل شرط 5

لندا ناغن

نام
علامه

(توايسله نام دان علامه دغن اوزغ)

Peraduan Teka-Teki (3)

(Sambungan dari muka 3)

HADIAH \$25.00

(1) Ada burung ada binatang
Kuku bergayut di hujung pelayang

Kepak melebar menolong terbang

Suka berada di angkasa lapang

* * *

(2) Boleh dipuji boleh ditunjuk

Lima tanjung empat teluk

Satu padang amatlah elok

Tempat berhimpun segala makhluk

* * *

(3) *Yā Allāh Yā Rabb al-'izzatī*

Kepada-Mu ku serahkan *hayātī*

Ada tengah tetapi tak ada tepi

Kalau tak tahu fikir lagi

Syarat-syaratnya.

1. Masuk peraduan tiada kena apa-apa bayaran.
2. Lain daripada rajah ini tidak diterima.
3. Seorang boleh meneka dengan beberapa banyak. Tetapi hanya berhak mendapat satu hadiah.
4. Jawapan yang betul ada tersimpan dalam pejabat Qalam dengan dimaterikan.
5. Kakitangan pejabat Qalam tidak dibenarkan mengambil bahagian.
6. Hadiah \$25.00 akan dibayar kepada peneka yang betul semua tetapi jika banyak yang betul akan diundi dan yang berhak menerima hadiah hanya lima orang sahaja.
7. Segala keputusan tiada boleh dibantah.
8. Jawapan-jawapan hendaklah sampai kepada kita tidak lewat dari 30.6.53.
9. Jawapan yang betul akan disiarkan dalam Kanak-kanak keluaran 16.7.53.
10. Segala jawapan hendaklah dialamatkan kepada:

PERADUAN TEKA-TEKI

KANAK2 (3)

356 & 358, Geylang Road,
Singapore, 14.

Potong di sini

Tuan pengurus Peraduan Teka Teki Kanak-kanak

(2). Bersama-sama ini saya kiriman Peraduan Teka Teki Kanak-kanak (2). Saya mengaku mengikut segala syarat-syaratnya.

Tanda tangan.....

Nama.....

Alamat.....

Jawapan saya

(1).....

(2).....

(3).....

(Tulislah nama dan alamat dengan terang)

dan bapa yang telah memelihara anak dengan berkelakuan baik sehingga mendapat sebutan yang baik.

*

Tahukah anak-anak?

Lubnan sebuah negeri Arab yang banyak sekali jumlah anak negerinya yang terpelajar. Di antara penduduknya yang berjumlah satu juta dua ratus lima puluh ribu maka sembilan puluh percent daripadanya yang terpelajar.

Dua buah universiti – sebuah

Perancis dan yang sebuah lagi

American – sangat-sangat besar kesannya

kepada kemajuan dan kecerdasan

penduduk negeri itu.

Yang peliknya orang-orang Lubnan yang

berdagang keluar negeri terutama

di Amerika lebih besar jumlahnya daripada yang

tinggal di tanah air mereka sendiri.

*

“Kemahuan”

“Kemahuan” itu kalau selalu diikuti boleh menjerumuskan manusia ke jurang kejahatan, dan kalau selalu ditahan menyempitkan dada dan membunuh diri. Sebaik-baiknya dikerjakan di antara keduanya, yakni jangan selalu diikuti dan jangan selalu ditahan.


دسگلیلیغ تماش میهوه هاری کمهگوتان کوبین



کمبر اتس : فاسوقکن
چراکم فولیس سدغ بر باریس
هدافن توان یقتراو تام کنبور
الماس میهوه هاریجادی
گندا کوبین فد 6.6.53. کناکه
مگوه کای مریک. سالهن
انق ۲ مریک برچمفور
شن بگکالی



کمبر تغه : انق ۲ یغ
الاوله کفلترغ ایو کفلترغ
سدغ دباوا داتس کندران
فدعیاسی میباکی کریشافی
اتس کفل ایت.



کمبر باوه : فاسوقکن
بینه جونس ایمیولن سدغ
برباریس ددالم استعادة
رایان میهوه هاریجادی
کوبین - کمبر کا انق ۲.

Di Sekeliling Temasya Menyambut Hari Kemahkotaan *Queen*

Gambar atas: Pasukan

Pancaragam Polis sedang berbaris di hadapan Tuan Yang Terutama Gabenor dalam masa menyambut hari jadi baginda *Queen* pada 6.6.53. Gagah sungguh gaya mereka. Salahnya XXX¹ anak-anak mereka bercampur dengan Benggali.


*

Gambar tengah: Anak-anak yang melawat kapal perang ibu kapal terbang sedang dibawa di atas kenderaan yang dihiasi sebagai keretapi di atas kapal itu.

*

Gambar bawah: Pasukan

Saint John Ambulance sedang berbaris di dalam istiadat perayaan menyambut hari jadi *Queen* – gambar Kanak-kanak.



¹ Teks asal tidak jelas

كانق ۲ فرمفوان سگوله ۲ ملایو دالم فرایان کمهکوتان
 دباوه این سهاکین درقد مرید ۲ سگوله فرمفوان ملایو سگوله رود بق حاضر دالم سوات فرایان
 مسمیوه هاری کمهکوتان کورن اینتراپیت یفکدوا بهارو ۲ این



مریکیت مدغ موهاتیکن فرایان یفدادکن ایت



چی زهره زعبا، جروهیه رادیو ملایا مدغ برتان کفد مرید ۲ نمنغ فرایان دان فرحاتین مریدک
 دالم مسموتن هاری کمهکوتان ایت - کمر کانق ۲

Kanak-kanak Perempuan Sekolah-sekolah Melayu dalam Perayaan Kemahkotaan

Di bawah ini sebahagian daripada murid-murid Sekolah Perempuan Melayu Scott Road yang hadir dalam suatu perayaan menyambut Hari Kemahkotaan Queen Elizabeth yang Kedua baharu-baharu ini.



Mereka itu sedang memerhatikan perayaan yang diadakan itu.



Cik Zahrah Za'ba, juruhebah Radio Malaya sedang bertanya kepada murid-murid tentang perasaan dan perhatian mereka dalam sambutan Hari Kemahkotaan itu – gambar Kanak-kanak.



خميس اسمعيل، جوهرن بيان القرآن مريد ۳ سكوته اڳام الاكبي فاسوفكن جوهر بهارو دفن هديه ۲۰ يقدتريمان دالم
فادوان بيان القرآن يقدادكن بهارو ۲ اين دجوهر بهارو.

Kanak-kanak



Khamis Ismail, johan bacaan al-Qur'an murid-murid Sekolah Agama Letaki pasukan Johor Bahru dengan hadiah-hadiah yang diterimanya dalam Peraduan Bacaan al-Qur'an yang diadakan baharu-baharu ini di Johor Bahru.

نماڻ سهاج اڪن مڻواتڪن ڪيڻين فبچاڻ .
 ڪلواڻ بهارو! ڪاڏاڻ بهارو! برسواين دڻن ديواس!

ورت

اڪن مڻجوهي توان ۲ فد 4 اوڪسۃ هدافن!

دڻن روف يڻ بهارو اي اڪن مڻهيدڻڪن برباڪي ۲ برت
 دان ڪجادين ددالم دان دلوار ملايا! سٽيف هاري ثلاث
 ورت اڪن مڻمبه فڻمهيوان بهارو دڻن مقاله ۲ن برڪٽاڻ
 برماچم ۲ فرڪارا دانناران ڪسڻين ، ڪپوداڻان ، توارينج ،
 اقتصاد دان اوندغ ۲.

ورت

اڪن مڻدوهي برراف بهاڪين يڻ بلوم فرته دساجيڪن اوله عالم فرسوراتن ملايو.
 برراف ورتاون ملايو يڻمته برخدمۃ ددالم اخبار هارين ورت ملايا
 يڻمتر ڪنل مڻمبيل بهاڪين ددالم مڻمڻڪوان ورت اين .

سبوتن ۲ يڻدترنما بلوم اي تربيۃ بوڪٽن سهاج ساڪي ڪالڻن تنافي اي
 مڻجوهڪن بهوا ورت اڪن مڻماتسي يڻلاين .

هرڪٽ لغڪاڻن :	3 بولن	6 بولن	ستاهون
سڻسخه 30 مين .	\$4.00	\$8.00	\$16.00

سورة ۲ برڪٽاڻ دڻن علامتڪن ڪفد:

Pengusaha,
 " WARTA ",
 356 & 358, Geylang Road,
 Singapore, 14.

فراهاتڪن ڪپٽان به لنجوة ددالم قلم ڪلواڻ اول اوڪسۃ .

Namanya sahaja akan menguatkan keyakinan pembacanya.

Keluaran baharu! Keadaan baharu! Bersesuaian dengan dewasa!

Warta

Akan mengunjungi tuan-tuan

pada 4 Ogos hadapan!

dengan rupa yang baharu ia akan menghadirkan berbagai-bagai berita

dan kejadian di dalam dan di luar Malaya! Setiap hari Selasa

Warta akan menambah pengetahuan baharu dengan makalah-makalahnya berkenaan

bermacam-macam perkara di antaranya kesenian, kebudayaan, tawarikh,

iktisad dan undang-undang.

Warta

Akan mengandungi beberapa bahagian yang belum pernah disajikan oleh alam persuratan Melayu.

Beberapa wartawan Melayu yang telah berkhidmat di dalam akhbar harian Warta Malaya yang terkenal mengambil bahagian di dalam Mingguan Warta ini.

Sambutan-sambutan yang diterima sebelum ia terbit bukannya sahaja sebagai galakan tetapi ia

menunjukkan bahawa Warta akan mengatasi yang lain.

Harga langganan:	3 bulan	6 bulan	setahun
Senaskah 30 sen.	\$4.00	\$8.00	\$16.00

Surat-surat berkenaan dengannya dialamatkan kepada:

Penguasa,

“WARTA”,

356 & 358, Geylang Road,

Singapore, 14.

Perhatikan kenyataan lebih lanjut di dalam Qalam keluaran awal Ogos.

یغ بوسوء اکن بر باؤ کسداهنش

اد بایکن اتق ۲ مرهاتی سوات چریتا تولادن دري مجله
کونخ ۲ داندونیسیا . چریتان فندیق تشافی مناریق دان فنوه
دغن تولادن - باکوس دجادیکن کسبارن هیدوف . چریتا
این دکارغ اوله بی ایس یغ بویین دمکین :-

تتکل سرتاما برعمور 12 ای تله منجادی اتق یتیم فیاتو .
تاهون . ای دتیغکلکن ایبون انتوه لاین حالن دغن ایبو تیری .
سلملمان . ایهن شورغ سوداگر یغ ای امة برسغ هاتی اتس کماتین
کای رای برامتریکن شورغ جندا سوامین یغ بهارو ایت . کران دغن
مودا یفتله ممفوبای شورغ اتق دمکین ای اکن مواریشی سما
لالاکی فول . ایبو تیری سرتاما هرت فیغکلکن یغ برلیمخه ۲ ایت .
ایت ساغه جاهه طبیعتن سلالو ایبو تیری یغ جاهه ایت برحسره
دچارین الاسن یغ بوکن ۲ باکی اکن میلیکی سما هرت فیغکلکن
مبوروقکن سرتاما دغن برهاف ایت . سرتاما هاروس دهسکن .
سفاي ایهن منجادی بنجی کفدان . اخرن ای مندافسه سوات عقل
نامون ایهن سنتیاس برلاکو اتوه منجروموسکن سرتاما کلمبه
بیجفسان سکالی سبب ای تاهو بشر کهنیان .
اکن کجوجران سرت کبایکنکن فد سوات هاری تتکل سرتاما
بودی اتقن . دان میمغ سرتاما بدغ دکوله . دسورهن اتقن ممباوا
اداله شورغ اتق یغ صالح . فرهیان ۲ امس ایتنن یغ مهل ۲
بربودی بایک . فرامه سرت دان دسورهن ملتکن دباوه بتل
راجین . تیدور سرتاما .
مسکیفون سرتاما مندافه ستله ایت ایبو تیری ایت
فرچوبان یغ سکجی ایت . ای برواة ۲ شوله ۲ ترکجوه دان
تتف توکل سهاج دان تیدق فرنه برسومه هاتی سرای منایس .
برایریهاتی کفد سودارا تیرین دجریتاکن اولیهن تتغ هیلعن
ایت . فد سوات هاری دغن ۲ تیا سکل بارغ ۲ فرهیانن مالن تادی
ایه سرتاما منیغکل دنیا کران دهافن قوم قرابتن اتس انجوران
مندافه ساکیه جنتوغ . بتاف بدیه قوم قرابتن ای دسوره میتاکن حال
فرامان سرتاما تیدق شورغ فون این کفد فولیس . فوجوه دجیتا .
یغ دافه ملوکیسکن دغن کات ۲ اولم منداتغ . فکر اورغ جاهه
سکارغ ای تله کهلاغن کدوا این کران چداغن ایتوله
اورغتوان یغ ساغه دکاسیهین . دان (مسبوغن فد موک 4)

کاتق ۲

یلاغن 7 - 16 جولي 1953 - 30 سین

کندوغشن:

- * یغ بوسوء کسداهنش بر باؤ
- * جناک دري تیمور دان باره
- * چریتا فندیق
- * "هغ تواد" (کارتون)
- * مجلس کاتق ۲
- * تانهایر کیت
- * فرهاتی دان جمله . . .
- * افدی اسلام .
- * توه شیخ
- * عقده اسلام
- * چریتا لیم مینیه
- * سرب نیکا
- * فنجانی عقل
- * تکاتکی دان کفوتسنن

===

دایغتنکن کفد اتق ۲ یغ
مغهتر فرادوان تکاتکی
کاتق ۲ کوناکنله ستمیف
4 سین سهاج دغن تیدق
دلکنکن سمفولن - جاغن
کوناکن ستمیف 10 سین . دغن
این ملاتیهکن جوک دیری
برجیمه جرمة .

Kanak-Kanak Yang busuk akan berbau kesudahannya

Bilangan 7 -16 Julai 1953 - 30 sen

Kandungannya:

* Yang busuk kesudahannya berbau

* Jenaka dari Timur dan Barat

* Cerita pendek

* "Hang Tuah" (kartun)

* Majlis kanak-kanak

* Tanah air kita

* Perhati dan camlah

* Apa dia Islam

* Tok Sheikh

* Akidah Islam

* Cerita lima minit

* Serbaneka

* Pencanai akal

* Teka-teki dan keputusannya

== =

Diingatkan kepada anak-anak yang menghantar Peraduan Teka-teki Kanak-kanak gunakanlah stem 4 sen sahaja dengan tidak diletakkan sampulnya, - jangan gunakan stem 10 sen dengan ini melatihkan juga diri berjimat cermat.

Ada baiknya anak-anak memerhati suatu cerita tauladan dari Majalah

Kunang-kunang di Indonesia. Ceritanya pendek tetapi menarik dan penuh

dengan tauladan – bagus dijadikan gambaran hidup. Cerita

ini dikarang oleh B.S yang bunyinya demikian:

Tatkala Sertama berumur 12 ia telah menjadi anak yatim piatu. tahun, ia ditinggalkan ibunya untuk Lain halnya dengan ibu tiri. selama-lamanya. Ayahnya seorang saudagar yang Ia amat bersenang hati atas kematian kaya raya beristerikan seorang janda suaminya yang baharu itu, kerana dengan muda yang telah mempunyai seorang anak demikian ia akan mewarisi semua lelaki pula. Ibu tiri Sertama harta peninggalan yang berlimpah-limpah itu. itu sangat jahat tabiatnya selalu Ibu tiri yang jahat itu berhasrat dicarinya alasan yang bukan-bukan bagi akan memiliki semua harta peninggalannya memburukkan Sertama dengan berharap itu. Sertama harus dihanyahkan. supaya ayahnya menjadi benci kepadanya. Akhirnya ia mendapat suatu akal Namun ayahnya sentiasa berlaku untuk menjerumuskan Sertama ke lembah bijaksana sekali sebab ia tahu benar kehinaan. akan kejujuran serta kebaikan Pada suatu hari tatkala Sertama budi anaknya. Dan memang Sertama sedang di sekolah disuruhnya anaknya membawa adalah seorang anak yang soleh, perhiasan-perhiasan emas intan yang mahal-mahal berbudi baik, peramah serta dan disuruhnya meletakkan di bawah bantal rajin. tidur Sertama.

Meskipun Sertama mendapat percubaan yang sekeji itu, ia tetap tawakkal sahaja dan tidak pernah beriri hati kepada saudara tirinya itu. Pada suatu hari dengan tiba-tiba ayah Sertama meninggal dunia kerana mendapat sakit jantung. Betapa sedih perasaan Sertama tidak seorang pun yang dapat melukiskan dengan kata-kata. Sekarang ia telah kehilangan kedua orang tuanya yang sangat dikasihinya, dan

Setelah itu ibu tiri itu berbuat seolah-olah terkejut dan bersusah hati seraya menangis. Diceritakan olehnya tentang hilangnya segala barang-barang perhiasannya malam tadi di hadapan kaum kerabatnya. Atas anjuran kaum kerabatnya ia disuruh menyatakan hal ini kepada polis. Pucuk dicita, ulam mendatang, fikir orang jahat ini kerana cadangan itulah (sambungan pada muka 4

ورت

فد بولن هدا فن مطبعه قلم
فنزیه مجله این، اکن منجادی
سجواه شریکه لیمیتید دان دنماکن
قلم فریس لیمیتید، فناج ۲ شریکه
این اباله یغملیا السید عبدالله بن
حامد العیدزوس دان یغملیا السید
حسین بن علی السقاف، قلم فریس
لیمیتید اکن تروس منریتنکن
بوکن سهاج مجله کاتق ۲ این
دان مجله قلم یغ دسوکای رامی
ایت بهکن جوک منجیتا دان
منریتنکن سجواه اخبار مینگووان
ملايو بهارو یغرتاجوء "ورت"
یغدا یدمکن ۲ سلما این، جولوغ ۲
یلاغش اکن مغنجوغي فمباج ۲
فد 4 هاریبولن اوکسه دغن

برباکی ۲ بریت دان کجادی
ددالم دان دلوار ملایا دغن چارا
رغکس لاکی مناریق هاتی، سنیف
میگو ورت اکن منبهکن فغتهوان
بهارو دغن مقاله ۲۲ برکنان
برماجم ۲ فرکارا دانتاران کسین،
کبودایان، تواریخ، اقتصاد دان
اوندغ ۲ سمیل مینفیکن کفد
فمباج ۲ بریت کماجون یغخر
دری سوات کسوات ماس دالم عالم
ساینس، فراوباتن دان سبکین،
ملاین درفدایت اد جوک بجان ۲
ریغن سفرت سوکن، کسیر ۲،
جناک ۲، چریتا خیال، کرکاتور
سموان باکی هیوران توان ۲.

هرک لفاکنن

3 بولن 6 بولن ستاهون
\$4.00 \$8.00 \$16.00
هرک سنسخه 30 سین ترماسوق
بلنجا فوسه.
سیلا فراهاتیکن بریت یغ فئوه
دالم مجله قلم کلوارن اول
اوکسه هدا فن این.

دمکینله اکن یغ چورغ ایت
برحاصل بایک، سرتاما یغ تیدق
برساله دان بردوا اف ۲ ترفقا
مریغکوء دالم تاهن کران اکن
ددغر کنراغن.
تفافی ولو بکیمان فون ای
تتف برکرس، بهواسن ای تیدق
برساله سامکالی، سننارا فهق
فولیس تیدق تیغکل دیم، بهکن
ملاکوکن ففرقسان یغ لیه تلستی کفد
بارغ ۲ یغجادیکن بوقتی ایت.
کدهاهن ستله فهق فولیس
مفادکن فیلیدیقن یغ سقام، سرتاما
دیسیکن، کمترین دغن تا ددوک ۲
سی ایبو تیری یغ جاهه برسام اتقن،

(سموغن دری مولک 3)

یغدهارف ۲ کنن، ستله مندغر
چداغن ایت دغن سگرا ای فون
فرکیله میتاکن حمال ایت کفد
فولیس دان دغن سرتمرت فولیس
فون مرقسارومه ایبه سرتاما.....
دان بناف ترکچوتن ای سکل
فرهیا سن ایت دجمفای فولیس
دباوه بنتل تیدور سرتاما، ایبو
تیری یغ جهاهه ایت بربواه
سؤلوه ۲ ساعه ترفرنجه، دان تیدق
میغک اکن کجاهن یغدلاکوکن
اوله اتق تیرین، دترغکنن فول
بهواسن سده لام سرتاما ممفویای
کلاکوان یغ بوروق، کتان!

دفعکیل کبالی فولیس انتوء دفرقسا
سکل فروباتن، مولا ۲ سی ایبو
تیری تیدق ماهو مفاکوءی کسلاهتن،
تفافی ستله دنجوفکن بوقتی ۲ یغ
بروف بکس ۲ جاری دان بکس ۲
جاری اتقن، مریک بردوا تادافه
میغکل لاکی.
فد اخرن مریک مفاکوءی سکل
کجهاتن، دان انتوء ایت مریک
هاروس دحکوم، ایبون ملوق
فنجارا دان اتقن دمرفکن کدالم
رومه فندییقن اتق ۲ ناکل!
دمکینله اخرن عقل چورغ ایت
تر بوغرک! دان بنرله کات فریهاس
بهوا "بارغسیاف مفاکالی لوبغ،
اکن جاتوه سنریری کدالن!"

Warta

Pada bulan hadapan *maḥa'ah* Qalam penerbit majalah ini, akan menjadi sebuah syarikat limited dan dinamakan Qalam Press Limited. Penaja-penaja syarikat ini ialah Yang Mulia al-Syed Abdullah bin Hamid al-Edrus dan Yang Mulia al-Syed Husin bin Ali al-Sagoff. Qalam Press Limited akan terus menerbitkan bukannya sahaja Majalah Kanak-kanak ini dan Majalah Qalam yang disukai ramai itu bahkan juga mencetak dan menerbitkan sebuah akhbar mingguan Melayu baharu yang bertajuk "Warta" yang diidam-idamkan selama ini. Julung-julung bilangannya akan mengunjungi pembaca-pembacanya pada 4 haribulan Ogos dengan

berbagai-bagai berita dan kejadian di dalam dan di luar Malaya dengan cara ringkas lagi menarik hati. Setiap minggu Warta akan menambahkan pengetahuan baharu dengan makalah-makalahnya berkenaan bermacam-macam perkara di antaranya kesenian, kebudayaan, tawarikh, iktisad dan undang-undang sambil menyampaikan kepada pembaca-pembacanya berita kemajuan yang akhir dari suatu ke suatu masa dalam alam sains, perubatan dan sebagainya. Selain daripada itu ada juga bacaan-bacaan ringan seperti sukan, gambar-gambar, jenaka-jenaka, cerita khayal, karikatur semuanya bagi hiburan tuan-tuan. Warta akan berpengaruh di antara orang-orang muda dan menguatkan kasih sayang orang-orang tua kepadanya. *In shā-Allāh*

Warta akan menjadi dengan sokongan yang demikian sebesar-besar akhbar Mingguan Melayu dan tidak lama kemudian menambahkan kesukaan ramai dan melebihi nama akhbar Warta Malaya yang terdahulu daripadanya itu serta mendatangkan seluas-luas kesan yang baik bagi iklan-iklan yang terbit di dalamnya.

Harga Langganan

3 bulan	6 bulan	setahun
\$4.00	\$8.00	\$16.00

Harga senaska 30 sen termasuk belanja pos.

Sila perhatikan berita yang penuh dalam Majalah Qalam keluaran awal Ogos hadapan ini.

(sambungan dari muka surat 3)

yang diharap-harapkannya. Setelah mendengar cadangan itu dengan segera ia pun pergilah menyatakan hal itu kepada polis dan dengan serta mata polis pun memeriksa rumah ayah Sertama dan betapa terkejutnya ia segala perhiasan itu dijumpai polis di bawah bantal tidur Sertama. Ibu tiri yang jahat itu berbuat seolah-olah sangat terperanjat dan tidak menyangka akan kejahatan yang dilakukan oleh anak tirinya. Diterangkannya pula bahawasanya sudah lama Sertama mempunyai kelakuan yang buruk, katanya!

Demikianlah akan yang curang itu berhasil baik, Sertama yang tidak bersalah dan berdosa apa-apa terpaksa merengkok dalam tahanan kerana akan didengar keterangannya. Tetapi walau bagaimanapun ia tetap berkeras, bahawasanya ia tidak bersalah sama sekali. Sementara pihak polis tidak tinggal diam, bahkan melakukan peperiksaan yang lebih teliti kepada barang-barang yang dijadikan bukti itu. Kesudahannya setelah pihak polis mengadakan penyelidikan yang saksama, Sertama dibebaskan kemudian dengan tak diduga-duga si ibu tiri yang jahat bersama anaknya,

dipanggil ke balai polis untuk diperiksa segala perbuatannya. Mula-mula si ibu tiri tidak mahu mengakui kesalahannya, tetapi setelah ditunjukkan bukti-buktinya yang berupa bekas-bekas jarinya dan bekas-bekas jari anaknya, mereka berdua tak dapat menyangkal lagi. Pada akhirnya mereka mengakui segala kejahatannya, dan untuk itu mereka harus dihukum. Ibunya masuk penjara dan anaknya dimasukkan ke dalam rumah pendidikan anak-anak nakal! Demikianlah akhirnya akal curang itu terbongkar! Dan benar kata peribahasa bahawa "barang siapa menggali lubang, akan jatuh sendiri ke dalamnya!"

جناک دري تیموردان بارة

اوله اوغ یینجول

اغکو کر جاکن دان اوسهاکن سلما
هیدوف اغکو؟
سوامی: ملفسکن اغکو دردف
جندا!

اورغساکیه: توان دقتور -
سکارغ اف یقبوله سای ماکن؟
دقتور: سموان بوله اوق ماکن
دکچوالیکن اوفه سای

احمد ماسوق کدالم سبواه کدی
صحابتن یغ منجوال بوکو ۲ چرینا
دان لاین ۲. کیتولن فول فدماس
ایت بایق فمبلی ۲ اد دکدی ایت
افیل توان کدی ایت ترنمفق
احمد. ایفون مراقتین. سرت بر تان.
"بوکو افکه یغ توان حاجتی؟"
"سای ماهو" توان جاغن
مغفگکو سای. جواب احمد

توان کدی ایت ترکجوة مندغر
جوافتن احمد. لالو برکات لاکتی؟
"سای تیدق سکالی ۲ برنیة مغفگکو
توان. سای هان بر تان بوکو اف
یغ توان ماهو؟"

احمدفون براس حیران جوکت
اتس جوافتن توان کدی ایت ای

سورغ یغ ۲ ساعه ۲ مغبیل بره
هندق مندیریکن مسجد. تله مسجد

دقتور: هاری این فباکیه
توان بر تمبه بره. سای تله پتاکن
کفد توان بهوا توان مستی ملافککن
فیکران دان هاتی - جاغن بایق
فیکر!

اورغساکیه: بوکن تیف بولن
تسافی تیف ۲ میگکو بیل توان
بر توره ۲ داغ - اف تیدفکه یغ
دمکین این تیدق سای فیکرکن؟!
سبب ایت صحابتن ایت بر تان:
"اف یغ عودازا سوسهکن؟..."

یغ براختیار ایت منجواب:
"سای سوسه هاتی هندق مسمفیکن
کفد توغن بهوا سای تیدق دافه
ممواة کبجیکن کران مندیریکن
مسجد سبب توان تیدق هندق
بروقف - دغن ایت جک توغن
نتی بر تان سای اکن مسمفیکن
بهوا سودازا یغ مغهالشن!

فروفیسر: افکه سورغ دقتور
مستی ملیدیقکی لبه دهولو افیل
سورغ ساکیه داغ بر اوبه کفدان.
مرید: اوروسن کاواغتن.

استری: ترغکن کفد اکو
افکه اوسها یغ ساعه بسر فرنه
مندغر ایت صحابتن تادی
لالو میمفین کلوار مسجد تروس



Jenaka Dari Timur dan Barat

Oleh Awang Benjol

Seorang yang sangat-sangat mengambil berat hendak mendirikan masjid, telah berusaha sampai seorang mewakafkan sekeping tanah kerana rancangan itu, tetapi orang ini menolak. Pada suatu hari kedua-duanya berjumpa di dalam sebuah masjid. Orang yang berusaha itu nampaknya berkeadaan susah dan sebab itu sahabatnya itu bertanya: "Apa yang saudara susahkan? , , .

Yang berikhtiar itu menjawab: "Saya susah hati hendak menyampaikan kepada Tuhan bahawa saya tidak dapat membuat kebajikan kerana mendirikan masjid sebab tuan tidak hendak berwakaf – dengan itu jika Tuhan nanti bertanya saya akan menyampaikan bahawa saudara yang menghalangnya!

Mendengar itu sahabatnya tadi lalu mempinnya keluar masjid terus

mewakafkan tanahnya kerana mendirikan masjid.

* * *
Doktor: Hari ini penyakit tuan bertambah berat. Saya telah nyatakan kepada tuan bahawa tuan mesti melapangkan fikiran dan hati – jangan banyak fikir!

Orang sakit: Bukan setiap bulan tetapi tiap-tiap minggu bila tuan berturut-turut datang – apa tidakkah yang demikian ini tidak saya fikirkan?!

* * *
Profesor: Apakah seorang doktor mesti selidiki lebih dahulu apabila seorang sakit datang berubat kepadanya.

Murid: Urusan keuangannya

* * *
Isteri: Terangkan kepada aku apakah usaha yang sangat besar pernah

engkau kerjakan dan usahakan selama hidup engkau?

Suami: Melepaskan engkau daripada janda!

* * *
Orang sakit: Tuan doktor – sekarang apa yang boleh saya makan?

Doktor: Semuanya boleh awak makan dikecualikan upah saya .

* * *
Ahmad masuk ke dalam sebuah kedai sahabatnya yang menjual buku-buku cerita dan lain-lainnya. Kebetulan pula pada masa itu banyak pembeli-pembeli ada di kedai itu.

Apabila tuan kedai itu ternampak Ahmad, iapun merapatinya, serta bertanya, "Buku apakah yang tuan hajati?"

"Saya mahu "Tuan Jangan Mengganggu Saya" jawab Ahmad.

Tuan kedai itu terkejut mendengar jawapan Ahmad, lalu berkata lagi?

"Saya tidak sekali-kali berniat mengganggu tuan. Saya hanya bertanya buku apa yang tuan mahu?"

Ahmad pun berasa hairan juga atas jawapan tuan kedai itu. Ia



بركات، "بوكنكه ساي تله سوتكن تادي يغ ساي ماهو" تون جاغن مڠكڠو ساي."

ترباهق ۲ اوله سبب ساليه فهم

* * *

كودا دان كلدي

"مان كاو تاهو؟" تان كودا.
"سبب اكو تاهو يغ كودا-كودا ايت تاوبرباوا." كلق سي كلدي.

* * *

"كالو بگيتو تون كهندقمكي سفاي ساي ماسوقمكي "افي" كدالم مقاله ۲ يغ ساي تولىس؟" كات شورغ ورتاون كقد كتوا جباتن فغارغن.
"تيدق!" جواب كتوان "تتافي سباليكن- يعني ماسوقمكي مقاله ۲ اوق ايت كدالم افي"

* * *

كورو برتان كقد مريد: "حسن افكه جالن يغ كيت بوله هيدوف امان دان دامى ديغافورا؟"

حسن شورغ يغ تيفكرد كمباغن منجواب: "جالن لافغ" جالن سغ دان جالن سنتوس دكمباغن "چيڠكو"

* * *

شورغ باف هندق مندوكت كفيستاران انفن: "برافكه عمور اڠكو سكارغ؟" امغه تاهون-باف" جواب انفن.

"بيلاكه فول عمور اڠكوجادي ليم تاهون؟" تان بفان لاكي "فد لاءين هاري جادي ماي-باف" تگس انفن

شكور كودا دان كلدي تله برتغكر يغ همفير ۲ مياوا كقد فر كلاهين فونجان اباله كودا ايت بركات: "هي كلدي اكو راس سايغ سبب نام اڠكو ايت تيدق بوله دمبه ساتو اليف فون داتاران!"

"كداف؟" تان سي كلدي.

"نتتي اڠكو مياغ" كات كودا.

"سبين!"

"كالو دتاروه اليف داتاران اڠكو جادي كلادي" كلق سي كودا-سي كلدي فون ترديم سجورس. كمدبن اي فون دافه سوات فيكران لالو بركات:

"هي كودا اكو فون كسيهن كقد كاو اكو تاماهو سبوة نام مو دوا كالي؟"

"كداف؟" تان سي كودا.

"نتتي كاوماتي" جواب كلدي.

كالي اين تون كدي ايت نمفمن تايك رادغ سديكيه لالو بركات: "چيء احمد! اوق جاغن هندق ممواڠكن ماس ساي، سبب بايق فمبلي ۲ يغ لاءين يغ ساي هندق لايكن. كڠكو تاڠكڠو ايت ساي فون فصل، سبب ساي فون كدي كواچفن ساي برتان كقد سياف جوكت يغ ماسوق كلدي اين ايت فصل ساي برتان كقد اوق."

"ايه! ايه! نمفمن اوق اين مارهكن ساي." اف سبين جواب احمد "ساي هان هندق ممبلي بوكو يغ برنام "تون جاغن مڠكڠو ساي."

مندغر جوافن اين، تون كدي ايت فون ترناوا سرت بركات، "متتا معاف تون، سبب تادي ساي ساليه سفا. ساي ترلوف يغ ساي اد منجوال بوكو "تون جاغن مڠكڠو ساي."

ستله ايت كدوا ۲ فون ترناوا



berkata, “Bukankah saya telah sebutkan tadi yang saya mahu “Tuan Jangan Mengganggu Saya”

Kali ini tuan kedai itu nampaknya naik radang sedikit lalu berkata: “Cik Ahmad! Awak jangan hendak membuang masa saya, sebab banyak pembeli-pembeli yang lain yang saya hendak layankan. Ganggu tak ganggu itu saya punya fasal, sebab saya punya kedai kewajipan saya bertanya kepada siapa juga yang masuk ke kedai ini. Itu fasal saya bertanya kepada awak.”

“Eh! Eh! Nampaknya awak ini memarahkan saya. “Apa sebabnya jawab Ahmad” “Saya hanya hendak membeli buku yang bernama “Tuan Jangan Mengganggu Saya”.

Mendengar jawapan ini, tuan kedai itu pun tertawa serta berkata, “Minta maaf tuan, sebab tadi saya salah sangka. Saya terlupa yang saya ada menjual buku “Tuan Jangan Mengganggu Saya”.

Setelah itu kedua-duanya pun tertawa

terbahak-bahak oleh sebab salah faham.

* * *

Kuda dan Keldai

Seekor kuda dan keldai telah bertengkar yang hampir-hampir membawa kepada perkelahian puncanya ialah kuda itu berkata: “Hai keldai. Aku rasa sayang sebab nama engkau itu tidak boleh ditambah satu alif pun di antaranya!

“Kenapa?” tanya si keldai.

“Nanti engkau miang” kata kuda.

“Sebabnya?,,

“Kalau ditaruh alif di antaranya engkau jadi keladi”. Gelak si kuda. Si keldai pun terdiam sejeurus kemudian ia pun dapat suatu fikiran lalu berkata:

“Hai kuda. Akupun kasihan

kepada kau. Aku tak mahu sebut nama mu dua kali?

“Kenapa?” tanya si kuda.

“Nanti kau mati” jawab si keldai.

“Mana kau tahu?” tanya kuda.

“Sebab aku tahu yang kuda-kuda itu tak bernyawa”. Gelak si keldai.

* * *

“Kalau begitu tuan kehendaki supaya saya memasuki “api” ke dalam makalah-makalah yang saya tulis?” kata seorang wartawan kepada ketua jabatan pengarangnya.

“Tidak!” jawab ketuanya “Tetapi sebaliknya – yakni memasukkan makalah-makalah awak itu ke dalam api.”

* * *

Guru bertanya kepada murid: “Hasan, apakah jalan yang kita boleh hidup aman dan damai di Singapura?”

Hasan seorang yang tinggal di Kembangan menjawab: “Jalan Lapang” Jalan Senang dan Jalan Sentosa di Kembangan “cikgu”.

* * *

Seorang bapa hendak menduga kepintaran anaknya: “Berapakah umur engkau sekarang?” Empat tahun – bapa” jawab anaknya.

“Bilakah pula umur engkau jadi lima tahun?” tanya bapanya lagi. “Pada lain hari jadi saya – bapa.”

Tegas anaknya”



فألوغ سلخ بوده بتول کاو
این بنا! چوب لیله اورغیغ فندی
بر بهاس اڠگریس ایت کناف
تیدق سفرت یغ کاو کناکن!.. کات
فألوغ فد استرین .

"انق اورغ بسندر فون
تا بره ایسن ماسوق کسکوله
اورغفوتیه. اینکن فول انق کیت
اورغکمفوغ تاکن دتربعا.. کات
مأمینه یغرففاروه دغن فیکران
(کونو)

"کاو بلوم تاهو دنیا سکارغ
تیدق بریدئا داتارا انق ۲ راج
دغن انق ۲ اورغ بیاس. انتارا
انق بندر دان انق دیسا. سکارغ
اورغ تیدق فندغ انق یغ تورن دري
استان بسر - سیاف فندی. سیاف
براهسا ایتوله داو تمانکن. دیاله
یغ دافه هیدوف سغ کاجی بسر.
مغرتی!" کات فألوغ دغن برسماغه
"عا! عا! فألوغ این کیلان کاجی
بسر سهاج نمفغن، مدغنن کر-
سندیری تر بنگالی. بیسوق هندق
ماکن اف برس تادواغ فون تاد...
کات مأمینه .

"ددهله اکو تاماهو دغر لاکتی..
کات فألوغ کران استرین منیاکن
مکانن تاد. تأسد ف بنر تلینگان
مندغر. لالو بگیه سمبغ عشاء. دار
مأمینه ماسوق کسکوله لیله الف سدغ
تیدور دغن لیقن دغن سبواه بوکو
ترفکغ دتاغنن .

تمة

ایت دافه ففالمن تیغکی دان
بر کاجی بسر .

سدغ فألوغ دودق بریحه .
ملفکن للهن فد سیاغ هاری

ایت. چیئا ۲ هندق مفهتر انقن
کسکوله اڠگریس سماکین قوآه

تکانتن "انق کیت. الف نیتکو
نتتی تاهون هدا فن هندق

ماسوقکن کسکوله اڠگریس. بیلا
ای بسر کلنق تننو فندی جاکف

اورغفوتیه. دافه کاجی بسر دان
کیت بوله هیدوف سغ تیدق سفرت

سکارغ این .. - کات فألوغ فد
استرین .

اف؟ فألوغ هندق هتتر کسکوله
اورغفوتیه. تا او سهله! یار فندی

ملا یو فون جادیله . بیلا فندی
اورغفوتیه تننو هندق میکووه فول

کر قلا کون. دان نتتی اکمان فون
دبواغ. دان جاوه دري کبا یکنن

اخلاق. له بایک کیت سرهکن
سهاج سکوله اکام. کیت سده تواء

تالام لاکتی اکن کقبور. بلوم تاهوای
دافه ممبالس جاس کیت دان کالو

سده لولس دغن ففاجران اکمان تننو
دافه ای ممفین اومتن دان

منجاک کجر ماتن اکمان سفای
جاشن دچا بول اوله یغسا دان اکام

لامین. سب کبا یکنن اورغ ۲ یغ
تاهو حال احوال اکام یغ سبترن

سکوف مغربانکن پاوا کران
اکمان. بلوم هابیس مأمینه برکات

* چریشا فندیق *

دوا فهامن

اوله: عطمی کلنتن

"الغ! الغ!! فرکی فغکیل
ایهو ماکن ناسی هاری سده مالم..

کات ایوون ددافور سمیل مباحین
مکانن فد مالم ایت . "بایکله مق..

جواب الف سمیل ملتکن بوکون
کاتس میجا تروس فرکی مگکیل

ایهن یغ دري تادی دودق برورد
(برتسییح) داتس تیکر سمبغین .

"ایه! ایه!! جمفوه ماکن
ناسی ..

بایکله جواب ایهن .

الغ. بهارو برعمور سفوله
تاهون. سدغ برسکوله ملا یو درجه

نیک. ای انق بوغسو فألوغ. ایهن
یغلا بن سمان سده بسر دان سده

برومهتک. چیئا ۲ فألوغ نتتی
تاهون هدا فن اکن ماسوقکن

الغ کسکوله اڠگریس . بیلا بسر
کلنق تننو دافه کاجی بسر هیدوف

میوا. فألوغ بهارو اتصاف اکن
مسحقن فلأجران فد زمان این.

ای ساعة مسبل انق ۲. یغلا بن
سمان بوت حروف هان دسوره

منجاک لمبو سهاج فألوغ تاماهو
انق بوغسون میکووه جیحق یغ ۲
ایت. ای بره ارف سفای انقن

* Cerita Pendek

Dua Fahaman

Oleh: Atmi Kelantan

“Alang! Alang!! Pergi panggil ayahmu makan nasi hari sudah malam”

kata ibu di dapur sambil menyajikan makanan pada malam itu. “Baiklah mak” jawab Alang sambil meletakkan bukunya ke atas meja terus pergi memanggil ayahnya yang dari tadi duduk berwirid (bertasbih) di atas tikar sembahyangnya.

“Ayah! Ayah!! Jemput makan nasi”

Baiklah jawab ayahnya.

Alang baharu berumur sepuluh tahun, sedang bersekolah Melayu darjah tiga, ia anak bongsu Pak Long, abangnya yang lain semuanya sudah besar dan sudah berumahtangga. Cita-cita Pak Long nanti tahun hadapan akan memasukkan

Alang ke sekolah Inggeris. Bila besar kelak tentu dapat gaji besar hidup mewah, Pak Long baharu insaf akan mustahaknya pelajaran pada zaman ini.

Ia sangat menyesal anak-anak yang lain semuanya buta huruf hanya disuruh menjaga lembu sahaja Pak Long tak mahu anak bongsunya mengikut jejak abang-abangnya itu. Ia berharap supaya anaknya

itu dapat pengalaman tinggi dan bergaji besar.

Sedang Pak Long duduk berehat, melepaskan lelahnya pada siang hari itu, cita-cita hendak menghantar anaknya ke sekolah Inggeris semakin kuat tekannya “Anak kita, Alang niatku nanti tahun hadapan hendak masukkan ke sekolah Inggeris, bila ia besar kelak tentu pandai cakap orang putih, dapat gaji besar dan kita boleh hidup senang tidak seperti sekarang ini” – kata Pak Long pada isterinya.

Apa? Pak Long hendak hantar ke sekolah orang putih, tak usahlah! Biar pandai Melayu pun jadilah. Bila pandai orang putih tentu hendak mengikut pula gerak lakunya, dan nanti agamanya pun dibuang, dan jauh dari kebaikan akhlak. Lebih baik kita serahkan sahaja sekolah agama, kita sudah tua, tak lama lagi akan ke kubur, belum tahu ia dapat membalas jasa kita dan kalau sudah lulus dengan pengajaran agamanya tentu dapat ia memimpin umatnya dan menjaga kehormatan agamanya sampai jangan dicabul oleh bangsa dan agama lain, sebab kebanyakan orang-orang yang tahu hal ehwal agama yang sebenarnya sanggup mengorbankan nyawa kerana agamanya.” Belum habis Mak Minah berkata

Pak Long selang bodoh betul kau ini ya! Cuba lihat orang yang pandai berbahasa Inggeris itu kenapa tidak seperti yang engkau katakan!., kata Pak Long pada isterinya.

“Anak orang bandar pun tak berhabisan masuk ke sekolah orang putih. Inikan pula anak kita orang kampung takkan diterima”. Kata Mak Minah yang berpengaruh dengan fikiran (kuno).

“Kau belum tahu dunia sekarang tidak berbeza di antara anak-anak raja dengan anak-anak orang biasa, sekarang orang tidak pandang anak yang turun dari istana besar – siapa pandai, siapa berusaha itulah diutamakan, dialah yang dapat hidup senang gaji besar. Mengerti! Kata Pak Long dengan bersemangat “Aa! Aa!! Pak Long ini gilakan gaji besar sahaja nampaknya, sedangkan kerja sendiri terbelengkalai, besok hendak makan apa beras tak ada wang pun tak ada” – kata Mak Minah.


“Sudahlah aku tak mahu dengar lagi” Kata Pak Long kerana isterinya menanyakan makanan tak ada, tak sedap benar telinga mendengar, lalu bangkit sembahyang Isyak, dan Mak Minah masuk ke bilik melihat Alang sedang tidur dengan lenyapnya dengan sebuah buku terpegang di tangannya.

Tamat



Hang Tuah

Digambarkan oleh
Abdul Rahman



Batin Singapura pergi ke kedai Hang Tuah hendak mencari Hang Tuah.

Hai bapa di manakah saudara hamba Hang Tuah tidak kelihatan?

Dia pergi ke bukit ada sedikit pekerjaan.



..... Kemudian Batin Singapura pergi ke kampung Bendahara



Bendahara telah lama menunggu kedatangan Batin Singapura kerana keduanya akan pergi mengadap Raja, memberitarkan maksud orang Siantan dan orang Jemaja yang hendak merompak ke Palembang

Mari lah kita mengadap Baginda!

Hamba terlambat sedikit kerana hamba bercakap-cakap dengan Hang Mahmud.



Keduanya pergi mengadap Baginda. Setelah sampai di balairong, Raja telah berangkat keluar.

Mari lah Memanda Bendahara. Apakah khabar?



Ampan Tuanku Shah Alam! Patik mendengar khabar dari Batin Singapura ini, ada kelengkapan musuh dari Jemaja dan Siantan hendak merompak ke Palembang, dan pacai Tuanku bertemu dengan lima budak-budak di pulau sodang berperang dengan musuh, tetapi ketika dilihat Penghulu datang dengan tujuh buah dendang dari Singapura musuh pun lari ke laut. Sekarang apa-apa titah perintah Tuanku patik junjung dan patik sekalian kerjakan.



Jika demikian segeralah kerahkan pegawai yang muda-muda suruh ke Palembang mengetuair perahu musuh yang dua puluh itu.

Daulat Tuanku, apa-apa titah patik junjung.



Keesokan harinya Bendahara menyuruh panggil Hang Mahmud menanyakan Hang Tuah, tetapi Hang Tuah masa itu sedang pergi mencari kayu ke bukit.

Hai saudraku Mahmud jika Hang Tuah telah kembali bawalah ia ke mari, kita hendak mendengar khabar dia berperang dengan perompak itu!

Baiklah Datuk



Apa pekerjaan Datuk Bendahara panggil tadi?

Bendahara menyuruh bawa Hang Tuah mengadap.



مجلسرڪانف

دغن راجين دان صبر
 اتنوء منجادي فند بکر
 تر هادف اکام بغسا یغ بدر
 دري: سي . کيه . عبدالرحمن
 مدرسه نورالاتفاق .
 کوالا بسوة، ترنگکانو .

* * *

راجين دان اوسها

تيف ۲ فکرجان یغ کيت بواة
 هندقله بردارکن "راجين دان
 اوسها" سرت "برصبر هاتي" منغفوه
 کسوکران یغ کيت هادفي، جاغن
 مغلوه، فوتس اسا، همفا . تمغوه هيله
 دغن سماغه دان عزم، هفک ترچافي
 کجيان یغ ککل .

تمن ۲ کو، تانمله سماغه بلاجر
 برسکوه ۲ منتوه علم، دان "راجين
 اوسها" سلاکي اد حياة کيت، سرت
 چورهنکن تناک کيت کفد بغسا، اتنوء
 منجافي چيتا ۲ دان کماجوان
 یغد کهندفکي .

جاغئله موده فوتس اسا دان
 جموکران تيدق برچاي، مدهمداهن
 دغن برکته دان تولى اخلاص
 سرت "راجين اوسها" کيت ترچافيله
 کهندق ۲ دري یغ مليا دان تيغکي،
 دان کهندق ۲ تانهاير اتنوء
 کمرديکآن یغ ککل دان سجاتي .

دري: ايس . نورما
 عيم . بي . ايس . کلغ
 سلاغور .

ماجوله کامو کباريسن فهلاون
 نگارا مو سدغ منتتي

ممتا فمبيلان دان فمبلان
 برچواغله دسکف لافغن
 چورهکنله سکل چيوا
 اتنوء منگفکن کدولاتن نگارا
 يا کيران کامو تيواس
 جاس مو تفف دکغ
 اوله بغسا - تانه اير .

سلما دنيا ماسيه ترکمبغ لواس
 اوله: يس مواز .

* * *

..سکولھکو"

دققي فتي سان

تردبري سيواہ باغونن سدرهان
 براتف کنتيغ توا
 بردينديغ فافن لام
 اوه، ايتوله سکولھکو
 سکوله رعيه

اوله رعيه
 بيار فون سکولھکو اين
 بوروق تا برسري

تتافي دسين
 تمغه کو بلاجر

اوه ملايا کو

اوه ملايا یغکوچتا
 تانه مو سو بر کاي معمور
 لاهوتن موفنوه دغن متيارا، لوکم
 دهولو کاو دجابه ...
 رعيه سکلين مندريتا ...
 کونن دي اکن ميبيلان
 تتافي دياله فروسق
 ملايا هيدوف سمولا
 رعيه سکلين کمبيرا
 ديبالکين

رعيه دبوته دغن تباد برساله
 سگرا، جغه برتندق
 يلا، فلههاراله دي
 اتنوء منجامين کعاديلن
 یغ ککل اتنوء سلملمان .

دري:

احمد رفاعي عبدالله
 مراتع العلوم الدينيه
 کلغ

* * *

(برچواغله)

واهي فمودا فمودي

Majlis Kanak-kanak

Majlis Kanak-kanak

Oh Melayuku
 Oh Malaya yang ku cinta
 Tanahmu subur kaya makmur
 Lautanmu penuh dengan mutiara, logam
 Dahulu kau dijajah . . .
 Rakyat sekalian menderita . . .
 Konon dia akan membelanya
 Tetapi dialah perosak
 Malaya hidup semula
 Rakyat sekalian gembira
 Di sebaliknya
 Rakyat dibunuh dengan tiada bersalah
 Segera cepat bertindak
 Bela, peliharalah dia
 Untuk menjamin keadilan
 Yang kekal untuk selama-lamanya.

Dari:

Ahmad Rifai Abdullah
 Marta' al-'Ulūm al-Dīniyyah

* * *

(berjuanglah)

Wahai pemuda pemudi

Majulah kamu ke barisan pahlawan

Negaramu sedang menanti

Meminta pembelaan dan pembelaan

Berjuanglah di segenap lapangan

Curahkanlah segala jiwa

Untuk menegakkan kedaulatan negara

Ya kiranya kamu tewas

Jasamu tetap dikenang

Oleh bangsa – tanah air,

Selama dunia masih berkembang luas.

Oleh: Yus Muar

* * *

“Sekolahku”

Di tepi pantai sana

Terdiri sebuah bangunan sederhana

Beratap genting tua

Berdinding papan lama

Oh, itulah sekolahku

Sekolah rakyat

Oleh rakyat

Klang. Biarpun sekolahku ini

Buruk tak berseri

Tetapi di sini

Tempatku belajar

Dengan rajin dan sabar

Untuk menjadi pendekar

Terhadap agama bangsa yang sedar.

Dari: C.K Abdul Rahman

Madrasah Nūr al-Itifāq,

Kuala Besut, Terengganu.

* * *

Rajin dan Usaha

Tiap-tiap pekerjaan yang kita buat

hendaklah berdasarkan “rajin dan

usaha” serta “bersabar hati” menempuh

kesukaran yang kita hadapi, jangan

mengeluh, putus asa, hampa. Tempuhilah

dengan semangat dan azam, hingga tercapai

kejayaan yang kekal.

Temam-temanku, tanamlah semangat belajar

bersungguh-sungguh menuntut ilmu, dan “rajin

usaha” selagi ada hayat kita, serta

curahkan tenaga kita kepada bangsa, untuk

mencapai cita-cita dan kemajuan

yang dikehendaki.

Janganlah mudah putus asa dan

jemu kerana tidak berjaya, mudah-mudahan

dengan berkat dan tulus ikhlas

serta “rajin usaha” kita tercapailah

kehendak-kehendak diri yang mulia dan tinggi,

dan kehendak-kehendak tanah air untuk

kemerdekaan yang kekal dan sejati.

Dari: S. Norma

M.B.S. Klang

Selangor.

وقت

وقت ايت اباله سوات هرت
 كفو بان كيت سفرت هرت لاءين ۲
 چوكت. بهكن ترليه مهل درفد
 هرت ۲ بغ لاءين. كران هرت
 بغلاءين ايت بوكنن سهاكين درفد
 عمور هردوف كيت دان جكالو هيلغ
 هاروس اكن دافه كمالي. تنافي
 وقت ايت جت هيلغ تباداله بوله
 دافه كمالي. سفاتو تباله كيت
 منجاك اكدي دغن سرجو كفن
 جاغن كهسلاغن دغن سيات.
 اوليه سبب ايت كونا كنه وقت ايت
 دغن سجرمه ۲

وقت بغ كورغ، فتوهيله دغن

سكل فكر جان بغ بابت دان

برفانده

فغانه عرب اد مفتاكن
 (مقصودن) وقت ايت مقام فدغ -
 چك كالمو تيدق مومتغن، مك دياله
 يگانن مومتغ كامو
 جاغنده كيت بر بواغ وقت دغن
 تيدق ميمواته سوات فكر جان كران
 "وقت ايت اباله امس" جادي
 جك دبواغ ۲ وقت ايت بر معنا كيت
 نله ممواغ امس! سدغ امس ايت
 ادله بارغ بر هرگك دان سوكر
 مندافتن

دري: محضر بن محمد
 عبدالله ركول كواتن، فهغ.

ايمان

هاتي اورغ ۲ بغ برايمان ايت
 تنف دان منع كران اي سلالو
 مغيغاتي الله فد وقت دتبعغا كمالغن
 اتو كسوسامن. اي ايغه كغد الله
 دان لكس انصاف دان مرفسا اكن
 كخيلافتن، سفاي دافه داو بهن فد
 ماس يگانن دانغ، اوله سبب ايت
 هيلغ دو كچيتان بر كستي دغن كمسيرا
 دان مغازف اكن كرنا الله بكتيو
 چوكت كالو اي مندافه (نعمه) اي
 تيدق سومووغ مليكن مفوچتكن
 تر يما كاسيه كغد الله سبب ايتوله
 هاتي اورغ ۲ بغ برايمان ايت تنف
 دان منع، بابت فد وقت سوسه افلاكي
 فد وقت منع، كسناغن هاتي ايت
 اباله "بهگيا بغ سترن".

سبب ايتوله دالم اكام كيت
 (اسلام) دواجكن منككن سبهغ
 ليم وقت سهازي سالم، كران دالم
 سبهغ ايتوله كيت مغيغه الله دان
 مبرسهنن چيوا كيت. نبي مفتاكن
 "بهوا سبهغ ايت تمغه كسناغن
 چيوا دان كسناغن هاتي".

اورغ ۲ بغ مفرجاكن سبهغ
 ليم وقت ايت، سئوله ۳ تله مغيغه
 الله مالم دان سياغ، فاكي دان فتغ.
 ان شاء الله اكن تغله چيوان دان اكن
 منقله هاتين - دان دي اذاله اورغ
 بغ برايمان، اوله ايت فلاجر يله
 فر يحال اكام كيت سفاي كيت ستياس
 تر جمله درفد اورغ بشرايمان

اوله سالم بن قاسم
 بو كيه چينا دالم، ملاك



دما ۲ ددالم دنيا
 انق ۲ دوره بلاجر
 سفاي جاغن سده سر
 جادي بوت حروف
 داتس منجوچكن انق ۲
 عرب دوره بلاجر
 ميباج

Waktu

Waktu itu ialah suatu harta kepunyaan kita seperti harta lain-lain juga. Bahkan terlebih mahal daripada harta-harta yang lain, kerana harta yang lain itu bukannya sebahagian daripada umur hidup kita dan jikalau hilang harus akan dapat kembali. Tetapi waktu itu jika hilang tiadalah boleh dapat kembali. Sepatutnya kita menjaga akan dia dengan secukupnya jang kehilangan dengan sia-sia. Oleh sebab itu gunakanlah waktu itu dengan secermat-cermatnya.

Waktu yang kosong, penuhilah dengan

segala pekerjaan yang baik dan

berfaedah.

Pepatah Arab ada mengatakan (maksudnya) waktu itu umpama pedang – jika kamu tidak memotongnya, maka dialah yang akan memotong kamu.

Janganlah kita membuang waktu dengan tidak membuat sesuatu pekerjaan kerana “waktu itu ialah emas” jadi jika dibuang-buang waktu itu bermakna kita telah membuang emas! Sedang emas itu adalah barang berharga dan sukar mendapatnya.

Dari: Mahathir bin Muhammad
Abdullah School Kuantan, Pahang.

Iman

Hati orang-orang yang beriman itu tetap dan senang kerana ia selalu mengingat Allah pada waktu ditimpa kemalangan atau kesusahan. Ia ingat kepada Allah dan lekas insaf dan memeriksa akan kekhilafannya, supaya dapat diubah pada masa yang akan datang. Oleh sebab itu hilang dukacitanya berganti dengan gembira dan mengharap akan kurnia Allah. Begitu juga kalau ia mendapat (nikmat) ia tidak sombong melainkan mengucapkan terima kasih kepada Allah sebab itulah hati orang-orang yang beriman itu tetap dan senang, baik pada waktu susah apalagi pada waktu senang. Kesenangan hati itu ialah “bahagia yang sebenarnya”.

Sebab itulah dalam agama kita (Islam) diwajibkan menegakkan sembahyang lima waktu sehari semalam, kerana dalam sembahyang itulah kita mengingat Allah dan membersihkan jiwa kita. Nabi mengatakan “bahawa sembahyang itu tempat ketenangan jiwa dan kesenangan hati.

Orang-orang yang mengerjakan sembahyang lima waktu itu, seolah-olah telah mengingat Allah malam dan siang, pagi dan petang. In *shā-Allāh* akan tenanglah jiwanya dan akan senanglah hatinya – dan dia adalah orang yang beriman, oleh itu pelajarilah perihal agama kita supaya kita sentiasa terjumlah daripada orang yang beriman.

Oleh Salim bin Kasim

Bukit Cina Dalam, Melaka.



*Di mana-mana di dalam dunia
anak-anak disuruh belajar
supaya jangan sudah besar
jadi buta huruf.*

*Di atas menunjukkan anak-anak
Arab disuruh belajar
membaca.*

تانهارکت

اوله قانونيه

اتق ۲ -

سلوم سمفي کفد نيک فرکارا
 بغ ساي جنجکين ايت ماري کيت
 ليهه براف زامي اوومه اسلام دنبا
 اسيا سهاج. دباوه اين ساي ساليکن
 ايت ۲ ايت دغن هيتوشن کاسر
 يآيت :-

- (1) ترکي 20:500:000 اورغ
- (2) سعودي عربيه 6:000:000
- (3) ايران 17:000:000
- (4) فاکيستان 69:700:000
- (5) اندونسيا 70:000:000
- (6) لبنان 500:000
- (7) جردان 1:000:000
- (8) يمن 3:500:900
- (9) سيريا (شام) 3:000:000
- (10) عراق 4:000:000
- (11) عدن 500:000
- (12) عمان 500:000
- (13) افغانستان 11:000:000
- (14) انديا 40:000:000
- (15) برما 1:000:000
- (16) مواغ تآي (لايه)
- (17) فيلپينا 500:000
- (18) سمنجوڭ تانهلايو دان 1:000:000
- سيغافورا 3:000:000
- (19) سوبيه روسيا 13:000:000
- (20) چينا 40:500:000

ليهنله اتق ۲! بوکن ميکيه

(2) بنوا اسيا ساکي بغسا اسيا
 اباله بنوا بغ لام دالم سجاره دنبا،
 بنوا يفتله مغالهي بر باکي ۲ کادان.
 حال ايت بايق سکالي تر سوه دالم
 کتاب ۲ توادان کتاب ۲ اکام سکل
 بغسا. مدهکه کامو مندشر چريتا
 طوفن نبي الله نوح؟ چريتا اين
 اباله چريتا اکام بغ بايق سکالي
 مغناي بنوا اسيا. خبرن بهترا نبي
 الله نوح ايت ماميه اد لاکي بکسن
 دکمو نتق گونف اراره دسبله گونف
 هيمالايا. فنديقن بنوا اسيا فنوه
 دغن حال بغ فليق ۲ سفرت
 دچريتاکن اوله مر کوفولو سئورغ
 فغسبارا ايتالي يفتله سيغکه فد بيراف
 تمغه داتانهار کيت تاهون 1272
 فنديقن بنوا اسيا بنوا عجائب
 بنوا بغ فنوه دغن سجاره بهارو
 دان لام. بنوا بغ فنوه دغن خزانه
 دان ککيان دنبا. بنوا بغ فنوه دغن
 سکل ماچم مسئله ففهدوفن دان
 کيقين. بنوا بغ لالولو متا فرهايتن
 سلوره دنبا سبب دي منجادي
 فونجا کامان دان کمموزان دنبا
 سلورهن.

(3) اورغ ۲ اسيا اباله مغندوغي
 بر باکي ۲ بغسا دان بهاس. دالم
 نکري چينا سهاج اد براتوس ۲
 فواق بغسا لامين عاده فراتوران
 دان تر تر کسان. دمکين جوک
 دانديا. اد بر ماچم سوکو بغسا
 دان بهاس بغ ساعه بر لامين اتارا
 ساتو دغن لامين. تيدق اد حال
 سروف اين فد فندودق ۲ بنوا
 لامين. سکينه دهولو اتق ۲.

اوومه اسلام اتو سودارا ۲ کيت
 دنبا اسيا سهاج. بلوم لاکي ماروق
 بنوا افريکا، امريکا دان ايروفه.
 سکارغ ماري کيت فر ينجکن
 نيک سولن يفتله ساي سو تکن ايت :-
 (1) کيت کتورنن بغسا اسيا.
 جادي تتوله تله لام داتوه نينيق
 کيت مندودفکي بنوا اسيا اين
 دالم سجاره دنبا اد دسو تکن بهوا
 مانسي بغ مولا ۲ سکالي بر تمدن
 يعني فندي هيدوف بر نکري بمبوا
 ماچم ۲ بارغ دان تاجو بر باکي ۲
 علم ففتهووان اباله بغسا اسيا. بغسا
 بايلون (بکس ۲۲ بوله ددافتي
 دعراق). انديا زمان موهينجودارو
 دان نکري چينا تله مموپاي تمدن
 بغ تيغکي بر ييو ۲ تاهون سلوم
 لاهير نبي الله عيسي عليه السلام.
 فد مس ايت اورغ ۲ ايروفه ماميه
 تلنجغ دان هيدوف دالم گوا ۲
 باتو. دغن اين ترغله بهوا سغه
 درفد بغسا ۲ اسيا اباله بغسا يفترتوا
 دالم دنبا. سکل نبي ۲ دان رسول ۲
 همفير ۲ سموان اورغ اسيا. دمکين
 جوک اورغ بيچق فندي فد زمان
 دهولو بوله دکساکن سموان بغسا اسيا.
 بيراف کالي دنبا اسيا مغالهي
 جاتوه دان باغون. دان سکارغ اي
 تله مولاي باغون سمولا تر ماروق
 کامو اتق ۲ ملايو.

Tanah Air Kita

Oleh: Pak Utih

Anak-anak –

Sebelum sampai kepada tiga perkara yang saya janjikan itu mari kita lihat berapa ramai umat Islam di benua Asia sahaja. Di bawah ini saya salinkan angka-angka itu dengan hitungan kasar iaitu:-

(1) Turki	20,500,000 orang
(2) Saudi 'Arabīyyah	6,000,000 “
(3) Iran	17,000,000 “
(4) Pakistan	60,700,000 “
(5) Indonesia	70,000,000 “
(6) Lubnan	500,000 “
(7) Jordan	1,000,000 “
(8) Yaman	3,500,900 “
(9) Syria (Sham)	3,000,000 “
(10) Iraq	4,000,000 “
(11) Aden	500,000 “
(12) Oman	500,000 “
(13) Afghanistan	11,000,000 “
(14) India	40,000,000 “
(15) Burma	1,000,000 “
(16) Muang Thai	
(Siam)	500,000 “
(17) Filipina	1,000,000 “
(18) Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura	3,000,000 “
(19) Soviet Rusia	13,000,000 “
(20) China	40,500,000 “

Lihatlah anak-anak! Bukan sedikit

umat Islam atau saudara-saudara kita di benua Asia sahaja, belum lagi masuk benua Afrika, Amerika dan Eropah.

Sekarang mari kita perbincangkan tiga soalan yang telah saya sebutkan itu:-

(1) Kita keturunan bangsa Asia,

jadi tentulah telah lama datuk nenek

kita menduduki benua Asia ini.

Dalam sejarah dunia ada disebutkan bahawa manusia yang mula-mula sekali bertamadun yakni pandai hidup bernegeri, membuat

macam-macam barang dan tahu berbagai-bagai

ilmu pengetahuan ialah bangsa Asia. Bangsa

Babylon (bekas-bekasnya boleh didapati

di Iraq), India zaman Mohenjo Daro

dan negeri China telah mempunyai tamadun

yang tinggi beribu-ribu tahun sebelum

lahir Nabi Allah Isa *'alayhi al-salām*.

Pada masa itu orang-orang Eropah masih

telanjang dan hidup dalam gua-gua

batu. Dengan ini teranglah bahawa setengah

daripada bangsa-bangsa Asia ialah bangsa yang tua

dalam dunia. Segala nabi-nabi dan rasul-rasul

hampir-hampir semuanya orang Asia. Demikian

juga orang bijak pandai pada zaman

dahulu boleh dikatakan semuanya bangsa Asia.

Beberapa kali di benua Asia mengalami

jatuh dan bangun. Dan sekarang ia

telah mulai bangun semula termasuk

kamu anak-anak Melayu.

(2) Benua Asia sebagai bangsa Asia

ialah benua yang lama dalam sejarah dunia,

benua yang telah mengalami berbagai-bagai keadaan.

Hal itu banyak sekali tersebut dalam

kitab-kitab tua dan kitab-kitab agama segala

bangsa. Sudahkah kamu mendengar cerita

taufan Nabi Allah Nuh? Cerita ini

ialah cerita agama yang banyak sekali

mengenai benua Asia. Khabarnya bahtera Nabi

Allah Nuh itu masih ada lagi bekasnya

di kemuncak Gunung Ararat di sebelah Gunung

Himalaya. Pendeknya benua Asia penuh

dengan hal yang pelik-pelik seperti

diceritakan oleh Marco Polo seorang

pengembara Itali yang telah singgah pada beberapa

tempat di tanah air kita tahun 1292.

Pendeknya benua Asia ajaib.

Benua yang penuh dengan sejarah baru

dan lama, benua yang penuh dengan khazanah

dan kekayaan dunia, benua yang penuh dengan

segala macam masalah penghidupan dan

keyakinan, benua yang selalu meminta perhatian

seluruh dunia sebab dia menjadi

punca keamanan dan kemakmuran dunia

seluruhnya.

(3) Orang-orang Asia ialah mengandungi

berbagai-bagai bangsa dan bahasa. Dalam

negeri China sahaja ada beratus-ratus

puak bangsa lain adat peraturan

dan Tartar katanya. Demikian juga

di India. Ada bermacam-macam suku bangsa

dan bahasa yang sangat berlainan antara

satu dengan lain. Tidak ada hal

serupa ini pada penduduk-penduduk benua

lain. Sekian dahulu anak-anak.

فرهائتي دان چمله سفای کاموهیدوف بردهکيا

کات ففاته اورغ توا۲: نآاد بين باو دکالس

اورغ ايت اي تيدق برفوايهاتي .
 کاذان بدمکين اين سده
 تستو مپوسهکن دبرين تيدق
 برفعل۲ . اورغ مندافه کليهن
 اي تانسع فد حال اف کنا مغنا
 کليهن بغ ددافه اوله اورغ ايت
 کفدان؟


دغن بدمکين مک جائنله
 انق۲ مناروه دغکي تنسغ کليهن
 سئورغ درفد انق۲ سنديري
 سکيران بغ مندافه کليهن ايت
 راکن اتوصحابه انق۲ سفاتوتن انق۲
 منومغ برسو کجيت دان منجادیکن
 فدافتنن ايت تلادن کفدان .

اکدم بن صيفي برکات :
 "بارغشيف دغکي کفد مانسي
 برمعني اي مولاي مپوسهکن
 دبرين سنديري ."

انق۲ کو! افيل سئورغ تله
 ترانم فراسان دغکي کفد سئورغ
 لاءين : سعاد بغدغکين تنسغ
 کليهن اورغ ايت : ککيان اورغ
 ايت: کفنتازن اورغ ايت: دان
 سافسان مک تادافتياد اورغ بغ
 دغکي ايت تله مولا منانم فراسان
 بنجي اتس کليهن اورغ ايت .
 اي تيدق سنغ کفد اورغ ايت .
 اف جوا بغدغدنن ددافه اوله

انق۲ کو! ففاته بقرسجوه
 داتس اين ابالسه ساکي سوات
 تمفلق . بوله چوکک اي دغدغ
 سناکي سوات فرايغاتن .

دکناکن تمفلق مثالن بگسي :
 سئورغ بغ تيدق اد ممفوياتي
 تغکوغن اتو فون سوات ببانن بعني
 سوات بغ تيدق مستي دتفکوغ اتو
 دفيکول اوليهن مک اي لالو
 ميکول ببانن ايت فدحال تيدق اد
 نسوات فائده بقرسيه درفدان
 برمعني اي ميکول سوات فکر جان
 بغ بوکن فکر جانن - ايتوله
 کهندق "تيدق اد بين باتو دکالس"
 - اتو کات اورغ۲ کيت سکارغ
 تآاد کرج چازي کرج ."



۲۱۱۱ اي يفانه . دغ دغچرک درفد تيبک بواه کفلفرغ بشيرلا وه
 ديمافورا دالس . مپوه هاري کپهکونان بکندا کرين - کمبر
 دمايه هرويهن راي سيمافورا .

انق۲ تيدق مستي ممبواه سوات
 فکر جان بغ بوکن فکر جان انق۲
 - منجمفوري حال احوال اورغ
 لاءين بغ تيدق کنا مغنا دغن انق۲
 سبب کرفکالي بدمکين ايت اکن
 ممباوا کفاهن کفد انق۲ سنديري .
 جادي افاله کونان ممکول سوات
 ببانن بفلا بن ددالس انق۲
 تيدق بين اتو بوکن بارغ بغ
 مستي انق۲ فيکول .



Perhati dan camlah supaya kamu hidup berbahagia

Kata pepatah orang tua-tua: tak ada beban batu digalas

Anak-anakku! Pepatah yang tersebut di atas ini ialah sebagai suatu tempelak. Boleh juga ia dipandang sebagai suatu peringatan.

Dikatakan tempelak misalnya begini: seseorang yang tidak ada mempunyai tanggungan ataupun suatu beban yakni suatu yang tidak mesti ditanggung atau dipikul olehnya maka ia lalu memikul bebanan itu pada hal tidak ada suatu faedah yang terbit daripadanya bermakna ia memikul suatu pekerjaan yang bukan pekerjaannya – itulah kehendak “tidak ada beban batu digalas” – atau kata orang-orang kita sekarang tak ada kerja cari kerja”.

Anak-anak tidak mesti membuat suatu pekerjaan yang bukan pekerjaan anak-anak – mencampuri hal ehwal hal orang lain yang tidak kena mengena dengan anak-anak sebab kerap kali yang demikian itu akan membawa kepayahan kepada anak-anak sendiri. Jadi apakah gunanya memikul suatu bebanan yang lain di dalam masa anak-anak tidak beban atau bukan barang yang mesti anak-anak pikul.

Aktham ibn Şifî berkata: “Barang siapa dengki kepada manusia bermakna ia mulai menyusahkan dirinya sendiri”.

Anak-anakku! Apabila seorang telah tertanam perasaan dengki kepada seseorang lain; sama ada yang didengkinya tentang kelebihan orang itu; kekayaan orang itu; kepintaran orang itu; dan seumpamanya maka tak dapat tiada orang yang dengki itu telah mula menanam perasaan benci atas kelebihan orang itu. Ia tidak senang kepada orang itu. Apa jua yang dipandanginya didapat oleh

orang itu ia tidak berpuas hati. Keadaan yang demikian ini sudah tentu menyusahkan dirinya tidak *berfa' il-fa' il*. Orang mendapat kelebihan ia tak senang pada hal apa kena mengenai kelebihan yang didapat oleh orang itu kepadanya?

Dengan yang demikian maka janganlah anak-anak menaruh dengki tentang kelebihan seorang daripada anak-anak sendiri. Sekiranya yang mendapat kelebihan itu rakan atau sahabat anak-anak sepatutnya anak-anak menumpang bersukacita dan menjadikan pendapatannya itu teladan kepadanya.

* * *



Bunga-bunga api yang indah sedang dipancarkan daripada tiga buah kapal perang yang berlabuh di Singapura dalam masa menyambut Hari Kemahkotaan Baginda Queen – gambar

Pejabat Perhubungan Raya Singapura.

افدي اسلام

دالم فرته ۲ عبادات ايت ولو
سكاليفون اي تيدق منابه فد
عقل تنتغ فائده دان كبجكن
كران يقدمكن ايت فرته يغ
مستي دبواة.

دالم مجله كانق ۲ بياغن يگامفة تله دبتاكن كفد اتق ۲
تنتغ كدوغن اسلام دالم بهاكن اعتقاد: ايت بهاكن يغر تام
درفد كدوغن اسلام. سكارغ اتق ۲ اكن دباوا دالم بهاكنين
يغكدوا ايت تنتغ عبادات كفد الله .

كالو اتق ۲ فراهيتكن تنتغ
اين مك دسينله تيمبول فرسليسيهن
تنتغ مفاد ۲ كن بارغ يغ تيدق
دكرجاكن اوله نبي . اد اورغ
مغميل فهم سهاج تنافي تيدق ماهو
مغميل كتر اغن دان تيدق ماهو
مغور ك تنتغ مان سبنون حال ۲
يقتله تر جنادي ددالم فركارا
يغبر سليسهن فهم ايت .

عبادات كفد الله ايت اياه
سمرت سمبيغ . فواس . حج
دان لاين ۲۰۰ عبادت ايت اتق ۲ مستي
كتهوي اداله اي داجر كن اوله
رسول الله يغ ممباوا اكمام ايت .
چارا ۲۱ تيدق دغن كماهوان
سنديري . اي تيدق مفاد ۲ كن چارا
ايت دغن كهندن . سموان اداله
دنتجوقكن اوله الله كفدان

فركارا اين تيدق قايه دباوا
دسين - بلوم مسان باكي اتق ۲
مغتهوي فر بحثانن . جوم اتق ۲
مستي كتهوي بهوا جك ادتمباهن ۲
يغ دبواة اوله اورغ سدغ رسول الله
يغ ممباوا اكمام ايت تيدق ممواتن
بر معني مفاد ۲ كن بارغ يغ تباد
- بدعه . اوله ايت كالو اتق ۲ هندق
بالاجر دالم فركارا حكوم ۲ عبادات
مك هندقله دالماس بالاجر ايت
راجين ۲ بر تان كتر اغن - اف
كتر اغن درفد فرمان الله دان اف
كتر اغن درفد نبي سفاي جاغن اتق ۲
جادي اورغ ۲ يغ هان مفيكوه ۲
سهاج دبالا كغ اورغ دغن اتق ۲
تيدق مغتهوي ولو سديكيه فون
فونجان .

جادي اف ۲ سهاج يغ دلا كوكن .
يغداو چفكن دان يغ دبواة اوله
رسول الله ددالم عبادات ايت . ايتوله
سهاج يغ دشر كن كيت ممواتن
دغن تيدق بوله كيت منسه اتو
مغور اغن . اف ۲ جو ك يغ تيدق
اد دبواة اوله رسول الله . كيت بواة
دان كيت تيمبكن مولي ق كيت
بواة - مك يقدمكن ايت دنماكن
منسه - حكوم بدعه (مفاد ۲ كن
بارغ يغ تيدق سورة بواة اتو
مغور غكن بارغ يغ سورة بواة) .

امضان . افيل تله دفر تنهكن
اوله الله اورغ ۲ اسلام منونكن
سمبيغ ليم وقت (فرته كفد نبي
دالماس معراج) مك چارا سمبيغ
دان چارا وقتون ادله داجر كن
كفد نبي اوله جبريل عليه السلام .
(ملائكة جبريل اين اداله
سورهن الله - فرانتاران اتو
مفبكن فرته ۲ الله كفد رسول
كيت يغمليا) .

سكين سهاج اتق ۲ - دبالا كغ
نتتي اكن دباوا بهاكن يگكتي ك
قول .

السن باكي يقدمكن اين
اياله الله تله مفاكوتي بهوا فد
هاري اين (هاري سسه نبي
مفاد كن حج الوداع - حج اخر)
تله سمفرتاكن الله اكمام محمد
صلى الله عليه وسلم . جادي تيدق
اد سموات تمباهن بوله دبواة

دغن اين ترغ بهوا چارا
سمبيغ يغ كيت لاكو كن ايت بوكن
دبواة اتو داتور دري نبي تنافي
اداله اي درفد الله . دغن ايت اف
يغداجر كن اوله نبي ددالم فركارا

Apa Dia Islam

Dalam Majalah Kanak-kanak bilangan yang keempat telah dinyatakan kepada anak-anak tentang kandungan Islam dalam bahagian i'tiqad; iaitu bahagian yang pertama daripada kandungan Islam. Sekarang anak-anak akan dibawa dalam bahagiannya yang kedua iaitu tentang ibadat kepada Allah.

Ibadat kepada Allah itu ialah seperti sembahyang, puasa, haji dan lain-lainnya. Ibadat itu untuk anak-anak mesti ketahui adalah ia diajarkan oleh Rasulullah yang membawa agama itu. Cara-caranya tidak dengan kemahuannya sendiri. Ia tidak mengada-ngadakan cara itu dengan kehendaknya. Semuanya adalah ditunjukkan Allah kepadanya.

Umpamanya, apabila telah diperintahkan oleh Allah orang-orang Islam menunaikan sembahyang lima waktu (perintah kepada Nabi dalam masa mi'raj) maka cara sembahyang dan cara waktunya adalah diajarkan kepada Nabi oleh Jibril '*alayhi al-salām*. (malaikat Jibril ini adalah suruhan Allah – perantara untuk menyampaikan perintah-perintah Allah kepada Rasul kita yang mulia).

Dengan ini terang bahawa cara sembahyang yang kita lakukan itu bukannya dibuat atau diatur dari Nabi tetapi adalah ia daripada Allah. Dengan itu apa yang diajarkan oleh Nabi di dalam perkara

yang diwajibkannya hendaklah dibuat wajib dan di dalam perkara yang tidak wajib adalah ia sunat. Sunat ini kalau dibuat berpahala tetapi kalau tidak dibuat tidak berdosa.

Jadi apa-apa sahaja yang dilakukan, yang diucapkan dan yang dibuat oleh Rasulullah di dalam ibadat itu, itulah sahaja yang dibenarkan kita membuatnya dengan tidak boleh kita menambah atau menguranginya. Apa-apa juga yang tidak ada dibuat oleh Rasulullah, kita buat dan kita timbangkan molek kita buat – maka yang demikian itu dinamakan menambah – hukunya bid'ah (mengada-adakan barang yang tidak disuruh buat atau mengurangkan barang yang disuruh buat).

Alasan bagi yang demikian ini ialah Allah telah mengakui bahawa pada hari ini (hari sesudah Nabi mengadakan haji al-widā' – haji akhir) telah disempurnakan Allah agama Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Jadi tidak ada suatu tambahan boleh dibuat

di dalam perintah-perintah ibadat itu walau sekalipun ia tidak munasabah pada akal tentang faedah dan kebajikannya kerana yang demikian itu perintah yang mesti dibuat.

Kalau anak-anak perhatikan tentang ini maka di sinilah timbul perselisihan tentang mengada-adakan barang yang tidak dikerjakan oleh Nabi. Ada orang mengambil faham sahaja tetapi tidak mahu mengambil keterangan dan tidak mahu mengukur tentang mana sebenarnya hal-hal yang telah terjadi di dalam perkara yang berselisihan faham itu.

Perkara ini tidak payah dibawa di sini – belum masanya bagi anak-anak mengetahui perbahasannya. Cuma anak-anak mesti ketahui bahawa jika ada tambahan-tambahan yang dibuat oleh orang sedang Rasulullah yang membawa agama itu tidak membuatnya bermakna mengada-adakan barang yang tiada – bid'ah. Oleh itu kalau anak-anak hendak belajar dalam perkara hukum-hukum ibadat maka hendaklah dalam masa belajar itu rajin-rajin bertanya keterangannya – apa keterangannya daripada firman Allah dan apa keterangan daripada Nabi supaya jangan anak-anak jadi orang-orang yang hanya mengikut-mengikut sahaja di belakang orang dengan anak-anak tidak mengetahui walau sedikit pun puncunya.

Sejian sahaja anak-anak – di belakang nanti akan dibawa bahagian yang ketiga pula.

باتو ايت ملك اي بركات هي باتو
بهوا اكو كهوي اداله اشكو هان
مبواه باتو هيم سهاج - سكيران اكو
تيدق دفرنتهن منجيوم كامو نسجاي
اكو تيدق منجيوم تنافي اكو جيوم
اشكو كران منونيكن فرنته ايت
جوا .



اتق ۱۲. بايق فركارا يفتقر كندوغ
ددالم كجادين اين يغ مستحق باكي
اتق ۲. فراهاتيكن - سيدنا عمر
تيدق ماهو هاتين ملاكوكن
سسوات يهدفندغ اوله فرامانن
انتوء مغجراتني سسوات يغ تيدق
لبه درفد سوات بندا بياس - تنافي
كران اي سوات فرنته عبادات تننو
اي تيدق اكن انكار كندان ولو
اي تيدق دتريرما اوله عقل دان
فرامانن .

اي چوكف تاهو بهوا اف
يغدفرنتهن ايت مستي دبوآه -
تيدق بوله انكار - فرنته يغ تيدق
بوله دانكاراي ايت اياله فرنته درفد
الله دان فرنته درفد رسول الله
انتوء ملاكوكن عبادات كند الله .
فرنته ايت مناسبهكه فد عقل اتو
تيدق . تيدق بوله دفرسوالكن ، مستي
دايكوة سهاج .

اتق ۳. مستي ايغه بهوا توءشيخ
برچاكف اين هان فركارا سوروهن
دالم عبادات - جاغن اتق ۲
چمفوركن دالم فركارا لآين
سفرت كالمو دسوزره ايه ممبواه سسوات
اتق ۲. انكار - اين تيدق توءشيخ
مقصودكن - سكين دهولو .

منجاديكن مريك ماره: فراهاتي
اف يغ ساله كيت بوآه . جك سده
اتق ۲. كهوي دمان كسلاهن ايت
مكلاءين كالي جاغن اتق ۲. لاکوكن
لاكي .

انصاف كند كسلاهن ديرني
ايت . اداله بآيك ۲ فراغي دان
چارا باكي كيت ممبايككي ديرني
كيت . كالمو اتق ۲ توءشيخ لاکوكن
بكيسو توء شيخ فرجاي تننو اتق ۲
توء شيخ . اقبيل بسر ننتي منجادي
اورغ يغ بآيك فراغي دان
كلاكوانن - هالوس بوديهاس
دان تاهو اكن كسلاهن ديرني .
سوك مفر بآيككي كسلاهن ايت .

توء شيخ باوا لاکي ساتو چريتا
باكي مباليك كلاكوان سيدنا
عمر ابن الخطاب ايت . فد سوات
هاري سيدنا عمر مغرجاكن حج .
ساله ساتو درفد سوروهن ددالم
مغرجاكن حج ايت اياله كالمو دافه
منجوم باتو هيم (حجرالاسود) .
اقبيل سيدنا عمر هندق منجيوم

سكارغ توء شيخ برباليك كند
روايه ۲. بغداد دمكليسغ تمغه
فرمولان اسلام دمولاكن دهولو .
اتق ۲. تننو تله ممباج بكيمان سيدنا
عمر ابن الخطاب تله ترناوا
سنديري اقبيل اي مغغ فربواتنن
ممبواه فاتوغ ۲ كمدتنن فاتوغ ۲
درفد تفوغ دان كولا ۲ ايت دماكنن
سنديري .

فربواتن سيدنا عمر ايت .
اتق ۲. تننو مغرتي . اداله انتوء
مغناصافكن كيت مفاكوي كسلاهن
دان فربواتن كيت يغ بوده .
كيت مستي سوك مفاكوي كسلاهن
كيت سنديري سفاي دغنن دافه
ننتي كيت ممبولكن كسلاهن ايت .
كالمو اتق ۲ اورغ يغ دكبل - تيدق
ماهو مفاكوي كسلاهن ديرني
سنديري سده بارغ تننو اتق ۲
منجادي اورغ يغير تمبه ۲ ملاكوكن
كسلاهن . كسلاهن ايت كادغ ۲
نمفق اوله كيت سنديري دان
تركادغ كيت تيدق نمفق داتسن .
دغن ايت مستحق اورغ لآين
مننچوفكن كسلاهن بغداد اتس
ديري كيت سنديري .

اوله ايت . اتق ۲. هندقله بياسكن
ديري . جاغن ماره كالمو اورغ
منگور اتس كسلاهن كيت . ايو
اتو كاكق اتو ابق . اتو مق جيك
اتق ۲. كالمو دي ماره منگور
كسلاهن اتق ۲. جاغنله اتق ۲. ماره .
ديم دان منوغكن اف سبب يغ

Sekarang Tok Sheikh berbalik kepada riwayat-riwayat yang ada di sekeliling tempat permulaan Islam dimulakan dahulu. Anak-anak tentu telah membaca bagaimana Saiyidina Umar ibn al-Khaṭṭāb telah tertawa sendiri apabila ia mengenang perbuatannya membuat patung-patung kemudiannya patung-patung daripada tepung dan gula-gula itu dimakannya sendiri.

Perbuatan Saiyidina Umar itu, anak-anak tentu mengerti, adalah untuk menginsafkan kita mengakui kesalahan dan perbuatan kita yang bodoh. Kita mesti suka mengakui kesalahan kita sendiri supaya dengannya dapat nanti kita membetulkan kesalahan itu. Kalau anak-anak orang yang degil – tidak mahu mengakui kesalahan diri sendiri sudah barang tentu anak-anak menjadi orang yang bertambah-tambah melakukan kesalahan. Kesalahan itu kadang-kadang nampak oleh kita sendiri dan terkadang kita tidak nampak di atasnya, dengan itu mustahak orang lain menunjukkan kesalahan yang ada atas diri kita sendiri.

Oleh itu, anak-anak hendaklah biasakan diri, jangan marah kalau orang menegur atas kesalahan kita. Ibu atau kakak atau abang, atau mak cik anak-anak kalau dia marah menegur kesalahan anak-anak janganlah anak-anak marah. Diam dan menunggu apa sebab yang



menjadikan mereka marah; perhati apa yang salah kita buat. Jika sudah anak-anak ketahui di mana kesalahan itu maka lain kali jangan anak-anak lakukan lagi. Insaf kepada kesalahan diri itu, adalah sebaik-baik perangai dan cara bagi kita membaiki diri kita. Kalau anak-anak Tok Sheikh lakukan begitu Tok Sheikh percaya tentu anak-anak Tok Sheikh, apabila besar nanti menjadi orang yang baik perangai dan kelakuannya – halus budi bahasa dan tahu akan kesalahan diri, suka memperbaiki kesalahan itu.

Tok Sheikh bawa lagi satu cerita bagi sebalik kelakuan Saiyidina Umar ibn al-Khaṭṭāb itu. Pada suatu hari Saiyidina Umar mengerjakan haji. Salah satu daripada suruhan di dalam mengerjakan haji itu ialah kalau dapat mencium batu hitam (Hajar al-Aswad).

Apabila Saiyidina Umar hendak mencium

batu itu maka ia berkata hai batu bahawa aku ketahui adalah engkau hanya sebuah batu hitam sahaja. Sekiranya aku tidak diperintahkan mencium kamu nescaya aku tidak mencium tetapi aku cium engkau kerana menunaikan perintah itu jua.

Anak-anak! Banyak perkara yang terkandung di dalam kejadian ini yang mustahak bagi anak-anak perhatikan. Saiyidina Umar tidak mahu hatinya melakukan sesuatu yang dipandang oleh perasaannya untuk menghormati sesuatu yang tidak lebih daripada suatu benda biasa. Tetapi kerana ia suatu perintah ibadat tentu ia tidak akan ingkar kepadanya walau ia tidak diterima oleh akal dan perasaannya.

Ia cukup tahu bahawa apa yang diperintahkan itu mesti dibuat – tidak boleh ingkar. Perintah yang tidak boleh diingkari itu ialah perintah daripada Allah dan perintah daripada Rasulullah untuk melakukan ibadat kepada Allah. Perintah itu munasabahkah pada akal atau tidak, tidak boleh dipersoalkan mesti diikut sahaja.


Anak-anak mesti ingat bahawa Tok Sheikh bercakap ini hanya perkara suruhan dalam ibadat – jangan anak-anak campurkan dalam perkara lain seperti kalau disuruh ayah membuat sesuatu anak-anak ingkar – ini tidak Tok Sheikh maksudkan – sekian dahulu.

کالو اتق ۲ برتان کفد اورغ ۲
توا تتغ داؤن فوکو ۲ کابو ایت
دما ۲ تمغه ای برورن هیجو -
ورنان همفیر سام . تان کفد
مریک اف بولیهکه مریک مموات
دان منیرو فریواتن یغ دمکین؟

لاکسی ساتو اتق ۲! اتق ۲
کرفکالی بربرایغ ۲ دان سکتیک
اتق ۲ مغتوق . ددالم سکجف
ماس اتق ۲ ترتیدور . بولیهکه
اتق ۲ منتوکن لتق دانتارا تیدور
دان جاگت دالماس ایت؟ اتق ۲
تنتو بیلیغ تیدق بوله . بوکن؟
جوگت بولیهکه اتق ۲ مغاکو بهوا
اتق ۲ دالماس تیدور ایت مغتووی
حال احوال دسکللیغ اتق ۲؟

اتق ۲ تنتو جواب ساي تیدق تاهو
اف ۲ لاکسی کالو ساي مده تیدور
افلاکسی کالو تیدور ایت مده
لفف جادی این مننجوقسکن
ادان کواس یغلا ۲ این کفد دیری
اتق ۲ بوکن؟ این فرکارا تنتو اد
کواس یغ منجادیکن . بوکن؟ اتق ۲
ایشوله دی ککواران یغ منجادیکن
کیت بایت الله سبحانه و تعالی!

توهن میکان بهوا اورغ ۲
یغبرایمان ایت ایاله اورغ یغ
مفرجیای کفد یغ غائب - یغ تیدق
نحقق یغ مفویای کواس . کالو
اورغ ایت تیدق فرجای مک اورغ
ایت تیدق برایمان دان یرمیسفونله
مریک ددالم لیفکوغن ابلیس یغدلعته
(سموئذن فد مولک 17)



تله دترغکن کفد اتق ۲ سموان بهوا تیف ۲ اد کروسی تنتو
اد توکفن دان ادان مأنسی دمکین جوگت اد یغ منجادیکن
سبکیمان یغتله دیری رواش کفد اتق ۲ دالم بپراف کلوارن
یغللو . حال ایت اتق ۲ بوله بندیفکن کفد لاءین ۲ کجادین .
جوگت اتق ۲ تله مغتووی بهوا مأنسی دان بناتغ ایت جادی
درفد ایبو باف مریک . ایبو باف ایت درفد ایبو بغان فول .
کالو ستروسن بگیتو تنتوله تیدق برهنتین - دان اتق ۲ سده
دغر اصل ایبو باف کیت اد یغجدایکن توهن درفد تانه ایت .

جوگت کادان فوهن . فوهن
درفد بنیه . دان بنیه درفد فوهن
- کالو کیت تروسکن بگیتو تنتو اد
اولن - اولن سماد فوهن اتو فون
بنیه . دري مان داتغن بنیه اتو
فوهن ایت تنتوله درفد الله .

دمکین جوگت حالن دغن
بناتغ ۲ یغاصلن درفد تلور .
تلور اصلن امضمان درفد ایم (جک
تلور ایم) . ایم دري مان فول کالو
تیدق اد تلور؟ ایم . تلور: تلور
ایم دان کالو تروسن ۲ بگیتو تنتو
اد کسدهنتن - کسدهنتن ادکه
درفد تلور اتو فون ادکه درفد ایم
دان ساله ساتو دانتارا کدوان
تنتو اد یغ منجادیکن . منجادیکن
ایت ایاله الله سبحانه و تعالی .

تفافی اکوان ۲ ایت کاروة
سمان . ای منافیکن ککواران
یغاد دان یغ منجادیکن ایت .
اتق ۲! باکی اورغ ۲ یغ تیدق



Telah diterangkan kepada anak-anak semuanya bahawa tiap-tiap ada kerusi tentu ada tukangnyanya dan adanya manusia demikian juga ada yang menjadikannya sebagaimana yang telah diberi riwayatnya kepada anak-anak dalam beberapa keluaran yang lalu. Hal itu anak-anak boleh bandingkan kepada lain-lain kejadian. Juga anak-anak telah mengetahui bahawa manusia dan binatang itu jadi daripada ibu bapa mereka, ibu bapa itu daripada ibu bapanya pula. Kalau seterusnya begitu tentulah tidak berhentinya – dan anak-anak sesudah dengar asal ibu bapa kita ada yang dijadikan Tuhan daripada tanah itu.

Juga keadaan pohon. Pohon daripada benih, dan benih daripada pohon – kalau kita teruskan begitu tentu ada awalnya – awalnya sama ada pohon ataupun benih. Dari mana datangnya benih atau pohon itu tentulah daripada Allah.

Demikian juga halnya dengan binatang-binatang yang asalnya daripada telur. Telur asalnya umpamanya daripada ayam (jika telur ayam). Ayam dari mana pula kalau tidak ada telur? Ayam, telur; telur ayam dan kalau terus-terusan begitu tentu ada kesudahannya – kesudahannya adakah daripada telur ataupun adakah daripada ayam dan salah satu diantara keduanya tentu ada yang menjadikannya. Menjadikannya itu ialah Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*.

Anak-anak! Bagi orang-orang yang tidak

percaya kepada keterangan-keterangan al-Qur'an dan keterangan-keterangan Rasulullah – mereka tidak mahu terima keterangan al-Qur'an itu. Mereka tidak percaya. Mereka menafikan adanya Tuhan yang menjadikan dan yang mematikan, orang-orang komunis bilang tidak ada tuhan. Semuanya itu daripada kejadian semula jadi. Manusia ada akal boleh membuat segala-galanya – lihat buktinya kata mereka. Semuanya yang dahulunya dipandang mustahil sekarang telah ada. Kita boleh buat semuanya – tidak ada kekuasaan yang ada di belakangnya! Tetapi akuan-akuan itu karut semata. Ia menafikan kekuasaan yang ada yang menjadikan itu.

Kalau anak-anak bertanya kepada orang-orang tua tentang daun pokok-pokok kayu itu di mana-mana tempat ia berwarna hijau – warnanya hampir sama. Tanya kepada mereka apa bolehkah mereka membuat dan meniru perbuatan yang demikian?

Lagi satu anak-anak! Anak-anak kerap kali berbaring-barang dan seketika anak-anak mengantuk. Di dalam sekejap masa anak-anak tertidur. Bolehkah anak-anak menentukan letak di antara tidur dan jaga dalam masa itu? Anak-anak tentu bilang tidak boleh, bukan? Juga bolehkah anak-anak mengaku bahawa anak-anak dalam masa tidur itu mengetahui hal ehwal di sekeliling anak-anak? Anak-anak tentu jawab, saya tidak tahu apa-apa lagi kalau saya sudah tidur apa lagi kalau tidur itu sudah lelap. Jadi ini menunjukkan adanya kuasa yang lain kepada diri anak-anak bukan? Ini perkara tentu ada kuasa yang menjadikannya, bukan? Anak-anak, itulah dia kekuasaan yang menjadikan kita iaitu Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*!

Tuhan menyatakan bahawa orang-orang yang beriman itu ialah orang yang mempercayai kepada yang ghaib – yang tidak nampak yang mempunyai kuasa. Kalau orang itu tidak percaya maka orang itu tidak beriman dan terhimpunlah mereka di dalam lingkungan iblis yang dilaknat.

(sambungan pada muka 15)

چرتا ليم مديا

كودا تر بڠ

IV

لام سڠكوه "جوھن فرکاس" مھندف كودا تر بڠ ايت سھڠك همفيري
ھيلغ صبرن . ايڤون معميل كفوتسن ھندق باليك كنكرين دان ملاون
ناك ايت دغن تيدق مڠكو ناكڠن كودا . ايت تر فولغ كغد نصيب . فرتام
برجاي مڠالھكن لاونن ، اتوفون بناس دكالھكن اوله موهن بغير بھيا ايت .

(اوله ابڠ .. له ..)
كمفوغ ھلامن دان مندريتا كران
ھندق مڠكڠن ..

سڠ اي ميكر كن فركارا ايت
دغن سو كول روفان ، تيبا ۲ بوق
چرديق بڠ سڠ مئمانين تله
منجوقكن كڠدان بايغ ۲ داللم اير
سوشي بڠ جرنيه ايت . كبتولن
كدوان فد ماس ايت سڠ دوق
دتيغ سوشي ايت ، سبكيماں بياس .

جوھن فر كاس فون مئندڠ كآير
سوشي ، لالو دلپھتن بايغ ۲ ايت
ماكن ۲ شيكور بورغ بڠ سڠ تر بڠ
داودارا ، منكل كدوا بله سايفن بڠ
فوتيه ملفق ايت كليھاتن برسيري ۲
دغن اندھن دفانہ اوله مھاري .

دغن سوارا فر لاهن كدڠاران بوق
ايت بر كات : "سڠكوه سو كجيتان
ھاتي ساي ، بايغ ۲ بڠ ليپه اين
تيدقله لادين درفد بايغ ۲ كودا
تر بڠ بڠ ابڠ تله مڠبارا مئيشكلكن

سھاج كودا تر بڠ ايت سلسي درفد
رياضه تر سبوة بڠ ۲ ساعۃ دسوكاين
ايت ، لالو دي برديري فول سمولا .

"جوھن فر كاس" برسام ۲
بوق تمنن بڠ سڠ ليك مئندڠ
تلاته كودا تر بڠ ايت دري
چله ۲ سق تمفة مريك برسوبوي
سائتله تر تاريق ھاتي كدوان
مليپه مئنداغن بڠلوار بياس ايت .
جوھن فر كاس فون بر كات كغد
تمنن :

"سڠكوه انده كودا تر بڠ اين ،
سبئرن ساي تيدق فر نه مليپه
دسئنجع ۲ عمور ساي لبه انده
درفدان .."

سبايك ۲ سھاج جوھن فر كاس
تر فندڠ كودا تر بڠ ايت تكق
برديري مك دغن سرتسرت
ترايقتله دي بھوا سكيران دي
الفا نسجاي فلواغ بڠ كامان ايت
اكن ھيلغ دان تيدق اكن مندافتن
سكالي لائي ، سلملمان .

ايڤون سگرا ملورو دري تمفة
فر سموبينن ايت ، سفرت كيله بڠ
ميسبر كليھاتن جوھن فر كاس
ملومفة داتس كودا تر بڠ ايت لالو
مكڠغ بولو تڠكوقن دغن سقواة ۲ .
اكن كسودا ايتفول ، افكل
سھاج تر اس ديرين دتوڠكڠ اورغ ،
مك داتقله مارھن لالو منر كم دان
ملومفة ۲ كسان كماري دغن توجوان
ھندق منجاتو ھكن دان مڠھكن كڠلا
اورغ بڠ بكتيو براني مئوشكڠن .
سبئر كمدين كليھاتن كودا ايت

تر جڠع ۲ "جوھن فر كاس" كتيك
تر فندڠ بايغ ۲ كودا تر بڠ بڠ انده
ايت ، كتيك اي سڠ بر ليگر داودارا
بڠ تيدق او بھن سفرت شيكور
بوروغ مرفاتي كتيك ھندق تورن
كتانه .

سبايك ۲ سھاج كودا تر بڠ ايت
ججق كا كين دومي ، مك ايڤون
سگرا مرافه كئني سوشي لالو
مينوم دغن سفواس ۲ ، دري سيمو
دي تر وس فول مرا كوة رومفوة
سھڠك كيغ دان سبئر كمدين
كليھاتن دي برلاري دان
تر لومفة ۲ كسو كان .

سبئر كمدين فول كليھاتن دي
مغو نجوقن سايفن لالو بر كوليوق ۲
داتس رومفوة بڠ سڠ تر ھمفر
مڠججو دغن اندھن . سبايك ۲

Cerita Lima Minit

Kuda Terbang

IV

Lama sungguh “Johan Perkasa” menghendap kuda terbang itu sehingga hampir-hampir hilang sabarnya. Iapun mengambil keputusan hendak balik ke negerinya dan melawan naga itu dengan tidak menggunakan kuda. Itu terpulung kepada nasib, pertama berjaya mengalahkan lawannya, ataupun binasa dikalahkan oleh musuhnya yang berbahaya itu.

(Oleh Abang Lah)

Sedang ia memikirkan perkara itu dengan sugul rupanya, tiba-tiba budak cerdik yang sedang menemaninya telah menunjukkan kepadanya bayang-bayang di dalam air sungai yang jernih itu. Kebetulan keduanya pada masa itu sedang duduk di tebing sungai itu, sebagaimana biasa.

Johan Perkasa pun memandang ke air sungai, lalu dilihatnya bayang-bayang itu seakan-akan seekor burung yang sedang terbang di udara, manakala kedua belah sayapnya yang putih melepak itu kelihatan bersinar-sinar dengan indahnyanya dipanah oleh matahari.

Dengan suara perlahan kedengaran budak itu berkata: “Sungguh sukacitanya hati saya, bayang-bayang yang abang lihat ini tidaklah lain daripada bayang-bayang kuda terbang yang abang telah mengembara meninggalkan

kampung halaman dan menderita kerana hendak menangkapnya”.

Tercengang-cengang “Johan Perkasa” ketika terpancang bayang-bayang kuda terbang yang indah itu, ketika ia sedang berlegar di udara yang tidak ubahnya seperti seekor burung merpati ketika hendak turun ke tanah.

Sebaik-baik sahaja kuda terbang itu jejak kakinya ke bumi, maka iapun segera merapat ke tepi sungai lalu minum dengan sepuas-puasnya, dari situ dia terus pula meragut rumput sehingga kenyang dan sebentar kemudian kelihatan dia berlari dan terlompat-lompat kesukaan.

Sebentar kemudian pula kelihatan dia menguncupkan sayapnya lalu bergolek-golek di atas rumput yang sedang terhampar menghijau dengan indahnyanya. Sebaik-baik

sahaja kuda terbang itu selesai daripada riadah tersebut yang sangat-sangat disukainya itu, lalu dia berdiri pula semula.

“Johan Perkasa” bersama-sama budak temannya yang sedang leka memandang telah kuda terbang itu dari celah-celah semak tempat mereka bersembunyi sangatlah tertarik hati keduanya melihat pemandangan yang luar biasa itu. Johan Perkasa pun berkata kepada temannya:

“Sungguh indah kuda terbang ini, sebenarnya saya tidak pernah melihat di sepanjang-panjang umur saya lebih indah daripadanya”.

Sebaik-baik sahaja Johan Perkasa terpancang kuda terbang itu tegak berdiri maka dengan serta-merta teringatlah dia bahawa sekiranya dia alpa nescaya peluang yang keemasan itu akan hilang dan tidak akan mendapatnya sekali lagi, selama-lamanya.

Ia pun segera meluru dari tempat persembunyiannya itu, seperti kilat yang menyambar kelihatan Johan Perkasa melompat ke atas kuda terbang itu lalu menegang bulu tengkuiknya dengan sekuat-kuatnya.

Akan kuda itu pula, apakala sahaja terasa dirinya ditunggang orang, maka datanglah marahnya lalu menerkam dan melompat-lompat ke sana ke mari dengan tujuan hendak menjatuhkan dan memecahkan kepala orang yang begitu berani menunggangnya. Sebentar kemudian kelihatan kuda itu



سوات فنداغن يمانده ددالم بندر سيفافورا دالماس ميمبوة هاري كمهكونان
بگندا كوين ايليزابيث يفيكورا - كمير فجابة فرهبش راي سيفافورا

تريغ مغاون لالو تورن دغن
سرتورت - سمرت كيلة تورن
مفهمفسكن ديرين كبومي
كمدين برسگرا تريغ لاکي لالو
برماين توغكغ باليك داودازا
سمرت فربواتن كفلتر بغ زمان سكارغ
دغن ايت منجاديله كفلا جوهن
فرکاس منوغكغ كبواه دان ترده
كغد موت سيران کودا ايت تورن
كبومي دغن مفجوة فد كسيك ايت
تسافي "جوهن فرکاس" فيهلون
بغ کاکه براني. تيدق كستر كغد
فربواتن کودا تريغ ايت ماله دي
تله برسگرا مياوق كفلا کودا ايت
دغن تالي رس سفتي فسلك اورغتوان
بغ سدغ دفكغن. دان دغن سكليف
مات. كليها تن کودا تريغ بغ ليار
دان بيرغ ايت تله منجادي جينق
دان توندوق منورة فرنته فنوغكغن
مهاسوچي توهن! کودا تريغ
بغدمكين ليارن هان دغن سكليف
مات سهاج تله منجادي جينق دان
توندوق منورة فرنته. جوهن
فرکاس فون مندغ كغد کودا ايت
لالو دليهن سدغ مندغن دغن هيا
روفان. متان بغ بهارو تادي سئوله ۲
ميسبوركن افني کران مارهن تيبا ۳
سكارغ كليها تن برکنغ دغن برمات
بلس هاتي جوهن مليه کودا
بغد کاسيهي ايت لالود تفوق ۲ بلاکغن
دان داوروه تفوقن. بلس كسيهن
جوهن فرکاس. سسبرن تله
منجادين کودا تريغ ايت برتمه
کاسيه دان طاعة سيبا كغدان
(برسمبوغ)

عقيده اسلام
انق ۳. کالو الله ايت اد دغن اد
بغدهولو درفدان تنتوله الله ايت اد
بغ ممبوة - دبواة اوله الله بغ ممبوة
الله ايت. کالو سروسن بگيتو تنتو
تيدق اد برهنين - تنتو اد ذاة بغ
تيرق دبواة تسافي ممبوة. کران بغ
جوافن بگيتو باگوس دان بشر!
انق ۲ انتي تنتو هندق مغادکن
فرينديغن دان برتات - کالو الله
ايت اد تنتوله اد بغ ممبواتن
بکيمان جوک کادان بارغ ۲
تادي
انق ۳. کالو الله ايت اد دغن اد
بغدهولو درفدان تنتوله الله ايت اد
بغ ممبوة - دبواة اوله الله بغ ممبوة
الله ايت. کالو سروسن بگيتو تنتو
تيدق اد برهنين - تنتو اد ذاة بغ
تيرق دبواة تسافي ممبوة. کران بغ
جوافن بگيتو باگوس دان بشر!
انق ۲ انتي تنتو هندق مغادکن
فرينديغن دان برتات - کالو الله
ايت اد تنتوله اد بغ ممبواتن
بکيمان جوک کادان بارغ ۲
تادي


terbang mengawan lalu turun dengan
serta-merta – seperti kilat turun
menghempaskan dirinya ke bumi,
kemudian bersegera terbang lagi lalu
bermain tunggang balik di udara.
Seperti perbuatan kapal terbang zaman sekarang.
Dengan itu menjadilah kepala Johan
Perkasa menunggang ke bawah dan terdedah
kepada maut sekiranya kuda itu turun
ke bumi dengan mengejut pada ketika itu.

Tetapi “Johan Perkasa” pahlawan
yang gagah berani, tidak gentar kepada
perbuatan kuda terbang itu malah dia
telah bersegera menyauk kepala kuda itu
dengan tali rasa sakti pusaka orang tuanya
yang sedang dipegangnya, dan dengan sekejap
mata, kelihatan kuda terbang yang liar
dan berang itu telah menjadi jinak
dan tunduk menurut perintah penunggangnya.

Maha Suci Tuhan! Kuda terbang
yang demikian liamnya hanya dengan sekejap
mata sahaja telah menjadi jinak dan
tunduk menurut perintah. Johan
Perkasa pun memandang kepada kuda itu
lalu dilihatnya sedang memandangnya dengan hiba
rupanya. Matanya yang baharu tadi seolah-olah
menyemburkan api kerana marahnya tiba-tiba
sekarang kelihatan bergenang dengan air mata.

Belas hati Johan melihat kudanya
yang dikasihinya itu lalu ditepek-tepek belakangnya
dan diurut tengkuknya. Belas kasihan
Johan Perkasa, sebenarnya telah
menjadikan kuda terbang itu bertambah
kasih dan taat setia kepadanya.

(bersambung)



Suatu pemandangan yang indah di dalam Bandar Singapura alam masa menyambut Hari Kemahkotaan Baginda Queen Elizabeth yang kedua – gambar Pejabat Perhubungan Raya Singapura.

Akidah Islam

Anak-anak kalau Allah itu ada dengan ada

(sambungan dari muka 15)

yang dahulu daripadanya tentulah Allah itu ada

Tuhan! Mahukah anak-anak termasuk

yang membuat – dibuat oleh Allah yang membuat

di dalam lingkungan iblis yang dilaknat?

Allah itu. Kalau seterusnya begitu tentu

Anak-anak tentu jawab tidak mahu!

tidak ada berhentinya – tentu ada zat yang

Jawapan begitu bagus dan benar!

tidak dibuat tetapi membuat, kerana yang

Anak-anak nanti tentu hendak mengadakan

kena buat itu bukan Tuhan. Dengan

perbandingan dan bertanya – kalau Allah

ini tentulah Allah itu ada yang disebut

itu ada tentulah ada yang membuatnya

di dalam Arab *mawjūd*, iaitu

sebagaimana juga keadaan barang-barang

Allah bersifat wajib al-wujūd, ertinya yang

tadi.

wajib ada dengan tidak ada yang menjadikanNya.

چہ تیانہ دینق

کران ایبو

دغن فنداغن ایت ای مہنگک
 بہوا انق ۲۱ داجر دغن اتوران
 دان تو ترکات یغ بایک تیدق دغن
 فوکل دان اوگہ. سبب تنتو کالو
 دغن چارا اوگہ دان فوکل انق ۲
 ایت سماکین دکیل دان تیدق ماہو
 مہیکوہ کات

حمید انصاف بہوا فرواتن
 این تنتو اکن منیبولکن سوات
 کسن یغ تیدق بایک کغد جیوا
 انق ۲۱. انق ۲۱ تنتو تراس بہوا
 ولو یکیمان بوروق فراغی ایبو
 کندوغن نامون دہنگیہ دان دنستا
 تنتو ہاتین تیدق سوغ. مرکک تنتو
 اد محفوبائی فراسان. فراسان ایت
 دغن فرکٹان ۲ یغ مہینا دان مہنگیہ
 سگکوہ بوروق کسن.

یغدمکین برتیمہ ۲ لاکھی اقبیل
 حمید مندغ بہوا سبب انقن دفوکل
 تیدق لاین کران فرلیسیہن دغن
 انق تیرین. دغن تیدق اصول
 فرقسا سکل کجادین انقن یغ
 مندرتا سدغ انق تیرین ترسنوم
 سیمفول کران ای دمنگن اولہ
 نینق دان ایبو. حمید توفیکر
 سکیران ای ملاکوکن یغدمکین
 سدہ تنتو کسدانن اکن ترجادی
 فرکلاہین عیہہ درومہ ایت.

یغدمکین این سدہ ترجادی
 ہراف کالی تلافی حمید دم.
 کالی این کسیران تیدق داۓ
 دتاہن ۲ لاکھی. ای ساغہ مازہ
 اولیہسبب اف فصل دلاکوکن برہ
 سبلہ. سبب ایت دجارین جالن
 منچاکفکن حال ایت دغن استرین

”فق! فق! کق جہ دفوکل اولہ نینق“ - کات حلیمہ
 سٹورغ انق کجیل برعمور توجہ تاهون کغد ایہن.

حمید. ایہن مندغر فرکٹان ایت میسرف دارہن. سبب ایالہ
 فدفاکی ایت تنکل ای دان استرین تیدق اد درومہ ترجادی
 فرکادوہن دانتارا انقن حلیمجہ دغن انق تیرین فاطمہ. فاطمہ ایالہ
 انق کغد استرین ایت سدغ حلیمجہ انقن درفد استری بغلاہین
 یغ منجادی انق تیری فول کغد استرین.

اقبیل حمید دغر کنراغن
 انقن یغ کجیل ایت. ای فیم اف
 یغ سدہ جادی. ای تاهو بہوا مق
 مروان (ایبو کغد استرین) سدہ
 میلاہی جچون فاطمہ یغتلہ
 برکادوہ دغن حلیمجہ دغن تیدق
 اصول فرقسا یغ منجادی سبب
 فربالہن ایت.
 اولہ ایت حمید سیانہ فرکارا
 ایت فد انقن بغلاہین. ادق حلیمجہ
 سی دول نمان. دول سدہ ددق
 اولہ ایہن منجتران بہوا نینق
 تیرین سدہ بلاسہ کساکفن دان
 دسبالک ایت ای تلہ مہنگیہ ۲ دان
 سماکی ۲ ایبون یغدالسم فیور دغن
 فرکٹان ۲ یغ ساغہ مایکتکن ہاتی.
 سی دول منجتران ایت دغن ابر
 مات کران ای تراس یکیمان فدہ
 دان فرین مرکک منومفکن دبری
 مہیکوہ کماہوان ایہن کغد مق
 تیری دان نینق تیرین.
 حمید. ایہن میرہ فادم موکان

اقبیل مندغر کجادین ایت. ای
 تیدق مہنگک مکالی ۲ بکیتو کادان
 ای سندیری تیدق فرنہ میڈاکن
 دانتارا انقن دان انق تیرین
 سکلیفون اد فغادوان ۲ درفد انق ۲۱
 سندیری تنغ فرواتن یغ بغس
 درفد انق تیرین ایت کغد انق ۲۱
 یغ کجیل دان برہاکی ۲ فرکارا
 لاکھی. ای تیدق امیل اندہ کجادین
 ایت. بکیتو ای برتیمسفراس تلافی
 زوفسان تیدق بکیتو یغدمولاکن
 اولہ اورغ توا ایت ترہادف
 انقن.
 حمید مغوروۓ دادا. ای تیدق
 مہنگک فرواتن استرین دان مق
 مروان بکیتو. ای فندغ سلما این
 استرین اورغ بغیر فلاجران اکام
 دان درامان تنتو محفوبائی تیجسفراس
 دان بلس کسہین ترانم ددالم
 ہاتین. ای فندغ تنتو فیکران مرکک
 سدہ توا دان مندغ فرواتن انق ۲
 سماکی انق ۲ - بلوم چوکف عقل.

Cerita Pendek

Kerana Ibu

“Pak! Pak! Kak Jah dipukul oleh nenek” – kata Halimah

seorang anak kecil berumur tujuh tahun kepada ayahnya.

Hamid, ayahnya mendengar perkataan itu menyirap darahnya. Sebabnya ialah pada pagi itu tatkala ia dan isterinya tidak ada di rumah terjadi pergaduhan di antara anaknya Halijah dengan anak tirinya Fatimah, Fatimah ialah anak kepada isterinya itu sedang Halijah anaknya daripada isteri yang lain yang menjadi anak tiri pula kepada isterinya.

Apabila Hamid dengar keterangan anaknya yang kecil itu, ia faham apa yang sudah jadi. Ia tahu bahawa mak mertuanya (ibu kepada isterinya) sudah menyalahi cucunya Fatimah yang telah bergaduh dengan Halijah dengan tidak usul periksa yang menjadi sebab perbalahan itu.

Oleh itu Hamid siasat perkara itu pada anaknya yang lain. Adik Halijah si Dol namanya. Dol sudah didesak oleh ayahnya menceritakan bahawa nenek tirinya sudah belash kakaknya dan di sebalik itu ia telah membangkit-bangkit dan memaki-maki ibunya yang di dalam kubur dengan perkataan-perkataan yang sakit menyakitkan hati. Si Dol menceritakan itu dengan air mata kerana ia terasa bagaimana pedih dan peritnya mereka menumpangkan diri mengikut kemahuan ayahnya kepada mak tiri dan nenek tirinya.

Hamid, ayahnya merah padam mukanya

apabila mendengar cerita itu. Ia tidak menyangka sekali-kali sebegitu keadaannya ia sendiri tidak pernah membezakan di antara anaknya dan anak tirinya sekalipun ada pergaduhan-pergaduhan di antara anak-anak mereka sendiri tentang perbuatan yang bengis daripada anak tirinya itu kepada anak-anakunya yang kecil dan berbagai-bagai perkara lagi ia tidak ambil endah kejadian itu. Begitu ia bertimbang rasa tetapi rupanya tidak begitu yang dimulakan oleh orang tua itu terhadap anaknya.

Hamid mengurut dada. Ia tidak sangka perbuatan isterinya dan mak mertuanya begitu. Ia pandang selama ini isterinya orang yang berpelajaran agama dan dirasanya tentu mempunyai timbang rasa dan belas kasihan tertanam di dalam hatinya. Ia pandang tentu fikiran mereka sudah tua dan memandang perbuatan anak-anak sebagai anak-anak – belum cukup akal.

Dengan pandangan itu ia menyangka bahawa anak-anaknya diajar dengan aturan dan tutur kata yang baik tidak dengan pukul dan ugut. Sebab tentu kalau dengan cara ugut dan pukul anak-anak itu semakin degil dan tidak mahu mengikut kata.

Hamid insaf bahawa perbuatan ini tentu akan menimbulkan suatu kesan yang tidak baik kepada jiwa anak-anaknya. Anak-anaknya tentu terasa bahawa walau bagaimana buruk perangai ibu kandungnya namun dibangkit dan dinista-nista tentu hatinya tidak senang. Mereka tentu ada mempunyai perasaan. Perasaan itu dengan perkataan-perkataan yang menghinakan dan membangkit sungguh buruk kesannya.

Yang demikian bertambah-tambah lagi apabila Hamid memandang bahawa sebabnya anaknya dipukul tidak lain kerana perselisihan dengan anak tirinya. Dengan tidak usul periksa segala kejadian anaknya yang menderita sedang anak tirinya tersenyum simpul kerana ia dimenangkan oleh nenek dan ibu. Hamid terfikir sekiranya ia melakukan yang demikian sudah tentu kesudahannya akan terjadi perkelahian hebat di rumah itu.

Yang demikian ini sudah terjadi beberapa kali tetapi Hamid diam. Kali ini kesabarannya tidak dapat ditahan-tahannya lagi. Ia sangat marah oleh sebab apa fasal dilakukan berat sebelah. Sebab itu dicarinya jalan mencakapkan hal itu dengan isterinya

سرب نیگا

اوله سمیح

فقاساس فرتوبهن

سغکغ میره

"هینری دونانه" اداله ساله

شورغ هرتاون یفتیر کمولک دنگری
سویزرلند فسد کیرا ۲۱ سراتوس
تاهون یغلاو، فسد تاهون 1859
هرتاون یغدرماون این تله
ترلیتس دهاتین هندق مفااسکن
سوات فرتوبهن یغ منچورهکن
خدمتن مبری بنتوان گند فندودق
سلوره دنیا یغ مندریتا - بایک یغ
دیمفا فیاکیه اتو یفتیر چدرامیدان
فرغ

حاجتن یغ بسر این تله
ترقبول فد تاهون 1864 کران فسد
تاهون ایت، وکیل ۲ دري سلوره
بنوا ایروقه تله بریدغ دبندر
"جینوا" (ایتالی) لالو مغمیل
کفوتسن مندریکن سبواه فرتوبهن
انتارا بغسا کران توجوان ترسوه.

مغالغن "هینری دونانه" تله

تیدق برفلواغ مقحاضری فریداغن
ایت کران هرتان یغتله دبلنجاکن
دالسم فغمیاران باگی مندعا بکن
توجوانن یغملیا ایت دسرات ۲
دنیا تله کهایسن سهگک ترقسا
ای مفا یفکن دیری دري

بردوا ۲۱ سهاج سبب ای فیکر کالو
دیارکن تنو لبه مریدق لاکي

رغکسن فرتکارن سده ترجدای
دان دغن ایت مک حمید ترقسا
مغمیل لگه یغ کرس بایت مپوره
قیلیه انتارا دوا - سغکوف جاگک
انق ۲۱ اتو تیدق - کالو سغکوف
ای تنف تیغکل دان کالو تیدق ای
اکن فرکی دري رومه ایت

استرین یغفندغن برفلاجران
ایت اغکن - دغن ایت مک ایسوق
حمید بسرت دغن امفه اورغ انق
سندیری کلوار دري رومه ایت
دغن تنغ دان سبر - ای فیکر تیدق
گون دودق لام ۲ ددالم کسادان
سیف هاری کادوه دان ریوه
ای برفندافتن استری دفا دجاری
تنافی انق تیدق بوله دبواغ

انم بولن کمدين سي دول،
کاکقن دان دوا اورغ ادیقن
کلیهاتن تله گموه سمولا - مرید
دالماس بلاه ایبو تیرین کوروس
کوروس بوکن سبب تیدق ماکن
تنافی کران سبب هاتی مرید سوبه
دان مندریتا - جیوا مرید تیدق
بیس، فراسان مرید تیدق تنغ
کیسان روح دان جیوا ایت ساغه
مستحق اتوه مپورکن انق ۲

دمکینه چتران کوچر کاجیر
رومهتگک دغن سبب تیدق اد
فراسان بلس کسین، تیمفراس
دان تیدق اد دیدقن یغ بایک
سرت کهادین یغ سقام دالم
رومهتگک ایت ادان

اورغرامی دالسم سبواه رومه
کجیل یغتر فنجیل

زمان بر فوتر، تیگ فوله
تاهون کمدين سته فرتوبهن
"سغکغ میره دنیا" ایت تردیری
دان منجالنکن خدمتن سبکیان
یغتله درنجفکن، مک دغن تیدق
درغک ۲ شورغ ورتاون تله ملاوه
سبواه رومه دبندر فارس، یغ
منجادی تمفه فرلیندغن باگی
اورغ ۲ توا یغ مندریتا دان تیدق
دفا منجاری سارا هیدوف، لالو
برتان کفد ساله شورغ فندودق
رومه ایت اکن روایه هیدوف
درفد چریتا یغ ددغن مغریله
ورتاون ایت بهوا اورغ توا یغ
سدغ براد دهافتن دان یغ سکین
لمان ترلنتر درومه ایت ایاله
"هینری دونانه"!

دوا هاری کمدين بریت ایت
تله ترسیر دکبا یکن سورة ۲ خبر
دنیا، دان فد تاهون 1901، "هینری
دونانه" تله برجای مندفا "هدیه
نوبل" بهاگین کامان، بایت
هدیه یغ جولوغ ۲۱ دکلوارکن
دان مایه دکلوارکن هگک هاری
این

*

چرمین مات دغن فرچوم
دالم ساله سبواه ولایه دامر بکا،
فد کیرا ۲۱ لیم بلس تاهون یغلاو

berdua sahaja sebab ia fikir kalau dibiarkan tentu lebih merebak lagi.

Ringkasnya pertengkaran sudah terjadi dan dengan itu maka Hamid terpaksa mengambil langkah keras iaitu menyuruh pilih antara dua – sanggup jaga anak-anaknya atau tidak. Kalau sanggup ia tetap tinggal dan kalau tidak ia akan pergi dari rumah itu.

Isterinya yang dipandangnya berpelajaran itu enggan. Dengan itu maka esoknya Hamid beserta dengan empat orang anaknya sendiri keluar dari rumah itu dengan tenang dan sabar. Ia fikir tidak guna duduk di rumah lama-lama di dalam keadaan setiap hari gaduh dan ribut. Ia berpendapatan isteri dapat dicari tetapi anak tidak boleh dibuang.

Enam bulan kemudian si Dol, kakaknya dan dua orang adiknya kelihatan telah gemuk semula. Mereka dalam masa belaan ibu tirinya kurus. Kurus bukan sebab tidak makan tetapi kerana sebab hati mereka susah dan menderita. Jiwa mereka tidak bebas, perasaan mereka tidak tenang. Kebebasan roh dan jiwa itu sangat mustahak untuk menyuburkan anak-anak.

Demikianlah citranya kucar kacir rumah tangga dengan sebab tidak ada perasaan belas kasihan, timbang rasa dan tidak ada didikan yang baik serta keadilan yang saksama dalam rumahtangga itu adanya.

Serbaneka

Oleh Samih

Pengasas Pertubuhan

Sengkang Merah

“Henry Dunant” adalah salah seorang hartawan yang terkemuka di negeri Switzerland pada kira-kira seratus tahun yang lalu, pada tahun 1859 hartawan yang dermawan ini telah terlintas di hatinya hendak mengasaskan suatu pertubuhan yang mencurahkan khidmatnya memberi bantuan kepada penduduk seluruh dunia yang menderita – baik yang ditimpa penyakit atau yang tercedera di medan perang.

Hajatnya yang besar ini telah terkabul pada tahun 1864 kerana pada tahun itu, wakil-wakil dari seluruh benua Eropah telah bersidang di bandar “Genoa” (Itali) lalu mengambil keputusan mendirikan sebuah pertubuhan antarabangsa kerana tujuan tersebut.

Mengalangnya¹ “Henry Dunant” telah tidak berpeluang menghadiri persidangan itu kerana hartanya yang telah dibelanjakan dalam pengembaraan bagi mendakyahkan tujuannya yang mulia itu di serata-rata dunia telah kehabisan sehingga terpaksa ia mengasingkan diri dari

orang ramai dalam sebuah rumah

kecil yang terpencil.

Zaman berputar, tiga puluh tahun kemudian setelah pertubuhan

“Sengkang Merah Sedunia” itu terdiri dan menjalankan khidmatnya sebagaimana yang telah dirancangkan, maka dengan tidak disangka-sangka seorang wartawan telah melawat sebuah rumah di bandar Paris, yang menjadi tempat perlindungan bagi orang-orang tua yang menderita dan tidak dapat mencari sara hidup, lalu bertanya kepada salah seorang penduduk rumah itu akan riwayat hidupnya.

Daripada cerita yang didengarnya mengertilah wartawan itu bahawa orang tua yang sedang berada di hadapannya dan yang sekian lamanya terlantar di rumah itu ialah “Henry Dunant”!

Dua hari kemudian berita itu telah tersiar di kebanyakan surat-surat khabar dunia dan pada tahun 1901, “Henry Dunat” telah berjaya mendapat “hadiah Nobel” bahagian keamanan, iaitu hadiah yang julung-julungnya dikeluarkan dan masih dikeluarkan hingga hari ini.

*

Cermin mata dengan percuma
Dalam salah sebuah wilayah di Amerika, pada kira-kira lima belas tahun yang lalu

¹ Sepatutnya “Malangnya”

ديديقتن اكام

دان چارا مغاجرن دكوله

سورغ باف بغ بهارو
مغهتركن انقن كسواه سكوله
دغن بروف كسل تله برتان كغد
كورو بسر. مغاف فلاجران اكام
تيدق داجر. كران تيدق ترسبوة
لغسوغ ددالم جدوال سكوله.

"اد. كامي اجر تروس منروس
دالم تيف ۲ جنس فلاجران
بغ ترسبوة ددالم جدوال ايت.

"ددالم علم حساب كامي اجر
مريد ۲. بريفكر دغن تليتي. ددالم
فلاجران بهاس فول كامي اجر كن
مريك بركات بنر. ادب ترتيب دان
كفيهان فد تيف ۲ فركارا
بغ دفر كنان. ددالم فلاجران سجاره
كامي اجر كن دغن منرغكن كغد
مريك صفه ۲ كمانسيان دان سكي ۲
بغ رنده هينا دالم كهيدوقن قوم
مانسي. ددالم علم رياضه كامي
اجر كن مريك بگيمان مانهن صبر.
برتولق انسور دان لافغ دادا.
سلاين درفد كامي ستياي
مغكالقكن مريك برفيهق كغد
كنان. مغجر ماتي يفتوا. مغسيهاني
بغ كچيل دان برتولغ بتو دالم
سكل اف جوا بغ منجادي كچيكن
رامي!

داكغ اكن دتابوركن كولية ۲
بناغ يغياس جدوال داكيغن.

*

اصل اصول سلوار فنتلرن

دالم قرون يگكآم بلس دان
بغكوجه بلس فندودق نكري
فرنچيس مغكوناكن فكاين سلوار
فنديق دان ساروغ كاكي فنجغ.
منكل فندودق نكري ايتالي فول
ساليكن - ماماكي سلوار فنجغ دان
برساروغ كاكي فنديق. فد ماس
ايت كنيك "لوءيس" يگكنيك
بلس منجادي راج فرنچيس.
سورغ بغسا ايتالي برنام
"فنتالوني" تله داغ كنكري
فرنچيس دغن ماماكي فكاين
كبعسانن (سلوار فنجغ). لالو
دفركن دان دتيرو اوله اورغ
فرنچيس دان منماكن "فنتالون"
منورة نام اورغ ايتالي بغ ترسبوة.
اورغ عرب مپوتن "بنتلون"
دان كيت فول مپوتن "فنتلون".
فيشين اتو فونتغن سده تنتو تله
منريما برباكي ۲ فراوبان: درفد
كورغ چتتيق كغد لبه چتتيق دان
سدف دفندغ مات. دكجواليكن
فيشين "بغكي" بغ سدغ منجادي
ساران كلق كتاوا اورغرامي بغ
مفوباي "ذوق" اتو "سني راس"!

تله ددير يكن سواه فرتوبهن
كچيكن بغر خدمه مبري چرمين ۲
مات كغد اورغ ۲ مسكين بغتيدق
تردای مبلين. فرتوبهن اين فول
سديا منريما چرمين ۲ مات بغ
تيدق دكوناكن لاكي اوله اورغ ۲
بغ افقوبان. چرمين ۲ مات ايت اكن
دسرهكن اوله فرتوبهن ترسبوة
كغد توكغ ۲ بغ اكن مفر بايكين
دان منوكر كن چرمين منورة فسانن
اورغ ۲ مسكين بغر حاجه. كادغ ۲
مان ۲ بيفكين بغ اقق مهل. دجوال
فول اوليهن دان دكتيكن دغن
بغكي ۲ بغله موزه دان لبه تكوه.

*

عاده كنجيل اشكريس

كولفن ۲ مسكين دستغه كمفوغ
داغكلند ماسيه مغكوناكن عاده توا
تنكل منجالنكن اوفچارا كهوين.
مريك كدافتن مغهيامي جالن لالو
لالغ بغ مباوا ككريجا دغن بند ۲۱
بغ منجادي تندا. بغ منجوقكن
جنس كرج اتو كغداين ففتين
لالاكي. مثالن كالو ففتين ايت
توكغ كابو. اكن دتابوركن "ابوق
كابو" دسغنجغ جالن ايت. توكغ
كاسوة اكن دتابوركن فونتغن ۲
كولية. توكغ سبي اكن دتابوركن
سرفيه ۲ سبي. دان توكغ فونتغ

telah didirikan sebuah pertubuhan kebajikan yang berkhidmat memberi cermin-cermin mata kepada orang-orang miskin yang tidak terdaya membelinya. Pertubuhan ini pula sedia menerima cermin-cermin mata yang tidak digunakan lagi oleh orang-orang empunya. Cermin-cermin mata itu akan diserahkan oleh pertubuhan tersebut kepada tukang-tukang yang akan memperbaikinya dan menukarkan cerminnya menurut pesanan orang-orang miskin yang berhajat. Kadang-kadang mana-mana bingkainya yang agak mahal, dijual pula olehnya dan digantikan dengan bingkai-bingkai yang lebih murah dan lebih teguh.

*

Adat ganjil Inggeris

~~Cabang gaminis dughstrikmpu~~

di England masih menggunakan adat tua tatkala menjalankan upacara kahwin. Mereka kedapatan menghiasi jalan lalu lalang yang membawa ke gereja dengan benda-benda yang menjadi tanda, yang menunjukkan jenis kerja atau kepandaian pengantin lelaki. Misalnya kalau pengantin itu tukang kayu, akan ditaburkan "abuk² kayu" di sepanjang jalan itu, tukang kasut akan ditaburkan potongan-potongan kulit, tukang besi akan ditaburkan serpih-serpih besi, dan tukang potong

daging akan ditaburkan kulit-kulit binatang yang biasa dijual dagingnya.

*

Asal usul seluar pantelon

Dalam kurun yang keenam belas dan yang ketujuh belas penduduk negeri Perancis menggunakan pakaian seluar pendek dan sarung kaki panjang, manakala penduduk negeri Itali pula sebaliknya – memakai seluar panjang dan bersarung kaki pendek. Pada masa itu ketika "Louis" Yang Ketiga

Belas menjadi Raja Perancis, seorang bangsa Itali bernama "Pantoloni" telah datang ke negeri Perancis dengan memakai pakaian kebangsaannya (seluar panjang), lalu diperkenan dan ditiru oleh orang Perancis dan menamakannya "Pantalone" menurut nama orang Itali yang tersebut.

Orang Arab menyebutnya "Bantalun"

dan kita pula menyebutnya "Pantelon". Fesyen atau potongannya sudah tentu telah menerima berbagai-bagai perubahan; daripada kurang cantik kepada lebih cantik dan sedap dipandang mata, dikesualikan fesyen "yankee" yang sedang menjadi sasaran gelak ketawa orang ramai yang mempunyai "zawq" atau "seni rasa"!

Didikan agama dan cara mengajarnya di sekolah

Seorang bapa yang baharu menghantarkan anaknya ke sebuah sekolah dengan berupa kesal telah bertanya kepada guru besar, mengapa pelajaran agama tidak diajar, kerana tidak tersebut langsung di dalam jadual sekolah.

"Ada, kami ajar terus menerus dalam tiap-tiap jenis pelajaran yang tersebut di dalam jadual itu.

"Di dalam alam hisab kami ajar murid-murid berfikir dengan teliti, di dalam pelajaran bahasa pula kami ajarkan mereka berkata benar, adab tertib dan ketepahan pada tiap-tiap perkara yang diperkatakan. Di dalam pelajaran sejarah kami ajarkan dengan menerangkan kepada mereka sifat-sifat kemanusiaan dan segi-segi yang rendah hina dalam kemanusiaan kaum manusia. Di dalam ilmu riadah kami ajarkan mereka bagaimana menahan sabar, bertolak ansur dan lapang dada, selain daripada kami sentiasa menggalakkan mereka berpihak kepada kebenaran, menghormati yang tua, mengasihani yang kecil dan bertolong bantu dalam segala apa jua yang menjadi kebajikan ramai!

² Sepatutnya "habuk"

فنجاني عقل



بيلاغن 6

اوله "ابغ اودا"

ايرتبه دهولو "ابغ اودا" ممتنا
معاف گران دالم بيلاغن 6 مجله
اين تيدق دمواتكن رواغن "فنجاني
عقل" دسيكن اوله كعدوران "ابغ
اودا" سديري . تتتوله اد دانتارا
اديق 2 يغ براس همفا گران تيدق
دافة ممتديفكن جوافن اديق 2 ايت
دغن جوافن 2 يغ بتول باكي
سوالن 2 دالم بيلاغن 5 يغاللو .
دهوجع رواغن اين اد دمواتكن
جوافن 2 يغ دننتي 2 ايت دان
بنديفكنله . 1

دباوه اين "ابغ اودا" مواتكن
لاكي 5 سوالن دان چوباله جواب .

(1) جك كيت تولىس دلافن
كالي اغك 8 مك جملهن تتتوله
64 . تنافي بگيمانكه مستي كيت
اتور دلافن كالي اغك 8 سفاي
سموان برجمله 1000 ؟

(2) جك كيت تولىس امفة
كالي اغك 5 مك جملهن تننتو 20 .
بگيمانكه بوله كيت اتور امفة اغك
5 دان مھگونانكن تندا چمفور (-)
سرت تندا ضرب (x) سفاي جملهن
001 ؟



ليه؛ اي چوب دي فون قوآ منيوف
بيلون؛ بوليھه انق 2 لاون دي؟؟
- كمير كانق 2 .

جاغتنله برجالن دموك بومي
دغن چورغكق دان تكبور . سب
توهن تيدق مغايھي اورغ يغ دمكين .
سدرھانكنله ركل كرفكري
اغكو . لهلمسوة كشمك بركات
بهواسن سھينا 2 سوارا اياله سوارا
كلدي - لقمان الحكيم .

كفو تسمن تكا تكلي كانق 2 (3)

تكا تكلي كانق 2 (3) تله دتوتف
فد 53 6 30 دان ستله دفرسا دغن
چرمة تباد شورغ فون يغ تفة
منكا بگيمان جوافن يغ بتول
يفترسيمفن ددالم فجاية قلم . هان
امفة اورغ سھاج يغ منكا همفير
تفة . ميگوة فراتورانن مك هديه
سبايق \$25.00 ايت كيت بهايكن
سام يآيت شورغ مندافة \$6.25 .

جوافن يغ بتول اياله :

(1) كلواغ

(2) كغكم تاغن

(3) ماس

نام 2 يغ مندافة هديه يآيت :

(1) عين يحيي

سكوله ملابو ميق بكو .

باتو فة . جوهر .

(2) اواغ ميهة بن صالح

زلو سوغاي باكف .

سبرغفراي .

(3) ريطة بنت حاج شرقاوي

بازيق مقام . كمفوغ قبور .

جوهر بهارو .

(4) عبدالمعطي حاج احمدشاه

412 جالن محموديه .

جوهر بهارو .

هديه 2 ان اكن دكيريمنكن كغد

يفرحق

Keputusan

Teka-teki Kanak-kanak (3)

Teka-teki kanak-kanak (3) telah ditutup pada 30.6.53 dan setelah diperiksa dengan cermat tiada seorang pun yang tepat meneka sebagaimana jawapan yang betul yang tersimpan di dalam pejabat Qalam. Hanya empat orang sahaja yang meneka hampir tepat. Mengikut peraturannya maka hadiah sebanyak \$25.00 itu kita bahagikan sama iaitu seorang mendapat \$6.25.

Jawapan yang betul ialah:

- (1) Kluang
- (2) Genggam tangan
- (3) Masa

Nama-nama yang mendapat hadiah iaitu:

- (1) Ain Yahya

Sekolah Melayu Minyak Beku

Batu Pahat, Johor.

- (2) Awang Mihat bin Saleh

XXX¹ Sungai Bakap,

Seberang Perai.

- (3) Rabitah binti Haji Sharkawi

Barik Makam, Kampung Kubur,

Johor

Bahru.

- (4) Abdul Mu'ti Haji Ahmad Shah

412 Jalan Mahmoodiah,

Johor Bahru.

Hadiah-hadiahnya akan dikiriskan kepada yang berhak.



*Lihat! Ia cuba dia punya kuat meniup
belon! Bolehkah anak-anak lawan dia??
— gambar kanak-kanak.*

Janganlah berjalan di muka bumi dengan congkak² dan takbur, sebab Tuhan tidak mengasih orang yang demikian. Sederhanakanlah segala gerak-geri engkau. Lemah lembut ketika berkata bahawasanya sehina-hina suara ialah suara keldai – Luqmān al-Hakīm

Ruangan Pencanai Akal

Bilangan 6

Oleh “Abang Uda”

[Terlebih dahulu “Abang Uda” meminta

maaf kerana dalam bilangan 6 majalah

ini tidak dimuatkan ruangan “Pencanai

Akal” disebabkan oleh keuzuran “Abang

Uda” sendiri. Tentulah ada di antara

adik-adik yang berasa hampa kerana tidak

dapat membandingkan jawapan adik-adik itu

dengan jawapan-jawapan yang betul bagi

soalan-soalan dalam bilangan 5 yang lalu.

Di hujung ruangan ini ada dimuatkan

jawapan-jawapan yang dinanti-nanti itu dan

bandingkanlah.]

Di bawah ini “Abang Uda” muatkan lagi 5 soalan dan cubalah jawab.

(1) Jika kita tulis delapan kali angka 8 maka jumlahnya tentulah 64. Tetapi bagaimanakah mesti kita atur delapan kali angka 8 supaya semuanya berjumlah 1,000?

(2) Jika kita tulis empat kali angka 5 maka jumlahnya tentu 20. Bagaimanakah boleh kita atur empat angka 5 dan menggunakan tanda campur (+) serta tanda darab (x) supaya jumlahnya 001?

¹ Perkataan cadangan: Hulu

² Sepatutnya “bongkak”

فرادوان تکا تکی (4)

شرط ۲۳.

هدیه \$25.00

1. ماسوق فرادوان تباد کتا اف ۲ بايران.
2. لا ۲۰۰ دود راجه اين تيدق دتريما.
3. سسورغ بوله منکا دغن بيروف بايق، تنافي هان برحق مندافة ساتو هديه.
4. جوافن يفتبول اد توسيمغن ددالم فجا به قلم دغن دمترينکن.
5. کاکيتاغن فجا به قلم تيدق دتبرکن مفسيل بهاگين.
6. هديه \$25.00 اکن دباير کفد فنکا يفتبول سسوا تنافي جک بايق يفتبول اکن داوندی دان يفرحق منريما هديه هان ليم اورغ سهاج.
7. سکل کفو تن تباد بوله دبنته .
8. جوافن ۲ هندقله سسفي کفد کيت تيدق ليواة دري 10.9.53.
9. جوافن يفتبول اکن دسيارکن دالم کاتق ۲ کلوارن 16.9.53.
10. سکل جوافن هندقله دعلامتکن کفد :-

PERADUAN TEKA TEKI KANAK(4)
356 & 358, Geylang Road,
Singapore, 14.

- (1) چاچيغ بوکن کراو به فون بوکن روفان فصول ساکن ۲ اد برمولو به تا بوله ماکن تاهو که توان تاهو که تولن

* * *

- (2) مغاف فادي يغ 100 کنتغ واجب زکاة دان يغ 1000 کنتغ تيدق واجب .

* * *

- (3) بر تلور دهوجغ داهن . متنس دتافق تاغن .

(3) بکيما نکه مستي کيت توليس امغه کالي اثلک 9 سفای جملهن 100 جوک ؟

(4) افکه نام تايک يغ بسر سکالي دنکري فهغ؟

(5) افکه نام تمغه ۲ دالم تانهملايو اين بوله ددافتي تيک کالين يقدسيوتکن دباوه اين دغن بايقن دان دالم نکري مانکه دودقن تمغه ۲ اين:

(1) امس، (ب) ارغ باتو، (ت) بيحيه تيمه .

جوافن ۲ يغ بتول باکي سوالن ۲ دالم بيلاغن 5 اداله سفرت دباوه اين:

(1) جواين 3

(2) تلور ايم لبه مهل سغه سين تيف ۲ بيحيه .

(3) هندق منجاد يکن 30 کفيغ، فامن مستي گوتغ 29 کالي جادي اي مغميل ماس $29 \times 3 = 87$ ساعة = 1 مينيه 27 ساعة .

جواين: 1 مينيه 27 ساعة .

(4) کونغ هيما لاي دسمفان انديا دغن نيقل .

(5) سوغي سفغ - دسمفان سلاغور دغن نکري سميلن . سوغي برنم - دسمفان فيرق دغن سلاغور .

سوغي مرويق - دنکري قدح . سوغي سيمغ کيري - دباتو فهة . جوهر .

سوغي کالس - دکلتن .

فوتغ دسين

جوافن ساي

- (1)
- (2)
- (3)

توان فهورس فرادوان نکا نکر کاتق ۲ (4) رسا ۴ اين ساي کزيمکن فرادوان تکا کي کاتق ۲ (4) ساي مفاکو مفیکوة سکل شرط ۲۳ .

تندا تاغن

نام

علامه

(توليسله نام دان علامه دغن ترغ)

(3) Bagaimanakah mesti kita tulis empat kali angka 9 supaya jumlahnya 100 juga?

(4) Apakah nama tasik yang besar sekali di negeri Pahang?

(5) Apakah nama tempat-tempat dalam Tanah Melayu ini boleh didapati tiga galian yang disebutkan di bawah ini dengan banyaknya dan dalam negeri manakahuduknya tempat-tempat ini:

- (a) Emas, (b) Arang batu,
- (c) Bijih timah

Jawapan-jawapan yang betul bagi soalan-soalan dalam bilangan 5 adalah seperti di bawah ini:

- (1) Jawapannya 3
- (2) Telur ayam lebih mahal setengah sen tiap-tiap sebiji.
- (3) Hendak menjadikan 30 keping,

Pak Man mesti gunting 29 kali. Jadi ia mengambil masa $3 \times 29 = 87$ saat = 1 minit 27 saat.

Jawapannya: 1 minit 27 saat

- (4) Gunung Himalaya di sempadan India dan Nepal.
- (5) Sungai Sepang – di sempadan Selangor dengan Negeri Sembilan.
- Sungai Bernam – di sempadan Perak dengan Selangor.
- Sungai Merbok – di negeri Kedah.
- Sungai Simpang Kiri – di Batu Pahat, Johor.
- Sungai Galas – di Kelantan.

Peraduan Teka-teki (4)

Hadiah \$25.00

(1) Cacing bukan kerawit pun bukan

rupanya pula seakan-akan

ada bermulut tak boleh makan

tahukah tuan tahukah taulan

* * *

(2) Mengapa padi yang 100 gantang wajib

zakat dan yang 1000 gantang tidak

wajib.

* * *

(3) Bertelur di hujung dahan, menetas

di tapak tangan.

Syarat-syaratnya.

1. Masok peraduan tiada kena apa-apa bayaran.
2. Lain daripada rajah ini tidak diterima
3. Seseorang boleh menda dengan beberapa banyak, tetapi hanya berhak mendapat satu hadiah.
4. Jawapan yang betul ada tersimpan di dalam pejabat Qalam dengan dimetraitkan.
5. Kakitangan pejabat Qalam tidak dibenarkan mengambil bahagian.
6. Hadiah \$25.00 akan dibayar kepada peneka yang betul semua tetapi jika banyak yang betul akan diundi dan yang berhak menerima hadiah hanya lima orang sahaja.
7. Segala keputusan tiada boleh dibantah.
8. Jawapan-jawapan hendaklah sampai kepada kita tidak lewat dari 10.9.53.
9. Jawapan yang betul akan disiarkan dalam Kanak-kanak keluaran 16.9.53.
10. Segala jawapan hendaklah dialamatkan kepada-

PERADUAN TEKA TEKI
KANAK2(4)
356 & 358, Geylang Road,
Singapore, 14.

Potong di sini

Tuan pengurus Peraduan Teka Teki Kanak-kanak

- (2). Bersama-sama ini saya kirimkan Peraduan Teka Teki Kanak-kanak (2). Saya mengaku mengikut segala syarat-syaratnya.

Tanda tangan.....

Nama.....

Alamat.....


(Tulislah nama dan alamat dengan terang)

Jawapan saya

(1).....

(2).....

(3).....



سوكن انتوء كصيحاطن

تيف ٢ سكو له تننو انق ٢
 كنهوي مفادكن فرادوان سوكن
 (سفورة) فد تيف ٢ تاهون جوكت
 تيف ٢ هاري مريك دلاتيه مفادكن
 سوكن . توجوانن انق ٢ تننو تاهو
 بايت انتوء ميحكن بدن كيت .
 كالو انق ٢ تيدق صحه بدن
 تننو مالس بلاجر . كالو مالس
 بلاجر تننو تيدق نايك كلس .
 كالو تيدق نايك كلس تننو دسوة
 اورغ بوده بگيتو بوكن ؟
 سب ايتوله تيف ٢ فاكئي ملالو
 انق ٢ دسوره مغميل بهاكين ددالم
 سفورة - برلاري ٢ دان سامفمان .
 تيف ٢ تاهون كبوليهن انق ٢ ايت
 دچوب . سسيف يغ منع دبري
 هديه - هديهن برماچم ٢ . فيلا
 دان بارغ ٢ يغلاين يغ برهركت
 دان بوله بواة كناغن ٢ .
 ددالم كمير ٢ دسين انق ٢ دافه
 ليهه سهاكين درفد مرید سكو له
 اغكرس كيلغ بدغ مغميل بهاكين
 ددالم سوكن تاهونن سدبكيه هاري
 يغلالو ، ددالم سكو له اغكرس
 اين بايق انق ٢ ملايو بلاجر
 ددالمن - كمير ٢ كانق ٢ .






Sukan untuk kesihatan

Tiap-tiap sekolah tentu anak-anak ketahui mengadakan peraduan sukan (*sport*) pada tiap-tiap tahun. Juga tiap-tiap hari mereka dilatih mengadakan sukan. Tujuannya anak-anak tentu tahu iaitu untuk menyihatkan badan kita.

Kalau anak-anak tidak sihat badan tentu malas belajar, kalau malas belajar tentu tidak naik kelas. Kalau tidak naik kelas tentu disebut orang . . . bodoh begitu bukan?


Sebab itulah tiap-tiap pagi selalu anak-anak disuruh mengambil bahagian di dalam *sport* – berlari-lari dan seumpamanya. Tiap-tiap tahun kebolehan anak-anak itu dicuba. Sesiapa yang menang diberi hadiah – hadiahnya bermacam-macam, piala dan barang-barang yang lain yang berharga dan boleh buat kenang-kenangan.

Di dalam gambar-gambar di sini anak-anak dapat lihat sebahagian daripada murid Sekolah Inggeris Geylang sedang mengambil bahagian di dalam sukan tahunannya sedikit hari yang lalu, di dalam sekolah Inggeris ini banyak anak-anak Melayu belajar di dalamnya – gambar-gambar kanak-kanak.




ليهة سودارامو دهدافي اورغ کران چکف مباح القرآن

فرداوان بچان القرآن سکوله ۲ اگام فاسوقکن جوهر بهارو تله دادکن فد 2,7,53 دمسجل فاسير فلاشي، جوهر .



داتس: الاستاذ عبدالجليل حسن فتولع مفتي جوهر ميمبيکن هديه کفد چيفکو الياس محمد يوسف کووو بسر سکوله اگام تيماتن جوهر کران کچيان سکولهن. بوکنکه چيشکو براس بسر هائي کران کچيان مریدان ۱۱ کبيري: يوسف محمد سمان دري سکوله اگام تيماتن تيفکي جوهر سدغ ممبري اوجاقن مشکالفکن حاضرین بزدرما کفد کوليج اسلام.



سبهاکين درفد اورغ ۲ بق حاضر دالم مجلس فرداوان ايت . کالو اتق ۲ راجين مباح القرآن دان باگوس سرت بقول بچانق تفتوله اتق ۲ اگن دهدافي اورغ سفرت داتس دان کالو برجاي ننتو متدافه هديه دان متدافه سبوتن بايک .

Lihat saudaramu dihadapi orang kerana cekap membaca al-Qur'ān


Peraduan Bacaan al-Qur'ān Sekolah-sekolah Agama pasukan Johor Bahru telah diadakan pada 2.7.53 di Masjid Pasir Pelangi, Johor.



Di atas: al-Ustaz: Abdul Jalil Husin Penolong Mufti Johor menyampaikan hadiah kepada Cikgu Alias Muhammad Yusuf Guru Besar Sekolah Agama Tambahan Johor kerana kejayaan sekolahnya. Bukankah cikgu berasa besar hati kerana kejayaan murid-muridnya?! Kiri: Yusuf Muhammad Seman dari Sekolah Agama Tambahan Tinggi Johor sedang memberi ucapan menggalakkan hadirin berderma kepada kolej Islam.



Sebahagian daripada orang-orang yang hadir dalam majlis peraduan itu. Kalau anak-anak rajin membaca al-Qur'ān dan bagus serta betul bacaannya tentulah anak-anak akan dihadapi orang seperti di atas dan kalau berjaya tentu mendapat hadiah dan mendapat sebutan baik.





Kanak-kanak

"Aku dululah" - kata adik kepada kakaknya - sedang kakaknya berkata. Nani! Aku dululah! Kedua-duanya berebut basikal.

فراډوان شراحن ملايو

دباوه اېن کيت سيارکن بيراف کاغينن اتق ۲ سکلين يايت فمنداغن ۳ دالم مجلس فراډوان شراحن ملايو انتارا مريد ۳ سکوله ديغافورا يهدانچورکن اوله فرساتوان فرسوراتن فمودا فمودي ملايو بهارو ۳ اېن .



گمبر سيله اتس کانن: حبيبه بنت عثمان، مريد سکوله انگريس فرمفوان رافلس يغ تله مناعي فراډوان ايت . کران کيوليهنن چوک . برسرت دغن سئورغ راکنن سبتي الفيه مک سکوله انگريس فرمفوان رافلس تله دافه مناعي فيالا جوهن . گمبر کيري منجوقکن سبهاکين درفد اورغ ۲ يغ حاضر .

گمبر کانن: سئورغ فنشرح درفد مريد للاکي يايت عارفين بن عبدالرحمن دري سکوله انگريس للاکي بيقتوريا سدغ منجوقکن کيوليهنن . سکاليفون اي تيلق برچاي مناعي فراډوان ايت تتافي فعالن يهدادفتين ايت اداله سوات کمتاغن چوک - کمتاغن يهبروف کيرانين دان کيوليهن مغلکين فراسان مالو دان تاکووه يغ ميمغ لازم ددافتني دانثارا اورغ ۲ يغ بهارو منجوب برشرح دهادفن خلايق رامي .

گمبر کيري: سبهاکين لاگي درفد سيدغ حاضيرين دالم مجلس فراډوان شراحن ايت . (گمبر ۲ کانن ۲) .



Di bawah ini kita siarkan beberapa keinginan anak-anak sekalian iaitu pemandangan-pemandangan dalam majlis peraduan syarahan Melayu antara murid-murid sekolah di Singapura yang dianjurkan oleh Persatuan Persuratan Pemuda-Pemudi Melayu baharu-baharu ini.



Gambar sebelah atas kanan: Habibah binti Uthman, murid Sekolah Ingeris Perempuan Raffles yang telah memenangi peraduan itu. Kerana kebolehnya juga berserta dengan seorang rakannya Siti Alfiah maka Sekolah Ingeris Perempuan Raffles telah dapat memenangi piala johan. Gambar kiri menunjukkan sebahagian daripada orang-orang yang hadir.



Gambar kanan: Seorang penyarah daripada murid lelaki iaitu Arifin bin Abd al-Rahman dari Sekolah Ingeris Lelaki Victoria sedang menunjukkan kebolehannya. Sekalipun ia tidak berjaya memenangi peraduan itu tetapi pengalaman yang didapatinya itu adalah suatu kemenangan juga – kemenangan yang berupa keberanian dan kebolehan mengalahkan perasaan malu dan takut yang memang lazim didapati di antara orang-orang yang baharu mencuba bersyarah di hadapan khalayak ramai.

Gambar kiri: sebahagian lagi daripada sidang hadirin dalam Majlis Peraduan Syarahan itu. (Gambar-gambar Kanak-Kanak).



کاتق ۲

ببلاش 8 - 16 اوگسټ 1953 - 30 سېن

فرسوراتن عرب

(اوله عبدالرحمن صدقي، ترغکانو)

= ** =

تيف ۲ بقسا دديا اين ميمغ
اد ممقوباي کبودايان، کسنيان دان
فرسوراتن ماسيغ ۲. سنوان ايت
اداله برلاين چاران، اوله کران
توجوان اتوه ميري سد بکبه فراغن
مک اينله ابغ ترغکن کفد ادق ۲
مقاي فرسوراتن عرب.

فرسوراتن دان کانداهن بهاس
عرب تنغ تيغکي نيلاين هاروس
تيدق برستديغ دغن فرسوراتن
بغسا ۲ لاین، بيار فون اورغ ۲
اغکريس، روضا، فرنچيس دان
لاين ۲ لاکي بغ مقناکن کانداهن
بهاس مريک تله موزجق تيغکي
دان تله فون ترکدل دماث دنيا.
فرسوراتن عرب دان کيچفکن
اورغ ۲ عرب دبهاکين ايت تله
پات کفد اورغ ۲ باره يفتله
مغتهوي بهاس ايت دغن لبه دالم.
سغه ۲ فوجکک عرب فد ماس لمقاو
بوکنله سهاج ترديري دري اهل ۲
شعر دان فغارغ ۲ چريشا ماله اد
دري مريک اياله دري کولغن عالم
علماء يفتله بايق مغارغ کتاب
برفوله ۲، کتاب ۲ ايت فول
مغدوغي حال ۲ کهيدوفن بناتغ،
اوبه ۲، فلسفه ۲، کيميا، دان لاین ۲،
فوجکک عرب ايت دري سماس
کسماس سماکين رامی دان برتمبه،
دالم قرون يفاخر اين ترکمير فول

چريشا ۲ الف ليله و ليله (سربو
ساتو مالم) بکيمان تيغکي نيلاين
بوکو اين تادافله هندق دکناکن
هغک بايق چريشا ۲ ايت تله
دجادبکن چريشا لاکونن داتس
فتس او فيرا داجوگک دجادبکن
فيلم اوله بهاس ۲ اسغ، کالو دباچ
چريشا ۲ اين تننو کيت، ترياوا
اوله بوکو ايت کعالم خيال تيباهن
فول سوسن سبکات سينديرانن بغ
باگوس ميبکين کيت مرأی لذتن
مبجان.

داننارا فوجکک ۲ مصر بغ
مشهور دالم قرون يفتلداوا فوله اين
اياله جرجي زيدان فغارغ بر فوله ۲
بواه بوکو سجاره فرکماغن اسلام.
دالم بوکو ۲ ايت اي تله مغوفس
دغن چارا برتر و سترغ، سکارغ تله
اد بر فوله ۲ فوجکک لاین، لاکي
فرموان منجادبکن فرسوراتن عرب
ماکين منجالر لواس دان برکماغن.
کالو دتبنجاو قول کانداهن
سوسن القرآن الکریم لبه ۲ لاکي
تيغکي نيلاين، کران ددالم قرآن
ايتوله مغدوغي سي بهاس (نحو)
صرف دان بلاغه) بغ چوکف
تراور، بکيتو چوک ارتي
سينديران ۲ دان فرتنجوفکن ۲ بغ
باگوس اتوه فندوان کيت اومه
اسلام بلورهن. هغکان تيدق اد
سورغ فون بغ دافه تيرو سقرت
ايت، کرفکالي حال اين دتمغوهي
اوله علماء بلاغه تشافي تاجوگک
برحاصل هندق مشرو سچارا ايت.
(سمبوغن فد موک 4)

کندوئتمش:

- * فرسوراتن عرب
- * توه شيخ
- * فرهاتي دان جمله
- * چريشا ليم مينيه
- * افق عبدي
- * سغ کنچيل
- * مجلس کاتق ۲
- * مدرسه اسلام دلندن
- * سرب نيکا
- * "هغ تواه" (کارتون)
- * افدي اسلام
- * عقیده اسلام
- * فنجاني عقل
- * واغ.

===

دايغکن کفد اتق ۲ بغ
مغهتر فرادوان تکناکي
کاتق ۲ گوناکنله تيمف
4 سين سهاج دغن تيدق
دلکنکن سمفولن - جاغن
کوناکن تيمف 10 سين، دغن
اين ملا تيهکن چوکک ديري
برجيمه چرمه.

Kanak-Kanak

Bilangan 8 – 16 Ogos 1953 – 30 Saban'

Kandungannya:

- * Persuratan Arab
- * Tok Syeikh
- * Perhati dan Camlah....
- * Cerita Lima Minit
- * Anak Abdi
- * Sang Kancil
- * Majlis Kanak-kanak
- * Madrasah Islam di London
- * Serbaneka
- * "Hang Tuah" (Kartun)
- * Apa Dia Islam
- * Aqidah Islam
- * Pencanai Akal
- * Wang

==

Diingatkan kepada anak-anak yang

menghantar peraduan teka-teki
kanak-kanak gunakanlah setem
4 sen sahaja dengan tidak
diletakkan sampulnya – jangan
gunakan setem 10 sen. Dengan
ini melatihkan juga diri
berjimat cermat.

Perkataan sebenar ialah *Shu'abân*

Persuratan Arab

(Oleh 'Abd al-Rahman Sidqi, Terengganu)

==

Tiap-tiap bangsa di dunia ini memang

ada mempunyai kebudayaan, kesenian dan persuratan masing-masing. Semuanya itu adalah berlainan caranya, oleh kerana tujuan untuk memberi sedikit penerangan maka inilah abang terangkan kepada adik-adik mengenai persuratan Arab.

Persuratan dan keindahan bahasa

Arab tentang tinggi nilainya harus tidak bersetanding dengan persuratan bangsa-bangsa lain, biarpun orang-orang Inggeris, Rusia, Perancis dan lain-lain lagi yang mengatakan keindahan bahasa mereka telah memuncak tinggi dan telah pun terkenal di mata dunia. Persuratan Arab dan kebijakan orang-orang Arab di bahagian itu telah nyata kepada orang-orang Barat yang telah mengetahui bahasa itu dengan lebih dalam. Setengah-setengah pujangga Arab pada masa lampau bukanlah sahaja terdiri daripada ahli-ahli syair dan pengarang-pengarang cerita malah ada dari mereka ialah dari golongan alim ulama yang telah banyak mengarang kitab berpuluh-puluh, kitab-kitab itu pula mengandungi hal-hal kehidupan binatang, ubat-ubat, falsafah-falsafah, kimia, dan lain-lainnya.

Pujangga Arab itu dari semasa

ke semasa semakin ramai dan bertambah, dalam kurun yang akhir ini tergambar pula

cerita-cerita *Alf Laylah wa Laylah* (Seribu

Satu Malam) bagaimana tinggi nilainya

buku ini tak dapatlah hendak dikatakan

hingga banyak cerita-cerita itu telah

dijadikan cerita lakonan di atas

pentas opera dan juga dijadikan

filem oleh bahasa-bahasa asing. Kalau dibaca

cerita-cerita ini tentu kita terबाwa

oleh buku itu ke alam khayal tambahan

pula susunan seni kata sindirannya yang

bagus menyebabkan kita merasai lazatnya

membacanya.

Di antara pujangga-pujangga Mesir yang

masyhur dalam kurun yang kedua puluh ini

ialah Jurji Zaydan pengarang berpuluh-puluh

buah buku sejarah perkembangan Islam.

Dalam buku-buku itu ia telah mengupas

dengan cara berterus-terang. Sekarang telah

ada berpuluh-puluh pujangga lain, lelaki

perempuan menjadikan persuratan Arab

makin menjalar luas dan berkembang.

Kalau ditinjau pula keindahan

susunan al-Qur'an al-Karim lebih-lebih lagi

tinggi nilainya, kerana di dalam Qur'an

itulah mengandungi seni bahasa (nahu,

saraf dan balaghah) yang cukup

teratur, begitu juga arti

sindiran-sindiran dan pertunjukan-pertunjukan

yang bagus untuk panduan kita umat

Islam seluruhnya. Hingakan tidak ada

seorang pun yang dapat tiru seperti

itu. Kerap kali hal ini ditempuhi

oleh ulama-ulama balaghah tetapi tak juga

berhasil hendak meniru secara itu.

(sambungan pada muka 4)

فنجوري يغ چر ديق

توان ايت . مك سبترن توان تله
منجوقكن ساتو فراسان يغ هالوس
يفاد فد دبيري توان . فراسان ايت
فايه ددافني دكالغن اورغرامي .
دان اينله فرتام كالي ساي برجمفادغن
اورغ يغ چر ديق سفرت توان دالم
سجاره هيدوف ساي . بهواسن توان
تيدق شك لاكي سئورغ يغ فينتر
دان امانه . دغن اين ساي هارف
توان سودي داتغ برجمفا ساي .
كران ساي ايغن مغنل توان دان
مبيري سوباغن كغد توان ...
تريما كاييه !!!

ستله فنجوري ايت مباح اعلان
تربسوة . الغكه سو كهاتين . سرت
مهاوة فغكيغن سوداگر ايت .
تيدق براف لام كمدين . ايغون
مبندغ جوانن فغورس دكودغ سوداگر
ايت . حاصل دري كفينتران دان
صفتن ۳ يفامانه ايت . ادا .

(سمبوغن دري موكه)

دالم قرآن جوگك مغندوغي
برباكي ۲ علم ففتهوان يغ تيغكي ۲
دان علم يفوله مندوكيت كغد جانن
كسلامتن هيدوف ددنيا ماهوفون
داخرة . فغكهفون دمكين كرفكالي
اورغ ۲ يغ ماهو فتيق علم ۲ ايت
ترفقسا مفهادفي كسوليتن دان
كسواهن . تنافي الله سبحانه وتعالى
تله مريغكن اتوء منجافي علم
فتهوان . حكوم اكلم . دان فراتوران
اوندغ ۲۱ . كران علماء ۲ كيت تله
منتغسيركن قرآن دغن جلس دان تله
دترجمهكن كدالم برباكي ۲ بهاس .

دباده اين دموانكن ساتو چريتا ترجماهن دري مجله الهلال
دري ابن مختار . نورالاتفاق يغ مفكمبركن كسوجين هاتي سئورغ فنجوري .
كالو دفهاتيكن كجادين اين ميسغ كنجيل - تاكن فنجوري
بوله مولفكن بارغ يغدچورين . تنافي ممندغ كغديكف اورغ يغ
كچورين بارغن ايت - لاهين يغ منجوري لاهين يغ دتودهن دغن اوگه يغ
كجم دغن تيدق اصول فرقسا لاكي . مك ايت ايان ملاكوكن دمكين . سف .

تربسوة . تنافي دمانكه كدوان اكن
منجاري كالوغ ايت . كران كدوان
برسيه دري تودهن توان . سمندارا
ايت . توان تله مغانجم كدوان دغن
مغميل يندفتن بايت مجتكن كدوان
دري جوانن . كيرا ن مريك بردوا
تيدق مفاكو . كسيهن !! دري سيمو
تيمولله فراسان كسيهن بلس اي
ترهادف كدوان يغ تيدق بردونا
ايت . مك سب ايتله ساي مغميل
كفو تن مولفكن كالوغ توان يغ
كهياغن ايت . دهارف تريماله دغن
سلامتن !!

تيدق دافة دكمبركن بتاف
سوكا ن سوداراكو ايت . دان تيمبول
كجيرانن دداله هاتين ترهادف
فنجوري يغ كنجيل ايت . دسيبو
ايغون ميساركن ساتو معلومات
دالم سبواه اخبار . يغ دتوجوكن
كغد فنجوري ايت . كندوغن سفرت
براكوة :

اتوء توان يغ چر ديق . يغ
مولفكن كالوغ !

ستله ساي منريما كالوغ كيرمين
توان ايت . مك تيمبولله كجيرانن
بسر دالم هاتي ساي ترهادف سيكف

ساوتس كالوغ متيارا تله
دچوري اورغ دالم سبواه كودغ
دلوس اينجيلس (دالم امريكا
شريكة) . سوداگر يغ كهياغن
كالوغ ايت اياله سئورغ چينا يغ
منجوال ايتنن برليان .

بلغ تباد براف لام درفد
برلاكو كچورين اين . فدسوات
هاري سوداگر ايت منريما سبواه
بوغكوسن ملالوي فوسه اوفيس
[parcel Post] يغ مان برايسي
ددالمن كالوغ بقتله كهياغن ايت
برسام ۲ كالوغ ايت ترسليه سفوجوه
سورة يغ كسندوغن سفرت
براكوة :-

واهي سوداگر يفمليان :-

سبترن كهياغن كالوغ يغ
برهرتك ديسي توان ايت . سايله
يغ مغميلن درفد كودغ توان
تيمفوه هاري . بلغ دوا هاري دري
برلاكو كچورين ايت . ساي فون
لالو دهदान كودغ توان مك
ساي دافتي توان تله مغوكه دان
مقسا كغد دوا اورغ فكرج توان
(اورغ كاجي ايت) . سغاي كدوان
مفاكو دان مولفكن . باليك كالوغ

Pencuri yang cerdas

Di bawah¹ ini dimuatkan satu cerita terjemahan dari majalah al-Hilal

dari Ibn Mukhtār, Nūr al-Ittiqā yang menggambarkan kesucian hati seorang pencuri.

Kalau diperhatikan kejadian ini memang ganjil – takkan pencuri

boleh memulangkan barang yang dicurinya, tetapi memandangkan kepada sikap orang yang

kecurian barangnya itu – lain yang mencuri lain yang dituduhnya dengan ugut yang

kejam dengan tidak usul periksa lagi, maka itu ianya melakukan demikian. – P.

Seutas kalung mutiara telah
dicuri orang dalam sebuah gudang
di Los Angeles (dalam Amerika
Syarikat). Saudagar yang kehilangan
kalung itu ialah seorang Cina yang
menjual intan berlian.

Selang tiada berapa lama daripada
berlaku kecurian ini, pada suatu
hari saudagar itu menerima sebuah
bungkusan melalui *Post Office*
[*parcel Post*] yang mana berisi
di dalamnya kalung yang telah kehilangan itu
bersama-sama kalung itu terselit sepucuk
surat yang kandungannya seperti
berikut:-

Wahai saudagar yang mulia:-

Sebenarnya kehilangan kalung yang
berharga di sisi tuan itu, sayalah
yang mengambilnya daripada gudang tuan
tempoh hari. Selang dua hari dari
berlaku kecurian itu, saya pun
lalu di hadapan gudang tuan maka
saya dapati tuan telah mengugut dan
memaksa kepada dua orang pekerja tuan
(orang gaji itu), supaya keduanya
mengaku dan memulangkan balik kalung

tersebut. Tetapi di manakah keduanya akan
mencari kalung itu, kerana keduanya
bersih dari tuduhan tuan. Sementara
itu, tuan telah mengancam keduanya dengan
mengambil tindakan iaitu memecatkan kedua-duanya
dari jawatan, sekiranya mereka berdua
tidak mengadu, kasihan!! Dari situ
timbullah perasaan kasihan belas ia
terhadap keduanya yang tidak berdosa
itu. Maka sebab itulah saya mengambil
keputusan memulangkan kalung tuan yang
kehilangan itu, diharap terimalah dengan
selamatnya!!

Tidak dapat digambarkan betapa
sukanya saudaraku itu, dan timbul
kehairanan di dalam hatinya terhadap
pencuri yang ganjil itu. Di situ
ia pun menyiarkan satu maklumat
dalam sebuah akhbar, yang ditujukan
kepada pencuri itu. Kandungannya
seperti berikut:-

Untuk tuan yang cerdas, yang
memulangkan kalung!

Setelah saya menerima kalung kiriman
tuan itu, maka timbullah kehairanan
besar dalam hati saya terhadap sikap

tuan itu. Maka sebenarnya tuan telah
menunjukkan satu perasaan yang halus
yang ada pada diri tuan. Perasaan itu
payah didapati di kalangan orang ramai,
dan inilah pertama kali saya berjumpa dengan
orang yang cerdas seperti tuan dalam
sejarah hidup saya. Bahawasanya tuan
tidak syak lagi seorang yang pintar
dan amanah. Dengan ini saya harap
tuan sudi datang berjumpa saya,
kerana saya ingin mengenal tuan dan
memberi sumbangan kepada tuan ...
terima kasih!!!

Setelah pencuri itu membaca iklan
tersebut, alangkah suka hatinya, serta
menyahut panggilan saudagar itu.

Tidak berapa lama kemudian, ia pun
menyandang jawatan pengurus di gudang saudagar
itu, hasil dari kepintarannya dan
sifat-sifatnya yang amanah itu, adanya.

(sambungan dari muka 3)

Di dalam Qur'an juga mengandungi
berbagai-bagai ilmu pengetahuan yang tinggi-tinggi
dan ilmu yang boleh memandu kita kepada jalan
keselamatan hidup di dunia mahupun
di akhirat. Sungguhpun demikian kerap kali
orang-orang yang mahu petik ilmu-ilmu itu
terpaksa menghadapi kesulitan dan
kesusahan. Tetapi Allah Subhānahu wa Ta'ālā
telah meringankan untuk mencapai ilmu
pengetahuan, hukum agama, dan peraturan
undang-undangnya, kerana ulama-ulama kita telah
mentafsirkan Qur'an dengan jelas dan telah
diterjemahkan ke dalam berbagai-bagai bahasa.

¹ Perkataan sebenar adalah bawah

ديري منجانکن فرنته ۲. بغ سده
سوره بوا اوله توهن .

اڤيل مندغر فرکتان انقن ايت
مک انصافله اي اکن تفکوغثن لالو
اي مبرهکن دبرين کفد ککواشان
الله . دغن هاتي بغ برسيه . دغن
هاتي بغ طاعة اي فون ملتقکن
فيسون کليهر انقن لالو ميميله
انقن ايت . انق ۲ تننو تاهو داره
تننو ميمبور . تنکل ايت اي فون
مبولک کاین ايت دان الفکله
سوکحيتان . اڤيل ددافتين بهوا
يغدميله ايت بوکن انقن -
تتافي سڤکور کميغ کيش يغ فوتيه
دان کموء .

کدوا ۲۱ مريکيت لالو برسکور
کفد الله اتس رحمتن بغ ساغه
لیمفه کفد همبان . ادکه مانسي فد
زمان دهولو افلاکي فد زمان سکارغ
يغ بوله سڤکيتو تولس مفربانکن
انقن دغن دسمله اوله تاغن ايهن
سنديري ميمفیکن فرنته ۲ توهن .
تننو سکالي توء شيخ فيکر تيدق اد
دان هاروس کيت تيدق اکن دافتي
سولس دان سولوکل ايت ادان
مانسي . سبب ايت نبي ابراهيم
دؤندغ سورغ نبي بغ ساغه مليا .
ادکه انق ۲ مغرتي اف تولادن
اتو اعتبار يفاذ ددالم کجادين
ايت؟ جوابن اکن توء شيخ بري
دالم کلوارن يهاکن داتغ .

فرنته ۲. يفتله دتورنکن توهن
کآسن . سله ايت مک ايغون مبابوا
انقن فرکي کسوات تمغه دغن
توجوان انتوء ميميله انقن
يغدکليهن ايت سڤکيمان يغ
دفرنتهکن اوله توهن .

سسمين دتمغه ايت انقن
اسماعيل دباريهکنن دان دتوتفن
دغن کاین . اي مغلوارکن فيسون
دان تنکل اي هندق ملتقکن فيسو



توشیخ

ايت کليهر انقن . ساکي سورغ
باف کفد انق يغدکليهن . اي
ترکامم دان تراس فابه هندق
ملاکوکن يغمکين ايت .

دغن مقتهوي کادان اين انقن
يغ متوغکوا ۲ کجادين ايت برکات
بهوا تيدق مولق باکي ايهن
برلمبه ۲ ملاکوکن فرنته توهن
سدغ اي سنديري (نبي اسماعيل)
ريضا منجادي قربان اتو مفربانکن

کالي اين . تيدق براف هاري
لاکي سمفي ماس هاربراي حج .
انق ۲ تننو تاهو فد هاري ايت
رامي اورغ اسلام يغ فرکي کمکه
منويکن فرض حج . هاربراي حج
ايت جوک دسوة هاربراي قربان .
فد هاري ايت دستکن سفاي ميميله
بياتغ هيدوفن ۲ دجادیکن قربان
يغ داکيغن سوره بهاکيکن کفد
فقير دان مسکين . تاهوکه انق ۲
بکيمان مولان مک دسوره کيت
مغادکن قربان ايت؟

ماري توء شيخ چريتاکن . انق ۲
تننو دغر نام نبي الله ابراهيم . نبي
ابراهيم اد ممفوپاي انق نمان نبي
اسماعيل بايت انقن يغ منجادي
فونجا کتورنن باکي نبي کيت
محمد صلي الله عليه وسلم .

فد سوات هاري نبي ابراهيم
تله برميمفي . الله ممرتهکن سفاي
انقن اسماعيل دسملهين . انقن
ايت اداله انق يغدکليهن سدغ اي
سکارغ منريما سوات فرنته باکي
مفربانکن انق يغدکليهن ايت .
انق ۲ تننو تاهو بکيمان فابه دان
سوکرن هندق ملاکوکن سوات
فرنته يغ بره ايت .

تتافي کران ايمان يغ قواة فد
دبرين دان فرجاي داتس ککواشان
دان کييجقسان توهن مک اي فون
مغکيل انقن لالو منجر يتاکن اکن

Kali ini, tidak berapa hari lagi sampai masa Hari Raya Haji. Anak-anak tentu tahu pada hari itu ramai orang Islam yang pergi ke Mekah menunaikan fardu haji. Hari Raya Haji itu juga disebut Hari Raya Korban. Pada hari itu disunatkan supaya menyembelih binatang¹ hidupan-hidupan dijadikan korban yang dagingnya disuruh bahagikan kepada fakir dan miskin. Tahukah anak-anak bagaimana mulanya maka disuruh kita mengadakan korban itu?

Mari Tok Syeikh ceritakan. Anak-anak tentu dengar nama Nabi Allah Ibrahim. Nabi Ibrahim ada mempunyai anak namanya Nabi Ismail iaitu anaknya yang menjadi punca keturunan bagi Nabi kita Muhammad *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam*.

Pada suatu hari Nabi Ibrahim telah bermimpi, Allah memerintahkan supaya anaknya Ismail disembelihnya. Anaknya itu adalah anak yang dikasihinya sedang ia sekarang menerima suatu perintah bagi mengorbankan anak yang dikasihinya itu. Anak-anak tentu tahu bagaimana payah dan sukarnya hendak melakukan suatu perintah yang berat itu.

Tetapi kerana iman yang kuat pada dirinya dan percaya di atas kekuasaan dan kebijaksanaan Tuhan maka ada pun memanggil anaknya lalu menceritakan akan

perintah-perintah yang telah diturunkan Tuhan ke atasnya. Setelah itu maka iapun membawa anaknya pergi ke suatu tempat dengan tujuan untuk menyembelih anaknya yang dikasihinya itu sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuhan.

Sampainya di tempat itu anaknya Ismail dibaringkan dan ditutupnya dengan kain. Ia mengeluarkan pisaunya dan tatkala ia hendak meletakkan pisau



itu ke leher anaknya, sebagai seorang bapa kepada anak yang dikasihinya, ia tergamam dan terasa payah hendak melakukan yang demikian itu.

Dengan mengetahui keadaan ini anaknya yang menunggu-nunggu kejadian itu berkata bahawa tidak molek bagi ayahnya berlamat-lambat melakukan perintah Tuhan sedang ia sendiri (Nabi Ismail) reda menjadi korban atau mengorbankan

diri menjalankan perintah-perintah yang sudah disuruh buat oleh Tuhan.

Apabila mendengar perkataan anaknya itu maka insafah ia akan tanggungannya lalu ia menyerahkan dirinya kepada kekuasaan Allah. Dengan hati yang bersih, dengan hati yang taat ia pun meletakkan pisaunya ke leher anaknya lalu menyembelih anaknya itu. Anak-anak tentu tahu darah tentu menyembur. Tatkala itu ia pun membuka kain itu dan alangkah sukacitanya. Apabila didapatinya bahawa yang disembelih itu bukan anaknya - tetapi seekor kambing kibas yang putih dan gemuk.

Kedua-dua mereka itu lalu bersyukur kepada Allah atas rahmat-Nya yang sangat limpah kepada hamba-Nya. Adakah manusia pada zaman dahulu apalagi pada zaman sekarang yang boleh sebegitu tulus mengorbankan anaknya dengan disembelih oleh tangan ayahnya sendiri menyampaikan perintah-perintah Tuhan?

Tentu sekali Tok Syeikh fikir tidak ada dan harus kita tidak akan dapati setulus dan setawakal itu adanya manusia. Sebab itu Nabi Ibrahim dipandang seorang Nabi yang sangat mulia.

Adakah anak-anak mengerti apa tauladan atau iktibar yang ada di dalam kejadian itu? Jawabnya akan Tok Syeikh beri dalam keluaran yang akan datang.

¹ Perkataan sebenar adalah binatang

فرماتي دان جمله سفای کامو هیدوف برهکیا

کات ففاته: بارغسیاف سفیة
هاتین نسجای لواس لیدهن .

انق ۲ کو! ففاته یغترسبوة
ابن اداله ساکی فرایفانن . شورغ
یغ سفیة فیکرانن . تیدق لواس
فراسانن تیدق جاوه فمنداغتنن .
بایت صفه ۲ یغ تیدق سیکاد کفد
دیری کیت اب اداله منجادی سب
اورغ ایت بابق برچاکف کورغ
بکرج . اورغ یغ سفیة فیکران
ایت بیاسن موده سکالی مغلوارکن
فرکتانن ۲ یغ تیدق بر ففاده . منسا
اورغ لاین .

ملیهة دان مفتھوی افیل بارغ
سدیکیة دفسر امضان مک هرگان
تأبک دان مهل . افیل بارغ ایت
بابق مک دغن سندرین هرگان
اکن منجادی موره بهکن کالو
مده تولمفاو بابق همفیر تیدق
برهرکت .
کران بودهن هاروس فکرجان
ایت مرهیا کفدان . کیت بوله
تگور دان بوله امیل بارغ ایت
درفدان . مقصودن کیت بوله
منجاوهکنن درفد مرهیا ایت .
تتافی کبودوهن ددالم دیرین
سندیری یعنی کبودوهن جیوان
تیدق دافه دسلامتکن .

* * *

کات عارف: هرکت سشورغ
ایت ایاله کفنداینن .

تتافی برلااینن دغن عقل
سماکین لواس عقل سشورغ، سماکین
تییگی درجتین دان مهل هرگان .
جادی کالو عقل فنجغ مک مده
تتو اکن منجادی ماهل نیلی اتو
هرگان .

اورغ تیدق ممدغ تیگی دان
مهرگانکن سشورغ اتس روفان .
اتس کیان اتو اتس کماکهنن .
اورغ مهرگانکن دیری سشورغ
ایت اتس کفنداینن . طومس
ایدیسن دهرگانکن اورغ کران
کچیانن ددالم ایلقتیریک، مرکونی
دالم بمبواته رادبو دان بابق لاکي
اورغ ۲ یغتر نام دان دهرگانکن
اورغ کران کفنداینن .

کالوانق ۲ ماهو منجادی اورغ
یغبر عقل تنتوتله علم کران علم
ایت فونجا منومبوهکن عقل یغ
سفرن .

* * *

اورغ یغ بوده ایت دافه
دسلامتکن درفد تیغ ۲ بهیا دري
لوار تتافی ای تادافه دسلامتکن
درفد بهیا دالم دیرین .

تیدق مدای بکیتو سهاج تتافی
لبه جلاک لاکي صفة اورغ ایت
سوک سفی مسمفی فرکتانن اورغ
لاین . دغن ابن انق ۲ مستی ایغه
انق ۲ مستی لواس هاتی، جاغن
موده مغلوارکن سوات فرکتانن
سبلوم دتیبغ جوکف ۲ اف کسن
دان اف فائدهن ددالم فرکتانن یغ
دکلوارکن اوله لیده ایت .

* * *

اوله ایت براوسهاله انق ۲
سفای منجادی اورغ فدیدی دان
انق ۲ نتتی منجادی اورغ یغ
دهرگانکن دان برچاس . فاجیب .

کالو انق ۲ لیته اورغ ۲ یغ
بوده ایت ملاکونکن سوات
فکرجان یغ بوده دافه کیت تولغ .
امضان ای بواته سوات فکرجان .

کات عارف: تیغ ۲ سوات افیل
بابق عقل جادی موره . ملیتکن
برتمبه بابق عقل برتمبه مهل .

انق ۲ کو! انق ۲ تنتو تله

Perhati dan Camlah Supaya Kamu Hidup Berbahagia

Kata pepatah: barang siapa sempit
hatinya nescaya luas lidahnya.

Anak-anakku! Pepatah yang tersebut
ini adalah sebagai peringatan seorang
yang sempit fikirannya. Tidak luas
perasaannya tidak jauh pemandangannya -
iaitu sifat-sifat yang tidak seyogianya ada kepada
diri kita itu adalah menjadi sebab
orang itu banyak bercakap kurang
bekerja. Orang yang sempit fikiran
itu biasanya mudah sekali mengeluarkan
perkataan-perkataan yang tidak berfaedah, menista
orang lain.

Tidak memadai begitu sahaja tetapi
lebih celaka lagi sifat orang itu
suka sampai menyampai perkataan orang
lain. Dengan ini anak-anak mesti ingat
anak-anak mesti luas hati, jangan
mudah mengeluarkan suatu perkataan
sebelum ditimbang cukup-cukup apa kesan
dan apa faedahnya di dalam perkataan yang
dikeluarkan oleh lidah itu.

* * *

Kata arif: tiap-tiap sesuatu apabila
banyak akal jadi murah, melainkan
bertambah banyak akal bertambah
mahal.

Anak-anakku! Anak-anak tentu telah

melihat dan mengetahui apabila barang
sedikit di pasar umpamanya maka harganya
naik dan mahal. Apabila barang itu
banyak maka dengan sendirinya harganya
akan menjadi murah bahkan kalau
sudah terlampau banyak hampir tidak
berharga.

Tetapi berlainan dengan akal.

Semakin luas akal seseorang, semakin
tinggi darjatnya dan mahal harganya.
Jadi kalau akal panjang maka sudah
tentu akan menjadi mahal nilai atau
harganya.

Kalau anak-anak mahu menjadi orang

yang berakal tuntutlah ilmu kerana ilmu
itu punca menumbuhkan akal yang
sempurna.

* * *

Orang yang bodoh itu dapat
diselamatkan daripada tiap-tiap bahaya dari
luar tetapi ia tak dapat diselamatkan
daripada bahaya dalam dirinya.

Kalau anak-anak lihat orang-orang yang

bodoh itu melakukan sesuatu
pekerjaan yang bodoh dapat kita tolong.

Umpamanya ia buat suatu pekerjaan,

kerana bodohnya harus pekerjaan
itu merbahaya kepadanya. Kita boleh
tegur dan boleh ambil barang itu
daripadanya. Maksudnya kita boleh
menjauhkan daripada mara bahaya itu.
Tetapi kebodohan di dalam dirinya
sendiri yakni kebodohan jiwanya
tidak dapat diselamatkan.

* * *

Kata arif: harga seseorang

itu ialah kepandaiannya.

Orang tidak memandang tinggi dan

menghargakan seseorang atas rupanya,
atas kayanya atau atas kemegahannya.

Orang menghargakan diri seseorang
itu atas kepandaiannya. Thomas

Edison dihargakan orang kerana

kejayaannya di dalam elektrik. Marconi

dalam membuat radio dan banyak lagi

orang-orang yang termana dan dihargakan

orang kerana kepandaiannya.

Oleh itu berusaha anak-anak

supaya menjadi orang pandai dan

anak-anak nanti menjadi orang yang

dihargakan dan berjasa. Pak Habib.

انق ۲ ماهو فرچای اتو تیدق؟

فاکو. فتي ايت کليماتن تله ترلفس
هغک موده دبوک .

سي ففکالي قبور ترماوق
ايچان سديري سرت مرتوان .
ماکين برتمه ۲ تعجوب . کران
کران کنيک فتي ايت دبوک تمقله
شورغ بايي فرمفوان ترماويع
دسيي ميت يفتله منيغکل ايت .
تتافي خيران . کاین کافنن مديکيه

فون تيدق اد يع روسق . کجوالي
بدانن مير يع کير ۳۱ 30 درجه . کران
بايي فرمفوان ايت ترپاة ماتني . دان
قبور ايت فون ديمبوس کمبالي .
منوره دوکأن ۲ اورغ دتمفة
ايت . "تامو غيب" يهد کتاکن تادي
اداله بيدان يع هندق منولغ سي ميت
ملاهيرکن انق . سدغکن داره
يفر جيچيران ايت اداله دارهن
کنيک ملاهيرکن .

کجادين اين دفندغ اوله دقتور
محمد اوک دري موار تيويه ساکي
ساتو کجادين يع ساعه دلوار قدره .
منوره کترانغن . شورغ حامل يع
منيغکل دنيا فد هاري چوکف
بولنن دافه ملاهيرکن انق دالم
قبور دان دافه براوسيا 4 مينيه
سهاج . بيار فون بکيتو کجادين
ايت بلوم فرنه ترچادي دمکين
دکناکن اوله دقتور محمد اوک .
کجادين اين تله دسفنيکن کند
فجابه اوروسن اکام دان فجابه
کصيحانن دائره . اتنوه دادکن
فرقسان يع لبه لنجوه .

دمکين دخبرکن اوله سور تخبر
هارين اندونيسيا مردبکا .

دباوه اين دسارکن سوات کجادين لواز بياس . اف بنر اتو تيدق
چريتا اين تيدق دافه دترغکن . سفاي انق ۲ تاهو اف چريتان بجاله
روايتن يفتله دتوليس اوله هارين "اندونيسيا مردبکا" يهد ترينکن
دبنجر ماسين . کجادين اين مده تنف لواز بياس - جادي اوله ايت
دقولغکن کفد انق ۲ ادکه ماهو فرچاي اتو تيدق . کجادين ايت
بگيني :-

دکچماتن منتاله . تمفغ لاووغ . " انق للوهور " يع دالم کندوغن
بنجر ماسين . بيراف بولن يغللو ايت دافه لاهير .

تله ترچادي ساتو کجادين يع
کنجيل . يهدنماکن اورغ ۲ دان
"ساعه دلوار قدره" . تتافي بهارو ۲
اين تله دبريتاکن اوله ساله شورغ
ورتاون اندونيسيا دکوت ايت .
شورغ فرمفوان مغدوغ سميلن
بولن تله ملاهيرکن انق ددالم
قبورن . بهاري سده اي منيغکل
دنيا . کجادين ايت :-

شورغ فرمفوان برنام ايس .
مارغ . استري دري شورغ کورو
سکوله يغير نام ايچان . دکچماتن
منتاله . تمفغ لاووغ . بنجر ماسين
تله منيغکل دنيا فد جم 4:30 فاكي .
هاري ائينن تگکل 22 ستمبر 1952
يغللو . فرمفوان ايت سدغ مغدوغ
سميلن بولن بيراف هاري دان تله
چوکف وقتون اتنوه ملاهيرکن .
مسکيفون ايچان دان استرين
يع منيغکل ايت براکام اسلام . تتافي

منوره عاده استعادة دتمفة ايت
کنيک برچاک ۲ قبور اورغ يع
منيغکل ايت چوکف دادکن
اوقچارا " سکليلغ " يع منوره
فد جم 1:30 مالم دانتارا مريک
يع برچاک ۲ دکمفوغ ايت .
ترماوق ايچان . سوامي دري يع
منيغکل تادي . شوله ۲ مندغر داتغ
شورغ "تامو غيب" يع حال کادانن
سغرت " اورغ سدغ مينوم " . تيدق
لام کمدين تردغر بويي يع سرم
... کوف . کوف . کوف .
کوف . بيراف کالي . ساکي عاقبه
دري بويي ايت داتس قبور تادي
تردافه امفة بواه لوبغ . بواه
دبهاکين کفلا . بواه دبهاکين کاکي
دان دوا بواه لاکي دتغه دبهاکين
بدان . دري چله ۲ لوبغ تادي
جلس تردغر تاغيس سوارا انق
کچيل . شورغ بايي .
فراسيوا دمکين منجاديکن
اورغ دکمفوغ ايت منجادي ريبوه .
دان بايق اورغ داتغ اتنوه ميلسيکن
کجادين يع انيه ايت .
ايسوق هارين . قبور ايت
دکالي . کير ۳۱ تيک کاکي دالمن
ترليهه داره برسوق دمرا ۲ .
فيلقن کنيک سفي فتي ميت ايت .

Anak-anak mahu percaya atau tidak?

Di bawah ini disiarkan suatu kejadian luar biasa. Apa benar atau tidak

cerita ini tidak dapat diterangkan. Supaya anak-anak tahu apa ceritanya bacalah

riwayatnya yang telah ditulis oleh Harian “Indonesia Merdeka” yang diterbitkan

di Banjarmasin. Kejadian ini sudah tetap luar biasa – jadi oleh itu

dipulangkan kepada anak-anak adakah mahu percaya atau tidak. Kejadian itu begini:-

Di Kecamatan Montallat, Tumpung Laung,

Banjar Masin, beberapa bulan yang lalu

telah terjadi satu kejadian yang

ganjil, yang dinamakan orang-orang di sana

“sangat di luar kudrat”, tetapi baharu-baharu

ini telah diberitakan oleh salah seorang

wartawan Indonesia di kota itu.

Seorang perempuan mengandung sembilan

bulan telah melahirkan anak di dalam

kuburnya, sehari sesudah ia meninggal

dunia. Kejadian itu:-

Seorang perempuan bernama S.

Marang, isteri dari seorang guru

sekolah yang bernama Ican, di Kecamatan

Montallat, Tumpung Laung, Banjarmasin

telah meninggal dunia pada jam 4.30 pagi,

hari Isnin tanggal 22 September 1952

yang lalu. Perempuan itu sedang mengandung

sembilan bulan beberapa hari dan telah

cukup waktunya untuk melahirkan.

Meskipun Ican dan isterinya

yang meninggal itu beragama Islam, tetapi

menurut adat istiadat di tempat itu

ketika berjaga-jaga di kubur orang yang

meninggal itu, juga diadakan

upacara “sekeliling” yang menurut

“anak leluhur” yang dalam kandungan

itu dapat lahir.

Pada jam 1.30 malam di antara mereka

yang berjaga-jaga di kampung itu,

termasuk Ican, suami dari yang

meninggal tadi, seolah-olah mendengar datang

seorang “tamu ghaib” yang hal keadaannya

seperti “orang sedang minum”. Tidak

lama kemudian terdengar bunyi yang seram

.... gup...gup, gup,

gup, beberapa kali. Sebagai akibat

dari bunyi itu di atas kubur tadi

terdapat empat buah lubang, sebuah

di bahagian kepala, sebuah di bahagian kaki

dan dua buah lagi di tengah di bahagian

badan. Dari celah-celah lubang tadi

jelas terdengar tangis suara anak

kecil, seorang bayi.

Peristiwa demikian menjadikan

orang di kampung itu menjadi ribut,

dan banyak orang datang untuk menyaksikan¹

kejadian yang aneh itu.

Esok harinya, kubur itu

digali. Kira-kira tiga kaki dalamnya

terlihat darah berserak di merata-rata.

Peliknya ketika sampai di peti mayat itu,

paku, peti itu kelihatan telah terlepas

hingga mudah dibuka.

Si penggali kubur termasuk

Ican sendiri serta mertuanya,

makin bertambah-tambah takjub, kerana

kerana² ketika peti itu dibuka nampaklah

seorang bayi perempuan terbaring

di sisi mayat yang telah meninggal itu.

Tetapi hairan, kain kapannya sedikit

pun tidak ada yang rosak, kecuali

badannya miring kira-kira 30 darjah. Kerana

bayi perempuan itu ternyata mati, dan

kubur itu pun ditimbus kembali.

Menurut dugaan-dugaan orang di tempat

itu, “tamu ghaib” yang dikatakan tadi

adalah bidan yang hendak menolong si mayat

melahirkan anak, sedangkan darah

yang berjejeran itu adalah darahnya

ketika melahirkan.

Kejadian ini dipandang oleh doktor

Muhammad Awak dari Muara Teweh sebagai

satu kejadian yang sangat di luar kudrat.

Menurut keterangannya, seorang hamil yang

meninggal dunia pada hari cukup

bulannya dapat melahirkan anak dalam

kubur dan dapat berusia 4 menit

sahaja. Biar pun begitu kejadian

itu belum pernah terjadi demikian

dikatakan oleh doktor Muhammad Awak.

Kejadian ini telah disampaikan kepada

pejabat urusan agama dan pejabat

kesihatan daerah, untuk diadakan

pemeriksaan yang lebih lanjut.

Demikian dikhabarkan oleh surat khabar

harian Indonesia Merdeka.

¹ Perkataan yang sebenar menyaksikan

² Perkataan kerana berulung dua kali

دغن فرصحابتن ایت دان تله
برعزم هندق سیدوف سماتی
برسام .

*

ترکنشکن تانهآیر

ماس برجالن دغن بهکیا دان
تنغ، فرصحابتن کدوان دري سهاری
کسهاری ماکین برتسمه ارة، جوهرن
برچیتا ۲ کالو ۲ دی دافه هیدوف
برککالن برسغ لیئغ دان امان دامی
سقرت یغ سدغ دراسن فد کتیک
ایت .

تسافی افکندهای! کواجیفنن
مستی دتو نیکن، کذاغئن کفد تانهآیر،
فرستیانن کفد جنجی یقتله
داوچفکن دهدافن راجن دهولو،
دان چیتا ۲۱ هندق میلامتکن قوم
بغسان درفد بهیا ناگک - سمان
ایتوله مقسام مرفوه سکل
فندریتان یأیت سمات ۲ کران
برخدمه کفد تانهآیرن بغد کاسیھی .

دفاذغ ناگک

تیدورله جوهرن فد مالم ایت،
برمیمفیکن کجیان چیتا ۲۱ یغسر
ایت . سبایک ۲ سهاج تریبه فجر،
مک جوهرن تله باغون دغن سگرا
دان فنوه برسماغه، لالو مچجوتکن
کودان ایت درفد تیدور دغن
منفوق بلاکفن .

سمتارا جوهرن مینوم ایرفاکی
درفد بکالن یغداواون مک کودان
ایت تله دلفسکن مراکوة رمفوة
دان مینسوم ایر درفد سوغی

چرتا لیمیدیه

کودا تر بئغ

سمنجق ایت کودا تر بئغ یغ ترسبوة تله برابوه کادانن درفد لیبار
دان تاکوة لالو منجادی جینق دان سبیا کفد "جوهرن فرکاس" یغ سدغ
منوغکفن .

V

لاکئی، اتو فون تیغکل دغن اکو
سمنجغ ۲ ماس، هیدوف دان ماتمی
برسام .

دغن تیدق برتغکوه لاکئی،
کودا ایت تله تر بئغ کاودارا سهغک
هیغخ دري فمنداغئن .

یقینله دهاتی "جوهرن فرکاس"
بهوا کودا یقتله تر بئغ ایت
تیدق بربالیک ۲ لاکئی، دان مپسلله
دی تنشغ دی مناروه بایک سهغک
کفدان . سدغ جوهرن تغکلم ددالم
فراسان کسل دان دوکچیتان، تینا ۲
کلپهاتن کودا یغ دسایغی دالم
فرجالنن بالیک کفدان دان سدغ
برلومبا دغن اشین دالم فرباغئن
ایت . سنتر کمدين کودا ایت تله
تورن لالو مغمفیرین دغن جینق
دان منجا لاکون .

"روفان فراستکو تیدق برساله
لاکئی، کات جوهرن ددالم هاتین،
دان سمنجق ایت مغمهوبله دی
بهوا کودان یغداویغی ایت تنف
سبیا کفدان .

کدوان تله تیدور فد مالم ایت
دغن لیقن، مریک مراس بهکیا

(اوله ابغ "له")

افیل کودا تر بئغ ایت تله
تورن داتس کمونجق کونف،
ترهتیلله ای منوغکو "جوهرن
فرکاس" تورن دري اتس بلاکفن،
جوهرن فون ملومغه تورن سمیل
مکفغ تالی رسن یغ سقتی ایت .

سنله درنوغن مات کودان
یغداویغی ایت مک بسرله هاتین
افکل تر فندغ سدغ منجرکن تدا ۲۱
اخلاص دان سبیا، جوهرن فون
منفوق بلاکفن سمیل برکات
کفدان:

"دری سکارغ اکو ممیسکن
اغکو، قیلپله، هندق تیغکل برسام
اتو هندق میاوا دیری کلاین
تمغه ."

سبایک ۲ سهاج جوهرن میودهکن
چاکفن ایت، ایفون بموک تالی
رس سقتی لالو ملفسکن کودا تر بئغ
ایت سمیل برکات:

..بواتله اغکو فون سوک، واهی
کودا یغیر بودی، بایک سهاج هندق
میغکلکن اکو دغن تیدق بربالیک
(سپوشن فد موک 9)

Cerita Lima Minit

Kuda terbang

Semenjak itu kuda yang tersebut telah berubah keadaannya daripada liar dan takut lalu menjadi cantik dan setia kepada “Johan Perkasa” yang sedang menunggangnya.

V

(Oleh Abang “Lah”)

Apabila kuda terbang itu telah turun di atas kemuncak gunung, terhentilah ia menunggu “Johan Perkasa” turun dari atas belakangnya. Johan pun melompat turun sambil memegang tali ransya yang sakti itu.

Setelah direnungnya mata kudanya yang disayangi itu maka besarlah hatinya apakala terpangang sedang memancarkan tanda-tanda ikhlas dan setia, Johan pun menepuk belakangnya sambil berkata kepadanya:

“Dari sekarang aku membebaskan engkau, pilihlah, hendak tinggal bersama atau hendak membawa diri ke lain tempat”.

Sebaik-baik sahaja Johan menyudahkan cakupanya itu, ia pun membuka tali ras sakti lalu melepaskan kuda terbang itu sambil berkata:

“Buatlah engkau punya suka, wahai kuda yang berbudi, baik sahaja hendak meninggalkan aku dengan tidak berbalik (sambungan pada muka 9)

lagi, atau pun tinggal dengan aku sepanjang-panjang masa, hidup dan mati bersama”.

Dengan tidak bertangguh lagi, kuda itu telah terbang ke udara sehingga hilang dari pemandangannya.

Yakinlah di hati “Johan Perkasa” bahawa kuda yang telah terbang itu tidak berbalik-balik lagi, dan menyesejalah dia tentang dia menaruh baik sangka kepadanya. Sedang Johan tenggelam di dalam perasaan kesal dan dukacitanya, tiba-tiba kelihatan kuda yang disayangi dalam perjalanan balik kepadanya dan sedang bertumba dengan angin dalam penerbangannya itu. Sebentar kemudian kuda itu telah turun lalu menghampirinya dengan jinak dan manja lakunya.

“Rupanya firasatku tidak bersalah lagi” kata Johan di dalam hatinya, dan semenjak itu mengetahui dia bahawa kudanya yang disayangi itu tetap setia kepadanya.

Keduanya telah tidur pada malam itu dengan lenyaknya, mereka merasa bahagia

dengan persahabatan itu dan telah berazam hendak sehidup semati bersama.

*

Terkenangkan tanahair

Masa berjalan dengan bahagia dan tenang, persahabatan keduanya dari sehari ke sehari makin bertambah erat, Johan bercerita-cita kalau-kalau dia dapat hidup berkecakan bersenang-lenang dan aman damai seperti yang sedang dirasanya pada ketika itu.


Tetapi apakah daya! Kewajipannya mesti ditunaikan, kenangannya kepada tanah air, persetiannya kepada janji yang telah diucapkan di hadapan rajanya dahulu, dan cita-citanya hendak menyelamatkan kaum bangsanya daripada bahaya naga – semuanya itulah memaksanya merempuh segala penderitaan iaitu semata-mata kerana berkhidmat kepada tanah airnya yang dikasihinya.

Di padang naga


Tidurlah Johan pada malam itu, bermimpikan kejayaan cita-citanya yang besar itu. Sebaik-baik sahaja terbit fajar, maka Johan telah bangun dengan segera dan penuh bersemangat, lalu mengejutkan kudanya itu daripada tidur dengan menepuk belakangnya.

Sementara Johan minum air pagi daripada bekalan yang dibawanya maka kudanya itu telah dilepaskan meragut rumput dan meminum air daripada sungai

تندا كجرمانن دان هديه . اي تله
ماتي سفوله تاهون دهولو . نأيت
دالم تاهون 1943 . تنافي نام جورج
واشغتن كابر ايت اداله تركنل
دامريكا دان دسلوره دنيا . ادان .



انق عبدي منجادي اهل ساينس يغ ترمشهور



همفير سراتوس تاهون دهولو . مبابككي تانمن ۲ .

دالم سبواه كبون كانس دامريكا ،
سكلامين اورغ نيگرو يغ فرنه
منجادي عبدي تله مندافه شورغ
انق للاكي . مك تيدقله ترابع
دهاتي ايه دان ايوو كاتق ۳ ايت
بهوا فد سوات مس كهفادن انق
مريكنيت اكن منجادي شورغ اهل
علم يترمشهور نمائ دسلوره دنيا
كران فرخدمانن يغ مبري
كبيچيكن كند سكلين مانسي .

اي تله دجمفوة اوله برف
بواد سكوله تيغكي سفاي منجادي
كورو . دغن دمكين برف تاهون
لمان اي تله مغاجر دالم دوا بواد
درفد كوليج ۲ يغ بسر دامريكا .

اكتتافي جورج واشغتن كابر
تيدقله مغماييسكن مسان ايت مغاجر
سهاج . اي تله بكرج * منجاري
اختيار هندق مياكوسكن بارغ ۲
مكانن . دان منمبهكن جنس مكانن .

تاهو كه ؟

امريكا شريكة بوكن سهاج
ترمشهور كران امنن تنافي جوكت
كران كميوهون بارغ ۲ مكانن يغ
دكلواركن اوله بومين .

نگري يگدوا ددنسا يغ
مغلواركن بندا ۲۱ مكانن اباله
نيجيريا يفتزلتق دافريكا .

(سمبوغن دري موك 8)

يغبر همفيران دستيو .

ستله برلغكف دغن سنجات
مك ايفون منوغكغ كودا ترابع ايت
لالو مغارهنن كفلان كسبله تيمور .
كودا ايتقون ترابع برلوما دغن
اغين دالم فتر باغن . سهكاله سفني
كفادغ ناكث يفتيدق برف جاوه
درفد تانهائير توانن .

جوهن فون مبري اشاره كند
كودان سفاي تورن كفادغ ناكث .
كودا ايت تله فهم اكن كهندق
توانن لالو تورن دالم كابوس يغ
تبل دانس كمونجق كونغ سفاي
تيدق سدازي اوله ناكث ايت اكن
كدانغن مريك .

بودق ايت دبري نام جورج
واشغتن كابر . افيل بسر سهاج
بودق ايت ايفون مولاي بكرج
ميوكغ ايه دان ايبون دالم كبون
كانس . تنافي منكل عمورن توا
سدبكيه جورج واشغتن كابر تله
فركي مغاجي دسكوله . دان لفس
ايت اي ماموق كوليج .

اولهسبب اي تله دفرانككن
دان بسر دالم كبون جادين
دكوليج اي سوك بلاجر علم
تانمن . ايفون لولس دري
كوليج دغن مندافه شهاده دالم
علم ايت . كبولهنن دان كندانن
تله دنجوقن . دان اي تله داكومي
سباكي شورغ فنتوة يغ جمرلغ .
دالم فد ايت جورج واشغتن كابر
تله ممكركن مشله بكيمن هندق

Anak abdi menjadi ahli sains yang termasyhur

Hampir seratus tahun dahulu, dalam sebuah kebun kapas di Amerika, sekelamin orang Negro yang pernah menjadi abdi telah mendapat seorang anak lelaki. Maka tidak terbayang di hati ayah dan ibu kanak-kanak itu bahawa pada suatu masa ke hadapan anak mereka itu akan menjadi seorang ahli ilmu yang termasyhur namanya di seluruh dunia kerana perkhidmatannya yang memberi kebajikan kepada sekalian manusia.

Budak itu diberi nama George Washington Carver. Apabila besar sahaja budak itu ia pun mulai bekerja menyokong ayah dan ibunya dalam kebun kapas. Tetapi, manakala umurnya tua sedikit George Washington Carver telah pergi mengaji di sekolah, dan lepas itu ia masuk kolej.

Oleh sebab ia telah dipernakkan dan besar dalam kebun jadinya di kolej ia suka belajar ilmu tanaman. Ia pun lulus dari kolej dengan mendapat syahadah dalam ilmu itu. Kebolehan dan kepandaiannya telah ditunjukkan, dan ia telah diakui sebagai seorang penuntut yang cemerlang. Dalam pada itu George Washington Carver telah memikirkan masalah bagaimana hendak

membaiki tanaman-tanaman. Ia telah dijemput oleh beberapa buah sekolah tinggi supaya menjadi guru. Dengan demikian beberapa tahun lamanya ia telah mengajar dalam dua buah daripada kolej-kolej yang besar di Amerika. Akan tetapi George Washington Carver tidaklah menghabiskan masanya itu mengajar sahaja. Ia telah bekerja mencari ikhtiar hendak mengagaskan barang-barang makanan, dan menambahkan jenis makanan.

Ikhtiarinya menerbitkan beberapa barang makanan dan barang penggunaan daripada kacang goreng telah menjadi masyhur. Daripada kacang goreng sahaja ia telah berjaya menerbitkan hampir-hampir tiga ratus jenis barang, antara barang-barang itu ialah susu, mentega, keju, kopi tepung, sabun dan dakwat. George Washington Carver telah berjaya juga membuat cat daripada kacang goreng itu, dan daripada cat jenis ini beberapa lukisan telah dibuat olehnya.

Daripada ubi, keledek ia telah dapat membuat gula, dan daripada habuk kayu ia telah berjaya membuat sejenis barang yang rupanya seakan-akan batu marmar.

Kerana perkhidmatannya yang memberi kebajikan itu ia telah diberi beberapa

tanda kehormatan dan hadiah. Ia telah mati sepuluh tahun dahulu, iaitu dalam tahun 1943. Tetapi nama George Washington Carver itu adalah terkenal di Amerika dan di seluruh dunia. Adanya.

Tabukah?

Amerika Syarikat bukan sahaja termasyhur kerana emasnya tetapi juga kerana kemewahan barang-barang makanan yang dikeluarkan oleh buminya. Negeri yang kedua di dunia yang mengeluarkan benda-benda makanan ialah Nigeria yang terletak di Afrika.

(sambungan dari muka 8)

yang berhampiran di situ.

Setelah berlempang dengan senjata maka ia pun menunggang kuda terbang itu lalu mengarahkan kepalanya ke sebelah timur. Kuda itu pun terbang berlumba dengan angin dalam penerbangan, sehingga sampai ke padang naga yang tidak berapa jauh daripada tanah air tuannya.

Johan pun memberi isyarat kepada kudanya supaya turun ke padang naga. Kuda itu telah faham akan kehendak tuannya lalu turun dalam kabus yang tebal di atas kemuncak gunung supaya tidak disedari oleh naga itu akan kedatangan mereka.

سغ کنجیل دغن سیغا

کوننن سوات چریتا: شیکور
 کودا یقتله توا تله دهالو اوله
 توانن سمیل برکات کفدان:
 "سکارغ اوق تیدق برکون کفد
 اکو لاکي، اکو ماهو کودا یغ لیه
 قوآه درفد سیغا؟"

کلوارله کودا ایت دغن روف
 یغ سده دان هیبه لالو ماسوق
 کهوتن. دسان ای تله برجومفا
 دغن سغ کنجیل. افکل سغ کنجیل
 برتیاکن کناف دی هیبا دان سده،
 مک کودا ایتفون منجریتاکن قصهن
 دغن توانن.

سمیل کتاوا سغ کنجیل برکات:

"اوق جاغن سوسه! اکو اکن
 تنجوقکن بوقتی کفد توان اوق
 بهوا اوق لیه قوآه درفد سیغا!"

ایفون ملباوان کسوات تمفة
 ددالم هوتن لالو دورهن بار یغ
 دان ملبوآه ۲ دیرین سده ماتنی.

سغ کنجیل فون میفکلکن کودا
 ایت بار یغ دسیتو لالو فرکی
 مندافتکن شیکور سیغا یغ لافر.
 برهاری ۲ تیدق جمفا مکان.
 کمدین برکات کفدان: "ماری
 اکو باوا کفدمکان یغ مبولک سلیرا
 تیدق جاوه دری سین اد شیکور
 کودا سده ماتنی. اکو میکیمن یغ
 اوق تاهو، تیدق سوک کفد داکیغ
 کودا!"

ترلالوله سوکان سیغا ایت
 مندغرن، لالو برجالن منوره سغ
 کنجیل سهگک تیا کسمفة کودا

تربار یغ. ایفون مغمفیری هندق
 ملبامهن. تیا ۲ سغ کنجیل برکات:
 "کالو اوق ماکنن دسین، نسجای
 سیغا ۲ یغلا، این اکن داتغ ماکن
 برسام، دان اوق هاروس اکن
 ملس، تنافی سبایک ۲۱ هندقله
 اوق ملباوان کسمفة یغ جاوه دان
 ماکنن سورغ دیری دغن تیدق
 سیاف ۲ یغ اکن مفاچو اوق."

"ایت بتول - کات سیغا - تنافی
 بکیمن اکو بوله ملباوان کسان؟"

"موده جالئن" کات کنجیل
 برکات لاکي. "هندقله اوق مرفاة
 کفدان سفای اکو تمتکلن ایکور
 اوق کفد ایکورن، سفای اوق موده
 مناریقن."

سیغا ایتفون مغمفیری کودا
 یغ سده ترلتر لالو بر فوس یغ
 کیلا کغ. فد کنیک ایت دغن تیدق
 ملبواغ ماس. کچیل سگرا منمبکن
 ایکور سیغا ایت کفدا ایکور کودا سمیل
 بر تمفیق میوره کودا ایت باغون
 میریة سیغا یغ سده تر تمبة ایکور.
 سفرت کیله. کودا ایتفون
 باغون لالو بر لاری بالیک ککمفوغ
 مندافتکن توانن دغن میریة سیغا
 دبلا کفن سمیل برکات: "ایتله
 بوقتی، بهوا اکو لیه قوآه دان لیه
 کاکه درفد سیغا!!"

توانن تله کتاوا سوکان. دان
 سمنج ایت تیغکلله کودا ایت
 دبلا دغن بایک دان دما یھی



سوکانه اتق ۲ ماین ۲ فراهو لایره لیبه ادرق ۲ رفتر ترا دسین سده
 ملغسکن فراهو لایر مریک برلومبا دتقی دتقی

Sang Kancil Dengan Singa

Kononnya suatu cerita: seekor kuda yang telah tua telah dihalau oleh tuannya sambil berkata kepadanya: "Sekarang awak tidak berguna kepada aku lagi, aku mahu kuda yang lebih kuat daripada singa?"

Keluarlah kuda itu dengan rupa yang sedih dan hibah¹ lalu masuk ke hutan. Di sana ia telah berjumpa dengan Sang Kancil. Apakala Sang Kancil bertanya kenapa dia hiba dan sedih, maka kuda itu pun menceritakan kisahnya dengan tuannya.

Sambil ketawa Sang Kancil berkata: "Awak jangan susah! Aku akan tunjukkan bukti kepada tuan awak bahawa awak lebih kuat daripada singa!"

Ia pun membawanya ke suatu tempat di dalam hutan lalu disuruhnya baring dan membuat-buat dirinya sudah mati.

Sang Kancil pun meninggalkan kuda itu baring di situ lalu pergi mendapatkan seekor singa yang lapar, berhari-hari tidak jumpa makanan, kemudian berkata kepadanya: "Mari aku bawa kepada makanan yang membuka selera tidak jauh dari sini ada seekor kuda sudah mati. Aku sebagaimana yang awak tahu, tidak suka kepada daging kuda!"

Terlalulah sukanya singa itu mendengarnya, lalu berjalan menurut Sang Kancil sehingga tiba ke tempat kuda

terbaring, ia pun menghampiri hendak membahaminya. Tiba-tiba Sang Kancil berkata: "Kalau awak makannya di sini, nescaya singa-singa yang lain akan datang makan bersama, dan awak harus akan terlepas, tetapi sebaik-baiknya hendaklah awak membawanya ke tempat yang jauh dan memakannya seorang diri dengan tidak siapa-siapa yang akan mengacau awak."

"Itu betul – kata singa – tetapi bagaimana aku boleh membawanya ke sana?"

"Mudah jalannya," kata Kancil berkata lagi. "Hendaklah awak merapat kepadanya supaya aku tambatkan ekor awak kepada ekornya, sampai awak mudah menariknya."

Singa itu pun menghampiri kuda yang sedang terlantar lalu berpusing ke belakang. Pada ketika itu dengan tidak membuang masa, Kancil segera menambatkan ekor singa itu kepada ekor kuda sambil bertempik menyuruh kuda itu bangun menyeret singa yang sedang tertambat ekor.

Seperti kilat, kuda itu pun bangun lalu berlari balik ke kampung mendapatkan tuannya dengan menyeret singa di belakangnya sambil berkata: "Inilah buktinya, bahawa aku lebih kuat dan lebih gagah daripada singa!!"


Tuannya telah ketawa kesukaan, dan semenjak itu tinggallah kuda itu dibela dengan baik dan disayangi.



Sukah anak-anak main-main perahu layar? Lihat adik-adik yang tertera di sini sedang melepaskan perahu layar mereka berlumba di tepi pantai.

¹ Perkataan yang sebenar hiba

مدرسه اسلام دلندن



مريد ۲ مدرسه ايت سدغ داجر برکنان روکن ۲ اسلام.



مريک سدغ دلابيه سمبهيغ. شوروخ امام (اشکريس مسلم) متجادي امام.

مريد ۲ مدرسه ايت - للاکي
دان فرمفوان، تله دبهاکي گهد
تیک بهاکين مغيکوة عمور ماسيغ
تيف ۲ ساتو بهاکين مخفويان درجه
سنديري، بيلاغن درجه اين
دهارفکن دالماس يفتيدق لام لاکي
اکن برتمبه
هيذاغن تيه اد دمدياکن باکي
مريد ۲ مدرسه اين دالماس مريک
تورن بريجه

فندودق اسلام داغکنند، دري
سهاري کسهاري ماكين برتمبه
بسر جملهن تراوتم نفس فرغ
دنيا يغاللو، منوره بانجي يغ
دجالکن اوله جياتن کبودايان
اسلام دلندن بهوا کاتق ۲ اسلام
دسان، دسواه کمفوغ يغيرهمفيران
دغن بندر لندن، اداله برجمله
1,200 اورغ، کسموان بلوم
مخفويان ففتھوان برکنان اکام
سوجي مريک

مندغ حال اين، مک يغدفتوا
جياتن کبودايان اسلام دلندن -
يغ اي سنديري ساله شورغ کورو
لفاسن الازهر، تله مغميل کفوتسن
ميوک سبواه مدرسه يگان ميري
فلاجران اسلام کفد کاتق ۲ اسلام
يغترسبوة دالماس لافغ مريک، يعني
کالو مريک فرکي "سکوله بياس"
فد سبله فاکي، مک فد سبله ففتغن
قول مريک اکن فرکي کمدرسه
اسلام ترسبوة.

بابق کورو ۲ سوکريلا - للاکي
دان فرمفوان - تله بکرج مفاجر
دمدرسه ايت، سفهن درفد اورغ ۲
اشکريس اسلام سنديري دان
يغلايئين قول درفد اورغ ۲ اسلام
تيمور، بس ۲ اتبوء مغيکوة
مريد ۲ کمدرسه ايت - فرکي دان
بالیک، اداله دمدياکن.

Madrasah Islam di London

Penduduk Islam di England, dari sehari ke sehari, kain bertambah besar jumlahnya terutama lepas Perang Dunia yang lalu. Menurut banci yang dijalankan oleh Jabatan Kebudayaan Islam di London bahawa kanak-kanak Islam di sana, di sebuah kampung yang berhampiran dengan bandar London, adalah berjumlah 1,200 orang. Kesemuanya belum mempunyai pengetahuan berkenaan agama suci mereka.

Memandang hal ini, maka Yang di-Pertua Jabatan Kebudayaan Islam di London yang ia sendiri salah seorang guru lepasan al-Azhar, telah mengambil keputusan membuka sebuah madrasah yang akan memberi pelajaran Islam kepada kanak-kanak Islam yang tersebut dalam masa lapang mereka, yakni kalau mereka pergi "sekolah biasa" pada sebelah pagi, maka pada sebelah petangnya pula mereka akan pergi ke madrasah Islam tersebut.

Banyak guru-guru sukarela – lelaki dan perempuan – telah bekerja mengajar di madrasah itu, setengahnya daripada orang-orang Inggeris Islam sendiri dan yang lainnya pula daripada orang-orang Islam Timur. Bas-bas untuk mengangkut murid ke madrasah itu – pergi dan balik, adalah disediakan.



Murid-murid madrasah itu sedang diajar berkenaan rukun-rukun Islam.



Mereka sedang dilatih sembahyang, seorang imam (Inggeris Muslim) menjadi imam.

Murid-murid madrasah itu – lelaki dan perempuan, telah dibahagi kepada tiga bahagian mengikut umur masing-masing tiap-tiap satu bahagian mempunyai darjah sendiri. Bilangan darjah ini

diharapkan dalam masa yang tidak lama lagi akan bertambah.

Hidangan teh ada disediakan bagi murid-murid madrasah ini dalam masa mereka turun berehat.

مجلسر کانف

اود! سڳوڊ بسر جاسن
جاسن تله فونه دراس اوله مانسي
تا اڊ جاس بغداده منقائي جاسن
بکيتوله بسر جاس فغھولو کيت
ولوفون بکيتو.....

مايه بايق مانسي يغ تافرچاي
بليو فسوره دري توهن يغمها
بيجفسان
بربهکياله اورغ يغ مڱيکوه اکن
سورهنن
سبالیکن چلاکاله اورغ يغ انکار
کفدان
دري: ايچ. ايد. غزالي.

تا اڊ اوتوسن بغاخر درود بليو
بليو داوتوس توهن کديا
دغن ممباوا ساتو اکام
اکام يغ بسر لاکي سجهترا
اکام يغ رام رات دان رام زاس
اکام يغ تله داکو اوله توهن
ايتوله اکام اسلام

نبي محمد (ص)

نبي محم.....
جهيان تله منجر سيلوم دنيا
دجادیکن
نمان ته دسبوه سيلوم بليو
دلاهيرکن

بکيتوله تبغکي کلبهينن
کلبهين يغ استميوا
کلبهين يغ تا اڊ تله يغن

جنجني

بهواسن، کات يغ کيت کلوارکن.
کات يغ کيت تفکوهکن، برمعاله
کيت برجنجني، بايک دغن کاون ۲
اوتو سياف فون، بيارله جنجني ايت

يا! بليو تله محققين مانسي
دري هينا دنيا کلميا زاي
دري کلف کلبينا کترغ بندرغ
دري سوسه کسغ لينغ
دري ميمبه برهالا کفد ميمبه توهن
دري موندور کفد کماجوان

کلبهين يادگر نياکن اوله توهنن
بليو فغھولو باکي رکلين اوتوسن ۲
بليو چرا کسانهن باکي مريکنيست

ايغيين جادي حوهن



Majlis Kanak-Kanak

Nabi Muhammad (SAW)

Nabi Muhamma'.....

Cahayanya telah memancar sebelum dunia

dijadikan

namanya telah disebut sebelum beliau

dilahirkan

begitulah tinggi kelebihannya

kelebihan yang istimewa

kelebihan yang tak ada tandingannya

Kelebihan yang dikurniakan oleh Tuhannya

beliau penghulu bagi sekalian utusan-utusan

beliau juga kesudahan bagi mereka itu

Tak ada utusan yang akhir daripada beliau

beliau diutus Tuhan ke dunia

dengan membawa satu agama

agama yang benar lagi sejahtera

agama yang sama rata dan sama rasa

agama yang telah diaku oleh Tuhan

itulah agama Islam

Ya! beliau telah memimpin manusia

dari hina-dina ke mulia raya

dari gelap-gelita ke terang benderang

dari susah ke senang lenang

dari menyembah berhala kepada menyembah Tuhan

dari mundur kepada kemajuan

Oh! sungguh besar jasanya

jasanya telah penuh dirasa oleh manusia

tak ada jasa yang dapat menepati jasanya

begitulah besar jasa penghulu kita

walaupun begitu.....

masih banyak manusia yang tak percaya

beliau pesuruh dari Tuhan yang Maha

Bijaksana

berbahagialah orang yang mengikut akan

suruhannya

sebaliknya celakalah orang yang ingkar

kepadanya

Dari: H. A. Ghazali

“Janji”

Bahawasanya, kata yang kita keluarkan

kata yang kita tangguhkan, bermaknalah

kita berjanji, baik dengan kawan-kawan

atau sesiapa pun, biarlah janji itu

Ingin Jadi Johan.....



¹ Perkataan sebenar Nabi Muhammad

هاروس کیت برهاتی ۲ افکل هندق
مغلوارکن سوات فرکتان دان
فاتوة سکالی دفیکرکن ترلیه دهولو
سکیران فرکتان ایت مبري
ارتی یغ بایک باکوبله، تنافی
سبالیکن کالو کات ۲ ایت بروف
منچرج دان ففهیئان سده تننوله
اکن منداتفکن عاقبه یغ کورغ
ایلوک، سفرت کات ففاته "ترلنچور
فراهو بوله بربالیک، ترلنچور
فرکتان لفس برالو".

تیف ۲ مانسی هاروس منجاک
لیدهن فد ماس ایان برچاکف
سفای تیدق ترکلوار دري کینارن.
کران ایت بوله مپاکیتی هاتی
اورغ لاین، کیران فرکتان یغ
مروفاکن چاچین ایت ترلفس
کلوار دري موله مک ای اکن
برفجانن دسبوة براولغ ۲ کالی
دان اکن منجادی دندامن.

ملاغیه تیغکی، تنافی کالو کفد
جنجی سهاج تادافه دتونیکن، مک
اورغ ایت تابوله لاکي دفرچیاي،
دان کفدان جوک هاروس دهاتی ۲.
کران اورغ یغ سوک مونکیري
جنجی ایت ای سفکوف اتو سوک
ملاکسوکن کسیروغن ترهادف
تین ۲ن، اواس! لمبو دفکغ فد
تندوقن، مانسی دفکغ فد جنجین.
دری: مس نور
سکوله ملابو للاکي کلغ
ملاغور.

*
"دای فرکتان"

فرکتان یغ کیت فرکتانکن
ایت اد ممفوی سوات کواس
فناریق دان فمبجی بایت میگوکوة
اف یغ دسبوة، ساد فرکتان ۲ یغ
بایک، مانسی ماهو فون جاهه،
کچی دان سترومن، اوله ایت

بوله دفکغ، بوله دهارفکن، تیدق
مونکیر تیدق براوبه بیارله تگوه
لقسان کوت هارفن.

کالو کیت تگوه ممکغ جنجی
دغن کاون ۲، تننوله کیت سورغ
یغ دفرچیاي، سکانی، سرت دحرماتی
اولهن، کران کات بشر، دان
تگوه کفد جنجی، "جک کیت
مغیرا سوهن کیت برجنجی دغن
تین، جک تادافه دفتاتی، تننو
دکات بوغ" - "جنجی فمبوغ".
سبالیکن فمونیکر ایت،
سماله سفرت اورغ فمبوغ!!

"اورغ بوغ ساغه دینجی
تین!!" اورغ یغدمکن تیاد
کچرماتن، تیاد برمالو، ترهادف
زاکن ۲ دان مشارکه سکلیلیغن:
کات تیغکل کات سهاج، ملالوی
دیبیرن، میلم کجوجران سشورغ
ایت هان فدجنجی، بیار فول کفندا ایتن



boleh dipegang, boleh diharapkan, tidak mungkir tidak berubah biarlah teguh laksana kota harapan.

Kalau kita teguh memegang janji dengan kawan-kawan, tentulah kita seorang yang dipercayai, disegani, serta dihormati olehnya. Kerana kata benar, dan teguh kepada janji. "Jika kita mengira susahnya kita berjanji dengan teman, jika tak dapat ditepati, tentu dikatakan bohong" - "janji pembohong."

Sebaliknya pemungkir itu, samalah seperti orang pembohong!! "Orang bohong sangat dibenci temannya!!" Orang yang demikian tiada kehormatan, tiada bermalu, terhadap rakan-rakan dan masyarakat sekelilingnya; kata tinggal kata sahaja, melalui di bibirnya. Menyelam kejujuran seseorang itu hanya pada janji, biar pula kepandaian

melangit tinggi, tetapi kalau kepada janji sahaja tak dapat ditunaikan, maka orang itu tak boleh lagi dipercayai, dan kepadanya juga harus di hati-hati, kerana orang yang suka memungkir janji itu ia sanggup atau suka melakukan keserongan terhadap teman-temannya. Awas! Lembu dipegang pada tanduknya, manusia dipegang pada janjinya.

Dari: Mas. Nur

Sekolah Melayu Lelaki Kelang,

Selangor.

"Daya Perkataan"

Perkataan yang kita perkatakan itu ada mempunyai suatu kuasa penarik dan pembenci iaitu mengikut apa yang disebut, sama ada perkataan yang baik, manis atau pun jahat, keji dan seterusnya. Oleh itu

harus kita berhati-hati apakala hendak mengeluarkan sesuatu perkataan dan patut sekali difikirkan terlebih dahulu.

Sekiranya perkataan itu memberi

erti yang baik baguslah, tetapi sebaliknya kalau kata-kata itu berupa mencera dan penghinaan sudah tentulah akan mendatangkan akibat yang kurang elok, seperti kata pepatah "terlanjur perahu boleh berbalik, terlanjur perkataan lepas berlalu".

Tiap-tiap manusia harus menjaga

lidahnya pada masa ianya bercakap supaya tidak keluar dari kebenaran, kerana itu boleh menyakiti hati orang lain, kiranya perkataan yang merupakan cacinya itu terlepas keluar dari mulut maka ia akan berpanjangan disebut berulang-ulang kali dan akan menjadi dendaman.



سگله کفرچیان اورغ ترهادف
کیت اکسن لسوقه هیلغ
مامسکالی، تیدق بوله دفولیهکن
کمبالی، کات ۲ یغ ملوکاکن هاتی
اومقام اتق فانه یغتنله دفانهکن
دری بوسرن تروس کفد یغد توجوکن
تیدق دافه دتاریق بالیک .

کفد راکن ۲ سفرجواغسکو
سکلین فرهاتیله دغن تلیتی افکه
بنجان یگان ترجادی فدیری
سشورغ یغ تیدق دافه مغواکن
فرکتان یغ تله دتو ترکن ایت
دان اخرن اکن مباوا مصیبه . کفد
دیری سندیری . کران فرکتان
ایت لبه یسا درفد سنجات ، سکین .
دری - سوریه گادیس
سترال ملی سکول سرمین

.. ایبو تیری "

اکو دبقسا تیف هاری
هان کبورو قن سهاج
اکو دفدغ
سباکی عبدي تبوسن
هاتیکو ایغین مقحف بهکیا
تتافی ... مونکیکه ترجافی
تتو ... تیدق
هان ایغیان
سوقت ایبو کو براد
اکو دفوج تیف ماس
تتافی ای تله فرکی
جاوه تا کمبالی
منیغلیکن اکو دالم میقسا
مدغ ایه تیدق فدولی

هان منجاری کنتی
برسوکریا
بکینیه فندریتانکو
برایبو تیری .
*

بندر دان دیسا

انق ۲ اورغ کمفوغ ییلا عمورن
انم اتو توجه تاهون ، ایبو باف
مریک ، سرهکن بلاجرم بواج قرآن
دان ییلوق ییلوق اکامن لبه دهولو
درفد یغلا ۲ . اورغ کمفوغ لبه
اوتماکن فلاجران اکام درفد
فلاجران ۲ لاین ، ایبو باف مریک
تیدق برهافکن اتقن مندافه کاجی
یغسر . هان ای برهاف انق ۲
مریک بوله منجاک کحرماتن
اکام دان کمفوغ هلامن مریک
دری فنجروهن . تتافی سیلیکن
فراسان یغ بکیتو بوکنله یغ
دکهندفکی اوله اکام یغ سبترن .
هان مریک سهاج یغ ساله فمباوان
دان فدومن . سفکهنون انق ۲
مریک تیدق برفعالمن تیغکی ،
جوم اد فلاجران اکام . تتافی جیوا
دان فریادی مریک اداله لبه بریه
دان سوچی درفد انق ۲ بندر .
مریک تیدق دفغاروهی اوله الیران
کبارتن یغد تیرو اوله سغه انق ۲
بندر دغن مموت تولی . بآیت
دسوا یکن الیران بارة دغن تیمور .
هان مریک تاهو ایکوة سهاج تاتاهو
اف فاندهن دان بنجانن اکندافع .

انق ۲ اورغ بندر فول . ییلا
عمور اتقن منیغکه انم اتو توجه
تاهون ، برلوبا ۳ ماسوقکن اتقن
کسکوله اشکریس ، دری انق ۲
کرانی سفنی انق ۲ قوم بوروه دغن
برهاف اتقن اکندافع مندافه
کاجی یغ بسر ای تیدق تاهو اف
اکن ترجادی ییلا اتقن ده جادی
فمودا ، هیدوف دغن تیدق مندافه
فلاجران اکام ، دغن تیدق اد
فلاجران اکام دجیوا انق ۲ دان
فمودا ۳ یغسا کیت ایت ، اداله ساغه
مرویککن ، کران کیت براکام
اسلام ، تتافی تیدق تاهو اف ایت
اسلام ، دان ییلوق ییلوق اکمان
سندیری .

انق ۲ این دری کچیل لاکتی
سده داسوه دان ددیبق دغن
فلاجران بارة . ییلا یه بسر مرید
یغ تیدق اد فلاجران اکام ایت .
سده تتو دفغاروهی اوله الیران
بارة ، ییلا ایبو باف مریک منکور
اتو ممبته درفد ملاکوکن سموات
فرکارا یغ چمر دیسی اکام
ایت ، لالو دکتان بوده دان کونو
کفد اورغ یغ منکورن ، تتافی
فمودا ۳ ایت تیدق تاهو یهوا اکام
اسلام ایت تابهوله داوبهکن اتوه
مبهاروهی اوندغ ۲ دان فراتورانن
دالم قرآن دان منجهن . بکینیه
عاقبهن یغ لالو باق ترجادی
دکالغن یغسا کیت هاری این .

اوله : عطمی ، کلنتن .

Segala kepercayaan orang terhadap
 kita akan luput hilang
 sama-sekali, tidak boleh dipulihkan
 kembali. Kata-kata yang melukakan hati
 umpama anak panah yang telah dipanahkan
 dari busurnya terus kepada yang ditujukan
 tidak dapat ditarik balik.

Kepada rakan-rakan seperjuanganku
 sekalian perhatilah dengan teliti apakah
 bencana yang akan terjadi pada diri
 seseorang yang tidak dapat menguasaikan
 perkataannya yang telah dituturkan itu
 dan akhirnya akan membawa musibah. Kepada
 diri sendiri, kerana perkataan
 itu lebih bisa daripada senjata, sekian.

Dari – Suriah gadis
 Central Malay School Seremban

“Ibu Tiri”

Aku diseksa setiap hari
 hanya keburukan sahaja
 aku dipandang
 sebagai abdi tebusan
 hatiku ingin mengecap bahagia
 tetapi...mungkinah tercapai
 tentu....tidak
 hanya impian
 sewaktu ibuku berada
 aku dipuja setiap masa
 tetapi ia telah pergi
 jauh tak kembali
 meninggalkan aku dalam seksa
 sedang ayah tidak peduli

hanya mencari ganti ...
 bersuka ria ...
 beginilah penderitaanku
 beribu tiri.

Bandar dan Desa

Anak-anak orang kampung bila umurnya
 enam atau tujuh tahun, ibu bapa
 mereka, serahkan belajar membaca Qur'an
 dan selok-belok agamanya lebih dahulu
 daripada yang lain-lain. Orang kampung lebih
 utamakan pelajaran agama daripada
 pelajaran-pelajaran lain, ibu bapa mereka
 tidak berharap anaknya mendapat gaji
 yang besar. Hanya ia berharap anak-anak
 mereka boleh menjaga kehormatan
 agama dan kampung halaman mereka
 dari pencerobohan. Tetapi sebaliknya
 perasaan yang begitu bukanlah yang
 dikehendaki oleh agama yang sebenarnya.
 Hanya mereka sahaja yang salah pembawaan
 dan pedoman. Sungguh pun anak-anak
 mereka tidak berpengalaman tinggi,
 cuma ada pelajaran agama. Tetapi jiwa
 dan peribadi mereka adalah lebih bersih
 dan suci daripada anak-anak bandar.
 Mereka tidak dipengaruhi oleh aliran
 kebaratan yang ditiru oleh setengah anak-anak
 bandar dengan membuta-tuli, iaitu
 disesuaikan aliran Barat dengan Timur.
 Hanya mereka tahu ikut sahaja tak tahu
 apa faedahnya dan bencananya akan datang.

Anak-anak orang bandar pula, bila
 umur anaknya meningkat enam atau tujuh
 tahun, berlumba-lumba masukkan anaknya
 ke sekolah Inggeris, dari anak-anak
 kerani sampai anak-anak kaum buruh, dengan
 berharap anaknya akan datang mendapat
 gaji yang besar, ia tidak tahu apa
 akan terjadi bila anaknya sudah jadi
 pemuda, hidup dengan tidak mendapat
 pelajaran agama, dengan tidak ada
 pelajaran agama di jiwa anak-anak dan
 pemuda-pemuda bangsa kita itu, adalah sangat
 merugikan, kerana kita beragama
 Islam, tetapi tidak tahu apa itu
 Islam, dan selok-belok agamanya
 sendiri.

Anak-anak ini dari kecil lagi
 sudah diasuh dan dididik dengan
 pelajaran Barat. Bila sudah besar murid
 yang tidak ada pelajaran agama itu,
 sudah tentu dipengaruhi oleh aliran
 Barat, bila ibu bapa mereka menegur
 atau membantah daripada melakukan sesuatu
 perkara yang cemar di sisi agama
 itu, lalu dikatakan bodoh dan kuno
 kepada orang yang menegurnya, tetapi
 pemuda-pemuda itu tidak tahu bahawa agama
 Islam itu tak boleh diubahkan untuk
 membaharui undang-undang dan peraturannya
 dalam Qur'an dan menambahnya. Beginilah
 akibahnya yang selalu banyak terjadi
 di kalangan bangsa kita hari ini.

Oleh: Atmi, Kelantan.

فقالمن سورغ فمورو دھوتن افریکا

ساي سسة دتغه ۲ ريمبا

قد سوات هاري، سبگيمان بياس، ساي تله ماسوق كهوتن "تنكا ييكا"
هندق فمورو سيغا. راكن ۲ ساي اياله سورغ بهسا هيتم يغ منجادي فمندو
جالن دان امغه اورغ خدام.

افيل هاري جاوه مالم، ماكين
كامي تراس لافر، مك سايفون
ترفقسا براختيار دشن اف جالن
سكاليفون انتوه مندافة سوات يغ
بوله دماكن كران هندق مغهيلغكن
فديه لافر يغ اندافة دتاهن ۲ ايت.
اوندغ ۲ دتنگا ييكا فول ملارغ
مبورو بناغ قد مالم هاري.

اتو مگكوناكن لسمو سولوه قوآه يغ
بوله ميموتاكن بناغ ۲. ولوفون
بگيتو تنافي ساي تله فركي
برهمنيران دشن تاريك يغ تيدق
جاوه دري سيشو، دسان ساي دافة
سكاون ايتيق، ساي فون برسگرا
منيميق بيراف ابكور سته ساي
سولوه دشن لسمو سولوه يفتله
ميموتاكن مئان. ساي فون مياوان
باليك لالو كامي ففكغ دان ماكن
اكدي دشن مليرا يفتلر لالو لذة.
قد مالم ايت ساي تيدق دافة
تيدور ولو سفيجغ فون. سباك ۲
سهاج تريبه فجر، سايفون منجالنكن
موتوركار ساي سمولا. فد حال كامي
قد ماس ايت تيدق تاهو كمان
هندق منوجو، منكل فمندو جالن
فول ماسيه ميسو، كمالو ۲ وان.

كيرا ۲ سجم دبالا كغ، كامي
فون تيبا دتقي سواه شوغي، هوجن
فول تورن منجوره ۲. دسان كامي
تله مومر دتقي شوغي منجاري
جالن يغ بوله مياوا كامي كلواز
دري هوتن ايت. تنافي مياوا سهاج
سكاليفون تله برفوسغ ۲ دشن
موتوركار ديسو تنك جم لمان.
هاتي ساي بردبر ۲ كئاكوتن

اغكون ۲ افي دسكيلين، تنافي
ولوفون بگيتو ساي ماسيه مگكوكه
كسجوقكن، دان تر لالو لافر.

دغن توجوان سفاي راكن ۲
ساي ايت لوف اكن لافر مريك،
سايفون ميوره مريك ملافه كوليّه
سيغا، كران ساي هندق مبريكن
سباكي هديه كغد كتوا قوم يغ
لالو منجامو كامي فد تيف ۲ كالي
كامي باليك درفد بر بورو.
فندودق ۲ ديسو ميمغ ساغه ۲ براس
بغك دشن كوليّه ۲ سيغا.

اورغ ۲ ساي ايتفون برسگرا
مفرجاكن فرته ساي دباوه فندوان
فمندو جالن كران اي ليه ماهر
دالم حال ايت. مريك تر لالو موك،
يغ ساي تله فرتهكن مريك ملافه
كوليّه سيغا ايت، كران مريك تاكوه
يغ اي ساي اكن ميبازكن سيغا ايت
دباوا باليك ككفوغ دان مريك
تيدق مندافة فائده درفد لمتن، فد
حال لمق سوات بارغ فرنيكان يغ
ساغه ۲ لاريس دافريكا، فاوغ ۲ دان
اهل ۲ سحر مبلين كران هندق
دبواة اوبه ۲ اورغ ۲ كسفوغ ديسو
فول فرچاي بهوا دي ممفوباي
كواس مقتي باكي مهفالو هنتو.

سپيان دتغه ۲ هوتن، كامي فون
برتموغ دشن مهر اج سيغا، لالو
ساي دان راكن ۲ ساي مغاچه ۲
كسان كماري، دان اخرن بپلا ساي
دافة فلوغ بغيابك سايفون مگكوه
سناغ دان منيميقن. سيغا ايت تله
تريفكور ماتي، لالو كامي مپيرتن
كمتوكر كامي يفتلرتق تيدق
بيراف جاوه دري سيشو. مالغن
كامي فدكتيك ايت تله سسه، كران
فمندو كامي تيدق دافة مگكوه
ججق كامي دالم فرجالن كسيتو،
دسپيكن متهاري مده تفكلم دان
هاري ماكين برتمه كلف.

سگكفون بگيتو، ساي تيدق
كهياغن عقل، ساي فون منجالنكن
متوكر كامي كسوات ازه يغ ساي
فرچاي ايتوله ازهن يغ كامي
داتغ درفدان فد سبغ تادي.

سته موتوركار كامي برجالن
بيراف باتو دشن تيدق بر كنهوان
هالا سايفون بركات كغد فنولغ ۲
ساي: "ببازله كيت برخيمه دسين،
سفاي دافة كيت بر مالم برهمنيران
دغن تنفة يغ بقاد اير."
كامي فون منديريكن خيمه
دان اورغ ۲ ساي فول تله مپالان

Pengalaman seorang pemburu di hutan Afrika

Saya sesat di tengah-tengah rimba

Pada suatu hari, sebagaimana biasa, saya telah masuk ke hutan “Tanganyika”

hendak memburu singa. Rakan-rakan saya ialah seorang bangsa hitam yang menjadi pemandu jalan dan empat orang khadam.

Setibanya di tengah-tengah hutan, kami pun bertembung dengan maharaja singa, lalu saya dan rakan-rakan saya mengacah-acahnya ke sana ke mari, dan akhirnya bila saya dapat peluang yang baik saya pun mengangkat senampang dan menembaknya. Singa itu telah tersungkur mati, lalu kami menyeretnya ke motokar kami yang terletak tidak berapa jauh dari situ. Malangnya kami pada ketika itu telah sesat, kerana pemandu kami tidak dapat mengikut jejak kami dalam perjalanan ke situ, disebabkan matahari sudah tenggelam dan hari makin bertambah gelap.

Sungguhpun begitu, saya tidak kehilangan akal, saya pun menjalankan motokar kami ke suatu arah yang saya percaya itulah arahnya yang kami datang daripadanya pada siang tadi.

Setelah motokar kami berjalan beberapa batu dengan tidak berketahuan hala saya pun berkata kepada penolong-penolong saya: “Biarlah kita berkhemah di sini, supaya dapat kita bermalam berhampiran dengan tempat yang¹ yang ada air.”

Kami pun mendirikan khemah dan orang-orang saya pula telah menyalakan

unggun-unggun api di sekelilingnya, tetapi walaupun begitu saya masih menggelugat kesejukan, dan terlalu lapar.

Dengan tujuan supaya rakan-rakan saya itu lupa akan lapar mereka, saya pun menyuruh mereka melapah kulit singa, kerana saya hendak memberikannya sebagai hadiah kepada ketua kaum yang selalu menjamu kami pada tiap-tiap kali kami balik daripada berburu. Penduduk-penduduk di situ memang sangat-sangat berasa bangga dengan kulit-kulit singa.

Orang-orang saya itu pun bergegas mengerjakan perintah saya di bawah panduan pemandu jalan kerana ia lebih mahir dalam hal itu. Mereka terlalu suka, yang saya telah perintahkan mereka melapah kulit singa itu, kerana mereka takut yang ia saya akan membiarkan singa itu dibawa balik ke kampung dan mereka tidak mendapat faedah daripada lemaknya, pada hal lemak suatu barang pemiagaan yang sangat-sangat laris di Afrika. Pawang-pawang dan ahli-ahli sibir membelinya kerana hendak dibuat ubat, orang-orang kampung di situ pula percaya bahawa dia mempunyai kuasa sakti bagi menghalau hantu.

Apabila hari jauh malam, makin kami terasa lapar, maka saya pun terpaksa berikhtiar dengan apa jalan sekalipun untuk mendapat sesuatu yang boleh dimakan kerana hendak menghilangkan pedih lapar yang tak dapat ditahan-tahan itu. Undang-undang di Tanganyika pula melarang memburu binatang pada malam hari, atau menggunakan lampu suluh kuat yang boleh membuatkan binatang-binatang. Walaupun begitu tetapi saya telah pergi berhampiran dengan tasik yang tidak jauh dari situ, di sana saya dapat sekawan itik, saya pun bergegas menembak beberapa ekor setelah saya suluh dengan lampu suluh yang telah membuatkan matanya. Saya pun membawanya balik lalu kami panggang dan makan akan dia dengan selera yang terlalu lazat.

Pada malam itu saya tidak dapat tidur walau sepingin pun. Sebaik-baik sahaja terbit fajar, saya pun menjalankan motokar saya semula, padahal kami pada masa itu tidak tahu ke mana hendak menuju, manakala pemandu jalan pula masih membisu, kemalu-maluan.

Kira-kira sejam di belakang, kami pun tiba di tepi sebuah sungai, hujan pula turun mencurah-curah, di sana kami telah menyusur di tepi sungai mencari jalan yang boleh membawa kami keluar dari hutan itu, tetapi sia-sia sahaja sekalipun telah berpusing-pusing dengan motokar di situ tiga jam lamanya. Hati saya berdebar-debar ketakutan

¹ Perkataan berulang dua kali

دافتي شورغ توا . سايفون برجابه
 تاغن دغئن دغن ايرمات يغيرلينغ
 دان همفير ۲ ساي منجيوم تاغن .
 اي تله مئكغ قوآ تاغن ساي سميل
 مفتاكن اي سديا مبري سئوه ۲
 فرتولغن . اي تله منجمو كامي
 دغن مكانن يغ اينق ستله كامي
 منجريتاكن قصه كامي دري اول
 هفك كاخرن .

اي تله مبريتاهو بهوا كامي
 سدغ براد دالم گاوانن دوا فوله
 ليم باتو دري كمفوغ يغ كامي
 هندق توجو ايت . اي تله مئكلكن
 كامي دغن مكانن دان دغن بنزين
 چوكت لالو نمندو كامي دان كامي
 تله سمفي كسان فد تفهاري ايسوق .

فد كاي سوكتن هارين موتور كار
 كامي بر كرق سمولا دان تيدق
 جاوه دري سيتو . كامي دافتي
 ساروغ ۲ فلورو كوسغ ، بهارو كامي
 سدر ، بهوا كسامي روفان سفنجغ
 . تيك هاري تيك مالم بروفويغ
 ديتو ۲ چوكت . كران فد تمغه
 ايتوله كامي منمبق سيفا فد مالم
 كلسارين .

موجرن سنتر كمدين ، كدغران
 كقد كامي اورغ منمبق برفاف
 دس . جاغنده دتان فد كيك ايت
 بكيمان سوكان هاتي كامي . سفرة
 كاتق ۳ كامي سموا تله تر جربة ۲ .
 سايفون موسيغ ستير يغ موتور كار
 منوجو كاره ايت . دسان كامي

جاغن ۲ فول مييق بينزين كهائسن
 مالغن فد وقت ايت . رودا موتور كار
 تله تركلينچير دان تر ماسوق كدالم
 لوبغ يفتله ميبكن كامي تركيال ۲
 مناريقن كلوار . هاري فول سده
 مالم . دان هوجن ماكين تورن
 دغن ليتن . كامي فون ماسوق
 برليندوغ دالم سواه كوا . كامي
 فون ميالاكن اغكون افني ، لالو
 كامي بر كفكغ كران بوله دكناكن
 تيف ۲ شورغ دانتارا كامي سجوق
 مئكيكل .

فد مالم ايت ساي تيدق دافه
 تيدورغ هفك فاكهي . كران سغ
 مهراج سيفا بر كليارن تيدق جاوه
 درفد كامي . فد فاكهي هاري ، ساي
 دافتي ججق بناثغ بواس هان دوا
 فوله كاكي جاوهن درفد كامي .
 كامي فون منمبق امغه ليم ايكور
 ايتيق لالو كامي ففكغ دان تروس
 كامي جاديكن دي فطور كامي فد
 فاكهي ايت .

افيل كامي فرقسا مييق بينزين
 موتور كار كامي . كامي دافتي هان
 منچوكفي انتوه بر جانن دالم
 سفوله باتو سهاج . كيراي ۲ باتو
 ستله كامي منمبكلكن تمغه ايت
 موتور كار كامي تله تربنم رودان
 ددالم تانه يغيرفاي . سهاري
 سوتوق ترقسا كامي بكرج
 بر فلوه ۲ . مناريقن كلوار ، ستله
 تربنم بر كالي ۲ سفنجغ ۲ هاري
 ايت . فد مالم ايت كامي تيدور
 ددالم موتور كار كران هوجن
 تيدق برهنسي ۲ .



بركاون ۲ . رامي ۲ ايت باكوس . سابو سام لا . مين تيدق
 بر كادوه . بر كمتي ۲ . تاك كريتيا .

jangan-jangan pula minyak benzena kehabisan malangnya pada waktu itu, roda motokar telah tergelincir dan termasuk ke dalam lubang yang telah menyebabkan kami terkial-kial menariknya keluar. Hari pula sudah malam, dan hujan makin turun dengan lebatnya. Kami pun masuk berlindung dalam sebuah gua. Kami pun menyalakan unggun api, lalu kami berganggang kerana boleh dikatakan tiap-tiap seorang di antara kami sejuk menggigil.

Pada malam itu saya tidak dapat tidurang² sehingga pagi, kerana sang maharaja singa berkeliaran tidak jauh daripada kami. Pada pagi hari, saya dapati jejak binatang buas hanya dua puluh kaki jauhnya daripada kami. Kami pun menembak empat lima ekor itik lalu kami panggang dan terus kami jadikan dia futūr kami pada pagi itu.

Apabila kami periksa minyak benzena motokar kami, kami dapati hanya mencukupi untuk berjalan dalam sepuluh batu sahaja. Kira-kira sebatu setelah kami meninggalkan tempat itu motokar kami telah terbenam rodanya di dalam tanah yang berpayau. Sehari suntuk terpaksa kami bekerja berpeluh-peluh menariknya keluar, setelah terbenam berkali-kali sepanjang-panjang hari itu. Pada malam itu kami tidur di dalam motokar kerana hujan tidak berhenti-henti.

Pada keesokan harinya motokar kami bergerak semula dan tidak jauh dari situ, kami bergerak semula dan tidak jauh dari situ, kami dapati sarung-sarung peluru kosong, baharu kami sedar, bahawa kami rupanya sepanjang tiga hari tiga malam berpusing di situ-situ juga, kerana pada tempat itulah kami menembak singa pada malam kelmarin.

Mujurnya sebentar kemudian, kedengaran kepada kami orang menembak beberapa das. Janganlah ditanya pada ketika itu bagaimana sukanya hati kami, seperti kanak-kanak kami semua telah terjerit-jerit, saya pun memusing stereng motokar menuju ke arah itu. Di sana kami

dapati seorang tua. Saya pun berjabat tangan dengannya dengan air mata yang berlinang dan hampir-hampir saya mencium tangannya. Ia telah memegang kuat tangan saya sambil mengatakan ia sedia memberi sepenuh-penuh pertolongan. Ia telah menjamu kami dengan makanan yang enak setelah kami menceritakan kisah kami dari awal hingga ke akhirnya.

Ia telah memberitahu bahawa kami sedang berada dalam kawasan dua puluh lima batu dari kampung yang kami hendak tuju itu. Ia telah membekalkan kami dengan makanan dan dengan benzena juga lalu memandu kami dan kami telah sampai ke sana pada tengahari esok.



Berkawan-kawan beramai-ramai itu bagus. Satu sama lain tidak bergaduh – berganti-ganti naik kereta.

² Perkataan yang sebenar tidur

سرب نیگا

(اوله سمیح)

فرايآن یغ ساله هاریبولتن

جکلو ددالم سجاره امریکا اد
فرايآن یغ ساله هاریبولتن مک
هاری فرايآن ایت ایاله بسیر ۲
هاری فرايآن اورغ ۲ امریکن -
هاری فرايآن بنوا مریک مولانا ۲
دهکوهی لثق کدودفکنن .

فونچا تربیتن کبلاهن این
ایاله دسبکن کولومبس تله ججق
کینوا ایت فد 12 اکتوبر منوره
هیتوغن کلیندر لام، تتافی فد تاهون
1752. هیتوغن هاریبولتن تله دتوکر
گفد کیرآن چارا "کریگوری" یغ
منجادیکن ملومفة کهدافن سابق
11 هاری . جلسن 12 هاریبولتن
اکتوبر منوره کیرآن زمان کولومبس
دهولو تله برتمبه 11 هاری لالو
منجادی 23 هاریبولتن اکتوبر منوره
کیرآن هاریبولتن مسیحی یغ مدغ
برجالن سکارغ این . تتافی اورغ ۲
امریکن تتف مریاکن هاری
کولومبس ایت فد تیف ۲ 12
هاریبولتن اکتوبر .

یغ فلیقن ، اشکانتن کولومبس
کامریکا دان جسان مندافه بنوا ایت
تیدق منداتفکن اف ۲ فائده دان
کآتوغن کفدان سلااین درفد
قدربتان دان دوک نستاف .

اورغ ۲ اندیسان میره تله
مبناکتن انق کلاسی کفلن یغتله
دتورنکن مندودفکی کاوانن یغ
مولانا ۲ ددافتن دنوا امریکا . کتوا
فسر تاهن یغتله دلتنیق منجاکت
چجاهن یغکدوا فول تله منودهن
دغن تودهن ۲ یغ جاهه ۲ سمات کران
کتوا ایت حسد دان دغکی کفدان .
اخرن کولومبس تله دتغکف اوله
کتوا ایت لالو دفاروغ دغن رتتی
بسی دان دباوا بالیک کنگری
سفن .

مسکیفون کراجان سفن -
ستله دبچاراکن تله دبیسکن تتافی
کولومبس تتف منغکوغ دوک نستاف
میگرکن فغانیآن یغتله دتریمان
ایت ، لالو مغایغکن دیرین درفد
اورغراغي . ای تله دلوقای اورغ
فد ماس حیاتن ، تیدف مندافه
کحرمانن دان تله ماتنی سبکی
شورغ یغ تیدف برجاس . سلوم
دی منوتف مات ای ستیاس ترا یغه کفد
فاسوغ دان رتتی بسر یغتله دباوان
دری امریکا . دان یغتله برککالن
ترکنتوغ دبیلیکن یغ کچیل ایت
سمنجغ ماس ای مغایغکن دبری
ددالمن .

تیغکل سوات فرکارا یغ ایلوق
دترغکن دین ، منوره فیاستن
یغبتول ، پوکنله کولومبس یغ مولانا ۲
مندافه بنوا امریکا ، بهکن کیرا ۲ لیم
راتوس تاهون تله تردهولو درفدان
شورغ بغسا نوروی برنام "لیف
اریکسون" . تتافی دی این فون
پوکن اورغن یغ مولانا ۲ مندافه بنوا

سلااین درفد ایت منوره
کتران یغتله ددافنی درفد بکس ۲
لام یغتله دکالی دنوا ایت ، بهوا
اد ببراف بغسادری کاوانن لاونتن
فایفیک ، دان ببراف کمفولن دری
قوم فینقی دان مصر توا زمان
فرعون تله مندوهلوهی کیسک ۲
اورغ یغترسوهه داتغ کسیتو .

دمکینله ، مسکیفون بوکنله
کریستوفر کولومبس اورغ یغ
مولانا ۲ مندافه بنوا امریکا ، دان
پوکن جوک کداتفن کسیتو فد
12 اکتوبر - منوره کیرآن بولن یغ
اد سکارغ - تتافی دالم فد ایت
اورغ ۲ امریکن ماسیه بریغک دغن
هاری ایت دان مریاکن !!

* * *

تر کنا کران مابوق فوجی

بنجامین فرنکلن - فریسیدته
امریکا شریکه دهولو - ترکنل
شورغ یغ جاوه فنداغن دان تفة
فراستن . تتکل دتان تتغ رهسیا
کفندانن ایت ای منجواب دغن
چریشا این :

فد سوات هاری - فد ماس سای
کچیل دهولو - دالم فرجلانن
کسکوله ، سای تله برتمو دغن
شورغ توا لالو دی برتان کفد
سای :



(Oleh Samih)

Perayaan yang salah hari bulannya

Jikalau di dalam sejarah Amerika ada perayaan yang salah hari bulannya maka hari perayaan itu ialah sebesar-besar hari perayaan orang-orang American - hari perayaan benua mereka mula-mula diketahui letak kedudukannya.

Punca terbitnya kesalahannya ialah disebabkan Columbus telah jejak ke benua itu pada 12 Oktober menurut hitungan kalendar lama, tetapi pada tahun 1752, hitungan hari bulan telah ditukar kepada kiraan cara "Gregory" yang menjadikan melompat ke hadapan sebanyak 11 hari. Jelasnya 12 hari bulan Oktober menurut kiraan zaman Columbus dahulu telah bertambah 11 hari lalu menjadi 23 hari bulan Oktober menurut kiraan hari bulan Masihi yang sedang berjalan sekarang ini. Tetapi orang-orang Amerika tetap merayakan hari Columbus itu pada tiap-tiap 12 hari bulan Oktober.

Yang peliknya, angkatan Columbus ke Amerika dan jasanya mendapat benua itu tidak mendatangkan apa-apa faedah dan keuntungan kepadanya selain daripada penderitaan dan duka nestapa.

Orang-orang Indian Merah telah membinasakan anak kelasi kapalnya yang telah diturunkan menduduki kawasan yang mula-mula didapatinya di benua Amerika. Ketua pemerintah yang telah dilantik menjaga jajahan yang kedua pula telah menuduhnya dengan tuduhan-tuduhan yang jahat-jahat semata kerana ketua itu hasad dan dengki kepadanya. Akhirnya Columbus telah ditangkap oleh ketua itu lalu dipasung dengan rantai besi dan dibawa balik ke negeri Spain.

Meskipun kerajaan Spain - setelah dibicarakan telah dibebaskan tetapi Columbus tetap menanggung duka nestapa memikirkan penganiayaan yang telah diterimanya itu, lalu mengasingkan dirinya daripada orang rangi¹. Ia telah dilupai orang pada masa hayatnya, tidak mendapat kehormatan dan telah mati sebagai seorang yang tidak berjasa. Sebelum dia menutup mata ia sentiasa teringat kepada pasung dan rantai besar yang telah dibawanya dari Amerika, dan yang telah berkekalan tergantung di biliknya yang kecil itu sepanjang masa ia mengasingkan diri di dalamnya.

Tinggal suatu perkara yang elok diterangkan di sini, menurut penyiasatan yang betul, bukanlah Columbus yang mula-mula mendapat benua Amerika, bahkan kira-kira lima ratus tahun telah terdahulu daripadanya seorang bangsa Norway bernama "Leif Eriksson". Tetapi dia ini pun bukan orangnya yang mula-mula mendapat benua

itu bahkan kira-kira lima ratus tahun dahulu daripada itu seorang sami Buddha dari bangsa Cina bernama "Ho Cheng" telah datang ke situ.

Selain daripada itu menurut keterangan yang telah didapati daripada bekas-bekas lama yang telah digali di benua itu, bahawa ada beberapa bangsa dari kawasan lautan Pasifik, dan beberapa kumpulan dari kaum Phoenicia dan Mesir tua zaman Firaun telah mendahului ketiga-tiga orang yang tersebut datang ke situ.

Demikianlah, meskipun bukanlah Christopher Columbus orang yang mula-mula mendapat benua Amerika, dan bukan juga kedatangananya ke situ pada 12 Oktober - menurut kiraan bulan yang ada sekarang - tetapi dalam pada itu orang-orang Amerikan masih berbangga dengan hari itu dan merayakannya!!

* * *

Terkena Kerana Mabuk Puji

Benjamin Franklin - *President* Amerika Syarikat dahulu - terkenal seorang yang jauh pandangan dan tepat firasatnya. Tatkala ditanya tentang rahsia kepandaianya itu ia menjawab dengan cerita ini:

Pada suatu hari - pada masa saya kecil dahulu - dalam perjalanan ke sekolah, saya telah bertemu dengan seorang tua lalu dia bertanya kepada saya:

¹ Perkataan sebenar adalah orang ramai

— امبوي فندي ييجقن بودق اين!
 سده تشو ساي تله براس بگك
 مندغر فوجين ايت دان منكل
 فراسان ساي ايت تله كتارا كفدان
 ايفون بركات لاکي:

— اداكه باتو فغاهه فيسو درومه
 اتق؟ ساي هندق ايه فيسو اين.
 ساي فون مفاكن اد، لالو ساي
 مياوان كرومه ساي دان منجوفكن
 دي باتو فغاهه (بغيرودا) بغترلتق
 دالم كاواسن رومه ساي دي
 فون تيدق فوتس ۳ موجي ۲ ساي
 دان ساي فول ماكين برتبه مگه
 دان بگك.

دالم فد ايت دورهن ساي
 فوسبگن رودا باتو فغاهه ايت.
 سايفون تيدق منولق فرمنتان!
 مسكيفون كتيك ايت لوجيج سكوله
 ساي — بغتيدق براف جاوه دري
 سبو — تله بر يوبي تهاغي ساي
 تيدق امبيل انده، كران ساي فد
 كتيك ايت ليه سوك لاکي موسبگن
 رودا باتو فغاهه سفاي دافه مندغر
 فوجين ۲ ايت!

افيل دي سلسي فغاهه فيسون،
 ايفون ميغكلكن ساي دغن تيدق
 مغوجنكن بارغ سفاهه فركتان
 تريمه كايه.

دردف كجادين ايت ساي تله
 منداقه فغالمن، بهوا افيل اد اورغ
 موجي ۲ ساي دغن بايقن، مقتهريله
 ساي يغ دي اد مغوراي توجوان دان
 سايك ۲ سهاج برحاصل توجوان
 اتو مقصودن ايت مك اي اكن
 برلاكو تيدق كدل كفد ساي

لاکي

ايقة ۲ زمان سكارغ

باتو فون فندي مغانا

فد سوات هاري ساله شورغ
 فلاوة دري لوار نكري تله ملاوة
 سوات كاواسن يغ فنوه دغن باتو ۲
 بغيرسجاره توا.

اورغ ايت تله تر تاريق هاتين
 كفد سبواه باتو بغتر تولىس داتسن
 عبارة اين: "تولغ باليكنن اكو
 كسبله لاکي!"

اگقن كران اورغ ايت سوك
 فضول ايفون مرافقه دان دغن
 تر كيال ۲ دافله دي ممباليكنن.

اف يغ اد دموك باتو بفسبله
 لاکي ايت: "تاد اف ۲. ملاهين دردف
 سباريس تولىسن بغير يوبي بگيني:
 "سكارغ، باليكنن اكو سولا،
 سفاي اكو دافه مفاكن شورغ بل
 بغلامن فول!"

مانسي مياسه ايكن دان
 بلاجر دردف ايكن

فركارو ۲ يغ كنجبل منسغ بايق
 دالم دنيا كيت اين. مثالن اد سهاج
 فركسارو ۲ يغ لوار بياس يغ دبوته
 اوله مانسي كيت منريعا فرخبران
 بهوا دامريكا شريكة اورغ بغيرعلم
 لاکي فندي سدغ مياسه كلاكوان
 ايكن.

كلاكوان افكه دالم فركرقكن
 ايكن يغ منجادبكن اورغ ۲ يغ

برعلم مهابيسكن ماس مياستن؟
 منوره فرخبران يغ كيت تريعا ايت
 اورغ ۲ فندي اين هندق تاهو
 بگيمان ساتو جنس ايكن بغيرنام
 ايكن "سلمون" دافه منچاري جانن
 باليك كسمفه اي برتلور. دردف
 فياستن مريكيت اورغ ۲ بغيرعلم
 ترسبوه فرچاي بهوا ايكن ايت
 دافه چاري جانن باليك سبب اد
 سجنس باو دالم اير لاوه يغ
 دكالي اوله ايكن ايت، جادي اي
 ايكوه سهاجله باو ايت هفك
 سفني كسمفه برتلور.

افكه سبب اهل ۲ ايت هندق
 تاهو حسال يغ سفرت ايت؟ منوره
 فرخبران دري امريكا اورغ ۲
 بغيرعلم ايت فرچاي جك ايكن
 سلمون دافه منجيوم جانن دلاوه
 باليك كسمفه برتلور مك تيدفله
 مستحيل جك فد ماس هداقن كفل ۲
 سلم اكن مفاكوتاكن اله يغ
 ممبولهكنن منچاري جانن دلاوه
 هان دغن باو اير بغيرلامين ۲ سهاج

لاين دردف ايت دكتاكن اهل ۲
 ساينس امريكا مناره كفرچيان
 بهوا دردف بوتير ۲ يغ مريك دافتي
 دردف كلاكون ايكن فد ماس هداقن
 هاروسله سجنس اوسه بوله دبوته
 باكي فركونان اورغ يغ تر كافر
 دلاوه سفاي اي جاغن دكيكه
 اوله ايكن يو، اورغ ۲ بغيرعلم
 ايت بركات جك اد باو ۲ دالم
 اير لاوه يغ مناريق ايكن مك
 تتوله چوك اد باو ۲ يغ تيدق
 دسوكاي ايكن، دمكينه چريتان.

- Amboi pandai bijaknya budak ini!

Sudah tentu saya telah berasa bangga
mendengar pujian itu, dan manakala
perasaan saya itu telah ketara kepadanya
ia pun berkata lagi:

- Adakah batu pengasah pisau di rumah
anak? Saya hendak asah pisau ini.

Saya pun mengatakan ada, lalu saya
membawanya ke rumah saya dan menunjukkan
dia batu pengasah (yang beroda) yang terletak
dalam kawasan rumah saya. Dia
pun tidak putus-putus memuji-muji saya
dam saya pula makin bertambah megah
dan bangga.

Dalam pada itu disuruhnya saya
pusingkan roda batu pengasah itu.
Saya pun tidak menolak permintaannya.
Meskipun ketika itu loceng sekolah
saya – yang tidak berapa jauh dari
situ – telah berbunyi tetapi saya
tidak ambil endah, kerana saya pada
ketika itu lebih suka lagi memusingkan
roda batu pengasah supaya dapat mendengar
pujian-pujian itu!

Apabila dia selesai mengasah pisaunya,
ia pun meninggalkan saya dengan tidak
mengucapkan barang sepeatah perkataan
terima kasih.

Daripada kejadian itu saya telah
mendapat pengalaman, bahawa apabila ada orang
memuji-muji saya dengan baikny, mengetahuilah
saya yang dia ada mempunyai tujuan dan
sebaik-baik sahaja berhasil tujuan
atau maksudnya itu maka ia akan
berlaku tidak kenal kepada saya

lagi.....

* * *

Ingat-ingat Zaman Sekarang Batu pun Pandai Mengena

Pada suatu hari salah seorang
pelawat dari luar negeri telah melawat
suatu kawasan yang penuh dengan batu-batu
yang bersejarah tua.

Orang itu telah tertarik hatinya
kepada sebuah batu yang tertulis di atasnya
ibarat ini: "Tolong balikkan aku
ke sebelah lagi!"

Agaknya kerana orang itu suka
fudül, iapun merapat dan dengan
terkial-kial dapatlah dia membalikkannya.

Apa yang ada di muka batu yang di sebelah
lagi itu? Tak ada apa-apa, selain daripada
sebaris tulisan yang berbunyi begini:
"Sekarang, balikkan aku semula,
supaya aku dapatkan mengenakan seorang bebal
yang lain pula!"

* * *

Manusia Menyiasat Ikan dan Belajar daripada Ikan

Perkara-perkara yang ganjil memang banyak
dalam dunia kita ini. Misalnya ada sahaja
perkara-perkara yang luar biasa yang dibuat
oleh manusia. Kita menerima perkhabaran
bahawa di Amerika Syarikat orang yang berilmu
lagi pandai sedang menyiasat kelakuan
ikan.

Kelakuan apakah dalam pergerakan
ikan yang menjadikan orang-orang yang

berilmu menghabiskan masa menyiasatnya?

Menurut perkhabaran yang kita terima itu
orang-orang pandai ini hendak tahu
bagaimana satu jenis ikan yang bernama
ikan "salmon" dapat mencari jalan
balik ke tempat ia bertelur. Daripada
penyiasatan mereka itu orang-orang yang berilmu
tersebut percaya bahawa ikan itu
dapat cari jalan balik sebab ada
sejenis bau dalam air laut yang
dikenali oleh ikan itu, jadi ia
ikut sahalalah bau itu hingga
sampai ke tempat bertelur.

Apakah sebab ahli-ahli itu hendak
tahu hal yang seperti itu? Menurut
perkhabaran dari Amerika orang-orang
yang berilmu itu percaya jika ikan
salmon dapat mencium jalannya di laut
balik ke tempat bertelur maka tidaklah
mustahil jika pada masa hadapan kapal-kapal
selam akan menggunakan alat
membolehkan mencari jalan di laut
hanya dengan bau air yang berlain-lainan sahaja.

Lain daripada itu dikatakan ahli-ahli
sains Amerika menaruh kepercayaan
bahawa daripada butir-butir yang mereka dapati
daripada kelakuan ikan pada masa hadapan
haruslah sejenis ubat boleh dibuat
bagi penggunaan orang yang terkapar
di laut supaya ia jangan digigit
oleh ikan yu. Orang-orang yang berilmu
itu berkata jika ada bau-bau dalam
air laut yang menarik ikan maka
tentulah juga ada bau-bau yang tidak
disukai ikan. Demikianlah ceritanya.



31 مع نواه داب امغه اوبع
صالحين سدغ منسوة
علم



30 مع نواه دان كأمنة صالين
موني كيونكة اخلونكو بركورو
كهد سسويغ نواغ مشغور
ايغ علموت



34 اسون برزبان
مبوره مع نواه ماسوق



33 عي مع نواه صدق
ماينكه، صدق ماسوق
كفوع!

33 جيه، مشاف
ديباركي سفاغ
مغامون كسان
كاري مار
ملاخ دار
مكادي، مالم
كريف؟



32 مع مجود سوكيناله لمسه
انفت دابح . لالو
دهفركين كدانغن
بند هار




37 مفاغون مهم اب كنا
كلاث بريله . دا
دكاهن اوله مع نواه



36 دغن جغه مع نواه مالهكر
سكامن مفاغون اب



35 مع نواه سيف
مسي



Hang Tuah dan ke-empat sahabatnya pergi ke bukit Anjalaku berguru kepada seorang tua yang masyhur banyak ilmunya



Hang Tuah dan empat orang sahabatnya sedang menuntut ilmu



Hang Mahmad sukacitalah melihat anaknya datang, lalu dikabarkannya kedatangan Bendahara



Hai Hang Tuah hendak marukuh, tidak masuk kampung!

Ceh, mengapa dibiarkan sahaja mengamuk ke sana ke mari. Mana hulubalang dan pegawai dalam negeri?



Ibunya berteriak-teriak menyuruh Hang Tuah masuk



Hang Tuah siap menanti



Dengan cepat Hang Tuah menyalahkar¹ tikaman pengamuk itu

¹ Perkataan sebenar ialah menyalahkan



Pengamuk jahanam itu kena kepalanya terbelah dan diapak oleh Hang Tuah

افيدى اسلام

سكارغ دسين دترغكن فول بهاگين يفتيك حكم ۲ اتوء ماسيغ ۲
مانسي سمرت ماكن، مينوم، كبرسيهن، فكاين دان لادين ۲۱.

دري اتس فوسه كباوه لوتوه. باكي
فرمفوان بولانن موكان دان تاغنن
سهاج. لادين درفد ايت تيدق بوله.
اين حكم ۲ اكلم، حكم ۲ ايت تيدق
بوله دجادىكن داليه دشن اين
دان ايت.

اي مفادكن فول حكم ۲۱ تننغ
منجاك كبرسيهن، كبرسيهن ايت
سعاد فكاين، رومتهك، مكانن دان
سباگين اوليهكران اي برگون
باكي كسوبران هيدوف دان
كسناغن ديري ماسيغ ۲. سوان اد
ترااتور دشن سفرون دان بايك.
سبب ايت ساله بنر سكيران اورغ
مفتاكن اسلام ايت كوتر دشن مفوكر
كادان ديري اورغ اسلام فد حال
حكم اسلام ميوره مريكتيت بريسه.

حكم ۲ دالم فركارا اين ايله
حكم ۲ يغب مغناي ديري سديري
يغبركاين جوگ دشن حال ۲ يغب
مغناي مشاركه رامى. اورغ تننو
كسر مليه بهوا اورغ اسلام ايت
بريه فكاين، ماكن مينومن مكانن
يغب بايك ۲ دان برگون يغب ده
دتنجوفكن اوله توهن كدمريكتيت.
حكم ۲ اين كالو اتق ۲ فلاجري
نسچاي اتق ۲ اكن منجادي اورغ
يغب بهكيا.

سكينه دهولو دان دالم كفووان
يغانن داغ ماموفكي بهاگين
يغكامقه يغب مغناي اخلاق دان
فراغي بايك باكي ماسيغ ۲ دان
فركاونن.

ديسفن لام اتودفرم مك اي منجادي
مينومن يغب ماموفكن يفتيكه كيت
مينومن سبب اي اكن مغيهغكن عقل
فيكران كيت سباكي مانسي. تنافي
اقبيل دديمكن اشكور ايت مك اي
بوله منجادي چوك يغب حلال فول
كيت ماماكن تنافي چوك ايت حرام
كالو تنكك هندق منجاديكنن
دلتنكن سوات بارغ كدالمن -
يهني تيدق دشن جادين سديري.

ايت ايله مثال ۲ تننغ كتننوان
حكم ۲ دالم فركارا مكانن. ماري
كيت باوا تننغ فكاين. فكاين ايت
اداله دكوناكن باكي منوتف عورة.
سده ترعاده باكي مانسي تيدق اكن
مانيس دفتدغ كالو تيدق اد سهلي
يغب فون منوتف عورتن. سبب ايت
اسلام منتونن فكاين يغبداكي اوله
للاكي دان يغبداكي اوله فرمفوان.
كتننوان ايت بوكن چورقن، بوكن
بنتوقن - ايت تيدق دتنونن اوله.
حكم ۲ اسلام. تنافي يغبتنونن
اوليهن ايله سغني دمان حدن
سكورغ ۲ منوتف اشكوت بدان.
باكي للاكي يغب موليقن سكورغ ۲۱

مانسي ايت بزكهندق كفد ماكن
دان مينوم، برفكاين دان كفد كبرسيهن.
بواه ايت دادكن حكم ۲۱ دان
فراوران ۲۱ يغب موليق دان برفاوده
كفد ديري سديري سرت كسورنن
يغانن داغ. كيت اورغ اسلام
تيدق دبشركن ماماكن سموا بند ۲۱
بغاد اتوبه بوله دماكن، دكجواليكن
كالو كادان كيت ددالم ضروره
بايت فد ماس ايت تيدق ساتومكانن
فون يغب بوله كيت ماكن اتوء
ملفسكن كيت درفد ماتني كبولر.
اكلام اسلام منتونن حكم ۲ تننغ
مكانن ايت. امفمان تيدق سموا
بناغ يغب بوله كيت ماكن. بناغ ۲
يغبركو كو دان برتار يغب تنگه كيت
ماماكن. اوغكس يغب ماكن ميسير
جوگك تيدق دبشركن كيت ماماكن.
اد بايق تنگاهن ۲ دالم فركارا اين.
جوگك مينومن ۲ تيدق سموا
كيت بوله مينومن. اد سفادن يغب
ملولسكن كيت مينومن دان اد فول
تنگاهن ۲ مينومن. كالو دفرهاتي
بهوا بواه اشكور ايت اصلن حلال -
كيت بوله ماماكن براف بايق
سكاليفون. تنافي كالو اشكور ايت

Apa Dia Islam

Sekarang di sini diterangkan pula bahagiannya yang ketiga hukum-hukum untuk masing-masing manusia seperti makan, minum, kebersihan, pakaian dan lain-lainnya.

Manusia itu berkehendak kepada makan dan minum, berpakaian dan kepada kebersihan. Buat itu diadakan hukum-hukumnya dan peraturan-peraturannya yang molek dan berfaedah kepada diri sendiri serta keturunan yang akan datang. Kita orang Islam tidak dibenarkan memakan semua benda-benda yang ada atau yang boleh dimakan, dikesualikan kalau keadaan kita di dalam darurat iaitu pada masa itu tidak satu makanan pun yang boleh kita makan untuk melepaskan kita daripada mati kebulur.

Agama Islam menentukan hukum-hukum tentang makanan itu. Umpamanya tidak semua binatang yang boleh kita makan. Binatang-binatang yang berkuku dan bertaring ditegah kita memakannya. Unggas yang makan menyambar juga tidak dibenarkan kita memakannya. Ada banyak tegahan-tegahan dalam perkara ini. Juga minuman-minuman tidak semua kita boleh meminumnya. Ada sempadan yang meluluskan kita meminumnya dan ada pula tegahan-tegahan meminumnya. Kalau diperhati bahawa buah anggur itu asalnya halal – kita boleh makan berapa banyak sekalipun. Tetapi kalau anggur itu

disimpan lama atau diperam maka ia menjadi minuman yang memabukkan yang ditegah kita meminumnya sebab ia akan menghilangkan akal fikiran kita sebagai manusia. Tetapi apabila didiamkan anggur itu maka ia boleh menjadi cuka yang halal pula kita memakannya tetapi cuka itu haram kalau tatkala hendak menjadikannya diletakkan sesuatu barang ke dalamnya – yakni tidak dengan jadinya sendiri.

Itu ialah misal-misal tentang ketentuan hukum-hukum di dalam perkara makanan. Mari kita bawa tentang pakaian. Pakaian itu adalah digunakan bagi menutup aurat. Sudah teradat bagi manusia tidak akan manis dipandang kalau tidak ada sehelai benang pun menutup auratnya. Sebab itu Islam menentukan pakaian yang dipakai oleh lelaki dan yang dipakai oleh perempuan. Ketentuan itu bukan coraknya, bukan bentuknya – itu tidak ditentukan oleh hukum-hukum Islam. Tetapi yang ditentukan olehnya ialah sampai di mana hadnya sekarang-kurang menutup anggota badan. Bagi lelaki yang moleknnya sekarang-kurangnya

dari atas pusat ke bawah lutut. Bagi


perempuan bulatan mukanya dan tangannya sahaja. Lain daripada itu tidak boleh.

Ini hukum-hukum agama. Hukum-hukum itu tidak boleh dijadikan dalih dengan ini dan itu.

Ia mengadakan pula hukum-hukumnya tentang menjaga kebersihan. Kebersihan itu sama ada pakaian, rumah tangga, makanan dan sebagainya oleh kerana ia berguna bagi kesuburan hidup dan kesenangan diri masing-masing. Semuanya ada teratur dengan sempurna dan baik. Sebab itu salah benar sekiranya orang mengatakan Islam itu kotor dengan mengukur keadaan diri orang Islam padahal hukum Islam menyuruh mereka itu bersih.

Hukum-hukum di dalam perkara ini ialah hukum-hukum yang mengenai diri sendiri yang berkaitan juga dengan hal-hal yang mengenai masyarakat ramai. Orang tentu gemar melihat bahawa orang Islam itu bersih pakaiannya, makan minumannya makanan yang baik-baik dan berguna yang sudah ditunjukkan oleh Tuhan kepada mereka itu. Hukum-hukum ini kalau anak-anak pelajari nescaya anak-anak akan menjadi orang yang berbahagia.

Sekianlah dahulu dan dalam keluaran yang akan datang memasuki bahagiannya yang keempat yang mengenai akhlak dan perangai baik bagi masing-masing dan pergaulan.



ببلاغن 7

اوله "ابغ اودا"

دالم ببلاغن ببلاغو، "ابغ اودا"،
تله مواتكن ليم سواين ببغ تيك
درفدان سواين كيرا ٢١ . بارشكالي
اد داتارا ادبق ٢ ببغ نادافه
منجاري جوافن ٢٢ ببغ بتول .
ليهنله جوافن ٢٣ ببغ بتول دهوجغ
رواغن اين برسام ٢ جوافن دوا
سواين لاکي .

دباوه اين "ابغ اودا" مواتكن
لاکي 5 سواين دان جوباله جواب:-
(1) بکيمانکه بوله کمت
اتور امقه اٹک 8 دان مگو ناکن
تندا چمغور اتو تندا تولق اتو
فون تندا ضرب سفای جملهن 100 .

(2) افکه اٹک ببغ فالبغ
کچيل مکالي بوله دهباکيکن دغن
15-12 دان دغن تيدق برليهن .

(3) افکه نام دوا اورغ
فنداکی کونخ ببغ بهارو ٢٠ اين
برجاي منداکی ککمونچ کونخ
هيمالايا دان افکه ببسا مريک .

(4) فد براف هارپولن دان
دالم تاهون برافکه فرتوکيس
ميرغ کوت ملاک کالي بھکدوا؟

(5) افکه لاوتن ببغ فالبغ
بسر سکالي دالم دنيا اين؟ برافکه



دالم بهاکين ببلاغو دالم رواغن اين انق ٢ تله دباو برکتان دغن
دليل ٢ ادان الله دغن کتران ٢ ببغ ساغه موده . ددالم دليل ٢ ايت انق ٢
دافه فراهيکن بهوا کيت مستي يقين دان فرجاي ببغ الله ايت اد . انق ٢
تنتو اکن برنان دري ماس ببلاکه الله ايت تله اد . فرتيان اين تنتو بئر
يايت ادکه الله ايت سدیا اد اتو اي منداتغ يعني دغن اد فرمولان .


کالو اي بهارو تنتو اد ببغ
منجاديکن - بتول اف تيدق انق ٢ .
سده تاهو کالو اد سوات ببغ
دجاديکن مک سده تنتو اي بوکن
الله . الله ايت ببغ منجاديکن - بوکن
اي دجاديکن! اي تيدق دجاديکن .
سکارغ انق ٢ سده تاهو بهوا الله
ايت تيدق دجاديکن تنافي اي
ببغ منجاديکن!

انق ٢ مستي ابغه بهوا الله ايت
تيدق دجاديکن اوله سياف تنافي
الله ايت اد دغن تيدق اد فرمولان .
ددالم بهاس عرب "اداله ايت سدیا"
دسوة قديم يعني الله ايت برصفة
سدیا .

له لنجوة انق ٢ بوله تان سام
کورو انق ٢ تنتغ اين . انق ٢ مستي
لتقکن ددالم هاتي ببغ توغن سده
سدیا اد . اي تيدق منداتغ سهاج .
اي سمیغن اد ببلوم سک ٢ اد دان
تيدق اد سوات ببغ منجاديکن .
انق ٢ فهمکن بتول ٢ فرکارا اين!

الله ايت سدیا اد درفد ماس ببغ
تيدق اد فرمولان . اي اد دغن
تيدق فرمولان دان تيدق اکن
برکسدهن . انق ٢ تنتو اکن برنان
اف سالهن کالو کيت کتاکن الله
ايت تيدق سدیا؟
الله تيدق سدیا ايت . انق ٢ .
اداله سوات فرکارا ببغ مستحيل!
کران کالو اي تيدق سدیا سده
تنتو اد ببغ منجاديکن . کالو اد
ببغ منجاديکن سده تنتو اي بهارو .
کالو کيت برکات الله تيدق سدیا
برمعني اد فرمولان الله .

ددالم کتران ٢ ببلاغو سده
دبري بهوا اي اد . دان اي تيدق
دجاديکن اوله سوات . اي تله اد
دان کالو اي تيدق سدیا اد تنتو
اد فرمولان - اي بوکن؟
کالو اد فرمولان ازين اي
دمولاي سوات مک تنتو انق ٢ .
اکن دفتي اي منجادي ساتو بندا
ببغ بهارو ، ببغ دهولو درفدان .



Bilangan 7 Oleh “Abang Uda”

Dalam bahagian yang lalu dalam ruangan ini anak-anak telah dibawa berkenaan dengan

dalil-dalil adanya Allah dengan keterangan-keterangan yang sangat mudah. Di dalam dalil-dalil itu anak-anak

dapat perhatikan bahawa kita mesti yakin dan percaya yang Allah itu ada. Anak-anak

tentu akan bertanya dari masa bilakah Allah itu telah ada. Pertanyaan ini tentu benar

iaitu adakah Allah sedia ada atau Ia mendatang yakni dengan ada permulaan.

Allah itu sedia ada daripada masa yang tidak ada permulaannya. Ia ada dengan tidak permulaan dan tidak akan berkesudahan. Anak-anak tentu akan bertanya apa salahnya kalau kita katakan Allah itu tidak sedia?

Allah tidak sedia itu, anak-anak, adalah suatu perkara yang mustahil! Kerana kalau Ia tidak sedia sudah, tentu ada yang menjadikan-Nya. Kalau ada yang menjadikan-Nya sudah tentu Ia baharu. Kalau kita berkata Allah tidak sedia bermakna ada permulaan Allah.

Di dalam keterangan-keterangan yang lalu sudah diberi bahawa Ia ada, dan Ia tidak dijadikan oleh sesuatu. Ia telah ada dan kalau Ia tidak sedia ada tentu ada permulaan-Nya – iya bukan?

Kalau ada permulaan ertinya ia dimulai sesuatu maka tentu anak-anak akan dapati Ia menjadi satu benda yang baharu, yang ada dahulu daripada-Nya.

Kalau Ia baharu tentu ada yang menjadikannya – betul apa tidak anak-anak.

Sudah tahu kalau ada sesuatu yang

dijadikan maka sudah tentu ia bukan

Allah. Allah itu yang menjadikan – bukan

Ia dijadikan! Ia tidak dijadikan.

Sekarang anak-anak sudah tahu bahawa Allah

itu tidak dijadikan tetapi Ia

yang menjadikan!

Anak-anak mesti ingat bahawa Allah itu

tidak dijadikan oleh sesiapa tetapi

Allah itu ada dengan tidak ada permulaan-Nya.

Di dalam bahasa Arab “adalah itu sedia”

disebut qadim yakni Allah itu bersifat

sedia.

Lebih lanjut anak-anak boleh tanya sama

guru anak-anak tentang tentang ini. Anak-anak

mesti letakkan di dalam hati yang Tuhan sudah

sedia ada. Ia tidak mendatang sahaja.

Ia sememangnya ada sebelum segala-galanya ada dan

tidak ada sesuatu yang menjadikan-Nya.

Anak-anak fahamkan betul-betul perkara ini!

Dalam bilangan yang lalu, “Abang Uda”

telah memuatkan lima soalan yang tiga

daripadanya soalan kira-kira. Barangkali

ada di antara adik-adik yang tak dapat

mencari jawapan-jawapannya yang betul.

Lihatlah jawapan-jawapannya yang betul di hujung

ruangan ini bersama-sama jawapan

dua soalan lagi.

Di bawah ini “Abang Uda” memuatkan

lagi 5 soalan dan cubalah jawab:-

(1) Bagaimanakah boleh kita

atur empat angka 8 dan menggunakan

tanda campur atau tanda tolak atau

pun tanda darab sampai jumlahnya 100.

(2) Apakah angka yang paling

kecil sekali boleh dibahagikan dengan

12, 15 dan 25 dengan tidak berlebihan.

(3) Apakah nama dua orang

pendaki gunung yang baharu-baharu ini

berjaya mendaki ke kemuncak gunung

Himalaya dan apakah bangsa mereka.

(4) Pada berapa hari bulan dan

dalam tahun berapakah Portugis

menyerang Kota Melaka kali yang kedua?

(5) Apakah lautan yang paling

besar sekali dalam dunia ini? Berapakah

انق تاني

فانكي هاوا ديقين مېرم روما
د كالامندنگكور ليما. سيفكف باغون
سكرا
دي. كاون ۲ دان سموا موليه تناك
مباوا فركاكس تاجق، جفكول
دفيكول

انق تاني بغ مندر يتا.
مرچيق ۲ فلوه مېوتير جريه تناك
اله منجادي سكل روف
انتوء كفلوان هيدوف دديتا
برجواغ، برجواغ انق تاني كاكة
تاكيرا هوجن دان فانس
بوتير فلوه فنمه جيتا ۳
انق تاني مسكين دان هينا
مانكه فميمقين بغ بميلا ؟
بميلا تاني اكن بربقتي
لكس بيلا، لكس مارا.
كران تناك تاني بركون
كفد بفسا دان تانهابز
انتوء منوجو كمموران برسام.
- حسن دايم. مانغ فابسر هوجغ،
فيرق.

واغ

بيلا اد واغ راميله كاون
كمان فركي لالو دايكوتكن
لاون فون منجادي تمسن
كران واغ، سموا تر تاون

منجاري واغ ميغله سوسه
فرنه جوكت مرومق مروسه
تيدق كيرا افكه عاقبه
تكل انتوء فربلنجان نفقه

سياغ مالم ستمياس مروغووة
سب واغ تيدق دافه دفوغووة
دماكي دهرديق كفساي كدكوه
كران واغ مريك تادافه دربووة

تافي رامي فول دري كيت سموا
مبواغ واغ دغن سسيا
انتوء ملفسكن نفسو دان هوا
تيدق مغيغتكين عذاب سيقسا
اوله ايت كفداديق ۲. كوهار فكن
بيلا دافه واغ جاغمله دهابيسكن
هندقله دجاك دان ديسفن
سفاي سلامة سرت امان.

- ع. ر. صدقي، ترغكانو.

لواسن پان برف كاكيكه دالمن
جك دهيتوغ فنجغ؟

جوافن ۳ بغ بتول باكي
سوالن ۲ دالم بيلاغن 6 اداله
سغرت برايكووة -

(1) 888

88

8

8

8

جملهون 1,000

(2) $(5 \times 5) \times (5 \times 5)$

(3) $99 \frac{9}{9}$

(4) تليك برا.

(5) امس - در اوب، فهغ.

ارغباتو - دباتو ارغ. بلاغور.

بيجيه تيمه - دكيتنا، فيرق.

باف بوريق انق رنتيق

چينكو تله برتان كفد شورغ
مريدن بغ بفان تركل شورغ
لو كيق:

- مة، كالو اغكو اد 6 بيجي
مفكيس، لالو اكو منتا 3 بيجي،
براف تيفكل؟

- انم بيجي چينكو!

- بگيمان بوله تيفكل سباق
ايت، فد حال اغكو سده بريكن
اكو 3 بيجي؟

- ادهه ساي كيلا، مك ساي
بوله بريكن بواه ايت كفد چينكو؟



فنتون ۲ سدغ بمراهنيكن سفورة سكو له كوت راج يفدادكن
دخادغ سكو له كيلغ بهارو ۲ اين - كمبر كانق ۲.

luasnya dan berapa kakikah dalamnya
jika dihitung panjang?

Jawapan-jawapan yang betul bagi
soalan-soalan dalam bilangan 6 adalah
seperti berikut:-

(1)	888
	88
	8
	8
	8
	Jumlahnya 1,000

(2) $(5 \times 5) \times (5 \times 5)$

(3) $99 \frac{9}{9}$

(4) Tasik Bera

(5) Emas – di Raub, Pahang.

Arang batu – di Batu Arang, Selangor.

Bijih timah – di Kinta, Perak.

Bapa Borek Anak Rintik

Cikgu telah bertanya kepada seorang
muridnya yang bapanya terkenal seorang
lokek:-

- Mat, kalau engkau ada 6 biji
manggis, lalu aku minta 3 biji,
berapa tinggal?

- Enam biji cikgu!

- Bagaimana boleh tinggal sebanyak
itu, padahal engkau sudah berikan
aku 3 biji?

- Adakah saya gila, maka saya
boleh berikan buah itu kepada cikgu?

Wang

Bila ada wang ramailah kawan
Ke mana pergi selalu diikutkan
Lawan pun menjadi teman
Kerana wang, semua tertawan

Mencari wang memanglah susah
Pernah juga merompak merusuh
Tidak kira apakah akibah!¹
Tegal untuk perbelanjaan nafkah

Siang malam sentiasa merungut
Sebab wang tidak dapat dipungut
Dimaki diherdik kepada si kedekut
Kerana wang mereka tak dapat direbut

Tapi ramai pula dari kita semua
Membuang wang dengan sesia
Untuk melepaskan nafsu dan hawa
Tidak mengingatkan azab seksa

Oleh itu kepada adik-adik, ku harapkan
Bila dapat wang jangannya dihabiskan
Hendaklah dijaga dan disimpan
Supaya selamat serta aman.

- A.R. Sidqi, Terengganu

Anak Tani

Pagi hawa dingin menyeram roma,
di kala mendengkur lena. Singkap bangun
segera

dia, kawan-kawan dan semua memulih tenaga
membawa perkakas tajam, cangkul
dipikul

anak tani yang menderita.
Merecik-recik peluh membutir jerih tenaga
alat menjadi segala rupa
untuk keperluan hidup di dunia
berjuang, berjuang anak tani gagah
tak kira hujan dan panas
butir peluh penambah cita-cita
anak tani miskin dan hina
manakah pemimpin yang membela?
Membela tani akan berbakti
lekas bela, lekas mara,
kerana tenaga tani berguna
kepada bangsa dan tanah air,
untuk menuju kemakmuran bersama.


- Hasan Daim, Matang Pasir Hujung,

Perak





Penonton-penonton sedang memerhatikan sport Sekolah Kota Raja yang diadakan
di Padang Sekolah Geylang baharu-baharu ini. – Gambar Kanak-Kanak.

¹ Akibat



هاري ايبو باف دان اولان تاهون يفتوجه باكي سكله رعية
"مدرسه جارية اسلاميه" فاسير فنجيج، يفا دكن فذ هاري احد 12 جوالي يفالو.





Hari Ibu Bapa dan Ulangan Tahun yang ketujuh bagi Sekolah Rakyat

"Madrasah Jariah Islamiah" Pasir Panjang, yang diadakan pada hari Ahad 12 Julai yang lalu.



سفورة سگوله ملايو دفادغ كيلغ




سفورة سگوله ملايو كيلغ تله دادکن
 دفادغ سگولهن فته اول اوکسه يغاللو.
 زامي ايو باف تله حاضر ميکسين. کمبر
 کيري اتس: اورغتوا ۲ معميل بهاگين دالم
 فرادوان تازيق نالي. کانن: فاموکن ۲ يغ
 معميل بهاگين. کيري: فنتون ۲ قوم ايو
 تله برسو کجيت مليه فرادوان ايت.



کمبر کيري اتس: فاموکن يغ جاي
 دغن هديه ۲۰. کانن اتس: فنتون ۲ بدغ
 مليه دان برسورق مگالفکن راکن ۲ يغ
 برتد يغ. کيري: مريک برسو کجيتا مليه
 کجيان راکن ۲ - کمبر کانق ۲.

Sport Sekolah Melayu di Padang Keylang¹



Spoti Sekolah Melayu Geylang telah diadakan di padang sekolahnya pada awal Ogos yang lalu. Ramai ibu bapa telah hadir menyaksikannya. Gambar kiri atas: Orang-orang tua mengambil bahagian dalam peraduan tarik tali. Kanan: Pasukan-pasukan yang mengambil bahagian. Kiri: Penonton-nonton kaum ibu tengah bersukacita melihat peraduan itu.



Gambar kiri atas: Pasukan yang jaya dengan hadiah-hadiahnya. Kanan atas: penonton-nonton sedang meliha dan bersorak menggalakkan rakan-rakannya yang berunding. Kiri: mereka bersukacita melihat kejayaan rakan-rakannya – Gambar Kanak-Kanak.



¹ Perkataan sebenar ialah Geylang